

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6 Selasa 25 April 2017

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
Menjunjung Kasih Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	(Halaman 1)
MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN	
LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 22)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Dato' Khairudin Samad</i>	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017	(Halaman 162)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA
Iasnin, 25 April 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**MENJUNJUNG KASIH PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini bersidang semula pada hari ini Selasa, 25 April 2017 setelah bercuti umum sehari, bersempena Istiadat Pertabalan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Pertabalan Baginda yang berlangsung dengan penuh istiadat di Balairung Seri Istana Negara Malaysia telah selamat disempurnakan semalam mengikut tradisi Kesultanan Melayu pada suatu tarikh yang signifikan bagi masyarakat dunia Islam yang menyambut Israk Mikraj pada tarikh yang sama.

Sebagai Ahli Dewan, marilah kita bersama-sama memberi isi dan makna kepada Titah Baginda yang menggariskan peri pentingnya nilai akhlak, moral dan etika yang baik serta keperluan untuk kita menyedari tanggungjawab pada negara dan menjadi insan yang mulia dan luhur serta berilmu dan berpekerja tinggi.

Semoga Tuhan Yang Maha Kuasa melanjutkan usia Baginda, serta memberi taufik dan hidayah untuk Baginda mencerminkan prinsip keadilan dan kesaksamaan sepanjang pemerintahan bagi memakmurkan dan menyejahterakan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Daulat Tuanku! Daulat Tuanku! Daulat Tuanku! *[Tepuk]*

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara, mengikut Jadual Keenam, dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 21 April 2017:

1. Yang Berhormat Senator Dato' Lee Chee Leong;
2. Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim;
3. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif; dan
4. Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah 'standard' penapisan ke atas filem-filem luar dan tempatan, yang berunsur lucah dan negatif yang ditayangkan di kaca televisyen, di pawagam dan di laman sesawang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan penapisan filem-filem luar dan tempatan bagi menghindarkan filem yang berunsur lucah dan negatif.

Sehubungan itu, saya memohon untuk menjawab soalan tersebut bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty di nombor 28 berhubung dengan syarat penapisan filem oleh Lembaga Penapis Filem (LPF).

LPF melaksanakan tugas penapisan filem berdasarkan kepada peruntukan undang-undang iaitu Akta Penapisan Filem 2002. Di samping itu, LPF menonton tapis dan menilai sesebuah filem berdasarkan kepada Garis Panduan Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri yang menggariskan empat aspek utama iaitu:

- (i) keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) keagamaan;
- (iii) sosiobudaya;
- (iv) ketertiban dan ketatasusilaan.

Pada dasarnya, tayangan sebarang filem lucah adalah dilarang sama sekali kerana bertentangan dengan aspek keagamaan, sosiobudaya dan ketertiban serta ketatasusilaan. Seksyen 5, Akta Penapisan Filem 2002 menetapkan tiada seorang pun boleh ada atau menyebabkan dirinya ada dalam milikan, jagaan, kawalan dan pemunyaannya, menyebarkan, menayangkan, mengedarkan, mempamerkan, membuat, mengeluarkan, menjual atau menyewakan apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang lucah atau yang selainnya bertentangan dengan kesopanan awam.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi tayangan filem di pawagam dan stesen televisyen, adegan yang dianggap keterlaluan dan melampau serta tidak menepati empat aspek utama penapisan filem akan diubah sewajarnya atau tidak diluluskan oleh LPF. Dalam hal ini, filem-filem yang ditonton tapis oleh LPF juga akan

diklasifikasikan mengikut kesesuaian had umur penonton iaitu pada kategori umum, kategori P13 dan kategori 18.

■1010

Bagi stesen televisyen Astro dan Media Prima, walaupun kedua-dua stesen TV tersebut melaksanakan tapisan kendiri bersyarat melalui perintah pengecualian di bawah Akta Penapisan Filem 2002, penapisan yang mereka laksanakan juga tertakluk kepada garis panduan penapisan filem yang dipakai oleh KDN. Dasar dan syarat penapisan filem dalam bentuk konvensional tersebut dilaksanakan oleh LPF bagi kedua-dua jenis filem tempatan dan juga filem import. Bagi kawalan terhadap kandungan termasuk filem yang ditayangkan dan disebarluaskan secara dalam talian melalui laman sesawang, ianya adalah di bawah kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM).

Seksyen 21 Akta Penapisan Filem 2002 membenarkan penerbit dan pengedar filem yang terkilan dengan keputusan LPF untuk mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Filem (JKRF) yang dikendalikan oleh KDN sebagaimana yang dilakukan oleh penerbit filem, “*Beauty and the Beast*.” Pada awalnya filem tersebut adalah ditonton tapis oleh LPF dan diberikan keputusan lulus dengan pengubahan, dengan klasifikasi P13. Walau bagaimanapun, pihak pengeluar filem tersebut tidak bersetuju dengan keputusan LPF dan mengemukakan rayuan kepada JKRF.

Selanjutnya JKRF telah menonton tapis serta meneliti semula filem tersebut dan seterusnya memberi keputusan lulus bersih dengan klasifikasi P13. Saya hendak maklumkan Dewan bahawa ahli-ahli JKRF ini adalah merupakan orang awam yang dipilih oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menjalankan tugas rayuan kepada penerbit yang tidak puas hati keputusan LPF. Kewujudan LPF dan JKRF secara berasingan berdasarkan kepada undang-undang iaitu Akta Penapisan Filem 2002 yang menunjukkan terdapatnya elemen semak dan imbang, *check and balance*, dengan izin, dalam proses penapisan filem di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Suhami bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ya saya faham kita ada LPF, kita ada FINAS dan sebagainya membuat penapisan filem-filem yang dikeluarkan di Malaysia ataupun yang hendak masuk ke dalam Malaysia ini.

Akan tetapi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok *Amazon*, *Netflix* dan kalau kita tengok dua-dua ini tidak ada penapisan yang dibuat malah seks secara terbuka dan dari segi agamanya tidak ada *control* dari segi agamanya langsung. Kadang-kadang sehingga kita juga malu kalau anak-anak kita buka *Netflix* atau *Amazon* untuk melihat filem-filem ini. Sedangkan di Malaysia kita buat penapisan yang sampai lutut pun tidak boleh tunjuk. Tidak boleh tunjuk Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ke mana filem kita ini hendak pergi kalau itu yang dipersoalkan dan saya tengok filem *Ong Bak*, cerita daripada Thailand, *Ong Bak. It's international*, telah menang *so many awards*. Ceritanya begitu *simple*, menunjukkan perperangan tradisional di Thailand dan mereka sedang lobi untuk hendak masuk dengan *Netflix*. Begitu juga dengan *European Unions*. Mereka sedang lobi supaya *Netflix* ambil *channel TV* di *Europe* supaya dimasukkan kepada *Netflix* supaya dia menjadi

international dan kita masih lagi belum ke arah itu, masih lagi dok buat *censorship* lutut dan sebagainya.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya faham, LPF, Kementerian Dalam Negeri memang berkuasa menapis ini dan SKMM pula, KKMM akan menapis *Amazon* dan *Netflix*. Adakah kerjasama di antara kedua-dua kementerian ini ataupun *future* untuk hendak disatukan supaya *Netflix*, *Amazon* dan juga video-video yang dihantar ini dapat ditapis dan juga filem-filem yang akan masuk akan ditapis dan diberi kebenaran ataupun lobi kepada *Netflix* supaya filem-filem terkenal di Malaysia, “*Ombak Rindu*”, contohnya...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Best movie*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat faham kot.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat yang faham kedudukan Kementerian Dalam Negeri dalam hal ini. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk memastikan semua filem yang ditayangkan kepada awam. Maknanya di panggung wayang dan di TV adalah ditapis kerana ia merupakan siaran televisyen yang percuma. Berbanding dengan *Netflix* dan juga *Amazon* di mana penonton hendaklah membayar *subscription* iaitu satu yuran untuk mendapatkan akses kepada *channel* tersebut.

Jadi di sini kita mengambil dasar bahawa kalau siaran terbuka, kita kena tapis apa-apa yang disiarkan dalam siaran terbuka tersebut. Akan tetapi dalam soal siaran yang berbentuk *subscription* ini, itu terpulang kepada mereka yang membayar yuran tersebut untuk mengenakan *self censorship* lah dan maknanya kalau ada anak-anak kecil yang bawah umur yang terbuka kepada siaran tersebut, siaran dalam bentuk *subscription* ini, maknanya ibu bapalah kena buat tanggungjawab tersebut untuk memastikan bahawa anak mereka tidak melihat filem-filem yang berunsur yang tidak sesuai ini.

Kedua, kita pun di LPF dulu, dia punya cara dia senang saja, sama ada lulus atau tidak. Akan tetapi demi untuk memberikan kebebasan kepada rakyat, kita menukar cara kita menapis filem daripada lulus atau tidak kepada kategori-kategori yang saya sebutkan tadi. Maknanya kalau betul-betul lucah dan tidak sesuai, kita haram.

Kedua, kalau ada sedikit unsur yang tidak sesuai, yang berbentuk seks dan sebagainya, kita kenakan *rating* 18. Maknanya hanya orang dewasa lepas umur 18 tahun sahaja boleh menonton dan lepas itu adalah kategori 16 dan kategori 13 ya. Lepas itu kategori yang umum. Jadi kita juga memberikan kebebasan kepada rakyat. Kita faham bahawa rakyat perlu membuat keputusan sendiri mengenai hal-hal yang berkenaan dengan penggunaan mereka sendiri dan soal penapisan *Amazon* dan *Netflix*, itu memang tidak mungkin kerajaan mempunyai keupayaan untuk menapis siaran tersebut kerana mereka sumber ataupun pancaran ataupun siaran yang dibuat itu di luar daripada sempadan negara kita. Jadi kita tidak mungkin boleh mengenakan apa-apa tindakan kepada mereka.

Sekarang ini pun Yang Berhormat, video ini sudah bukan lagi daripada *Netflix* ataupun daripada *Amazon* yang perlu dibayar yurannya. Sekarang ini dalam *Facebook* pun dalam *Youtube* sendiri itu pun sudah kita, sudah disiarkan secara percuma. Masalahnya bagaimana kita hendak mengawal selia kandungan yang disiarkan secara video dan sebagainya oleh *Facebook* dan *YouTube* kerana ia merupakan siaran yang terbuka dan percuma. Ini cabaran yang kita hadapi sekarang ini dan macam Yang Berhormat kata tadi apakah kerjasama yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri dan juga KKM dalam menangani hal ini. Memang kita sentiasa berbincang mengenai cara-cara untuk mengatasi masalah ini dan pada setakat ini kaedah yang kita gunakan hanyalah untuk menghantar surat kepada- mengutuskannya surat kepada *Facebook* kah ataupun *YouTube*...

Seorang Ahli: *[Telefon bimbit berbunyi]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tengok, susah. Saya tengah bercakap pun telefon boleh berbunyi. Jadi siapa entah hantar, saya pun tidak tahu... *[Ketawa]* Jadi itulah setakat ini cara yang kita buat iaitu untuk menghantar surat. Akan tetapi kalau perkara tersebut tidak diendahkan oleh *Facebook* kah ataupun *YouTube*, maka mereka tidak akan ambil tindakan. Akan tetapi soalnya adalah sekarang ini pun dalam dunia sudah ada gerakan kepada mengenakan satu norma ataupun satu keadaan yang sopan kepada mana-mana siaran ataupun video yang dikeluarkan oleh *Facebook* ataupun *YouTube* itu sendiri. Jadi itulah jawapan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Silakan.

2. Datuk Haji Abidullah bin Salleh minta Menteri Pendidikan menyatakan, statistik peratusan pencapaian akses dan kelajuan internet di semua sekolah seluruh Malaysia terutamanya sekolah luar bandar dan adakah perkembangan ini selari dengan hasrat kementerian dalam anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran.

■1020

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, statistik pada 17 Mac 2017 menunjukkan 10,182 sekolah di seluruh negara telah dibekalkan dengan perkhidmatan internet kelajuan jalur lebar 15mbps, 10mbps, 6mbps dan 2mbps. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,050 buah ataupun 69.24 peratus ialah sekolah di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), Kementerian Pendidikan Malaysia sedang bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengenal pasti pendekatan yang paling optimum untuk merangkaikan semua sekolah, termasuk yang berada di luar bandar dan pedalaman untuk dinaiktarafkan kepada rangkaian berkelajuan tinggi. Selain daripada itu, KPM telah mengambil langkah meningkatkan pengalaman pengguna melalui penjadualan mantap penggunaan jalur lebar serta penyediaan kemudahan *cache* di sekolah-sekolah lebar jalurnya belum dinaiktarafkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniahlah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengadakan jaringan infrastruktur tentang internet ini di dalam bandar dan juga di luar bandar. Hanya soalan tambahan saya iaitu, apakah langkah ataupun pemantauan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan infrastruktur ini dapat berfungsi dengan baik secara berterusan dan bukannya di peringkat awal pemasangan atau pembinaannya sahaja?

Jadi, kita hendak kerajaan sudah keluarkan wang ringgit, kita tengok ya. Kebanyakanlah, pada permulaan dalam masa enam bulan- setahun, jalur lebar itu mungkin bagus. Selepas itu, tidak ada pemantauan, kemungkinan benda ini akan berlaku, apabila pelajar-pelajar hendak buat sesuatu *search*, dengan izin, benda jalur ini kadang-kadang benda ini tidak *maintain*, tidak dapat digunakan dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Ya, terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Sebenarnya, keadaannya sedikit terbalik ya. Kita bermula dengan keadaan di mana kita menghadapi banyak masalah pada peringkat awal. Akan tetapi fasa 1 itu telah kita membaik pulih isu-isu dan masalah yang kita hadapi. Dengan keadaan hari ini, kita bukan sahaja membekalkan kepada kelajuan tetapi kita juga meminta bantuan daripada SKMM untuk bersama-sama kita menyelesaikan isu kelajuan internet ini, khususnya di kawasan luar bandar. Untuk itu, kita juga perlu membina *intermediate tower* di kalangan kawasan-kawasan pinggir bandar dan pedalaman. Oleh kerana tanpa *tower* tersebut, penghantaran internet jalur lebar itu tidak dapat kita laksanakan dengan kelajuan yang tinggi.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga menggunakan cara secara muat turun *offline* iaitu untuk kawasan-kawasan pencapaian internet yang lemah. Kita muat turunkan perkara-perkara atau subjek-subjek pengajaran supaya mereka tidak perlu untuk *log in* setiap kali untuk mendownload ataupun muat turun subjek-subjek yang diperlukan dalam pembelajaran dan pengajaran di dalam sekolah. Jadi, usaha-usaha itu telah kita lakukan dan kita akan bersama dengan SKMM untuk kita melanjutkan lagi hantaran yang lebih laju untuk fasa kedua dan akan dilancarkan kemudian hari. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, tentang kemalangan bas ekspres yang begitu kerap dan serius, apakah langkah yang telah dan sedang dilakukan kerajaan untuk memastikan keselamatan penumpang terjamin.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk memberi jawapan.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas kerana begitu prihatin terhadap isu kemalangan jalan raya. Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) sentiasa menjalankan kempen dan advokasi keselamatan jalan raya untuk memberikan kesedaran kepada para pengguna jalan raya, termasuk pemandu bas ekspres terhadap kepentingan menjaga keselamatan di atas jalan raya bagi memastikan pemandu-pemandu bas

ekspres mematuhi peraturan dan keselamatan agar kadar kemalangan bas dapat dikurangkan dan seterusnya dapat menjamin tahap keselamatan para penumpang bas ekspres.

Kerajaan juga akan mengadakan audit pemeriksaan secara komprehensif terhadap pembuat badan bas, *the body builder* di kilang-kilang untuk memastikan pembuatan adalah mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan di bawah peraturan *United Nations R80, R66 and R107 Regulations*. Selain daripada itu, pihak MIROS juga menjalankan program *Safety Star Grading* (SSG) kepada semua pengendali bas ekspres bagi mengenal pasti tahap keselamatan bas. Keputusan SSG ini dimaklumkan kepada orang awam melalui laman sesawang dan semasa pameran yang dijalankan oleh MIROS. Keputusan ini akan membantu pengguna untuk membuat pilihan yang lebih baik semasa memilih bas untuk naiki ke destinasi pilihan.

Buat masa ini, program ini masih dijalankan secara sukarela. Pihak SPAD juga telah mewujudkan suatu mekanisme pemantauan terhadap kenderaan perkhidmatan pengangkutan awam dengan menggunakan *Performance Monitoring Hub System* (PMHS). Sistem ini berupaya untuk memantau pergerakan kenderaan, pemandu yang sedang memandu, had laju dan lokasi kenderaan terbabit. Buat masa ini, sistem ini telah dikuatkuasakan ke atas henti-henti (*stage busses*) dan akan diperluaskan kepada bas ekspres, bas persiaran dan lain-lain jenis pengangkutan awam di masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada itu, mulai 15 April 2017 sistem mata demerit bagi kesalahan had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat telah diperkenalkan, di mana bagi kesalahan had laju bagi kenderaan barang dan bas, ia boleh dikenakan maksimum enam mata demerit bagi setiap kesalahan. Sistem mata demerit yang diperkenalkan ini akan dapat meningkatkan kesedaran dan kepatuhan pemandu kenderaan motor terhadap peraturan lalu-lintas.

Berkenaan kemalangan bas ekspres di Kilometer 177.1 Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Pagoh pada 3.30 pagi, 24 Disember 2016 yang mengakibatkan 14 kematian dan 16 kecederaan. Analisa komprehensif telah dijalankan oleh MIROS yang merangkumi empat aspek utama iaitu keadaan jalan dan persekitaran, pembinaan dan reka bentuk bas, operasi bas dan penguatkuasaan. Satu laporan lengkap telah diterbitkan, dibentangkan dan diterima oleh Kabinet pada 1 Mac. Laporan ini kita sudah siap dan apabila Kabinet sudah endorse, we will open to the public untuk orang ramai memahami analisa dan juga investigation, penyiasatan yang dilakukan ke atas bas ekspres tersebut. Penambahbaikan daripada aspek-aspek tersebut telah dikenal pasti dan kerajaan adalah komited untuk mengambil langkah-langkah demi meningkatkan tahap keselamatan perkhidmatan bas di Malaysia. Terutamanya pengajaran daripada insiden-insiden yang berlaku di jalan raya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Makmal Kerja Transformasi Bas Ekspres telah dianjurkan oleh SPAD dari 20 Februari 2017 hingga 7 April 2017 untuk menambah baik perkhidmatan dan operasi industri bas ekspres di Malaysia. Laporan kemalangan Pagoh telah diguna pakai sebagai rujukan utama dalam menggariskan transformasi industri bas di Malaysia. Langkah-langkah pelaksanaan transformasi industri bas ekspres, termasuk *business model* dan pemandu-pemandu bas telah digariskan. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniah lah Yang Berhormat Menteri dapat datang, dapat hadir sendiri ke Dewan yang mulia pada hari ini.

■1030

Biasanya Timbalan Menteri dan saya ucap terima kasih banyak-banyak. Soalan tambahan saya, memandangkan keadaan hari ini musim-musim perayaan dan sebagainya banyak berlaku *accident*, kemalangan bas yang melibatkan kehilangan begitu ramai nyawa dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya, apakah undang-undang yang sedia ada hari ini sudah cukup untuk memberi kesedaran dan pengajaran kepada pemandu dan sejauh manakah keberkesanan undang-undang yang sedia ada ketika ini diguna pakai bagi memastikan pengguna jalan raya mematuhi undang-undang sekali gus mengurangkan kemalangan jalan raya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya yakin bahawa undang-undang yang ada sekarang telah pun memadai untuk kita mengurangkan ataupun memastikan, memantau masalah isu kemalangan jalan raya. Kita perlu meningkatkan penguatkuasaan dan juga perlu meningkatkan kesedaran orang ramai. Seperti mana kita sedia maklum, masalah kemalangan jalan raya ini bukan sahaja perlu dipertanggungjawabkan kepada kerajaan, tetapi ia perlu menjadi satu budaya rakyat kita untuk menjaga keselamatan di jalan raya.

Oleh itu, untuk menjadi satu budaya hidup kita, kita kena pastikan bahawa penglibatan komuniti, penglibatan NGO, penglibatan semua pihak agar sama-sama kita memastikan isu kemalangan jalan raya ini menjadi satu agenda penting untuk kita memerangi bersama. Kalau kita lihat dari segi kadar kemalangan jalan raya dalam negara kita, telah pun ada penurunan pada tahun 2000.

I think, the ratio per ten thousand registered number of death, ratio per ten thousand car registered, lebih kurang about four, But now we're reduced about 2.59 in 2016. So, oleh itu, target kita adalah untuk mengurangkan kadar kematian per ten thousand car registered to about two by the year 2020. Memang ada KPI dan juga kita punya matlamat dan juga objektif dia untuk kita terus mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Kita tahu juga bilangan kenderaan dalam negara kita terus meningkat dan bilangan *accident* juga meningkat pada tahun 2015, 489,606 *accident* berlaku dalam negara kita *but* tahun lalu telah meningkat kepada 521,466 *accident*, *more than half a million accident a year*. Ini amat kita merasa bimbang dan oleh itu semua usaha telah kita gunakan termasuk penguatkuasaan, pendidikan.

Kita ucap terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana memberi bantuan untuk kita mengajar isu kemalangan jalan raya di sekolah dan kita juga mendapat kerjasama daripada NGO dan juga syarikat-syarikat swasta sama-sama menyertai kempen keselamatan jalan raya. So yakin dengan kerjasama semua pihak Ahli Yang Berhormat, kita dapat memastikan kadar kemalangan jalan raya dalam negara kita dapat dikurangkan dan ia akan mencapai matlamat yang kita tetapkan, terima kasih.

Datuk Yeo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk tanya satu soalan kepada Menteri Pengangkutan dan juga presiden

saya. Kita memang tahu daripada jawapan Menteri bahawa Kementerian Pengangkutan memang mempunyai banyak polisi-polisi yang ingin menurunkan kadar kemalangan di Malaysia. Akan tetapi pada pendapat saya sikap dan perangai pemandu dan juga syarikat pengendalian bas ekspres itu juga merupakan satu masalah.

Kita selalu nampak bahawa di dalam lebuh raya terdapat banyaklah bas-bas yang menggunakan tayar kitar semula ataupun *recycle tire*, dengan izin, dan tayar tersebut kalau digunakan terlalu, dia tidak tahan lasak. Kalau terlalu berat digunakan, maka tayar itu akan tanggal di lebuh raya dan inilah merupakan satu punca kemalangan bas ekspres ataupun lori-lori yang begitu serius. Saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk meneliti perkara ini. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tayar kitar semula.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Yo Wei How kerana begitu prihatin tentang masalah kemalangan jalan raya akibat penggunaan *retread tire*. Tayar guna semula ini satu isu yang serius kerana memang tayar guna semula atau *retread tire* kalau kita hendak guna perlu memenuhi standard SIRIM, kita benarkan. Akan tetapi masalahnya banyak kilang-kilang yang mengeluarkan tayar *retread* ini tidak mematuhi SIRIM standard.

Oleh itu, Kementerian Pengangkutan telah pun mewujudkan satu pasukan *special task force* yang juga melibatkan agensi-agensi lain, termasuk KPDKKK, kastam, imigresen dan juga JKR untuk kita sama-sama memantau kilang-kilang yang mengeluarkan tayar *retread* ini, kerana daripada lebih kurang 60 buah kilang yang mengeluarkan tayar *retread* yang ada dalam negara kita, kita akan pergi masuk ke kilang-kilang tersebut dan kita telah mendapati, telah pun mendapat menangkap beberapa kilang yang mengeluarkan tayar *retread* yang tidak memenuhi standard, tidak memenuhi SIRIM standard.

Oleh itu, kita juga hendak mengingatkan orang ramai ataupun syarikat-syarikat apabila membeli tayar *retread* pastikan ia memenuhi SIRIM standard dan juga cap SIRIM perlu ada dalam produk tersebut. Ini penting kerana kita tidak mahu apabila lori yang besar atau bas yang besar ini menggunakan tayar celup kemudian menanggalkan tayar tersebut di atas jalan raya dan menyebabkan *accident* yang serius berlaku dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan. Malaysia ini hendak dapatkan Menteri Pengangkutan ini susah.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ya, susah dia hendak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bagi lagi dia soalan tambahan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap mengenai bas ekspres ini amat menarik sebab Kelantan, Terengganu, Pahang ini memang banyak bas ekspres. Terutamanya daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur ini satu malam 120 bas ekspres. Jadi pertama, saya tengok kemalangan ini Yang Berhormat Menteri, punca pemandu. Saya hendak tahu pengambilan pemandu ini, SPAD kita ada SPAD. Saya rasa SPAD juga perlu mengambil bahagian dalam pengambilan pemandu bas ini. Kalau biarkan kepada syarikat tu, bila berlaku kemalangan sudah ada 10 saman. Pemandu ini *drug addict*. Jadi bila berlaku, baru kita hendak ambil

tahu. Kalaualah dalam kerajaan, SPA yang temuduga kalau Kastam yang hendak pakai, kastam pun ada juga dalam panel temuduga. Jadi kalau hendak ambil pemandu ini, saya ingat biar SPAD ada bersama dalam untuk mengambil pemandu.

Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya nampak kemalangan berlaku ini antara pukul 12 sehingga pukul 5. Boleh tidak kalau kita Kementerian Pengangkutan, antara pukul 12 sehingga pukul 5 tu tidak ada bas di atas jalan raya. Sebab kemalangan ini berlaku pagi, pukul 2, pukul 3. Kalau boleh pukul 12 hingga 5 itu tidak ada bas, kenderaan besar di atas jalan raya. Sebab bila berlaku kemalangan, bas ini melibatkan ramai, sampai 4,15 orang mati, tidak kena kepada keluarga kita tidak mengapa. Kalau kena keluarga kita, oh! Baru kita rasa. Jadi minta jawapan daripada kementerian. Terima kasih.

■1040

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Memang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, bahawa pemandulah adalah salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan bas ekspres yang serius. Contohnya laporan ini, menunjukkan bahawa kemalangan di Pagoh di mana pemandu tersebut telah memandu lima hari berturut-turut ataupun dia *rest time* dia satu hari dua, tiga jam saja. Tidak cukup masa rehat dan apabila memandu berpanjangan, tanpa masa rehat yang cukup, maka berlakulah kemalangan yang serius seperti yang kita lihat di kilometer di Pagoh tersebut.

Kita memang ada syarat-syarat dia, semua pemandu yang memandu kenderaan bas ekspres yang melebihi lapan jam perlu mempunyai dua *driver*, minimum *two drivers* untuk kita memastikan bahawa pemandu itu diberi masa rehat yang cukup. Akan tetapi, memang *accident still happened because* kita kena pastikan bahawa *bus driver* tersebut yang melanggar peraturan yang telah pun kita tetapkan tersebut, so sebab itu kita adakan *lab*, makmal yang ada sekarang. Kita akan memperkuatkan lagi pemantauan kita memantau bas-bas *driver* tersebut dan memang kita perlu pastikan bahawa keselamatan orang ramai dijaga dengan terbaik.

Masa saya rasa bukan, memang masa *12 am to 5 am is risky time* ramai iaitu masa kita rehat. Akan tetapi, kalau kita ada penggunaan *bus driver* yang berpengalaman dan juga mempunyai peraturan yang telah ditetapkan, saya rasa tidak akan timbul masalah. Oleh itu kita yakin bahawa semua isu ini perlu kita tangani melalui *lab* yang kita cadang-cadang kita akan ambil perhatian, tapi *lab* yang telah kita pun adakan akan menggariskan lagilah garis panduan yang lebih teliti.

Saya nak jelaskan tadi bahawa ikut peraturan sekarang adalah pemandu bas-bas ekspres yang memandu melebihi empat jam ataupun melebihi 300 kilometer. Mana-mana bas ekspres yang melebihi 300 kilometer perlu mempunyai pemandu yang kedua, *a second bus driver*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, negara perlukan banyak pekerja mahir menjelang tahun 2020. Bagi mencapai maksud itu, pekerja atau rakyat Malaysia perlu mempunyai pendapatan yang tinggi. Namun begitu, apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menasarkan jumlah peningkatan pekerjaan dan hasil tambahan pekerja dalam mencapai negara maju 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam negara ku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited ke arah menjayakan sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) mengunjurkan pewujudan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 telah meletakkan sasaran jumlah guna tenaga mahir sebanyak 35 peratus atau 5.4 juta orang. Jumlah ini merangkumi sebanyak 984, 100 pegawai kanan dan pengurus 2.1 juta orang pekerja profesional dan 2.3 juta orang pekerja juruteknik dan profesional bersekutu. Sejumlah 60 peratus daripada pekerjaan tersebut dijangka perlu diisi oleh mereka yang mempunyai kemahiran berkaitan *Technical and Vocational Education Training* (TVET).

Sehubungan itu bagi menyokong keperluan tersebut Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Jabatan Tenaga Manusia menyediakan latihan kemahiran yang bertujuan untuk menyiapkan bakal pekerja dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan. Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membuat penjenamaan semula, latihan kemahiran di bawah *Skill Malaysia* untuk menyatukan dan menyelaraskan kualiti latihan kemahiran yang dilaksanakan di negara ini supaya menepati keperluan industri.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas juga, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran akan mengharmonikan pelbagai sistem penerapan merentasi Institut TVET awam dan swasta kepada sistem penarafan tunggal. Sebelum ini terdapat program latihan kemahiran di Institut TVET awam dan swasta menawarkan program yang sama dan standard yang berbeza. Ini menyebabkan berlaku perbezaan dari segi penerimaan majikan dan kadar penggajian, melalui sistem penarafan yang bersepadan kualiti institusi dapat dinilai berdasarkan keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan dan penglibatan institusi bersama industri.

Penyelarasannya tersebut dijangka mengubah corak pengajian majikan terhadap graduan TVET agar lebih seragam dan menarik dan sekali gus akan mengeluarkan bakal pekerja yang berkualiti yang memenuhi pasaran industri. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Manusia menyediakan latihan kemahiran yang bertujuan untuk menyiapkan bakal pekerja dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan. Belia lepasan sekolah dilatih di 32 pusat latihan, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia pada peringkat sijil hingga diploma lanjutan sebagai satu usaha untuk melahirkan golongan pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan.

Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang kemahiran seperti kimpalan, pembuatan, pengeluaran, perkhidmatan, percetakan, penyelenggaraan elektrik, elektronik, sivil dan juga ICT dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun 1964 hingga 2015 seramai 182,531 orang pekerja mahir telah dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga dan Kementerian Sumber Manusia menerusi kursus latihan kemahiran sepenuh masa, manakala seramai 469, 319 orang pekerja mahir pula telah dikeluarkan menerusi kursus jangka pendek yang dilaksanakan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia.

Pelaksanaan kursus-kursus kemahiran di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia ini, telah berjaya mengeluarkan secara keseluruhannya seramai 651,850 orang pekerja mahir sepanjang tempoh tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga menteri yang menjawab soalan saya tadi. Saya terus ke soalan tambahan saya. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan keutamaan peluang pekerjaan bagi pekerja separa mahir atau bukan mahir diberi kepada orang tempatan, berbanding minat majikan yang mengambil pekerja asing. Melihat kepada kos operasi majikan bagi membayar gaji yang seajar dengan tangga gaji negara maju menjelang tahun 2020 kepada pekerja tempatan mungkin akan lebih mendorong minat majikan untuk mengambil pekerja asing dengan gaji yang lebih rendah dengan menggunakan alasan pekerja tempatan tidak minat atau terlalu memilih pekerjaan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim. Sebenarnya kerajaan serius untuk memperjuangkan masa depan pekerja tempatan kita, sebab itulah kita menjalankan pelbagai langkah untuk memastikan supaya setiap majikan yang mengambil pekerja mesti memberikan iklan ataupun tawaran kepada pekerja tempatan dahulu melalui *JobsMalaysia*, sehingga mendapat pengesahan melalui *JobsMalaysia* bahawa tidak ada pekerja tempatan yang boleh bekerja barulah dibenarkan untuk mengambil pekerja asing, itu pun mengikut sektor-sektor tertentu.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah bagaimana kerajaan memastikan supaya pekerja asing tidak diutamakan sebaliknya pekerja tempatan mesti diutamakan, mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan, mendapat maklumat dan seterusnya memohon jawatan tersebut. Setelah berpuas hati, tiada pencari pekerja tempatan barulah belum diluluskan tetapi dibenarkan untuk memohon.

Menetapkan- pengajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga. Meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan mulai tahun 2018 bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk mengaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan, mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja terutama di sektor yang kurang diminati oleh pekerja tempatan dan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi jawapan-jawapan.

Sebab itulah kita bertegas, kita ada lebih kurang 1.9 juta pekerja asing hari ini dan kita ada lebih kurang 150,000 ataupun hampir 180,000 ekspatriat, pegawai dagang yang mana tempat-

tempat ini harus diisi oleh pekerja tempatan yang kita latih melalui pusat-pusat latihan termasuklah pusat-pusat bertauliahan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan sebanyak 1,207 di dalam swasta sebanyak 558 pusat kerajaan dan swasta 649 pusat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau semua ini dilaksanakan dengan baik, saya yakin bahawa kita akan dapat memastikan kadar pengangguran yang hari ini mempunyai lebih kurang 3.5 peratus akan dapat kita turunkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, silakan.

5. **Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah satu kebenaran khusus diberikan kepada pemegang-pemegang Konsesi Lebuhraya untuk mensyaratkan nilai tambah kad *Touch n Go* yang boleh ditambah-nilainya (*Reload Top-Up*) adalah minimum RM30 di Plaza Tol berbanding dengan RM5 sebelum ini dan apakah kementerian tidak mengambil kira rungutan pengguna B40 yang amat terbeban dengan Dasar Minimum *Reload Top-Up* RM30 di Plaza Tol oleh pemegang Konsesi Tol.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini cadangan kadar minimum tambah nilai kad *Touch n Go* yang dibenarkan di lorong tambah nilai adalah sebanyak RM5. Walau bagaimanapun, sering kali berlaku kesesakan di lorong tambah nilai disebabkan sikap segelintir pengguna yang membuat penambahan nilai dengan jumlah RM5 hingga RM10 sahaja. Penetapan kadar minimum ini telah mendorong pengguna untuk membuat penambahan nilai di lorong pada setiap hari dan menyumbang kepada kesesakan di kebanyakan plaza tol terutama di sekitar Lembah Klang.

Cadangan penetapan kadar minimum sebanyak RM30 adalah merupakan inisiatif pihak pemegang konsesi untuk mengatasi masalah kesesakan di lorong tambah nilai. Cadangan yang diusulkan oleh pihak Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia atau PSKLM adalah bertujuan meredakan rungutan para pengguna lebuhraya yang sering menghadapi kesesakan di lorong tambah nilai terutamanya pada masa puncak. Selain daripada itu, cadangan tersebut juga hanya tertakluk di lorong tambah nilai plaza tol sahaja dan tidak melibatkan lain-lain tempat tambah nilai seperti pusat khidmat pelanggan di plaza tol *Touch n Go spot*, ejen-ejen tambah nilai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengarahkan syarikat konsesi untuk menangguhkan inisiatif yang dicadangkan ini dan mencari kaedah lain dalam mengatasi masalah kesesakan yang berlaku. Kerajaan sangat prihatin terhadap beban yang terpaksa ditanggung oleh pengguna termasuklah pengguna B40 dan sentiasa mencari jalan penyelesaian terbaik untuk semua pihak. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada soalan tambahan?

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ada soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mendapati penggunaan transaksi elektronik

Touch n Go telah digunakan di kebanyakan rangkaian lebuh raya di Malaysia dan ia menjadi penggunaan wajib kepada pengguna lebuh raya di beberapa laluan lebuh raya berbayar. Soalan saya ini adalah kerana sahabat-sahabat saya yang di Kuala Lumpur yang banyak menggunakan Lebuhraya MEX, AKLEH dan SPRING.

Jadi soalannya ialah apakah kementerian dapat merundingkan dengan semua syarikat konsesi agar insentif rebat atau diskaun dapat ditawarkan kepada *frequent traveler*, dengan izin, ataupun pengguna yang selalu menggunakan lebuh raya sebagaimana rebat 5 percent yang ditawarkan oleh *PLUS Highway* dalam aplikasi *PLUS Miles* menggunakan *Touch n Go* dan skim tawaran insentif semasa hari perayaan yang mana pengguna *Touch n Go* mendapat insentif rebat atau diskaun dari 10 hingga 30 percent. Ini kerana *Touch n Go* telah memudahkan syarikat konsesi dan kos tanggungan perkhidmatan kawalan *cash in transit* di plaza-plaza tol dan telah diminimumkan dan pengguna terpaksa membuat bayaran pendahuluan wang atau *cash advance* dengan izin, bagi pembelian *top up* *Touch n Go* sebelum menggunakan perkhidmatan lebuh raya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Jawapan saya Yang Berhormat, ya. Pengguna kad *PLUS Miles* layak untuk mendapatkan rebat 5 peratus dengan syarat penggunaan tol bulanan pengguna melebihi RM100 sebulan Yang Berhormat ya, terutama sekali di Lebuhraya *PLUS*. Ini tidak termasuk kalau dari segi *PLUS* Yang Berhormat, tidak termasuk di Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar, Plaza Tol Tanjung Kupang dan Jambatan Pulau Pinang.

Pengguna layak untuk mendapatkan 5 peratus rebat tol apabila penggunaan tol bulanan melebihi RM100 sebulan. Namun Yang Berhormat, jika penggunaan bulanan kurang daripada RM100, faedah yang diperoleh adalah pengguna akan dapat mengumpul satu mata ganjaran untuk setiap RM1 yang digunakan untuk pembayaran tol di lebuh raya. Caranya Yang Berhormat, pengguna hanya perlu melakukan pendaftaran di *PLUS Miles* iaitu di portal www.plusmiles.com.my dan juga boleh melayari bagi mendapat maklumat lanjut berkaitan dengan rebat tol yang diberikan Yang Berhormat. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit, sikit saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Soalan saya kepada Timbalan Menteri, boleh tak saya bersetuju kalau soal *top up* RM30 ini direalisasikan di plaza-plaza tol yang orang kata penggunaannya tinggi, tetapi bolehkah kementerian melonggarkan sikit syarat ini, di plaza-plaza tol yang penggunaannya itu tidak tinggi. Contohnya di Simpang Pulai, ia tidak sesibuk Jalan Duta. Jadi, bolehkah kementerian teliti semula agar minimum RM30 ini di plaza-plaza tol yang tidak terlalu sibuk ini dikurangkan kembali agar ia tidak menjadi beban kepada pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Sebenarnya perbincangan memang diadakan Yang Berhormat ya dan seperti yang saya katakan tadi cadangan tersebut, pihak

kementerian telah meminta supaya cadangan tersebut ditangguhkan dan diteliti semula. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang benar, malah perjalanan yang mengambil masa begitu panjang dan juga memerlukan pembayaran tol yang tinggi, mungkin cadangan ini boleh dipertimbangkan. Namun, kita akan serahkan kepada hasil perbincangan yang diadakan di antara pihak kementerian dan juga pihak syarikat konsesi. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Chia Song Cheng.

6. Tuan Chia Song Cheng minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah mekanisme yang dilaksanakan untuk memantau pencapaian dan kemajuan program pengurangan air tidak berhasil agar sasaran pengurangan air tidak berhasil ke 25 peratus tercapai pada tahun 2020 mengikut RMK-11.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan soalan ini dijawab di Dewan yang mulia ini kerana perkara yang begitu penting dan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng.

Kerajaan telah meletakkan sasaran pengurangan kadar air tidak berhasil atau *non-revenue water* (NRW) dengan izin, kepada 20 peratus menjelang tahun 2020. Secara ringkasnya, NRW boleh ditafsirkan sebagai jumlah air terawat dalam sistem agihan yang hilang sebelum sampai ke pengguna akibat kebocoran paip-paip usang, kecurian air dan meter air tidak merekodkan jumlah penggunaan secara tepat.

Bagi memastikan jumlah kehilangan air terawat dapat diminimumkan dan sasaran pengurangan dapat dicapai, kementerian melalui badan kawal selia industri perkhidmatan air negara iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menggariskan beberapa mekanisme pemantauan seperti berikut:

- (i) NRW sebagai petunjuk prestasi utama KPI untuk dipatuhi oleh setiap operator air. Setiap operator yang menubuhkan pelan perniagaan tiga tahun bagi pembaharuan lesen perkhidmatan dikehendaki untuk mengemukakan KPI pengurangan NRW yang perlu dicapai dalam tempoh tersebut;
- (ii) pengauditan operasi NRW ke atas operator air merangkumi aspek pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan terhadap komponen pengurusan program NRW, penetapan data, pengawalan NRW, pengesahan dan pemberian kebocoran dan juga prestasi NRW;
- (iii) penguatkuasaan ke atas kes kecurian air di mana pihak SPAN bersama-sama dengan operator air telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan mencuri air;
- (iv) mengawal kualiti bahan dan produk seperti peranti sistem dan kemudahan yang digunakan. Dalam hubungan ini, SPAN mengawal selia kualiti dan bahan bagi produk-produk yang digunakan dalam perkhidmatan air melalui

pendaftaran produk. Melalui penggunaan produk berkualiti terutamanya paip, dapat mengurangkan kebarangkalian kejadian kebocoran.

■1100

- (v) pembangunan modal insan dalam pengurusan NRW. Selain produk, pihak SPAN bekerjasama dengan pihak CIDB untuk melaksanakan kursus kepada tukang paip, pemegang permit A1 dan A2 dan permit 'C' iaitu kontraktor. Ini kerana kerja-kerja pemasangan paip yang sempurna dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan memberi kesan yang baik kepada paras NRW.

Dalam pada itu, SPAN juga membuat kolaborasi dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk merangka pentaulahan kemahiran pekerja-pekerja dalam industri perkhidmatan air negara melalui Sijil Kemahiran Malaysia. Keperluan ini adalah selari dengan kehendak seksyen 49, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 iaitu Akta 655 dalam melahirkan pekerja yang mempunyai kompetensi tinggi bagi sektor perkhidmatan air negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan kepada penyelesaian kepada isu NRW memerlukan pendekatan yang holistik. Ia tidak sahaja melibatkan aspek teknikal dan kewangan, malah fokus juga perlu diberi kepada hasil pemantauan berterusan, inisiatif NRW yang dilaksanakan dan disokong oleh tenaga mahir dalam aspek pengurusan NRW. Terima kasih.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dapat datang ke Dewan untuk menjawab soalan saya. Maka, soalan tambahan saya kepada kementerian ialah nyatakan jumlah- average terkini, dengan izin, kadar peratus air tidak berhasil bagi setiap negeri di Malaysia dan juga keseluruhan negara.

Juga tambahan soalan saya lagi ialah, adakah kementerian menetapkan agar KPI setiap negeri untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil dahulu sebelum membenarkan tarif air disemak semula? Ini kerana sekarang perubahan tarif air akan memberi impak langsung kepada inflasi. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari segi data-data NRW di seluruh negara, saya boleh sentuh di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh sampaikan pesan kepada setiap negeri. Saya gunakan peratusan 2016 tahun lalu. Ada satu dua lagi yang belum diaudit tetapi boleh digunakan maklumat 2015.

Negeri Johor- 25.9 peratus; dan Kedah- 46.7 peratus, antara yang tertinggi di negara kita. *That means 40 percent of the water yang kita rawat, kita keluarkan dalam pengagihan tidak sampai kepada rumah-rumah pelanggan.*

Kelantan antara paling teruk 49.4 peratus; Labuan- 30.5 peratus. '

Melaka antara yang terbaik 18.7 peratus; Negeri Sembilan- 32.7 peratus; Pulau Pinang- 21.5 peratus; Pahang dua kali lima dengan Sabah ini, 47.8 peratus. *I can explain kenapa 32 tahun tarif tidak disemak antaranya ialah belum migrate kepada Akta 655.*

Perak- 30.64 peratus; Perlis paling tinggi 60.7 peratus, walaupun negeri kecil sahaja tetapi 60.7 peratus NRW.

Sabah tahun 2015 ini 55.1 peratus; Sarawak- 33.3 peratus untuk tahun 2015.

Selangor dekat termasuk kita Wilayah Persekutuan, termasuk kawasan Parlimen- 32.2 peratus, tinggi; dan Terengganu- 29.9 peratus.

You can see dari situ this is a major task dan itulah kerajaan telah melakukan satu pendekatan baru menentukan NRW itu sebagai national matter, national issue dan kita ada program NRW national yang kita mulai laksanakan pada tahun ini RM531 juta untuk enam buah negeri plus Labuan untuk geran. Biasanya NRW ini tanggungjawab di peringkat bagi negeri-negeri yang sudah migrate kepada akta kita adalah tanggungjawab pam sebagai pembiaya bersama dengan operator.

Akan tetapi kalau negeri yang belum migrate, ini tanggungjawab mereka sendiri. Biasanya mereka pinjam wang daripada Persekutuan dalam bentuk loan. Kadang-kadang ada sedikit geran jugalah. So, we have to migrate before we really can do substantial.

Mengenai dengan soalan kedua itu, mengatakan bahawa memastikan tarif air itu tidak disemak. Okey, actually antara sebab kenapa NRW dan pemborosan air itu because the cost of tarif air ini tidak mencerminkan kos sebenar yang untuk mengeluarkannya. Okay, so there is only a pemborosan. Pam bagi negeri-negeri yang sudah migrate kepada Akta 655 dalam business plan mereka setiap tiga tahun seperti saya sentuh sebentar tadi, ia akan pastikan return to investment itu reasonable antara nine peratus pergi ke 12 percent.

Akan tetap,i termasuk di situ adalah program juga untuk NRW. So, memang tidak boleh dielakkan untuk semakan tarif kalau syarikat operator itu yang dimiliki oleh negeri juga. Kebanyakan mereka ini dimiliki oleh negeri, tidak menyemak tarif, to reflect cost dan return to investment. Jadi terpaksa kita runding dan apa yang munasabah untuk membolehkan business itu return dia mencukupi. Maka memang tidak boleh dielakkan semakan tarif. Yang penting adalah berpatutan dan mereka yang berpendapatan rendah itu kita cuba protect melalui mekanisme-mekanisme yang lain.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri peluang kepada saya sekali? Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sendiri datang menjawab pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab negeri saya negeri Perlis telah disebut antara negeri yang teruk sedikit, bukan teruk banyak. Teruk sedikit 60.7 peratus. Jadi bekalan air di negeri Perlis telah di corporatize kepada satu syarikat iaitu Syarikat Air Perlis.

Jadi kos menanggung kos operasi Syarikat Air Perlis ini cukup tinggi berbanding dengan revenue dengan izin yang boleh dikutip oleh SAP. Yang Berhormat Menteri, adakah ruang atau peluang kepada Syarikat Air Perlis ini oleh sebab sejak beberapa tahun ini menanggung kerugian yang teruk. Jadi boleh tidak direvisi/kan soal corporative syarikat ini, kembali kepada kerajaan. Itu soalan saya, boleh tidak revisit balik urusan yang telah dimuktamadkan? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya. Perlis yang antara kita perhatikan kerana negeri itu kecil dan mereka sebenarnya sudah masuk dalam restructuring tetapi belum sepenuhnya dilaksanakan kerana beberapa condition

procedures, dengan izin, belum dipenuhi oleh pihak negeri Perlis termasuklah penyerahan aset-aset yang tertentu dan juga perbincangan mengenai dengan pinjaman yang perlu mereka minta supaya diselesaikan oleh pihak *Federal* ataupun *to be returned of* bagi pihak *Federal*.

Ini bukan senang kerana hampir semua negeri memang mahu meminta itu, meminta supaya *adjusting loan, right off* dan seterusnya. Jadi perlu perbincangan yang lebih dalam.

■1110

So, itu antaranya dia belum *fully migrate* kerana aset-aset tertentu belum pun diserahkan. So, kita sedang membantu Perlis ini. Bagi negeri-negeri yang enam negeri yang dibantu dengan geran tahun ini dan tahun hadapan, *first roll out RM531* juta kepada enam negeri, *plus* Labuan. Perlis dimasukkan juga dengan RM50.5 juta untuk *NRW treatment*.

Jadi semakan kepada *restructuring* itu terpulanglah kepada pihak negeri walaupun mereka sebenarnya sudah *partially migrate* tetapi sebetul saya kata tadi ada hal-hal tertentu. *In a mean time*, pihak Kerajaan Pusat tidak juga bagi tinggal dan antara peruntukan yang terbesar bagi geran untuk tahun ini dan tahun hadapan RM50.5 juta. Nanti perihal mengenai dengan semakan pengkorporatan dan juga *condition precedent* yang mereka tidak boleh tunaikan itu kita masih dalam proses perbincangan.

7. Dato' Dr. Hou Kok Chung minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tahap rizab mata wang asing negara yang menjadi sasaran kerajaan ataupun yang ‘ideal’ untuk negara, dan bagaimanakah kedudukan rizab mata wang asing negara pada masa ini serta apakah langkah-langkah aktif yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuh dan menggerakkannya ke arah ‘ideal’ itu.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan terkini Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia kekal kukuh berjumlah RM423.2 bilion atau USD95.7 bilion pada 14 April 2017. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Di peringkat antarabangsa kedudukan rizab ini diperakui memadai sekiranya mampu membiayai sekurang-kurangnya tiga bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa bukan satu-satunya sumber yang digunakan oleh negara untuk memenuhi operasi luarannya.

Pada masa kini, rizab antarabangsa hanya mencakupi 24 peratus daripada nilai jumlah aset luaran. Manakala aset luaran bank dan syarikat yang sedia ada mampu untuk membiayai sekitar 80 peratus daripada hutang luar negeri yang sepadannya. Tambahan pula kadar pertukaran yang fleksibel turut mengurangkan kebergantungan negara kepada rizab antarabangsa bagi menampung operasi luaran.

Peningkatan rizab ini didorong oleh lebihan imbangan perdagangan aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan. Selain itu rizab antarabangsa juga dijangka meningkat dengan pasaran mata wang ringgit yang stabil kerana ia akan meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk membawa aliran masuk dana dalam negara. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu.

Dalam pada itu kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menjadi penampang bagi memenuhi operasi luaran. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah usaha-usaha mikro termasuk memberi contoh-contoh mudah difahami dan boleh dipraktikkan di peringkat rakyat umum yang boleh membantu serta memberi kesan kepada usaha kerajaan memastikan rizab tersebut sentiasa berada pada tahap yang selesa.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan rizab Malaysia ialah penunjuk penting bagi pelabur dan masyarakat awam. Untuk diketahui orang awam Bank Negara Malaysia menerbitkan paras rizab antarabangsa berserta penunjuk keupayaan rizab membiayai import tertangguh serta menampung hutang-hutang luar negeri jangka pendek setiap dua minggu. Butiran terperinci rizab antarabangsa bulanan pula diterbitkan pada akhir setiap bulan.

Ini disokong dengan liputan dalam Buletin Suku Tahunan dan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia. Penerbitan ini menggalakkan kebertanggungjawaban dan ketulusan yang lebih baik kepada masyarakat awam. Terima kasih.

8. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah rumah yang akan dibina di Sarawak di bawah Program Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang disediakan kepada golongan berpendapatan rendah 40 peratus terbawah (B40) dari kalangan belia luar bandar dan generasi kedua peserta di tanah-tanah rancangan agensi FELCRA dan RISDA, serta sama ada terdapat kuota tertentu bagi setiap negeri.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian di atas soalan kepada kementerian ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Rumah Bina Negara (Rumah BN) yang dilaksanakan oleh RISDA dan FELCRA adalah salah satu inisiatif dan komitmen daripada kerajaan yang disediakan kepada golongan belia luar bandar yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000 bagi memiliki kediaman sendiri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentangkan Bajet 2017 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta iaitu RM100 juta kepada RISDA dan RM100 juta kepada FELCRA. Bagi rumah yang dibina oleh FELCRA ianya akan dibina di tanah persendirian, tanah sendiri dan harganya RM45,000 walaupun sepatutnya RM65,000 kerana RM20,000 disubsidikan oleh kerajaan. Bagi rumah FELCRA ianya merupakan perumahan secara berkelompok dan harganya RM75,000 kerana walaupun harga sebenar RM125,000 kerana RM50,000 disubsidikan oleh kerajaan.

Kementerian tidak menetapkan kuota untuk sesuatu negeri kerana seperti yang saya sebutkan tadi rumah RISDA adalah berdasarkan tajdid rumah di tanah sendiri. Jadi bermakna siapa yang mempunyai hak milik tanah sendiri ataupun mendapat kebenaran daripada tuan punya tanah mereka boleh memohon untuk membina rumah ini daripada RISDA. Jadi kita tidak menetapkan kuota. Bermakna sesiapa yang memohon kita akan proses dan akan meluluskan permohonan

tersebut dan akan membina rumah tersebut. Jadi bermakna pihak kerajaan memberikan ruang yang sama bagi setiap negeri termasuklah Sabah, Sarawak dan sebagainya.

Sehingga 31 Mac 2017 kementerian telah menerima 3,379 permohonan untuk pembinaan Rumah Bina Negara ini yang mana RISDA menerima 1,794 permohonan manakala FELCRA menerima 1,585 permohonan. Untuk Sarawak setakat ini hanya empat permohonan sahaja yang kita terima. Jadi saya haraplah supaya kita dapat menerima lebih banyak permohonan daripada negeri Sarawak untuk pembinaan Rumah Bina Negara bagi golongan belia luar bandar ini. Terima kasih.

■1120

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih atas jawapan Menteri sendiri. Soalan tambahan, berapa lama kah ini- saya akan kasi tahu semua Yang Berhormat di Sarawak untuk program ini. Berapa lama kah program ini akan diteruskan dan anggaran jumlah subsidi yang akan diberikan sehingga program ini selesai kelak? Berapa lama dia akan *dicontinue*?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama dilanjutkan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Permohonan ini tidak mempunyai had daripada segi sampai bila permohonan-permohonan itu diterima. Sebenarnya bajet yang kita terima adalah untuk Bajet 2017. Kalau kita terima semua sekali, untuk RISDA misalnya kalau dikirakan RM100 juta, kita boleh bina sebanyak 5,000 unit rumah kalau kita tak tambah subsidi lagi. Jadi kalau kita terima 5,000 permohonan, kita boleh siapkan dalam tahun ini tetapi kalau kita tak menerima permohonan untuk mencukupi daripada RM100 juta yang diperuntukkan, kita akan teruskan kerana ianya tidak mempunyai limit. Akan tetapi saya lebih suka kalau kita terima kesemua permohonan dan siapkan tahun ini supaya untuk tahun 2018, kita boleh memohon untuk Bajet 2018 untuk bajet perumahan generasi kedua luar bandar ini. Jadi, tidak ada limit, Tuan Yang di-Pertua. Boleh dimohon bila-bila sahaja.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status terkini pembinaan Rumah Bina Negara yang dibuat oleh RISDA dan FELCRA? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini bagi Rumah BN FELCRA, kita telah pun menyiapkan sebanyak 140 buah unit rumah manakala 547 unit lagi akan dimulakan pembinaannya dan 154 unit di dalam proses untuk memperoleh kelulusan merancang membangun dan 302 unit dalam proses memperoleh suratan hak milik tapak perumahan tersebut. Itu bagi FELCRA.

Bagi RISDA, kita terima 1,794 permohonan. Yang telah pun diluluskan ialah sebanyak 246 dan rumah yang telah pun siap dibina setakat ini ialah 27 unit dan dalam pembinaan sebanyak 59 unit. Jadi, itulah status setakat ini dan kita masih lagi menerima seperti biasa.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri menjawab soalan di Dewan yang mulia ini.

Jadi saya ingin nak bertanya, apakah bentuk rumah yang dibina kepada peserta-peserta ini? Adakah peserta diberi pilihan untuk menentukan rupa bentuk rumah? Kerana kalau kita di Sarawak misalannya, kita lebih memilih atau *prefer* untuk membina rumah yang bertiang, bukan di atas tanah.

Tujuannya- kalau macam peserta FELCRA ataupun RISDA, mereka merupakan golongan petani. Jadi kalau boleh, kalau dibina rumah itu rumah bertiang, maka di tingkat atas boleh untuk tujuan kediaman dan di tingkat bawah boleh digunakan sebagai stor untuk pertanian ataupun mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang ada kait mengait dengan nelayan, pertanian dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Show house, dengan izin.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Pada asasnya, rumah ini mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik mandi. *Master bedroom* ada bilik mandi dan juga ada ruang tamu dan dapur. Itu daripada segi asas semua Rumah-rumah Bina Negara ini.

Tetapi kita boleh *flexible*, dengan izin, iaitu untuk di Sarawak ataupun rumah yang dibina memang kawasan itu banjir misalnya, selalu banjir, jadi kita boleh membuat perubahan daripada segi rupa bentuknya. Walau bagaimanapun, harganya masih tetap sama.

Dan untuk Sabah dan Sarawak, kita tahu kos bahan binaan dan sebagainya agak tinggi. Begitu juga dengan kedudukan di Sarawak, kadang-kadang agak jauh ke hulu sungai misalnya, yang memerlukan kos yang lebih daripada biasa. Jadi, kita akan mencadangkan kepada Kabinet-Kementerian telah pun buat keputusan dan kita akan mencadangkan kepada Kabinet iaitu walaupun harga kosnya tinggi di Sabah dan Sarawak tetapi kita hendak supaya Rumah Bina Negara ini harganya tetap sama. Kalau di Semenanjung RM45,000, di Sabah dan juga Sarawak tetap juga RM45,000.

Jadi kemungkinan besar kalau di sini subsidinya hanya RM20,000, mungkin untuk di Sarawak dan Sabah, subsidinya mungkin kita naikkan sehingga RM40,000. Yang penting, belia luar bandar di Sarawak juga akan mendapat harga rumah yang sama dengan belia luar bandar di Semenanjung di bawah Program Rumah Bina Negara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, boleh kah saya minta soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh kerana Rumah Bina Negara ini sangat popular di Kelantan dan kebanyakannya pemohon ialah mereka yang terlepas umur 45 sedangkan syarat untuk pemohon hadnya ialah saya difahamkan 45 tahun, adakah kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri mencadangkan boleh mempunyai perancangan untuk melanjutkan umur pemohon kepada satu had yang bagi saya munasabah iaitu umur 50 ataupun lebih? Seterusnya, saya hendak tanya juga, setakat ini berapa banyak kah pemohon yang datang dari Kelantan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi umur, Yang Berhormat, rumah ini adalah rumah untuk belia luar bandar. Sebenarnya kalau ikutkan takrifan belia sebenarnya, ianya mesti kurang daripada 40. Sekarang ini pihak Kementerian Belia telah pun membuat cadangan, umur belia akan dikurangkan menjadi 35 sebenarnya tetapi kita pun dah fleksibel itu. Kita beri sampai 45 tahun itu pun kira dah sangat fleksibel sebab kita nak beri kepada belia tetapi kita ada fleksibel sikit.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, saya percaya banyak program perumahan kerajaan untuk masyarakat luar bandar yang terbuka kepada mereka yang berumur lebih 45 tahun. Misalnya di bawah Program Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB, ianya terbuka. Mungkin yang 45 tahun boleh memohon di bawah Program SPNB dan sebagainya. Jadi setakat ini, kita hanya menetapkan maksimum 45 tahun sahaja.

Bagi Kelantan, setakat ini kita menerima sebanyak 176 pemohon. Setakat ini. Kita sentiasa menerima hampir setiap hari permohonan-permohonan dan permohonan boleh dibuat di pejabat-pejabat RISDA ataupun di pejabat ADUN, Ahli Parlimen dan sebagainya. Jadi kita masih terbuka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, tamat masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat.]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, pada hari Rabu, 26 April 2017.”

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

■1130**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Ketiga Belas”.

[20 April 2017]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

11.30 pg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 12 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh lima kluster utama berkaitan Kementerian Sumber Manusia iaitu peluang pekerjaan dan hak pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pembangunan sumber manusia negara, penggubalan dasar pertuduhan atau dasar sumber manusia dan gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah membangkitkan isu pemberhentian kerja. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa memantau pemberhentian kerja sektor swasta oleh majikan dengan mewajibkan semua majikan yang melaksanakan pemberhentian kerja untuk melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja tanpa mengira bilangan pekerja yang akan diberhentikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik JTK jumlah pekerja yang diberhentikan pada tahun 2016 iaitu seramai 37,699 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 22,851 orang iaitu 60.6 peratus pekerja telah terlibat dalam pemberhentian biasa. Manakala seramai 19,891 orang merupakan 39.4 peratus orang terlibat dalam pemberhentian kerja secara sukarela (VSS). Berdasarkan notifikasi yang dikemukakan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja sebagaimana kewajipan majikan mengemukakan laporan secara bertulis menurut akta seksyen 63 Akta Kerja 1955 [Akta 265].

Jumlah pemberhentian 44,000 orang pekerja pada tahun 2016 yang dilaporkan oleh MEF adalah *projection* 3 bagi pemberhentian syarikat-syarikat termasuk jumlah pemberhentian pada tahun 2015 dan juga pekerja-pekerja asing yang diberhentikan kerana tamat tempoh kontrak. Antara syarikat yang telah melaksanakan pemberhentian secara berperingkat adalah CIMB Group Holdings Berhad, Shell Malaysia, Petronas dan Malaysia Airlines System. Manakala Jabatan Tenaga Kerja merupakan jumlah pemberhentian kerja sebenar yang dilaksanakan pada tahun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat membangkitkan isu pengangguran pekerja.

Untuk maklumat kedua-dua Senator, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa komited bagi memastikan warga negara mendapat pekerjaan apabila mereka menamatkan persekolahan dan pengajian. Tempoh untuk mereka mendapatkan pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawatan yang wujud dalam ekonomi negara. Peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah melibatkan pekerjaan di sektor swasta dan kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran bagi tahun 2000 hingga tahun 2015 kekal di bawah empat peratus iaitu dalam lingkungan 22.9 peratus hingga 3.7 peratus manakala pada tahun 1999, kadar pengangguran negara dicatat sebagai 3.4 peratus.

Statistik ini Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan negara berada dalam tahap guna tenaga penuh atau *full employment*. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia bagi tahun 2010 hingga tahun 2015 berada dalam lingkungan 9.5 peratus hingga 10.7 peratus. Kadar pengangguran yang tinggi di kalangan mereka yang dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 24 tahun adalah fenomena yang dihadapi oleh setiap negara membangun dan maju di dunia. Golongan ini berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan dan perlu melalui proses untuk mencari pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016 sebanyak 47,698 iaitu merupakan 27 peratus penempatan pekerjaan telah dilakukan bagi kategori siswazah dan sebanyak 128,407 orang merupakan 73 peratus penempatan pekerjaan telah dilakukan bagi kategori bukan siswazah. Manakala dari Januari hingga 31 Mac 2017, Kementerian Sumber Manusia menempatkan pekerjaan kepada seramai 40,533 orang pencari pekerja yang terdiri daripada 12,189 orang siswazah dan 28,348 bukan siswazah melalui platform portal *JobsMalaysia* dan pelbagai aktiviti penempatan pekerjaan. Kementerian amat komited untuk memastikan pencari pekerja di kalangan belia diutamakan mendapat pekerjaan.

Melalui perkhidmatan atas talian *JobsMalaysia*, pencari-pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dikehendaki. Kemudahan ini Tuan Yang di-Pertua, juga boleh diperoleh

di 54 buah pejabat tenaga kerja PTK di Semenanjung Malaysia dan 14 pejabat PTK Sabah dan 16 PTK Sarawak serta di 21 pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara.

Usaha-usaha juga dijalankan oleh kementerian bagi menggalakkan golongan belia merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan melalui mekanisme Program Penempatan Pekerjaan (3P). Antaranya adalah karnival kerjaya, temu duga terbuka, kembara kerjaya, lawatan keperluan guna tenaga, kerjasama dengan agensi lain, *holiday placement for student* dan program penyesuaian kerjaya serta lawatan keperluan guna tenaga di syarikat-syarikat dijalankan bagi mengesan kekosongan jawatan bagi menawarkan calon-calon yang mendaftar. Kerajaan menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah merangka dan menawarkan pelbagai program bagi meningkatkan kebolehpekerjaan rakyat yang menganggur.

■1140

Antaranya adalah *Graduate Enhancement Programme for Employability* (GENERATE), skim *Future Workers Training* (FWT) oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan Program Pekerja dan *Future Worker* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Di samping itu juga, bagi memperluaskan akses untuk mendapatkan latihan dalam bidang kemahiran, kerajaan telah menubuhkan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), meningkatkan kebolehpasaran pelatih, sekali gus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan atau *dual certification* dan juga program-program persijilan profesional serta memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan usaha ini, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah menaik taraf Portal *JobsMalaysia* yang bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan, pemanduan pekerjaan yang baik dan berkesan kepada golongan pekerja dan majikan. Melalui proses penambahbaikan ini, pencari kerja secara atas talian akan menikmati proses padanan yang tepat, maklumat yang interaktif dan *facelift* yang lebih menarik. Inisiatif ini mampu meningkatkan keupayaan portal *JobsMalaysia* dimanfaatkan oleh pencari kerja dan majikan. Projek penambahbaikan ini dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Julai tahun ini.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ini akan dapat membantu mengatasi masalah ketidaksepadanan pekerjaan yang wujud dalam pasaran buruh Malaysia. Pihak Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat untuk membuat kajian dan menghasilkan indeks penggunaan tenaga kerja. Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Maklumat Analisis dan Pasaran Buruh (ILMIA) telah menjalankan kajian senarai pekerjaan kritikal (*critical occupational list*) bersama pihak *Talent Corporation*.

Senarai pekerjaan ini dibangunkan berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan juga hasil perbincangan dengan pihak Bank Dunia. Pekerjaan kritikal ini dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri skil, *sought after* dan *strategic to sector*. Pada masa sekarang, Kementerian Sumber Manusia melalui ILMIA dan *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA) sedang menjalankan kajian *environmental scan* yang bertujuan untuk mengenal pasti permintaan oleh pihak industri mengikut

kemahiran sektor ekonomi dan tahap kemahiran mengikut kod pendidikan nasional dan kod standard kemahiran kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan isu hak-hak pekerja.

Untuk makluman Senator-senator, siasatan telah dimulakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan satu mesyuarat bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri MOT telah diadakan pada 7 April tahun ini juga bagi mendapatkan keterangan dan penjelasan berkaitan tatacara temu bual kru penerbangan oleh *Malindo Air*.

Hasil daripada mesyuarat tersebut memutuskan supaya Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) menyediakan satu *standard operating procedures* (SOP) berkaitan tatacara temu duga pengambilan anak kapal untuk diguna pakai oleh semua syarikat penerbangan di Malaysia. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh DCA, Malaysia Airlines Berhad, AirAsia Berhad, *Malindo Air* dan Jabatan Tenaga Kerja iaitu jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Berhubung pakaian pramugari *Malindo Airline*, ia merupakan salah satu daripada terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan yang telah ditetapkan oleh pihak majikan bagi melambangkan identiti syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya pakaian berkenaan dianggap telah melanggar hak asasi manusia, kesatuan sekerja pekerja yang terlibat boleh membangkitkan perkara tersebut kepada pihak majikan. Sekiranya tiada penyelesaian dicapai, kesatuan sekerja tersebut boleh melaporkan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 iaitu sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk suatu proses rundingan damai. Seharusnya kriteria kelayakan akademik dan pengalaman menjadi keutamaan yang diperlukan mengikut kategori pekerjaan dan yang bersesuaian dengan jawatan yang ditawarkan tanpa mengabaikan hak asasi dan kebajikan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kebenaran menunaikan solat Jumaat. Pada masa ini, kebanyakan majikan di Malaysia membenarkan pekerja-pekerjanya menunaikan solat Jumaat walaupun tiada peruntukan undang-undang perburuhan yang menetapkan syarat mewajibkan majikan membenarkan pekerja menunaikan solat Jumaat. Majikan atas budi bicara boleh menetapkan suatu tempoh yang sesuai bagi membenarkan pekerja lelaki menunaikan solat Jumaat bergantung kepada jenis pekerjaan. Kementerian menggalakkan majikan melaksanakan fleksibiliti waktu kerja untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pekerja mendapat peluang tempat rehat bagi menunaikan solat Jumaat.

Namun begitu, penetapan waktu kerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan mestilah tertakluk kepada peruntukan seksyen 60A, Akta Kerja [Akta 265] iaitu waktu kerja tidak lebih 48 jam seminggu. Had waktu kerja sedemikian merupakan tempoh yang dibenarkan mengikut undang-undang perburuhan negara dan antarabangsa bagi melindungi hak dan perlindungan pekerja. Kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas keprihatinan tersebut.

Sekiranya terdapat aduan mengenai isu ini lagi, orang ramai boleh mengemukakan aduan kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji

Harun dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif pula membangkitkan isu kebergantungan negara kepada pekerja asing.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dasar kerajaan adalah memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu sebelum dibenarkan menggaji pekerja asing. Kerajaan menetapkan bahawa pekerja warganegara tidak boleh dinafikan hak mereka untuk bekerja.

■1150

Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh warganegara dalam sektor dan subsektor yang dibenarkan sahaja dibolehkan untuk menggaji pekerja asing. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas, penggajian pekerja asing diunjurkan tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga kerja. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut:

- (i) mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem *JobsMalaysia* bagi memberi peluang kepada pencari kerja tempatan mendapat maklumat dan seterusnya memohon jawatan-jawatan tersebut. Setelah berpuas hati tiada pencari kerja tempatan, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja akan memberi pengakuan bahawa majikan tersebut barulah layak untuk menggajikan pekerja asing berdasarkan kriteria-kriteria dan kuota yang ditetapkan;
- (ii) menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berdasarkan keperluan sebenar majikan dan selaras dengan keperluan guna tenaga;
- (iii) mengkaji semula amalan *outsourcing* dalam penggajian pekerja asing;
- (iv) meletakkan tanggungjawab pembayaran levi ke atas majikan mulai tahun 2018 bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan;
- (v) menggalakkan industri-industri yang berintensifkan buruh, meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi serta menggiatkan lagi pelaksanaan *Industrialised Building System* (IBS) dalam industri pembinaan;
- (vi) mensyaratkan pekerja asing hanya boleh bekerja sebagai pekerja asas sahaja terutama di sektor yang kurang diminati oleh pekerja tempatan;
- (vii) menghalang majikan memberhentikan pekerja tempatan untuk digantikan dengan pekerja asing sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 60M, Akta Kerja 1955;
- (viii) menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan yang bertujuan menempatkan pekerja tempatan terlebih dahulu bagi majikan yang memohon pekerja asing termasuk kategori pekerjaan asas;
- (ix) pembangunan sistem ePPAx bagi menyelaras permohonan dan kemasukan pekerja asing lebih terkawal dan sistematik;

- (x) mengadakan kerjasama dengan persatuan-persatuan majikan bagi membantu para majikan untuk mendapatkan pekerjaan tempatan seperti kerjasama dengan *SME Association*; dan
- (xi) menubuhkan Pusat Maklumat Kerjaya atau *Carrier Information Centre* di *JobsMalaysia Centre* (JMC) dan di sembilan buah *Urban Transformation Centre* (UTC) bagi memberi kemudahan pencari kerja mendapat perkhidmatan mengenai peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan kerja, pemandangan pekerjaan, temu duga dan juga penempatan pekerjaan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif berkaitan rakyat asing yang merampas hak warganegara bekerja dengan menjadi kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, warganegara yang ingin mencari pekerjaan mempunyai alternatif untuk menghadiri temu duga terbuka atau *walk-in interview* yang dijalankan oleh majikan di premis mereka serta membuat permohonan melalui iklan di media cetak tempatan atau secara langsung melalui khidmat atau talian *online* di laman web majikan. Manakala warganegara yang ingin menjadi usahawan atau ingin menjadi kontraktor, mempunyai pelbagai pilihan yang disediakan oleh agensi dan institusi kerajaan yang boleh membantu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali membangkitkan isu cuti bersalin dan skim kerja *flexibility hours* kepada pekerja wanita.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat Senator, dasar dan perundangan perburuhan pada masa ini tidak mempunyai sebarang sekatan ke atas majikan untuk melaksanakan pelbagai bentuk pekerjaan seperti bekerja dari rumah atau sistem waktu kerja anjal (*flexi working hours*) di tempat kerja sekiranya majikan dan pekerja telah bersetuju di bawah satu kontrak perkhidmatan dan bersesuaian dengan sifat sesuatu kerja tersebut.

Fleksibiliti ini diberikan untuk membolehkan pekerjaan dan majikan menyusun atur struktur kerja masing-masing dengan lebih berkesan. Kerajaan telah juga mewujudkan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita menyertai pasaran pekerjaan. Peraturan kerja ini antara lain bertujuan untuk memberi alternatif sistem kerja separa masa. Menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran dan menyediakan waktu kerja yang mesra pekerja (*flexible working hours*) terutamanya kepada wanita.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui kementerian, bagi memastikan kebijakan pekerja wanita di sektor swasta juga dilindungi. Antara pindaan yang telah dibuat dan telah dikuatkuasakan mulai tahun 2012 di bawah Akta Kerja 1955 adalah:

- (i) memperluaskan perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira hari gaji;
- (ii) membolehkan pekerja wanita yang telah hamil sekurang-kurangnya 22 minggu atau lima setengah bulan menikmati cuti bersalin bergaji berbanding 28 minggu sebelum ini. Pindaan ini juga adalah selaras dengan

ketetapan Pertubuhan Keselamatan Sedunia atau *World Health Organization*; dan

- (iii) pekerja wanita tidak boleh ditamatkan perkhidmatan semasa dalam tempoh cuti bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil maklum pandangan dan makluman balas secara komprehensif daripada *stakeholder* di sektor swasta sekiranya cadangan ini hendak diperuntukkan di bawah pindaan Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed membangkitkan isu mengenai kebijakan pekerja wanita di sektor swasta. Kementerian akan mengemukakan cadangan Yang Berhormat Senator supaya majikan menyediakan kemudahan kepada pekerja wanita melalui Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLSC).

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff telah membangkitkan isu sindiket penipuan agensi pekerjaan swasta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, individu yang ingin bekerja ke luar negara melalui agensi pekerjaan dinasihatkan agar mendapat maklumat terlebih dahulu berkenaan status agensi tersebut sama ada berdaftar atau tidak dengan Jabatan Tenaga Kerja. Maklumat tersebut boleh disemak sama ada melalui website Kementerian Sumber Manusia atau terus berhubung dengan pihak Jabatan Tenaga Kerja. Sehingga 31 Mac tahun ini, jumlah Agensi Pekerjaan Swasta yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja, sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah sebanyak 1,182 buah.

■1200

Dari jumlah ini, hanya 25 buah Agensi Pekerjaan Swasta (APS) sahaja yang berdaftar dengan JTK di Kedah dan hanya sembilan agensi pekerjaan swasta sahaja yang berdaftar dengan JTK. Sehingga kini, tiada ruang yang diterima oleh Pejabat Tenaga Kerja Sungai Petani berkenaan kes ini. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu undang-undang yang mewajibkan mana-mana rakyat yang ingin bekerja di luar negara untuk mendaftar. Melalui JTK, kerajaan telah menubuhkan Pusat Pengurusan Pekerja Malaysia Luar Negara (MOEMC) di Putrajaya, di Johor Bahru, Kota Kinabalu Sabah dan di Kuching, Sarawak.

Fungsi MOEMC adalah untuk menyelaras penghantaran pekerja negara kita keluar negara melalui agensi pihak swasta yang berlesen dengan JTK. Sehingga 1 April 2017, sebanyak 4,005 orang pekerja tempatan bekerja di luar negara yang berdaftar. Saya ulang, yang berdaftar dengan JTK.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes warganegara Malaysia, Mohd Shahrul Nizam yang meninggal dunia di Australia. Maaf kalau sebutan nama itu tidak tepat. Allahyarham bekerja sebagai pengutip buah anggur dan bekerja tanpa permit. Keluarga beliau menghadapi masalah untuk melunaskan kos rawatan dan pengebumian yang dianggarkan berjumlah sebanyak RM80,000. Setakat ini, kementerian belum menerima sebarang aduan berhubung dengan agensi atau ejen yang menguruskan beliau bekerja di Australia.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, menjadi tanggungjawab individu sendiri untuk menentukan terma-terma dan syarat pekerjaan yang dipersetujui dengan majikan. Adalah menjadi

tanggungjawab majikan di Australia untuk menentukan hak statutori dan kebaikan pekerja dilaksanakan yang merupakan di luar bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Dalam perkara ini, Agensi Pekerjaan Swasta (APS) berlesen di bawah seksyen 7(1) Akta 246 untuk menjalankan aktiviti berkaitan pengambilan dan penempatan pekerja kepada majikan yang memerlukan pekerja. APS tidak dibenarkan bertindak sebagai *Contractor for Labor* (CFL) atau sebagai majikan membekal dan pelaksanaan mana-mana bahagian pekerjaan aktiviti majikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai tiga kluster lagi. Kluster yang kedua ialah mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja.

Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali yang telah membangkitkan isu kekurangan jurutera Melayu atau bumiputera sebagai pemasang lif dan eskalator. Berdasarkan rekod Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) terdapat 242 orang yang kompeten atau OYK bagi lif dan eskalator. Dari jumlah tersebut, 80 orang iaitu merupakan 33 peratus adalah bumiputera, 137 orang merupakan 57 peratus orang berbangsa Cina dan 25 orang merupakan 10 peratus berbangsa India. Yang Berhormat Senator mencadangkan agar CIDB dan JKKP bekerjasama untuk melatih kaum bumiputera bagi pemasangan lif dan eskalator adalah satu cadangan yang baik.

Namun, setakat ini JKKP telah mengiktiraf Persatuan Lif dan Eskalator Malaysia (MALEA) sebagai pusat pengajar OYK lif dan eskalator bagi Program Orang Yang Kompeten (OYK) gred tiga sebagai pilot projek yang telah dilancarkan pada 10 November 2016. Program ini akan dilanjutkan kepada orang yang kompeten gred satu dan gred dua setelah MALEA dapat membuktikan kemampuannya dalam melaksanakan program tersebut. Ini adalah satu platform untuk juruteknik dan jurutera mendapatkan pembelajaran yang berstruktur dan sistematik sebelum mereka menghadiri pemeriksaan dan sesi temu duga dengan pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan.

Secara langsung jumlah Orang Yang Kompeten (OYK) lif dan eskalator akan bertambah terutamanya kaum bumiputera pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Kluster Ketiga iaitu Pembangunan Sumber Manusia Negara. Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Kementerian Sumber Manusia menjelaskan langkah-langkah yang diambil kepada pelajar yang dilatih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia menawarkan latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah secara sepenuh masa dengan menyediakan pelbagai kursus latihan kemahiran dari peringkat sijil tahap satu dan sehingga diploma lanjutan.

Bidang latihan yang ditawarkan, adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti mekanikal dan pengeluaran, *electrical* dan elektronik, ICT, sivil dan bangunan, bukan logam dan percetakan. *Community Employment Support Services* juga diwujudkan di ILTJM iaitu Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia untuk menghubungkan komuniti setempat dengan pihak industri. Pegawai CESS ini mengadakan lawatan industri ke syarikat dan industri setempat bagi memudahkan graduan mendapat pekerjaan sejurus selepas tamat latihan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILTJM) menjalin kerjasama dengan industri-industri melalui memorandum persefahaman atau MoU. Kerjasama pintar dan *training production* yang sehingga kini sebanyak 173 kerjasama telah terjalin dan antaranya adalah bersama Petronas, Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP), CTRM, MAS, Samsung, Hewlett-Packard Census, Western Digital dan lain-lain lagi. Program *Apprentice* di bawah konsep *Train and Place* di laksanakan selama dua tahun dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan syarat kemasukan adalah lepasan SPM.

Oleh itu, tiada peruntukan untuk lepasan ILP untuk menyertai program *Train and Place* kerana graduan ILP akan diserap masuk bekerja sebagai pekerja mahir di industri dan syarikat sejurus selepas tamat latihan.

Kluster empat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah telah membangkitkan isu skim insurans pekerjaan dan ratifikasi konvensyen *International Labour Organization* (ILO).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk memberi perlindungan sewajarnya kepada semua pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan.

■1210

Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan perwujudan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di mana kementerian telah mengadakan sesi perbincangan dan libat urus mengenai cadangan ini dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. Kementerian melalui PERKESO juga telah melantik Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO untuk menjalankan kajian mengenai cadangan SIP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah membentangkan cadangan perlaksanaan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) kepada Majlis Ekonomi Negara sebanyak empat kali bermula pada tahun 2015 lagi sehingga pada tahun 2017 sebelum ia dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri dan diluluskan pada 17 Mac 2017.

Kementerian Sumber Manusia senantiasa diperhalusi cadangan perlaksanaan SIP berdasarkan maklum balas daripada sesi libat urus bersama *stakeholder* dan *economic council* dari semasa ke semasa bagi memastikan sistem yang diwujudkan mampan dan dapat bertahan dalam keadaan ekonomi yang lebih mencabar. Rang undang-undang SIP dijangka akan dibentangkan dalam sesi Parlimen yang akan datang pada bulan Jun. Dengan perlaksanaan SIP, kerajaan berkeyakinan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator akan dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan mengenai status ratifikasi konvensyen ILO, Konvensi No 158 dan Rekomendasi No 166 berhubung isu memberhentikan kerja. Sebagai sebuah negara anggota ILO, dalam *International Labour Organisation* (ILO), kerajaan sentiasa memastikan amalan perburuhan di Malaysia adalah selari dengan standard perburuhan antarabangsa. Perkara ini dilakukan melalui penerimaan konvensyen dan rekomendasi yang dirujuk sebagai *International Labour Standard* bagi meratifikasi sesuatu konvensyen, setiap artikel yang terkandung konvensyen tersebut perlu dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan teguran daripada ILO. Selain itu, sesi libat

urus dengan pihak berkepentingan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memperhalus dan mengkaji kesediaan negara bagi meratifikasi sesuatu konvensyen.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulai ini, *International Labour Organisation (ILO) Conference* diadakan di Geneva setiap tahun dan ia pada kebiasaannya akan diadakan dalam minggu pertama bulan Jun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia belum lagi meratifikasi konvensyen tersebut, tetapi prinsip-prinsip utama yang dinyatakan dalam setiap artikel dalam konvensyen tersebut kebanyakannya telah pun dilaksanakan. Menerusi amalan perlaksanaan pemberhentian pekerja secara amnya, justifikasi penamatan pekerjaan, prosedur penamatan dan rayuan, tempoh masa dan sebagaimana dan sebaginya bagi menjamin keajikan pekerjaan dan memastikan majikan menjalankan prosedur yang sewajarnya, perkara-perkara ini telah dirangkumi di bawah Akta Kerja 1955. Rekomendasi 166 pula menggariskan dengan lebih terperinci mengenai pemakaian dan kaedah pelaksanaan Konvensi 158 untuk diikuti oleh negara-negara anggota ILO- R166 tidak memerlukan sebagai ratifikasi oleh mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, berkaitan isu Dasar Pekerjaan Negara. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia mendukung semangat *tripartisme* bagi menjamin perhubungan perusahaan yang harmoni di tempat kerja. Selain itu, undang-undang perburuhan sedia ada telah menggariskan prinsip kesamarataan kepada semua pekerja tanpa mengira jantina, agama, bangsa, pandangan politik, keadaan kesihatan atau ketidakupayaan. Semua aspek ini merupakan asas utama dalam memupuk dan melestarikan semangat perpaduan di kalangan pekerja di negara ini.

Akhir sekali, tentang Klaster Kelima iaitu gaji minimum. Berhubung persoalan berkaitan gaji minimum yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, kerajaan mengambil maklum mengenai cadangan ini dan yakin Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) yang dianggotai oleh wakil-wakil *tripartite* iaitu kerajaan, majikan dan pekerja akan memberi pertimbangan yang positif. Namun kerajaan berpendapat, penetapan gaji minimum perlulah praktikal dan munasabah dengan mengambil kira pelbagai sektor penentuan termasuk keupayaan mereka untuk membayar gaji atau *medium wages* di samping faktor peningkatan kos sara hidup sejak kebelakangan ini dan beberapa faktor yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Yang Berhormat Menteri, cuma satu sahaja sama ada soalan ataupun cadangan. Kalau kita hendak berdasarkan kepada *medium wages* dengan *minimum wages*, cadangan saya boleh tak kita, kementerian kaji ambil *approach* di mana *medium wages* dibuat ikut sektor. *That mean*, tiap-tiap sektor sebelum kita buat *medium wages*, *country wide* tetapi kita buat *minimum wages* tetapi ikut sektor. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. *Minimum wage* ini seperti mana yang kita semua sedia maklum, hanya mula berkuat kuasa sepenuhnya pada Julai tahun '2017', baru lagi. Walaupun akta ini telah digubal dan telah diluluskan pada tahun 2012, tetapi pelaksanaan sepenuhnya telah bermula pada 1 Julai 2014.

Maka memang cadangan itu baik iaitu dalam mana gaji minimum itu hendaklah menjurus kepada sektor-sektor yang berkenaan tetapi Yang Berhormat Senator, buat masa ini memadailah bagi kita untuk tidak menyediakan gaji minimum itu mengikut sektor-sektor swasta sebab itu akan mengambil masa. Ini kerana kalau kita mengikut sektor, sudah tentu nanti kita pergi ke bandingan di antara gaji dalam di kota-kota besar di daerah kecil dan termasuk di pekan-pekan kecil. Maka itu ah jawapan kita walaupun pandangan itu amat baik, tetapi ia akan memerlukan masa untuk ia boleh jadi undang-undang. Terima kasih.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan. Saya ada soalan, dua soalan.

Satu soalan dan juga saranan, tetapi tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang berkaitan dengan Skim Pegawai Sains Fizik yang saya bangkitkan dalam perbahasan yang mana kalau kita lihat Pegawai Sains fizik ini antara kelompok yang sering terpinggir daripada soal penyelarasan gaji dan juga penyelarasan segala-gala penambahbaikan.

■1220

Jadi soalan saya itu, adakah Jabatan Perkhidmatan Awam akan membuat tindakan penambahbaikan serta-merta untuk skim pegawai sains fizik iaitu meningkatkan gaji minimum dan pemberian elaun khas fizik kepada mereka. Sebab ini kelompok yang terpinggir Yang Berhormat Menteri.

Kedua, saranan saya ialah kalau katalah hendak dibuat penambahbaikan itu adakah Yang Berhormat Menteri akan menganjurkan satu mesyuarat? Cadangan saya agar semua pegawai sains fizik ini di seluruh negara dikumpulkan dan dilihat keberkesanan mereka dan apa yang mereka minta untuk ditunaikan oleh pihak kementerian.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Jadi harus diingatkan di sini bahawa Kementerian Sumber Manusia sebenarnya menjaga nasib baik atau kebajikan pekerja swasta dan apa juga yang bersangkut paut dengan pekerjaan atau penjawat awam adalah di bidang kuasa di Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh hal yang demikian, saya tidak dapat menjawab ia di sini. Ia harus diajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berbalik kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Walaupun saya telah sebut bahawa okey, pada masa kini kita tidak boleh lagi sebab ia gaji minimum baru sahaja dilaksanakan. Akan tetapi, harus diingatkan mengikut akta yang ada atau terkandung di bawah akta gaji minimum itu ia akan dikaji sekali dalam setiap dua tahun. Sekian, terima kasih. Ada lagi?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh cakap?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah memberi laluan yang banyak kepada pekerja-pekerja Muslim untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Barangkali saya ingin mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya kilang-kilang yang ramai pekerja-pekerja Muslim dapat dirundingkan dengan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, kalau ia duduk dalam

negeri-negeri yang berkenaan, bagi memastikan mereka dapat menunaikan solat Jumaat dengan sempurna iaitu bolehlah dirundingkan supaya sembahyang Jumaat dapat diadakan di dalam kilang-kilang itu sendiri.

Daripada sembahyang di masjid yang mungkin mengakibatkan penggunaan masa akibat kesesakan lalu lintas pada hari Jumaat dan syaratnya adalah berunding dengan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan barangkali meminta fatwa daripada Jawatankuasa Islam Negeri. Terutama bagi saya dalam suasana sekarang, apabila kilang-kilang ini merupakan satu sumber kekuatan ekonomi negara maka Islam memberi ruang fleksibiliti, keanjalan untuk orang Islam dapat menunaikan ibadah dengan sempurna.

Pokoknya satu perundingan eloklah dimulakan dengan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan kalau boleh, tidak ada orang yang mempunyai keahlian menyampaikan khutbah, menjadi imam umpamanya dapat dirundingkan juga supaya perkhidmatan, “*pengimaman*” dan juga orang-orang yang menyampaikan khutbah Jumaat dapat diberikan servis oleh Jabatan Agama Islam yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, harap sebutan itu betul. Jadi, mengikut akta saya telah sebutkan dalam ucapan saya tadi tidak diwajibkan, tidak ada perundungan yang mewajibkan. Walau bagaimanapun, cadangan dari Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty itu tadi amat baik.

Akan tetapi, kita cadangkan bahawa majikan-majikan atau pekerja-pekerja haruslah melalui persatuan masing-masing cuba berunding dengan Jabatan Islam di negeri masing-masing supaya mereka dapat berunding dengan majikan agar mereka ini dapat diberi kebenaran kotak untuk khususnya bersolat hari Jumaat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, Menteri Sumber Manusia yang telah menyampaikan jawapan-jawapannya hampir-hampir 55 minit dan semua saya nampak yang dibangkit itu di jawab oleh kita punya Yang Berhormat Menteri dengan baik dan lancar. Sekarang saya hendak jemput pula Kementerian Wilayah Persekutuan, dipersilakan.

12.25 tgh.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:
Salam sejahtera, salam Wilayahku ceria, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai sesi perbahasan Titah Diraja pada sidang Dewan Negara pada kali ini dan berbahas dengan isu-isu di Wilayah Persekutuan.

Secara umumnya, terdapat lima isu di Wilayah Persekutuan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu satu usaha penguatkuasaan terhadap kenderaan berat dan pada waktu puncak di Kuala Lumpur, kelulusan pelan bagi pengubahsuaian rumah teres Taman Koperasi Polis Fasa 2, cadangan pemindahan Pasar Sentul, kebersihan kawasan penjaja di Kuala Lumpur dan perancangan untuk merancakkan ekonomi Labuan.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad telah membangkitkan isu tentang penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan berat yang menjadi salah satu punca utama kepada kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil maklum tentang masalah kenderaan-kenderaan berat yang menjadi antara punca berlakunya kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur pada waktu puncak khususnya pagi dan petang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, larangan bagi kenderaan berat untuk memasuki kawasan pusat bandar Kuala Lumpur pada waktu puncak telah dikuatkuasakan dalam kaedah perintah kereta berjalan lambat, sekatan penggunaan jalan bandar Kuala Lumpur, perintah Kuala Lumpur 1994. Pada mulanya, penguatkuasaan hanya melibatkan lapan jalan utama masuk ke Kuala Lumpur seperti berikut: Jalan Kepong, Jalan Ipoh, Jalan Kuching, Lebuh Raya Karak, Jalan Gombak, Jalan Cheras, Jalan Sungai Besi, Jalan Genting Lama dan Jalan Klang Lama.

Masa larangan yang ditetapkan pada ketika itu adalah antara jam 7 pagi hingga 9 pagi dan 5 petang hingga 7 malam. Melibatkan kenderaan melebihi 5,000 kilogram berat dengan muatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Kemudiannya, pada tahun 2011 bilangan jalan yang melibatkan dengan penguatkuasaan larangan tersebut ditambah menjadi 29 jalan utama lain termasuklah semua jalan di dalam kawasan, dengan izin, *central business district* atau *central planning area*. Penetapan masa larangan juga diubah iaitu daripada 6.30 pagi hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua. Papan-papan tanda yang berkaitan dengan larangan kepada kenderaan-kenderaan berat telah dipasang di laluan-laluan utama memasuki pusat bandar Kuala Lumpur. Antara lokasi adalah di Jalan Kuching, di Jalan Ipoh di mana bagi arah ke *inbound* dari Selayang ke pusat bandar terdapat empat lokasi papan tanda iaitu berdekatan dengan Pasar Borong Selayang, selepas susur keluar di Bulatan Batu Caves, sebelum susur masuk ke bulatan Kepong dan sebelum susur masuk ke Bulatan Segambut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mewujudkan satu sistem untuk mengesan kenderaan berat yang melanggar larangan tersebut dinamakan sebagai *heavy vehicle classification system*, dengan izin. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem ini masih lagi di peringkat kajian dari aspek perundangan.

■1230

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan tentang pemberian saman ataupun kompaun terhadap kenderaan berat yang dikesan melanggar larangan tersebut melalui imej CCTV atau saman ekor. Dalam hal ini, kerjasama dengan agensi kerajaan terbabit perlu dibuat kerana mengambil kira sekiranya ada kaedah atau peruntukan undang-undang sedia ada yang boleh diguna pakai untuk tujuan penguatkuasaan. Inisiatif ini merupakan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk sentiasa mengkaji keperluan bagi menambah baik bilangan papan tanda dan seterusnya memastikan penguatkuasaan terhadap perintah larangan kenderaan berat memasuki bandar yang akan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, hendak mencelah sikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun menjawab bahawa ada papan-papan tanda yang telah pun dipasang. Saya dengar tadi Jalan Cheras pun terlibat dalam kenderaan berat ini. Akan tetapi saya tidak dengar pula di Jalan Cheras ada papan tanda di Jalan Sungai Besi tidak ada papan tanda, di Lebuhraya Persekutuan tidak ada papan tanda. Di situ juga kena ada sebab mereka ini juga masuk menggunakan kenderaan-kenderaan berat. Saya minta kalau boleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi pertimbangan untuk mengadakan papan tanda dahulu. Selepas itu apabila orang langgar baru kita boleh saman. Tidak ada papan tanda hendak saman macam mana?

Saya baru-baru ini sengaja saya- sebab saya hendak utarakan perkara ini sekali lagi. Saya sengaja waktu saya lalu sebelah pagi lebih kurang jam 8, sengaja saya ambil gambar lori-lori, kenderaan-kenderaan berat ini yang pagi-pagi mengganggu lalu lintas yang lain. Kenderaan orang-orang yang hendak pergi kerja yang menjadi masalah, itu maksud saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, duduk.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin. Memang kita ambil maklum apa Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin beritahu dan kita akan usahakan supaya papan-papan tanda yang lebih di pasang di kawasan-kawasan yang diperlukan.

Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita ada cara-cara lain yang kita maklumkan kepada pengusaha-pengusaha kenderaan yang bergerak perlahan ini bahawa mereka tidak boleh memasuki kawasan-kawasan seperti yang telah digazet, diwartakan dalam masa-masa tertentu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kelulusan pelan bagi pengubahsuaian rumah teres Taman Koperasi Polis Fasa 2. Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas telah membahaskan tentang perubahan garis panduan pelan rumah teres khususnya di Taman Koperasi Polis Fasa 2.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu tentang rumah teres Taman Koperasi Polis Fasa 2 ini sebenarnya timbul berikutan keengganan penghuni untuk mengemukakan pelan bangunan untuk kerja-kerja tambahan seperti perubahan rumah. Perlu dimaklumkan terlebih dahulu bahawa rumah-rumah teres di Taman Koperasi Polis Fasa 2 ini telah mendapat kelulusan dan dibina pada tahun 1982. Kelulusan ini diberi kepada bangunan asal bagi taman perumahan tersebut.

Walau bagaimanapun, pemilik-pemilik rumah teres yang terlibat telah melakukan kerja-kerja tambahan dan perubahan terhadap rumah-rumah mereka tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan dan kebenaran daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Satu garis panduan yang telah disediakan bagi membolehkan kerja-kerja tambahan dan perubahan ini diselaraskan dan diberikan kelulusan. Untuk tujuan ini, pihak pemilik telah mengemukakan permohonan kepada DBKL bagi mendapatkan kelulusan pelan bangunan terhadap kerja-kerja tambahan dan perubahan pada bangunan-bangunan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan dua kali siri perbincangan dengan Persatuan Penduduk Taman Koperasi Polis Fasa 2. Perbincangan pertama diadakan di dewan orang ramai perumahan ini dan pada kali keduanya di Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pihak persatuan penduduk antara lainnya telah menyuarakan bahawa penyediaan pelan bangunan akan melibatkan jumlah kos yang besar iaitu antara RM3,000 hingga RM4,000.

Namun, hasil daripada perbincangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memaklumkan bahawa permohonan yang dikemukakan tidak akan dikenakan denda dan sebaliknya. Pemohon hanya perlu membayar fi pemprosesan sebanyak RM50 sahaja. Salah seorang daripada penduduk kawasan perumahan ini yang merupakan seorang arkitek turut bersedia untuk membantu penduduk-penduduk di taman ini dengan mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM500 sahaja iaitu dengan bayaran yang lebih berpatutan jika dibandingkan dengan perkhidmatan oleh arkitek-arkitek lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua kerja tambahan dan perubahan perlu diselaraskan dan diberikan kelulusan supaya sah di sisi undang-undang. Dengan adanya kelulusan ini juga, pemilik-pemilik akan berasa terjamin terhadap status bangunan tambahan dan perubahan yang telah mereka dirikan. Selain itu, keperluan kelulusan juga adalah untuk mendapatkan perlindungan insurans di mana pihak insurans termasuk pihak bank tidak akan memberi kelulusan jual beli sekiranya tiada dokumen rasmi yang menyatakan bahawa kerja-kerja tambahan dan perubahan yang telah mendapat kelulusan pelan bangunan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam erti kata lain, kelulusan pelan bangunan bagi kerja-kerja tambahan serta perubahan di rumah teres Taman Koperasi Polis Fasa 2 sebenarnya memberi manfaat kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini serta kepada semua pemilik rumah teres di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bahawa pihak kerajaan peka kepada keperluan warga kota Kuala Lumpur dan telah menyediakan garis panduan untuk memberi ruang yang lebih besar bagi membuat kerja-kerja tambahan dan perubahan kepada rumah-rumah teres mereka. Maklumat lanjut boleh dicapai di laman sesawang DBKL.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham apa Yang Berhormat Timbalan Menteri perjelaskan. Pelan telah siap pada 1982 dan rumah Taman Koperasi Polis siap diduduki sejak tahun 1986. Persoalannya, keadaan rumah situ jalan hadapannya 20 kaki lebar dan jalan belakangnya tidak ada. Ubahsuai yang dibuat oleh penduduk di situ bermula daripada tahun 1986 lagi, bukan baru.

Baru ini baru ada tiga tingkat, empat tingkat, lima tingkat mereka naik dan macam-macam. Bermula tahun 1986 lagi ubahsuai dibuat. Apa yang menjadi kemusykilan di kalangan masyarakat di situ saya faham, saya tahu perjumpaan dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan persatuan penduduk sebanyak dua kali, saya faham, saya tahu. Walaupun saya tidak dijemput tidak

apa, tidak ada masalah. Saya juga penduduk di situ Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rumah saya nombor 51, Jalan 38/10, itu rumah saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sepatutnya dijemput ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya, saya duduk di situ. Walaupun saya ahli persatuan penduduk tetapi saya tidak dijemput, tidak apa tidak ada masalah. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya kesian walaupun persatuan penduduk berjumpa dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bukan keseluruhan ahli-ahli, bukan keseluruhan melibatkan masyarakat penduduk di situ. Kita kesian, mereka datang berjumpa dengan saya. Mereka mengadu soal-soal pembayaran dan sebagainya. Kesilapan ini mereka berkata kepada saya, ini bukan kesalahan dia, bukan kesalahan penduduk. Ya, memang ada salah penduduk yang buat *renovation* dan sebagainya tetapi yang tidak buat *renovation* ini bukan salah dia. Tidak adil bagi mereka, mereka kata kena bayar RM650.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata fi hanya RM50 tetapi dalam perbincangan hari itu fi RM150. Terima kasih kepada- saya tahu arkitek yang hendak buat pelan itu pun saya kenal dia. Bukan saya tidak kenal, penduduk di situ juga. Akan tetapi masalahnya RM650 hendak kena bayar, pencen kadang-kadang ada RM400, RM300 dan RM500, polis dulu. Polis tahun 60-an, 70-an dahulu mana ada gaji tinggi macam sekarang. Itu yang mereka persoalkan.

■1240

Saya cadangkan apa salahnya kalau Dewan Bandaraya sendiri di bawah perancang, buat *standardize to plan* dan mungkin boleh murah sedikit kalau tidak upah konsultan yang buat. Mungkin konsultan lebih mahal. Dan Bandaraya sendiri ada kepakaran dia untuk membuat pelan dan sebagainya. Itu sahaja yang saya pohon. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya.

Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya, biasanya jemputan kepada penduduk-penduduk adalah daripada persatuan penduduk, bukan daripada DBKL. DBKL tidak akan panggil satu, satu, satu, Yang Berhormat.

Kedua, penjelasan berkenaan dengan fi. Fi yang dikenakan adalah di bawah peraturan undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kita telah pun berunding berkali-kali dan kita faham masalah penduduk dan kita telah turunkan daripada RM150 yang pada awalnya dipersetujui kepada RM50. Ini adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu kerajaan yang prihatin.

Kedua berkenaan dengan fi arkitek atau konsultan yang perlu membuat lukisan-lukisan yang sewajarnya dan sah untuk diberi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meluluskan. Ini adalah prosedur di mana-mana juga bukan sahaja di Taman Koperasi ini, di mana-mana juga akan diperlukan seorang arkitek yang bertauliah untuk memastikan bahawa lukisan-lukisan itu akan mengikut segala keperluan-keperluan Akta Perancangan Bandar, parit dan bandar. Oleh yang demikian, kita perlulah faham bahawa apa Yang Berhormat timbulkan ini adalah merupakan satu isu perundangan di mana kita tidak dapat ubah perundangan itu.

Keduanya, arkitek yang mengesahkan pelan-pelan ini akan bertanggungjawab ke atas segala lukisan yang dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ketiganya, kita faham tetapi harganya telah pun kita turunkan kerana ada salah seorang penduduk di kawasan itu yang merupakan seorang arkitek bertauliah yang telah bersetuju membuat lukisan-lukisan ini dan permohonan ini pada satu kadar *straight* iaitu RM500. Oleh itu, saya tidak nampaklah di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri dapat membuat lukisan tersebut dan meluluskannya.

Saya harap Yang Berhormat dapat faham. Jika sekiranya Yang Berhormat memerlukan lebih banyak penjelasan lebih mendalam dalam hal ini, saya akan aturkan satu mesyuarat bersama-sama dengan pegawai-pegawai untuk memberi satu penjelasan yang lebih mendalam dalam hal ini.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya hendak beritahu tadi. Itulah saya hendak cakap kepada Yang Berhormat Menteri. Saya minta pegawai-pegawai Dewan Bandaraya yang ada dekat belakang ini, panggil saya, kita bincang. Sebab, saya mewakili masyarakat di situ. Itu Ahli-ahli UMNO Taman Koperasi Polis Fasa 2 yang juga dahulunya saya jadi ketua cawangan. Kena bincanglah, jangan *dok* harapkan persatuan penduduk sahaja bincang. Saya pun perlu ada sebab separuh daripada penduduk di situ datang kepada saya membuat aduan dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap pertemuan ini dapat dijalankan secepat mungkin.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Sudah pasti, Yang Berhormat. Kita pastikan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan cadangan pemindahan Pasar Sentul. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya juga kemudian turut membangkitkan isu tentang cadangan pemindahan Pasar Sentul.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia maklum bahawa kedudukan sedia ada Pasar Sentul memberi kesan kepada lalu lintas dan persekitaran di kawasan berkenaan. Tapak perniagaan sedia ada dalam Pasar Sentul juga adalah agak terhad khususnya untuk menampung keperluan peniaga-peniaga baru.

Untuk itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang meneliti perancangan untuk melihat pembangunan semula di tempat berkenaan. Dalam hal ini, Pasar Sentul merupakan salah satu projek pembangunan semula pasar-pasar milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sekitar Kuala Lumpur. Lokasi projek yang dicadangkan adalah di tapak sedia ada di Lot 320 yang merupakan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan tapak cadangan baru di atas tanah persendirian di Lot 105 dan Lot 120 dengan anggaran kos pengambilan balik tanah berjumlah RM8.4 juta melibatkan keluasan tanah sebanyak 8,246.89 meter persegi. Anggaran kos keseluruhan projek bagi pembangunan semula Pasar Sentul adalah berjumlah RM30 juta.

Cadangan pembangunan terdiri daripada dua fasa supaya aktiviti perniagaan sedia ada tidak terjejas iaitu fasa pertama, pembinaan semula di Lot 105 dan 120. Penjaja sedia ada di Lot 320 akan berpindah ke Lot 105 dan Lot 120 setelah fasa satu siap dibina. Fasa 2, pembinaan fasa 2 di Lot 320.

Cadangan pembangunan semula Pasar Sentul dijangka akan membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang kian lama membelenggu penduduk di sekitarnya. Beberapa siri kajian serta *engagement* dengan pihak berkepentingan seperti penduduk dan peniaga perlu

diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembangunan dilaksanakan bagi memastikan semua pihak akan mendapat manfaatnya.

Seterusnya, kebersihan kawasan penjajaan di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya turut mengutarakan isu tentang aspek kebersihan di Kuala Lumpur umumnya merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) penempatan penjaja di Kuala Lumpur yang berselerak dan tidak tersusun dan tidak berlesen;
- (ii) tahap kebersihan di gerai, tapak-tapak jualan atau pusat penjaja;
- (iii) penguatkuasaan ke atas penjaja tidak berlesen yang dikatakan dilakukan secara berpilih; dan
- (iv) peruntukan bagi tujuan kebersihan dan penyelenggaraan yang dikatakan telah dikurangkan pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada isu penempatan penjaja di Kuala Lumpur yang berselerak, tidak tersusun dan tidak berlesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan program bancian penjaja tepi jalan pada tahun 2015. Hasil bancian mendapati terdapat seramai 9,000 penjaja berlesen dan juga tidak berlesen di Kuala Lumpur. Penjaja berkenaan diserapkan ke dalam program transformasi seperti dinaiktarafkan secara *in situ*, pembinaan gerai baru penjaja, perubahan konsep perniagaan kepada *food truck* dan lain-lain kaedah transformasi yang bersesuaian. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur meletakkan sasaran menjelang tahun 2020, tiada lagi pertambahan kepada bilangan penjaja di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit dengan isu kebersihan di gerai, tapak jualan atau pusat penjaja pula, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan *task force* kebersihan di Kuala Lumpur. Matlamat *task force* adalah untuk memastikan tahap kebersihan di kawasan-kawasan premis perniagaan dan gerai penjaja sentiasa dalam keadaan bersih serta akan diberi kesedaran terhadap amalan kebersihan dan penjagaan makanan. *Task force* kebersihan ini menggunakan pendekatan 3E iaitu, dengan izin, *educate*, *engagement* dan *enforcement* dalam program-program yang dijalankan untuk memastikan kebersihan semua premis makanan dan gerai penjajaan di Kuala Lumpur.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga melaksanakan program '1 Tikus 3 Ringgit' untuk menggalakkan penglibatan komuniti untuk mengawal bilangan tikus di kawasan perumahan awam serta pasar-pasar awam. Sebagai contoh, sebanyak 8,629 ekor tikus di Pasar Pudu dan 4,592 ekor tikus di Pasar Raja Bot telah ditangkap termasuk beberapa kawasan lain dalam program tersebut.

Di samping itu juga, bagi mengubah minda, sikap dan tingkah laku warga kota serta pengunjung Kuala Lumpur ke arah pengamalan budaya kebersihan pada setiap masa, operasi kebersihan *anti-litter* dijalankan setiap minggu secara konsisten sejak tahun 2015 meliputi seluruh kawasan Parlimen di Kuala Lumpur.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan telah mempunyai program untuk meningkatkan taraf kebersihan Kuala Lumpur terutama di kawasan-kawasan tumpuan pelancong di pusat banda raya seperti Kampung Baru, Masjid India, Jalan

Petaling dan Bukit Bintang melalui program *Blueprint* Kebersihan Kuala Lumpur. Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur menekankan aspek *public engagement* dengan semua pihak berkepentingan, penduduk dan komuniti setempat. Penglibatan pihak berkepentingan ini diiktiraf sebagai rakan kongsi strategik dalam, dengan izin, *change agent* oleh kementerian melalui program *Local Agenda 21* atau LA21.

Pelaksanaan *blueprint* ini juga akan dinilai dan diberi status penarafan kebersihan selepas tamat tempoh fasa pelaksanaannya. Pelaksanaannya dibahagi kepada empat peringkat serta sembilan fasa dan akan diteruskan sehingga tahun 2019. Apabila tamat tempohnya kelak, adalah disasarkan seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan akan diberi status taraf kebersihan dan diharapkan juga tahap kebersihan tersebut dapat dikenalkan dan dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu penguatkuasaan ke atas penjaja tidak berlesen yang dikatakan dilakukan secara berpilih, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengambil sikap pilih kasih sama ada berdasarkan bangsa, agama mahu pun terhadap penjaja berlesen dan tidak berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit. Tolong. Sebab sudah akhir sekali, bukan? Saya ada dua perkara Yang Berhormat Menteri. Pertama fasal gerai-gerai penjaja, haram dan halal. Kalau tidak silap saya dalam dua bulan yang lepas, Dewan Bandaraya ada buat penguatkuasaan runtuh gerai yang tidak berlesen. Ia juga terlibat dalam Parlimen saya tetapi yang malangnya, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri. Hari ini dia runtuh, contoh. Dia tinggal dua, tiga bulan. Dia tidak ambil tindakan apa-apa. Dua, tiga bulan akan datang, dia naik lagi. Buat lagi. Orang yang sama juga naikkan gerai itu. Jadi bermaknanya, benda ini tidak akan selesai, Yang Berhormat Menteri. Kalau runtuh, biarkan selepas itu orang naik, pergi runtuhkan balik. Bila hendak selesai masalah ini? Tidak akan selesai.

Kedua, soal kebersihan tadi. Mahal satu ekor tikus RM3. Boleh berniaga tangkap tikus, gayanya itu. Betul. Ikut kilogram. Tikus Kuala Lumpur besar-besar. Tikus Kuala Lumpur ini besar daripada kucing pun ada. Betul saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, jangan lupa penyakit yang akan tinggal pada tikus ini, ya.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tidak. Yang malangnya Tuan Yang di-Pertua, tikus itu masuk dalam kuah roti canai pun ada.

Seorang Ahli: *Allahuakbar.*

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ini menjadi masalah. Macam mana kebersihan dijaga, dikatakan kebersihan. Macam mana dikatakan tikus seekor RM3? Sudah kata beribu-ribu tikus sudah tangkap. Memanglah tikus ini sekali beranak tikus ini ramai. Lima, enam ekor sekali beranak. Ada satu kawasan di kawasan saya, cedok-cedok kuah itu, tikus ada di dalam. Ini masalah. Ini masalah kita. Maknanya, Yang Berhormat Menteri cakap tidak serupa bikin. Minta maaflah cakap Yang Berhormat Menteri, sahabat saya juga pun tetapi dia cakap kebersihannya, tidak seperti apa yang dia cakap. Yang berlaku di bawah sana itu. Jadi minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Jangan marah ya, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa. Tanggungjawab Yang Berhormat Menteri, tidak mengapa.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya. Yang Berhormat, kadang-kadang takkanlah semua kerajaan yang akan menjadi tanggungjawab. Tanggungjawab rakyat pun ada terlibat. Kalau nampak tikus dalam gerai itu, masih pergi ke gerai itu untuk bersantap, saya pun tidak fahamlah. Macam mana kerajaan hendak mengambil tindakan? Takkan saya hendak letak pegawai 24 jam duduk di sana, jaga kedai itu sahaja. Mana tanggungjawab rakyat? Rakyat pun bertanggungjawab.

Kalau kita dapat sesuatu gerai itu mempunyai harga yang tidak berpatutan, yang membuat harga yang terlalu tinggi, *high pricing* ataupun kotor. Kita sepatutnya boikot kedai ini supaya kita dapat memberi satu pengajaran kepada mereka. Kita tidak menggunakan hak asasi kita untuk membetulkan mereka. Mengharap kepada kerajaan. Kerajaan memang akan menjalankan tanggungjawabnya kalau kita dapat *complaint* ataupun kita ada program-program rancangan yang telah kita susun. Tidak akan saja-saja kita tiap-tiap hari hendak pergi satu gerai. Nanti dia kata, "*tiap-tiap hari jumpa gerai saya*". Itu pun jadi isu juga. Datang jumpa Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat. Sama juga. Ahli politik selalu terlibat.

Nanti kalau *contact* Timbalan Menteri, "*Eh, tolonglah hal ini. hari ini saya punya kawan*". Macam-macam kita ada. Akan tetapi apabila kita kuat kuasa kan sesuatu, kita perlu kerjasama dan tanggungjawab bagi pihak rakyat. Rakyat kena bertanggungjawab bersama. Takkan semuanya diletakkan atas kerajaan sahaja. Dia suka kalau kotor pun, dia pergi makan. Kalau ada tikus pun pergi makan, sambung balik makan. Ada rambut dalam makanan pun sambung makan. Macam mana kita hendak kuat kuasa kan, Yang Berhormat? Kita perlu kerjasama daripada rakyat bersama. Masyarakat kena kerjasama juga.

Kedua, berkenaan dengan gerai-gerai yang dirobohkan. Tanggungjawab kerajaan untuk memastikan tempat-tempat yang tidak mendapat kelulusan ini, bangunan-bangunan ataupun gerai-gerai yang tidak ada kelulusan ini dirobohkan. Kalau mereka ini berdegil menaikkan balik semua, kita akan roboh sekali lagi. Saya pun tidak tahu jalan di mana kita hendak selesaikan masalah ini.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah atau tidak? Yang Berhormat Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Sebentar, sebentar. Bagi saya habiskan penjelasan kepada....

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Ada kaitan dengan tentang gerai ini.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Boleh, boleh. Nanti sekejap. Saya jelaskan untuk dia dulu.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ini satu masalah. Rakyat kena tahu mana betul, yang mana sah di sisi undang-undang, yang mana tidak sah. Kalau seseorang itu melakukan sesuatu yang tidak sah di sisi undang-undang, maka rakyat lain, orang-orang lain janganlah pergi

sokong orang ini. Janganlah pergi ke gerai itu pergi makan lagi. Sudahlah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah robohkan bangunan itu. Maksudnya bangunan ini memang tidak sah tetapi selepas tiga bulan bina balik, orang masuk balik. Kita tidak tahu dia punya kedai itu bersih. Adakah dia ini, dia punya tukang masak dapat semua kelulusan kesihatan? Semua ini kita tidak tahu tetapi rakyat masih pergi.

Selepas itu, apabila Dewan Bandaraya roboh, kata kita ini terlalu kejam. Macam-macam dituduh. Buat betul pun salah. Macam mana, Yang Berhormat? Apakah jawapan yang kita dapat beri? Tanya kerajaan, sepatutnya bagilah satu isu yang mana kita boleh bersama-sama selesaikan. Masalah banyaknya apabila timbul rakyat memberi sokongan. Macam kedai kotor, gerai haram. Kalau dia tidak ada orang pergi ke tempat-tempat ini, tidak ada kunjungan daripada orang maka dia tidak akan bermiaga. Dia akan terus tutup tetapi kita sokong.

Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi laluan. Berpaut dengan tentang yang dirobohkan kedai ini ataupun gerai ini, kita tahu Bandar Kuala Lumpur, metropolitan, bandar raya, ibu negara Malaysia, di berhadapan Hotel Kuala Lumpur International dan juga Adamson. Ini ramai pemain takraw dulu apabila ada kejohanan tinggal di situ.

Saya pun hairan bandar Kuala Lumpur, bandar raya, gerai-gerai di situ itu. Ini masalah tikuslah ini. Berselerak di situ. Diri dekat situ. Saya ingat sudah berapa tahun, rasa saya. Tempat itu memanglah kalau kita tengok memang kotor. Jadi apakah Bandaraya Kuala Lumpur, kalau bagi mereka bermiaga, buatkan cantik-cantik bangunan itu. Biar sewa RM300 kah, RM500 kah sebulan, tidak mengapa supaya Bandaraya Kuala Lumpur ini, ibu negara kita cantik terutama tentang gerai-gerai yang orang bermiagalahan. Kita memang benarkan mereka bermiaga tetapi apa salahnya bandar raya buatkan gerai itu begitu cantik. Ini mereka buat sendiri. Apabila buat sendiri, airnya ke mana ia pergi? Dekat mana dia ambil air? Jadi ini menjadi masalah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta tolong Yang Berhormat. Kalau tadi kita tangkap seekor *tikuih*, orang Kedah kata *tikuih* lah. Saya tidak boleh sebut tikus, tidak boleh. Lidah saya memang loghat Kedah kuat. Orang Kedah kata, tangkap seekor *tikuih* dapat RM3. Kempen itu berkesan. Sekarang ini bagi tahun 2017 dengan banyaknya tikus ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri naikkan lagi. RM5 kah, RM6 kah. Itu yang pertama.

Kedua, selalu kalau bab-bab tikus ini dulu saya tidak jadi Senator, saya banyak di Kedah. Di Kedah, tikus kecil-kecil sahaja tetapi memang betul apa kata Yang Berhormat tadi, di Kuala Lumpur tikus dia besar ini. Satu saya hendak minta, teruskan kempen menangkap tikus. Saya kira ramai gelandangan bersedia kalau tikus itu harga mahal, dia mesti malam-malam gelandangan ini yang tidur di kaki lima ini, mereka tidak tidur. Mereka akan cari tikus itu sampai dapat. Kempen kena ada dan selalu buat kempen.

Ketiga, kita sendirilah sebagai pengguna. Kalau kita tahu kedai itu kotor, kita boikot. Kita sendiri kena ada kesedaran. Kita boikot kedai makan itu yang kita nampak dia tidak bersih dan ada banyak tikus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, masa pukul satu. Boleh kita sambung lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat ya, untuk bertenang sekejap. Jadi saya, pertamanya saya pujiyah Yang Berhormat tadi, kita punya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala kerana dapat menjawab dengan tenang dan bagus. Banyak sangat minat kepada perkara ini.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Saya ada dua perkara lagi. Lagi satu tidak jawab lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya kena sambung. Minta sambung selepas...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh kita sambung atau tidak?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Boleh, boleh. Sekarang? Selepas berehat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, selepas. Jadi Ahli Yang Berhormat kita berehat sedikit. Kita bagi Yang Berhormat Menteri kita ini dapat menjawab dengan tenang, dengan baik dan banyak orang minat kepada bandar raya termasuk kita punya presiden dan kita punya Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Banyak ya, nampaknya. Itu belum lagi masuk kita punya Datuk Mustapa. Jadi kita tangguhkan.

Jadi dengan itu Ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 1430- 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

■1430

Timbalan Yang di-Pertua: Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera, salam hormat, salam sehati sejiwa. Kita sambung tadi, kita minta Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan sila sambung.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh tidak ada di sini. Tidak apa, saya jawab jugalah. Dia telah membangkitkan perkara berkenaan dengan gerai-gerai, di mana kita lihat tidak begitu tersusun dan teratur di kawasan Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kawasan-kawasan ini ada dalam perancangan DBKL untuk mendapatkan perubahan-perubahan yang sedang dijalankan. Ada kawasan-kawasan di mana perubahan-perubahan ini telah dijalankan dan kita akan terus membuat perubahan-perubahan untuk menambahbaikkan keadaan penjaja di kawasan-kawasan tersebut.

Kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahnim binti Mohamad Yusoff pula mengatakan naikkan harga untuk tangkap tikus dan menggunakan gelandangan. Saya rasa cadangan ini baik

tetapi ada juga dalam pada itu ada hal-hal lain yang kita perlu pertimbangkan. Nanti jangan pula orang membiak tikus di rumah untuk dijual balik. Macam-macam yang akan berlaku. Manusia inikan dia tidak terhad kehendak dia.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus telah membangkitkan...

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri laluan?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ya, boleh.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi cadang saya tidak hendak bercakap sehingga pukul 1 sebab ingatkan boleh habis tetapi bila sudah sambung, saya hendak cakaplah pula, okey. So, saya hendak ucap terima kasih pada Menteri Wilayah dan Timbalan Bandar Raya serta Kementerian Wilayah yang mengambil berat tentang gelandangan, bagi makan apa semua. Saya amat hargai keprihatinan kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi saya risau, jumlah gelandangan ini bertambah dari semasa ke semasa. Kita memberi makan dan mereka datang, datang, datang, apabila saya lalu Jalan Tuanku Abdul Rahman saya dapat ada yang datang awal tunggu hendak dapat makan.

Memang niat yang baik tetapi saya cadangkan dekat sini Tuan Yang di-Pertua, gelandangan ini kalau boleh diberi kerja. Contoh, kita bagi dia orang berapa laluan, jalan, bagi dia penyapu, bakul so dia sapu sampah bersih-bersih, bekerjasama dengan Alam Flora *and then* Alam Flora ambil, buang sampah-sampah dan gaji itu boleh dibincangkan dengan Alam Flora ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ini kerana kita tidak mahu mereka ini duduk dan dapat makan sahaja, sekurang-kurangnya dia boleh buat kerja untuk kebersihan dan kita hendak hadapi Sukan SEA. Ini kerana saya tengok ada gelandangan-gelandangan daripada orang berlapisan peringkat umur. Jadi, kalau kita tidak gunakan mereka ini, bagi sayalah satu pembaziran.

Saya cadangkan juga di sini supaya gelandangan ini diberi latihan. Memang agak payah, saya tahu mungkin sudah dibuat tetapi gagal. Akan tetapi ada di Amerika, pusat juvana ini dijadikan latihan dan akhirnya, membekalkan atlet-atlet, pekerja-pekerja mahir, pekerja-pekerja yang memerlukan. Kalau kita bagi sahaja, kita tidak akan dapat satu perkara yang dapat diselesaikan kerana ia akan melonggokkan lagi, makn ramai, makn lama, makn ramai.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Pusat Penjaja. Kalau yang tidak boleh maju ini, daya saing tidak ada, kawasannya luas, minta DBKL majukan tempat itu dengan rumah mampu milik. Jangan tinggalkan penjaja itu, diberi dia orang balik kedai dan sebagainya dan bagi ruang yang boleh majukan perniagaan mereka daripada kita letakkan mereka di belakang. Akhirnya tidak boleh maju, mereka tidak boleh hendak meniaga, itu yang antara sebab mereka terpaksa pergi bermiaga di tepi jalan. Kebanyakannya adalah orang yang mempunyai lot-lot kedai dalam kawasan itu tetapi tidak boleh maju meniaga dia.

So, saya cadangkanlah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya perkara ini dapat ditengok dan pandangan saya ini kalau boleh dilaksanakan segera. Ini kerana saya tengok banyak perkara kita boleh gunakan dalam kita punya gelandangan yang telah pun diusahakan. Terima kasih.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Mohon mencelah sedikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita buat kempen, kita umumkan minggu depan

kempen, kita hendak buat lima hari, lima malam, 10 malam sampai 2 pagi. Di mana kita akan uar-uarkan kepada semua orang di Kuala Lumpur, terutama gelandangan untuk mereka, siapa yang paling banyak dapat tikus. Saya ingat dia orang tidak sempat hendak bela tikus ini. Saya kata macam ini sebab bila saya berada di Kuala Lumpur, tiap-tiap malam ke mana-mana saya pergi memang akan ada banyak tikus yang besar-besar ini, bukan kecil. Tikus di Kedah kecil sebab dia makan padi sahaja tetapi tikus di Kuala Lumpur ini besar sebab Aishah kata, dia makan mi goreng, Yang Berhormat Puan Siti Aishah. Jadi, saya minta kempen untuk tangkap tikus di Kuala Lumpur diteruskan.

Jadi, bila cakap kempen ini mungkin minggu depan kita hendak buat kita uar-uarkan, bukan kita hendak uar-uarkan tiga bulan. Kalau kita uar-uarkan lambat, memang dia orang boleh bela tikus- 10 malam sampai 3 pagi, jadi jam 3 pagi semua kumpulkan tikus itu, kiralah si 'A' ini dapat berapa ekor, si 'B' ini dapat berapa ekor. Jadi, saya ingat kalau kempen dalam seminggu, sebulan dalam seminggu, *insya-Allah* tikus-tikus ini akan berkurangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Terima kasih atas cadangan tadi. Memang cadangan Yang Berhormat bagus tetapi Yang Berhormat kena ambil maklum bahawa gelandangan dia tidak macam kita di mana dia sanggup mencari peluang-peluang untuk bekerja, peluang-peluang untuk menambahbaikkan diri sendiri. Ini kerana, dengan izin, *mindset* gelandangan ini lain. Kita telah cuba, kita ada rancangan di mana kita telah meletakkan mereka untuk bekerja dengan pihak-pihak tertentu.

■1440

Mereka akan pergi bekerja tiga hari, dua hari, kadang-kadang sehari, lepas itu hilang, dia tidak akan kerja lagi kerana dia, hidup dia, dia tidak mahu banyak-banyak kebendaan. Dia hendak *simple*. Dia hendak macam dapat makan pagi malam cukup, tidur tepi jalan, tidak kisah. Dia punya *mindset* ini lain. Lagi pula kita hendak bagi latihan, memang kita beri kerja, kita akan bagi mereka latihan. Kita cuba, kita letakkan *smart partnership* dengan pasar raya-pasar raya, kita letakkan dengan banyak pihak-pihak yang tertentu yang menjadi *smart partner* dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi sehingga hari ini kita masih tidak dapat kejayaan dalam program ini. *Mindset* gelandangan lain, dalam keseluruhannya dia *mindset* dia lain. Dia tidak mementingkan kemajuan diri.

Dalam soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim lagi sekali...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua sebelum jawab, Tuan Yang di-Pertua izinkan. Satu saja supaya kita dapat belajar isu-isu tikus. Saya cuma hendak tahu DBKL macam mana *you verify* tikus itu dari Wilayah Persekutuan. Kalau orang tangkap tikus dari luar Wilayah Persekutuan, bawa ke DBKL, DBKL bayar atau tidak. Cuma hendak tahu mekanisme supaya mungkin di Selangor pun kita boleh ikut.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Saya jawab Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim dulu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim, memang kita uar-uarkan, bukannya kita buat sesuatu tidak menguar-uarkan. Kita menguar-uarkan kan tetapi macam tadi cakaplah, Yang Berhormat Siti Aishah dia pergi makan mi goreng, dia bukan makan habis mi goreng itu. Dia makan setengah, sudah kenyang dia tinggalkan dan makanan-makanan ini diserakkan merata tempat. So, pemiakan tikus ini juga kita yang menjadi punca pemiakan ini. Bukan saja pengusaha restoran. Pergi kedai bukan ambil makanan yang cukup, ambil yang banyak, tidak boleh makan lepas itu biar buang.

Bila kita ada makanan ini, yang pembaziran makanan-makanan ini sudah tentu pemiakan tikus ini akan lebih. So kita pun ada berkenaan dengan tanggungjawab kerana pemiakan ini bukan satu saja dari satu punca. Punca dia banyak. So kita hendak lawan pemiakan tikus ini, kita terpaksa menggunakan berbagai-bagai cara. Kempen menangkap tikus ini memang diuarkan.

Untuk jawapan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, bukan senang bawa tikus dari mana-mana dapat duit. Kena tangkap di situ, kena bagi pada tempat itu baru boleh dapat. Tidak boleh, bukan maksudnya *you can* boleh bawa mana-mana dan bagi pada DBKL, DBKL bayar. Tidak ada. Kalau tangkap di Pasar Pudu, kena bagi di Pasar Pudu, baru dapat duit. Kalau tidak dapat, tidak dapat.

Untuk seterusnya saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umum mengetahui bahawa ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan yang sebelum ini bergantung kepada industri minyak dan gas sangat terkesan dengan krisis kejatuhan harga minyak dunia yang secara langsung telah menjadikan ekonomi serantau amnya dan Labuan khususnya menjadi agak mencabar. Menyedari akan hakikat ini dan bagi meneruskan kemapanan ekonomi Labuan di masa depan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan telah berusaha untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi supaya penduduk Labuan dapat menjana pendapatan melalui sektor ekonomi yang lain.

Untuk itu, kerajaan telah menubuhkan satu *taskforce* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri bagi menangani isu kos sara hidup serta membantu pergerakan ekonomi Labuan khususnya memfokuskan kepada beberapa sektor utama seperti sektor pelancongan, pertanian dan pendidikan di samping sektor minyak dan gas serta sektor kewangan luar pesisir sedia ada.

Dalam sektor pertanian, kerajaan telah memperkenalkan dan menggalakkan penanaman pokok kelapa di seluruh kampung di Labuan. Bagi permulaan program, sebanyak 1,125 benih pokok telah disalurkan kepada lima buah kampung dengan anggaran tiga benih pokok kelapa bagi setiap rumah. Ini adalah bertujuan supaya kos pengeluaran santan dapat dikurangkan sekali gus dapat mengurangkan harga makanan yang berasaskan santan kelapa. Selain itu, galakan kepada suri rumah untuk bercucuk tanam bagi menampung keperluan domestik juga diperkenalkan melalui program pemberian biji benih sayuran dan set alat pertanian seperti pasu, tanah, baja, biji benih bayam, sawi, bendi serta anak pokok cili padi untuk 280 unit rumah di Kampung Patau Patau 1 dan Patau Patau 2.

Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensi-agensinya juga turut giat membantu merancakkan ekonomi berdasarkan pertanian di Labuan. Contohnya, Program Pertanian Bandar merupakan program yang membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui mengeluarkan sendiri hasil pertanian sebagai sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian Labuan. Selain itu, kursus pertanian dan usahawan juga giat dilaksanakan dengan kolaborasi bersama Perbadanan Labuan yang bertujuan meningkatkan pendapatan petani, meningkatkan kepakaran teknikal pertanian, mengurangkan kos pengeluaran pertanian, mencari usahawan-usahawan baru dan mengamalkan teknologi-teknologi moden seperti penanaman fertigasi yang lebih mudah, selesa dan tidak memerlukan.

Bagi sektor pelancongan pula, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui kerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah menyediakan strategi jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Antara strategi jangka pendek dan sederhana adalah penjenamaan semula Labuan dengan acara-acara besar dan terkemuka seperti Cabaran Laut Antarabangsa Labuan 2017 serta menawarkan pakej yang menarik kepada pelabur asing khususnya dalam aktiviti ekopelancongan, pelancongan pendidikan dan pelancongan sukan. Manakala strategi jangka panjang pula adalah menyediakan *blueprint* pembangunan Labuan sehingga tahun 2030 dengan mengenal pasti aktiviti-aktiviti dan pembangunan kemudahan pelancongan yang boleh menjadikan Labuan menarik untuk dikunjungi.

Selain itu, untuk merancakkan lagi pembangunan ekonomi di Labuan, *blueprint* pembangunan Labuan juga menekankan agar Labuan dijadikan sebagai hab pendidikan di rantau ini. Setakat ini terdapat beberapa institusi pengajian tinggi asing yang menunjukkan minat untuk melabur dalam sektor pendidikan di Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Labuan adalah sebuah pulau yang dikelilingi oleh Laut China Selatan, sudah pastinya industri perikanan khususnya perikanan laut dalam berpotensi untuk dibangunkan dan boleh menjadi sektor utama penyumbang kepada ekonomi Labuan. Maka kerajaan melalui Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga sedang mengenal pasti dan berusaha menarik pelabur baru untuk melabur di sektor perikanan laut dalam khususnya industri perikanan ikan tuna.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sangat prihatin terhadap warga Labuan dan peka dengan keadaan ekonomi setempat Labuan dan akan sentiasa berusaha membantu menjamin kesejahteraan warga Labuan selaras dengan dasar “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala teguran, pandangan dan cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah kami hargai dan kami akan manfaatkan untuk kepentingan bersama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sen. Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan. Nampak banyak soalan-soalan tadi oleh kita punya Ahli-ahli Dewan Negara. Minat mereka hendak melihat bahawa bandar raya ini terus maju dan ceria untuk semua. Sekarang saya rasa Yang Berhormat Menteri dapat jawab dengan baik dan ahli-ahli puas hati. Terima kasih Yang

Berhormat Senator Dato' Dr. Loga Bala ya dan sekarang saya hendak beralih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Dipersilakan.

2.49 ptg.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama kepada 15 orang ahli yang telah menyentuh isu dan juga perkara berkaitan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang sesi perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja dalam mesyuarat Dewan Negara kali ini.

■1450

Segala pandangan, saranan malahan teguran yang dikemukakan akan saya cuba berulasan dan maklum balas dalam penggulungan ini. Di dalam lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) ataupun *blueprint* kementerian, kementerian mengatakan bahawa kita akan melahirkan pelajar-pelajar yang holistik yang berciri keusahawanan dan juga seimbang. Dengan itu kita lihat bahawa kadar kebolehpasaran telah mula meningkat pada tahun 2016 di mana dia meningkat kepada 77.3 peratus termasuk graduan daripada politeknik ialah lebih tinggi iaitu 88.7 peratus. Tertinggi daripada kolej komuniti sebanyak 97.2 peratus dan daripada institusi pendidikan tinggi swasta sebanyak 72.8 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, angka kebolehpasaran ini adalah berdasarkan kepada kajian tahunan kementerian iaitu satu sistem yang kita panggil Sistem Kajian Pengesanan Graduan ataupun SKPG yang diadakan setiap sesi konvokesyen. Pada tahun 2016, jumlah responden ialah sebanyak 238,187 orang dan ia merupakan sekadar kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kerana melibatkan jumlah sampel yang ramai.

Untuk memastikan momentum kebolehpasaran ini, untuk sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, kementerian telah mengadakan beberapa program antaranya ialah Program Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepada ataupun lebih dikenali dengan nama iCGPA ataupun *Integrated CGPA* yang mana pelajar-pelajar dinilai bukan hanya dari aspek akademiknya semata-mata tetapi nilai dalam aspek keusahawanan mereka, kemampuan pengurusan mereka, kemahiran sosial, kemahiran berkomunikasi, etika dan kerohanian, kemahiran, kepimpinan dan juga jati diri kebangsaan. Ini bermakna kesungguhan ini di mana negara kita merupakan negara yang pertama menggunakan sistem ini kerana sistem yang terdahulunya CGPA yang kita sentiasa dengar hanya mengukur prestasi akademik pelajar semata-mata.

Profesor kita dua tahun yang lalu mengatakan memberitahu kepada saya bahawa kita mampu, kita mampu menterjemahkan keperluan negara untuk mengukur, menilai pelajar-pelajar dalam aspek yang lebih holistik kita melaksanakan program ini. Dengan adanya program ini, kita harap kadar kebolehpasaran mereka akan meningkat.

Satu lagi program yang juga merupakan program ciptaan Malaysia bukan hanya untuk rakyat Malaysia tetapi untuk dunia ialah program 2u2i, dua tahun di universiti dan dua tahun di

industri. Ini juga unik kepada Malaysia kerana kita tidak akan dapat peluang ini negara lain di mana pelajar-pelajar dua tahun belajar di universiti dan dua tahun di industri. Bermakna pelajar-pelajar mempunyai cukup pengalaman industri untuk mereka masuk bekerja. Dengan ini pelajar-pelajar mengikuti program 2u2i ini memang tidak akan ada masalah langsung untuk bekerja.

Sekarang ini masa yang sama UiTM sedang melancarkan sepuluh program 2u2i untuk memastikan pelajar-pelajar mereka- saya tidak ke sana saya datang ke Dewan Negara kerana saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat lebih penting untuk saya ke sana. Sebab itulah kita melihat ini akan meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar-pelajar kita.

Program CEO@Faculty di mana CEO-CEO daripada syarikat-syarikat yang terbesar di dunia dan juga di Malaysia seperti Khazanah Tan Sri Azman, CEO Motorola, CEO Shell, *ExxonMobil*, *Samsung*, *Huawei* yang kita pakai telefon sekarang ini. Ramai yang pakai telefon ini, daripada *CIMB*, *Maybank* mereka datang ke universiti untuk bukan hanya untuk memberi syarahan tetapi juga mereka berinteraksi dengan pelajar dan juga pensyarah. Mereka juga melihat kurikulum agar kurikulum-kurikulum itu selaras dengan keperluan dengan industri semasa.

Program Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) untuk meningkatkan lagi kolaborasi antara IPT dengan industri. Program keusahawanan dengan kerjasama PUNB, TERAJU, MTDC untuk memastikan pelajar-pelajar kita di universiti bukan hanya belajar untuk mendapat pekerjaan sebagai *job seeker* katakan tetapi untuk mereka menjadi *job creator*. Untuk mereka menjadi usahawan dengan erti kata yang lain pendidikan untuk bekerja sendiri ataupun *education for self employment*, bukan masuk universiti untuk kita mencari kerja tetapi masuk universiti untuk kita menjadi penjana pekerjaan. Ini konteks-konteks baharu yang sedang kita laksanakan.

Program *Gap Year* program di mana pelajar boleh meninggalkan pengajian selama setahun secara pilihan, bukan secara paksa. Ini juga menjadi keresahan kepada ibu bapa kerana mereka mengatakan anak mereka akan dipaksa untuk meninggalkan universiti, secara pilihan kerana ada pelajar-pelajar yang ingin memahami diri mereka, *self exploity* tidak tahu apa hendak dibuat selepas itu. Masuk sekolah terus masuk universiti. Terus masuk universiti terus masuk kursus yang kadang-kadang bukan yang mereka minat, yang diminati oleh ibu bapa mereka. Semua hendak jadi doktor, semua hendak jadi *engineer*. Tak tahu yang ramai yang sekarang ini yang perlu ialah *data scientist* yang banyak diperlukan oleh negara kita, *data analytics* sebagainya. Ada yang hendak masuk menjadi sukarelawan, menolong orang-orang miskin, menolong OKU sebagai untuk menimbulkan semangat kesukarelawan di dalam diri mereka.

Ada yang mereka ingin bekerja untuk menampung keperluan keluarga. Ada yang ingin menambah kemahiran, ada yang ingin belajar bahasa-bahasa lain. Inilah keperluan *Gap Year* yang akan kita selaraskan yang akan kita mula pada bulan September ini. Juga kita akan pastikan pensyarah-pensyarah kita 50 peratus dalam bidang teknikal datang mempunyai pengalaman bekerja ataupun pensyarah *practitioner* dan 30 peratus daripada pensyarah kita mempunyai pengalaman bekerja di IPT menjelang tahun 2023.

Untuk memastikan peningkatan kemampuan bahasa Inggeris, kita telah mengeluarkan satu program yang kita panggil *Cambridge Accessible Tests*. Ini kolaborasi dengan *Cambridge Malaysian Education and Development Trust* yang dipengerusikan oleh Tun Ahmad Sarji sendiri dan juga di

bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mana standard ataupun standard bahasa Inggerisnya ialah selaras dengan yang digunakan oleh *Common European Framework of Reference for Languages* ataupun CEFR. Bermakna guru-guru kita yang lulus dengan C1, C2 di dalam *Cambridge Accessible Tests* ini boleh mengajar di negara-negara Eropah. Itu yang sedang kita laksanakan untuk memastikan taraf penggunaan bahasa Inggeris terus meningkat.

Ini masih lagi dalam konteks kebolehpasaran. Pelaksanaan program dwi-ijazah, di mana pelajar yang bergraduan berijazah dalam dua bidang. Ini telah dilaksanakan oleh USIM, Universiti Sains Islam Malaysia di mana pelajar-pelajar Quran dan Sunah boleh juga bergraduat dalam bidang kedua iaitu bidang Kaunseling dan juga bidang Sains Komputer. Pelajar-pelajar dalam bidang *fiqh* dan fatwa juga boleh bergraduat dalam Bioteknologi Makanan. Jadi mereka bergraduat dalam dua bidang. Sebenarnya di kementerian kita menggalakkan pelajar-pelajar kita bergraduat dalam lebih banyak bidang tetapi ini akan memakan masa Tuan Yang di-Pertua kerana ini perlu satu kurikulum baharu ini satu pengubahsuaian yang baharu yang perlu diadakan kerana kalau kita lihat zaman kegemilangan Islam dahulu mereka tidak ada bidang-bidang hanya bidang katalah mereka pakar dalam fizik semata-mata ataupun pakar dalam bidang Matematik semata-mata ataupun pakar dalam bidang usuluddin semata-mata. Ini kerana kita hendak gabungkan mereka dalam pelbagai bidang ataupun dalam bentuk *multidisciplinary*.

■1500

Seterusnya, dengan itu kita harap dengan program-program yang telah kita laksanakan kita harap kebolehpasaran graduan kita, pelajar kita akan menjadi bertambah baik untuk meningkatkan momentum yang telah baik masa kini.

Berhubung dengan pertanyaan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan juga Yang Berhormat Senator Mustapa Kamal tentang penyalahgunaan dadah. Kementerian sedang bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan juga Agensi Antidadah Kebangsaan. Ini untuk menganjurkan program-program kesedaran dan juga untuk meningkatkan pemantauan dan juga penguatkuasaan disiplin di IPT untuk memastikan kita dapat mengurangkan isu-isu yang dikemukakan tadi.

Yang Berhormat Senator Engku Naimah Engku Taib, nama ini agak *familiar*, bertanya tentang kos sara hidup pelajar-pelajar. Kita jangan lupa bahawa sejak kerajaan telah melaksanakan program ataupun Perbadanan PTPTN untuk mengatasi kos sara hidup pelajar-pelajar. Itu yang mana kerajaan telah belanja hampir RM50 bilion telah dapat memberi pinjaman kepada lebih dua juta pelajar. Setahun lebih kurang 200 ribu pelajar. Janganlah kita lupa usaha kerajaan yang begitu besar untuk memastikan tidak ada anak-anak yang ketinggalan, tidak ada anak-anak yang tidak boleh pergi belajar oleh kerana mereka tidak ada duit.

Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan beberapa program baru seperti Kad Diskaun Siswa 1Malaysia yang memberi peruntukan hampir RM300 juta yang dinikmati oleh 1 juta pelajar. Kita lihat ada bantuan-bantuan seperti zakat, tabung kebajikan dan 18 lagi bentuk penajaan biasiswa serta bantuan kewangan lain untuk para pelajar yang berkelayakan. Saya telah bercakap dengan universiti-universiti dan mereka telah berjanji bahawa tidak akan ada pelajar-pelajar miskin yang tidak boleh meneruskan pelajaran mereka oleh kerana mereka tidak ada kewangan. Itu komitmen

yang telah diberi oleh semua naib canselor-naib canselor. Akan tetapi kadang-kadang pelajar ini dia malu, dia segan dan juga ada peluang-peluang pekerjaan yang disediakan di universiti untuk memastikan mereka juga boleh menjana sedikit sebanyak pendapatan semasa mereka di universiti.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul telah mengatakan tentang pelajar yang layak dan juga daripada keluarga kurang mampu iaitu B40 untuk masuk ke universiti. Sebenarnya setiap tahun IPTA memperuntukkan 10 peratus dari unjuran pengambilan pelajar kepada pelajar yang layak dalam golongan ini. Saya mohon kerjasama kepada semua Yang Berhormat, jika ada nama-nama yang demikian, utarakan kepada kami. *Insya-Allah* saya mengatakan bahawa kami memberi penekanan kepada mana-mana pelajar juga yang memang di bawah golongan B40 yang miskin, yang patut dibantu, yang atas pagar kurang sikit pun tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Kita akan bantu mereka kerana memang mereka tidak mendapat peluang yang sama dengan pelajar-pelajar yang lebih baik. UiTM juga melaksanakan Program Destini Anak Bangsa dan juga Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar memberi bantuan kewangan daripada tabung kebajikan untuk memastikan pelajar-pelajar saya katakan tadi yang tidak mampu, terus belajar di universiti ini dan juga dapat sokongan juga daripada psikologi, Unit Psikologi dan Kaunseling universiti untuk mereka terus belajar.

Yang Berhormat Engku Naimah Engku Taib juga berkata tentang program *Glitters and Kitchen Soup* yang harus diadakan. Ini juga saya mengatakan bahawa universiti sedang melaksanakan juga memberi makanan-makanan percuma. Ada universiti yang memberikan makanan percuma, dia letakkan dalam satu tempat yang mana pelajar boleh mengambil makanan-makanan tersebut sebenarnya. Ini juga disarankan oleh Senator yang prihatin iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat juga tentang perkara yang sama.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar juga berkata tentang PTPTN, pengambilan pelajar-pelajar di bawah PNGK 2.0. Saya ingin mengatakan bahawa PTPTN kekal dengan polisi sedia ada iaitu berkaitan penahanan bayaran pinjaman kepada pelajar yang memperoleh PNGK 2.0 dan ke bawah. Akan tetapi kita akan memulakan dengan kaunseling memahami pelajar tersebut dan kita hendak pelajar di universiti belajar. Itu yang pokoknya, asasnya. Kita tak mahu mereka mula keluar berfoya-foya, hidup dengan kadang-kadang terlibat dengan demonstrasi, terlibat dengan usaha-usaha politik yang tidak positif terhadap negara. Jadi mereka, pelajar-pelajar perlu tumpu perhatian mereka kepada pendidikan mereka, kepada pengajian mereka. Akan tetapi *alhamdulillah*, saya juga ingin mengatakan bahawa terkemudian ini...

Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar: Yang Berhormat Dato' Seri, saya ingin bertanya mengenai pelajar yang dipotong apabila *pointer* mereka rendah. Mereka sendiri juga sebenarnya tertekan belajar di sana dan ada di antara mereka memang pendapatannya di kalangan ibu-ibu mereka yang orang susah, memang ada menanggung adik-adik yang ramai. Jadi, apakah salah sekiranya pihak kementerian memandang ataupun membantu mereka ini daripada tekanan-tekanan ini? Itu sahaja harapan saya.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Untuk kes-kes tertentu bukan sebagai satu polisi, sebab itu saya katakan tadi jika ada anak yang tertekan, ada masalah keluarga. Kita dapat ada kanak-kanak yang telah mendapat PTPTN, duit itu dihantar untuk

keluarga mereka Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana memang mereka datang daripada keluarga yang miskin dan kalau Yang Berhormat boleh memberi nama pelajar tersebut secara perkara khusus, *insya-Allah* kita akan melihat perkara itu secara khusus dan tidak bukan secara polisi. Ini kerana ada juga yang memang tidak belajar, Masuk universiti tidak belajar. Tidur, asyik main *game* sahaja ini, ini kita tidak boleh memberi pertimbangan. Akan tetapi untuk khusus yang sedemikian, memang saya katakan tadi memang kita akan lihat jika kita boleh memberi mereka kaunseling, unit psikologi boleh berjumpa dengan mereka, *insya-Allah* kita akan bantu mereka. Ini kerana niat kita memberikan pendidikan ini untuk mendidik anak bangsa kita. Jadi, tidak ada sebab mengapa mereka perlu diketepikan oleh kerana kesusahan yang mereka hadapi.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim Kader tadi juga bercakap tentang fleksibiliti kepada pelajar-pelajar yang mana kita melihat bahawa pelajar-pelajar yang meminjam dengan PTPTN ada satu langkah iaitu Dasar Pinjaman Boleh Ubah di mana Kementerian memperkenalkan satu lagi langkah usaha mengutip semula tunggakan hutang, di antaranya untuk memberi diskaun bayaran balik sebanyak 15 peratus bagi penyelesaian penuh keseluruhan baki hutang. Ini diskaun 15 peratus jika bayar semua baki hutang dan 10 peratus diskaun bagi pembayaran separuh dan dari pinjaman menyediakan kemudahan bayaran dan kita menyediakan kemudahan bayaran melalui kaunter bank. Tidak cukup lagi, di KLIA 2 pun ada. Jika mungkin rasa lebih duit di KLIA 2 itu, boleh berjumpa dengan pegawai-pegawai kita di KLIA 2 yang juga beroperasi selama 24 jam satu hari.

Ini dikatakan PTPTN ini pertamanya, memberi peluang kepada pelajar-pelajar. Keduanya, boleh bincang. Ini ialah *tagline* PTPTN, yang kena tu yang tidak bincang. Kalau ada masalah apa pun boleh bincang, memang boleh bincang. Ini kerana kita lihat walau bagaimanapun, saya hendak berterima kasih juga kerana jarang dikatakan oleh rakyat Malaysia bahawa pembayaran PTPTN telah meningkat. Orang Malaysia telah mula membayar. Kalau dahulu, tahun lalu, sasaran kutipan PTPTN ialah RM2 bilion, tetapi PTPTN kutip RM3.4 bilion, bukan RM2 bilion. Tahun ini *insya-Allah* akan tingkatkan lagi. Kalau tahun lalu sasaran RM2 bilion, tahun ini tingkatkan kepada RM4 bilion.

■1510

PTPTN tidak boleh kutip jika rakyat Malaysia tidak membayar. Kalau budaya membayar, budaya dan tanggungjawab membayar untuk melihat masa depan lebih cemerlang dalam bidang pendidikan tidak wujud, kita tidak akan melihat peningkatan dia begitu mendadak. Saya ingin merakamkan perkara ini kerana kadangkala orang hanya berkata hutangnya tidak bayar. Akan tetapi ini satu rekod prestasi PTPTN yang perlu mendapat tepukan yang hebat sebenarnya daripada Dewan pada hari ini, jangan kita lupa... [Tepuk]

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, juga berkata tentang *ranking* universiti. Sememangnya kita amat faham dan kita memang nyata bahawa universiti kita dari segi kedudukan *ranking*-nya telah bertambah baik, sebab itu kalau mana-mana kita pergi kita dengar pelajar-pelajar berkata, *soaring upward*. Bukan hanya berkata *soaring upward* dengan tangan-tangannya sekali Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua dengan tangan dia orang angkat macam ini 45 darjah, dan kalau seronok lagi dia jolok lagi mengatakan kegembiraan mereka melihat peningkatan yang terus berlaku di universiti kita masa kini dan ini diiktiraf oleh dunia.

Saya semasa dua minggu yang lalu di Istanbul, di Ankara, di Riyadh memang kita mendapat pengiktirafan daripada mereka dan kita juga diiktiraf oleh Kerajaan United Kingdom kerana pada tahun hadapan mereka akan membawa satu *conference* yang besar yang sentiasa diadakan ke seluruh dunia ke Malaysia pada tahun hadapan sebagai pengiktirafan bahawa sistem pendidikan kita terus bertambah baik. Kalau kita lihat dari segi *ranking*-nya Universiti Putra Malaysia (UPM) telah meningkat 61 anak tangga daripada *ranking* 331 ke 270, ini *QS World Ranking*. Diikuti dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meningkat 15 anak tangga ke 288, diikuti dengan Universiti Malaya (UM) yang terbaik sehingga kini yang meningkat sebanyak 13 anak tangga ke *ranking* 133 di dunia.

Sebenarnya nak katakan juga bahawa universiti penyelidik kita, Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Universiti Malaya (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan tinggal satu lagi- Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Malaya (UM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merupakan universiti yang satu peratus terbaik di dunia. Ini tidak boleh disangkalkan kerana kita antara 300 terbaik di dunia kalau kita banding dengan 30,000 universiti seluruh dunia dan ini diiktiraf oleh dunia kerana mereka tidak boleh.

Saya di Riyadh baru-baru ini apabila sebuah universiti daripada Amerika mengatakan kita tidak perlu, ada juga di Malaysia pun ada juga yang mengatakan kita tidak perlu *ranking*. Saya bercakap dengan beliau mengatakan di US boleh berkata demikian kerana mereka sudah *established*. Di Malaysia kalau kita kata kita baik macam mana kita hendak mengatakan kita baik kalau kita tidak boleh melihat peningkatan dari aspek *ranking*. Beliau senyaplah tidak jawab soalan saya itu. Mula-mula membuka forum mengatakan *ranking* tidak perlu, di Malaysia pun ada juga mengatakan demikian. Akan tetapi, apabila saya menjawab saya mengatakan bagaimana kita nak mengukur kehebatan peningkatan pendidikan negara tanpa *ranking*. Jadi ini telah menarik perhatian.

Walau bagaimanapun, kita lihat bukan semua universiti harus mengejar *ranking* dan saya mengatakan bagaimanapun sebagaimana dikatakan oleh universiti daripada Amerika itu, *ranking* bukan segala-galanya sebab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tidak terlalu perlu sangat mengejar *ranking*. Ini kerana ukuran pencapaian Universiti Islam Antarabangsa ialah dalam bidang Islam bukan dalam bidang *world ranking*. Walau bagaimanapun, kita lihat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sudah mengurangkan fokusnya daripada *US ranking* kerana berpendapat pengukuran kecemerlangan sesebuah IPT Islam yang dibangunkan oleh Pertubuhan Pendidikan Islam, Saintifik dan Kebudayaan (ISESCO), adalah dengan menggunakan sistem penarafan yang agak berbeza.

Akan tetapi walaupun *ranking* tidak naik, orang kata baru ini tetapi pasukan pendebat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) muncul juara pada perdebatan Pertandingan Debat Antara Universiti ataupun *Cambridge Intervarsity Debate* menjadi nombor satu dalam dunia mengalahkan Orang Putih di negara mereka itu sendiri, mengalahkan *Harvard*, mengalahkan *Oxford* di *Cambridge University*. universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) juga merupakan universiti terbaik dunia dalam penerbitan perbankan Islam untuk tempoh dua tahun berturut-turut sejak 2015, ini mengatakan kecemerlangan dan baru-baru ini Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM), Profesor Dato' Seri Dr. Zaleha Kamaruddin menerima anugerah emas (ISESCO) daripada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) baru-baru ini.

Tambah satu lagi tidak ada dalam teks ini kerana baru ini minggu lalu, pendebat kita daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) juga menang nombor dua debat bahasa Arab dengan orang-orang Arab di Tanah Arab. Tahniah kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)... [Tepuk] Lambat hendak tepuk, tadi tidak tepuk tetapi tidak apalah. Sama juga dengan yang dikatakan tentang USM, walaupun kita lihat ada sedikit penurunan tetapi penarafan *Times Higher Education* yang universiti ranking 2017 bagi universiti berusia kurang 50 tahun telah memberi pengiktirafan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai 200 universiti terbaik di dunia, kedudukan 181 dan juga ada 50 subjek Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadikan ia yang tertinggi *top 50 in the world*, iaitu dalam bidang *engineering chemical* di nombor 38, *engineering mineral* dan *mining* nombor 35 dalam dunia, ini kita bayangkan ada 30,000 universiti dalam dunia ini. Kita nombor 38, 35, *hospitality and leisure management* nombor 32, *environmental science* nombor 50 dan dalam subjek top 100, tadi *top 50. Top 100 architecture, geology, pharmacy, computer science*, banyak-banyak pada *computer science engineering, electrical, civil, mechanical, development of study education* negara kita universiti negara kita berada di tingkat yang top 100 dua.

Ini boleh dibanggakan kerana inilah peningkatan-peningkatan yang sentiasa berlaku dalam negara kita. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin juga bercakap tentang program asasi Al-Syahadah Al-Ulya Ulul Albab, ini orang Terengganu ini memang dia hebat sikit yang telah diperkenalkan di Terengganu. Akan tetapi kalau kita lihat, kebanyakan hendak melihat bagaimana kita hendak wujudkan sebuah universiti yang terhebat. Tetapi nilai-nilai yang telah kita terapkan kerana tiga nilai Ulul Albab iaitu *Al-Quranic, Ensiklopedic* dan *Istihadic*. *Quranic* mengatakan teras-teras, prinsip agama Islam itu terus dikekalkan di universiti yang mana telah diterapkan pada pelajar-pelajar terutama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan juga di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dalam konteks saya katakan konteks *Ensiklopedic* tadi yang memberi gambaran *multidisciplinary* telah saya katakan telah diwujudkan sejak dulu lagi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang undang-undang, undang-undang sivil dan juga undang-undang agama. Dalam bidang tadi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang saya katakan tadi di mana mereka mengambil dua bidang dan kita menggalakkan universiti kita untuk terus melaksanakan program-program *multidisciplinary* ini, dan juga program *multilingual*, di mana kita galakkan pelajar-pelajar kita bukan hanya boleh belajar satu bahasa, dua bahasa sudah rasa okey sudah. Pelajar-pelajar kita digalakkan mempelajari tiga, empat bahasa.

Biarlah pelajar-pelajar kita boleh Bahasa Malaysia dengan baik, boleh bertutur bahasa Inggeris dengan baik, boleh bertutur bahasa Arab dengan baik Tuan Yang di-Pertua- *lughatul Arabiyah*. Boleh bertutur bahasa Mandarin apa salahnya dengan baik, bahasa Tamil dengan baik. kalau pergi Madras boleh- '*guduk*', '*guduk*', '*guduk*', senang. Jadi macam Dato' Aziz itu, dia senang very senang, kita pun senang Yang Berhormat. Kita pun ada kawan kita di sini. Ini nilai *ulul albab*

sebenarnya, dan juga dalam konteks *istihadiq*-nya dalam konteks kita lihat budaya inovasi dan kreativiti yang sedang kita laksanakan di universiti itu sendiri.

Yang Berhormat Senator Hajah Azizah binti Haji Harun bertanya tentang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pengiktirafan telah mendapat pengiktirafan Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang. Sebenarnya bagi mendapat pengiktirafan penuh, satu lawatan penilaian oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berlangsung pada bulan lepas, di bulan Mac yang lalu.

■1520

Dimaklumkan laporan dijangka akan dikeluarkan pada bulan Julai tahun ini, dua bulan lagi. USIM telah mendapat kelulusan penawaran program undang-undang daripada KPT. KPT telah luluskan, pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga telah mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2010 lagi. *Insya-Allah* tunggu pada bulan Julai ini, *insya-Allah* akan mendapat akreditasi penuh.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertanya tentang fakulti kejuruteraan di UiTM Machang dan juga UMK. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, universiti ada tujuhan-tujuhan mereka yang tertentu. Di UMK tujuhan mereka ialah keusahawanan, begitu juga di UiTM Machang. Jadi hanya beberapa universiti sahaja yang mendapat tujuhan, ada tujuhan *engineering* kerana kosnya tinggi. Jadi sebab itu kita tidak bercadang untuk memastikan semua cawangan ada kejuruteraan. UiTM Machang memang hebat dalam bidang keseniannya, khatnya, *mural painting*, dalam bidang perniagaan, itu tujuhan yang ada di UiTM Machang yang *insya-Allah* akan kita perkuatkan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan juga untuk Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib, tulis Naim pula di sini, saya tahu bapanya nama Taib, ini dia tulis silap sinilah. Akan tetapi tidak apa saya tahu bapa dia. Sebenarnya angka-angka yang dikemukakan itu kita lihat bilangan pelajar Malaysia luar negara adalah telah, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin tolong saya ini, angka baru, angka yang baru didapati tadi. Mengikut program perubatan ialah 7,827 orang diikuti farmasi seramai 1,019 orang dan pergigian 1,404 orang. Di Arab Saudi sahaja sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah, bilangan pelajar Malaysia ialah 329 orang pelajar.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga bercakap tentang pensyarah-pensyarah yang sudah tidak disambung kontrak mereka. Ini juga perlu diberi penjelasan kerana kerajaan sentiasa dituduh menggugurkan pensyarah-pensyarah seolah-olahnya kerajaan sudah tidak ada wang. Itulah yang hendak dikatakan oleh ramai pihak terutama oleh pembangkang. Sebenarnya apa yang berlaku di Kementerian Pendidikan Tinggi, ada pengurangan 9.3 peratus peruntukan, memang betul. Bukan ada yang kata 19 peratus, ada yang kata 20 peratus, ada yang kata 30 peratus, ini semua angka tidak betul.

Angkanya 9.3 peratus pengurangan kerana ini selaras dengan Pelan Strategi Universiti Awam Malaysia untuk mengurangkan pergantungan universiti kepada kerajaan kerana pergantungan universiti kepada kerajaan masa kini ialah di antara 80 peratus hingga 90 peratus, terlalu tinggi. Chulalongkorn University dan Thammasat University, jiran kita pergantungan kepada

kerajaan hanya 30 peratus. Di seluruh dunia puratanya lebih kurang 40 peratus hingga 50 peratus. Jadi pengurangan ini perlu untuk memastikan *sustainability* universiti kita. Sejak tahun 2007 lagi, sejak Yang Berhormat Dato' Pa, Dato' Sri Mustapa Mohamed menjadi Menteri, sudah dikeluarkan satu perancangan untuk mengurangkan pergantungan kepada 70 peratus.

Jadi sebab itu kerajaan telah membuat pengurangan tersebut sebanyak 9.3 peratus. *Alhamdulillah* melalui proses peningkatan, keberkesanan, *efficiency* dan produktiviti, kita lihat universiti kita mampu. Memang di peringkat permulaan ini agak payah sedikit, tidak ada orang suka duit mereka dipotong.

Saya hendak buat satu contoh yang baik, di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di mana dengan peningkatan, keberkesanan dan produktiviti, mereka boleh mengurangkan perbelanjaan sebanyak enam peratus. Pemotongan yang mereka hadapi hanya lima peratus. Bermakna mereka dapat satu peratus lebih daripada proses-proses peningkatan produktiviti dan *efficiency* tersebut.

Jadi oleh itu, pensyarah selepas 60 tahun atau pensyarah kontrak itu akan dinilai tentang sumbangan mereka kepada universiti. Tidak ada universiti yang akan menggugurkan ataupun tidak akan menyambung pensyarah-pensyarah jika pensyarah-pensyarah itu produktif. Pensyarah-pensyarah boleh bawa duit kepada universiti apabila mereka melaksanakan program-program penyelidikan. Duit daripada Amerika, duit daripada *Newton Funds*, UK, duit daripada Jepun, duit daripada Australia, boleh buat duit daripada Arab Saudi, seluruh dunia. Pensyarah yang hebat, profesor-profesor yang hebat boleh membawa duit ke universiti dan sememangnya universiti tidak akan menggugurkan mereka. Yang digugurkan sebilangan kecil memang ada yang dirasakan kurang sesuai dengan universiti. Itulah tindakan yang telah diambil.

Berhubung dengan juga Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga bercakap tentang Instech. Saya hendak mengatakan bahawa di sini langkah-langkah kerajaan semula sedang diadakan untuk melihat kedudukan Instech yang sebenarnya. Ini juga telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan kita boleh melihat agar Instech dapat dipulihkan. Ini harapannya dan *insya-Allah* kajian akan dibuat untuk melihat kedudukan Instech yang sebenarnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul sekali lagi mengatakan tentang pelajar-pelajar TVET dan juga pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya patut mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri di atas kejayaan pihak kementerian dan universiti di dalam proses kecemerlangan universiti kita.

Bercakap tentang pensyarah, saya ini bekas Naib Canselor UITM. Selalu kita tidak boleh menafikan kedengaran sedikit rungutan di kalangan pensyarah walaupun pihak kementerian memang telah membuat banyak betul insentif-insentif yang diberikan kepada pensyarah bahkan termasuk mengadakan hari kecemerlangan akademik dan berbagai-bagai. Saya memikirkan Yang

Berhormat Menteri hendak naikkan sedikit semangat pensyarah. Kalau selama ini guru pun ada Hari Guru, kita sebagai untuk mengiktiraf khidmat jasa *contribution* pensyarah, boleh tak kalau Hari Guru pun ada, boleh tak Hari Pensyarah pun kita adakan sama. Itu soalan saya.

Kalau boleh saya minta kita gazetkan satu hari, ia untuk mengiktiraf sebagai hari guru untuk pensyarah ini. Tujuan saya yang sebenarnya Yang Berhormat Menteri untuk menyokong Yang Berhormat Menteri lagi sebab Yang Berhormat Menteri telah buat cukup banyak *contribution*, jasa yang mengukuhkan nama baik kerajaan dan kementerian. Pada pandangan saya yang kerdil ini kalau kita buat Hari Pensyarah, tidak banyak sikit ada impaknya di dalam sokongan pensyarah terhadap kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator. *Insya-Allah* kita akan, ingat kita buat ialah perkara yang baik ini Yang Berhormat kita buat saja. Kita tunggu lama-lama hendak gazet tunggu gazet, payah, kita buat saja. *Insya-Allah* kita cari satu masa dan kita akan mengadakan Hari Pensyarah. Setuju... [Tepuk]

Juga saya hendak mengatakan di sini bahawa tidak ramai yang tahu bahawa skim pensyarah ini satu skim yang antara yang terbaik. Kalau tidak yang terbaik pun kerana setiap mereka yang menjadi pensyarah, yang dapat lulusan PhD terus akan mendapat tangga gaji Gred 51, terus, tidak ada bawah-bawah lagi. Dia dapat PhD, terus menjadi pensyarah, dia akan diberi Gred 51. Kenaikan pangkatnya ditentukan oleh universiti, bukan lagi oleh orang lain. Ini kerana kita memberi autonomi kepada universiti untuk menentukan gred pensyarah, kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah.

Jadi juga jika baik dengan penerbitannya, dengan pengajarannya, dengan apa juga yang dilaksanakan oleh pensyarah itu, terus boleh meningkat dalam umur yang begitu rendah, begitu mudalah boleh tingkat menjadi Profesor Madya, boleh jadi profesor. Itu ditentukan sendiri oleh universiti.

■1530

Jadi saya hendak mengatakan bahawa- kerana ada ramai yang memberi persepsi bahawa skim pensyarah kita ini tidak berapa baik. Saya hendak mengatakan memang ia antara yang terbaik sebenarnya. Kita perlu beri penjelasan kerana pendidikan itu mustahak. Untuk menarik mereka yang terbaik, perlu ada satu skim yang terbaik untuk pensyarah-pensyarah kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan KPT yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi KPT mengucapkan setinggi-tinggi...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: [Bangun]

Dato' Haji Mohd. Suhami bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila, sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak memperkuatkan lagi kedudukan kementerian KPT ini. Salah satu isu yang saya rasa kita patut ambil berat ialah isu berkaitan dengan integriti. Kebelakangan ini kita dengar banyak tuduhan yang mengatakan di kalangan kita, saya fokus kepada IPT sahaja, di kalangan kita

pensyarah-pensyarah yang menggunakan *title* doktor, yang menggunakan PhD palsu, yang menggunakan *title* profesor dan berbagai-bagai.

Pada saya, isu ini kalau kita tidak bendung, makin lama makin jadi serius terutama apabila kita berkata kita merupakan sebuah satu *academic institution*. Saya rasa kita tidak boleh membenarkan kakitangan kita, tidak kira di atas ataupun di bawah, yang menggunakan *title* doktor walhal mereka tidak doktor, menggunakan PhD walhal mereka tidak PhD, menggunakan profesor walhal mereka tidak profesor.

Banyak kes saya dapatti mereka yang mendapat *honorary doctorate* di samping doktor palsu tadi, mereka yang mendapat *honorary doctorate* ataupun *honorary PhD*, mereka menggunakan "Dr". Ini tidak boleh. Mereka mungkin boleh gunakan dalam surat, itu pun *in bracket*. Begitu juga yang mendapat *adjunct professor*. Mereka menggunakan *title* profesor. Ini telah menjadi buah mulut. Kalau dahulu, kita marah apabila orang menggunakan Dato'. Di dalam *academic institution*, saya rasa ini pun satu jenayah, satu *crime academic* yang patut kita lihat kembali demi memantapkan integriti dan nama baik institusi kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa perbahasan saya, saya juga menimbulkan soal dadah di kalangan pelajar-pelajar, Yang Berhormat Menteri, mungkin sepantas lalu untuk IPTA dan IPTS. Akan tetapi apa saya maklumkan ialah peningkatan dadah di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan khusus kepada IPTA, IPTS ini.

Saya pernah berjumpa dengan kumpulan-kumpulan pelajar universiti ini dan mereka menyatakan bahawa di dalam kampus itu memang ramai pengguna dadah. *They are not addicted*. Dia menggunakan dadah semasa peperiksaan. Tiga hari sebelum peperiksaan, mereka akan ambil syabu *ice* kerana mata mereka boleh buka tiga hari berturut-turut tidak tutup. Sebelum itu, mereka akan menggunakan ganja untuk menenangkan diri mereka. Dan pihak Narkotik PDRM telah pun menangkap *pusher* yang terdiri daripada mahasiswa sendiri. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pendekatan yang kita ambil?

Kita dapat juga makluman bahawa di UTM, ada subjek kurikulumnya berhubung dengan dadah ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri kalau kita wajibkan subjek penggunaan dadah ini di setiap IPTA dan juga IPTS? Supaya anak-anak mahasiswa ini diberi maklumat lengkap berhubung dengan dadah dan mereka ini juga di dalam kursus ini boleh menjaga sekolah-sekolah rendah yang berdekatan dengan universiti tersebut supaya penurunan maklumat ini boleh turun kepada anak-anak kita yang masih kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya jawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi dahululah. Sebenarnya memang kita faham dan kita sedang pantau penyalahgunaan dadah di universiti. Akan tetapi, kita tidak dapat laporan sebagaimana ia begitu teruk. Walau bagaimanapun, kita tak nak menafikan jika ia benar-benar berlaku.

Oleh sebab itu, saya mohon Yang Berhormat memberi maklumat yang lebih terperinci tentang perkara tersebut. Memang kita tidak mahu gejala dadah ini yang merupakan satu musuh utama negara menular di kampus. Kita sedang mencari cara-cara bagaimana dan sebagaimana

yang saya telah jawab tadi, bahawa kita akan mempertingkatkan kerjasama dengan PDRM, Polis Diraja Malaysia dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk memastikan peningkatan kesedaran.

Akan tetapi kesedaran tidak mencukupi tanpa kita memantau dan juga kita menguatkuasakan disiplin itu sendiri. Memang ada yang kita tangkap, memang ada yang kita buang terus daripada universiti kerana ada antara mereka kita rasakan tidak ada maaf bagi mereka. Itu yang menyebabkan mak bapa mereka datang menangis-nangis lagi hendak. Akan tetapi bagi kita, dadah ini tidak perlu kita terlalu berkompromi. Kita perlu meningkatkan disiplinnya.

Sukacita saya mengatakan bahawa saya mohon kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk memberi maklumat yang lebih terperinci agar kita mengambil tindakan. Ini kerana memang mungkin pensyarah universiti tidak tahu. Syabu ini kalau sesetengahnya memang serius. Syabu *ice* bunyinya, syabu *ice*. Kalau ganja itu boleh tahan sedikitlah bunyinya. Tapi kalau syabu *ice* digunakan, tidak tahulah, takut tidak boleh jawab soalan langsung. Walau bagaimanapun, kita melihat ini satu perkara yang serius dan *insya-Allah*, kita akan pastikan ia tidak akan berlaku di universiti.

Yang Berhormat Tan Sri Dr. Ibrahim Shah juga mengatakan tentang integriti di IPT dengan penggunaan *title* doktor, PhD palsu. Universiti-universiti yang berkenaan sudah mengambil tindakan sebenarnya kepada mereka ini. Ia di dalam proses mahkamah di mana mereka akan didakwa, mereka yang menggunakan *title* palsu dengan universiti tersebut. Ada beberapa universiti telah mengambil tindakan terhadap mereka. Kemudian ada nampak *slow* sedikit tetapi naik balik, ada juga ini, kerana seronok guna doktor walaupun tidak ada doktor.

Mereka yang menggunakan *honorary doctorate*, yang dapat *honorary* pun nak guna doktor juga. Hendak jadi doktor, belajar betul-betul macam Datuk Dr. Mary ini, betul dapat doktor. Okey, bagus, tahniah Dr. Mary, Timbalan Menteri saya.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih. *Thank you.*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tepuk sedikit. Tak tepuk langsung... [*Tepuk*] [*Ketawa*]

Ini juga perlu diberi makluman kerana ada kita tidak faham bahawa jika kita mendapat *honorary doctorate* ataupun ijazah kehormat, tidak boleh guna. Kalau hendak guna pun, bubuh dalam *bracket*, dalam kurungan. Sama juga dengan *adjunct professor*. Mengajar di universiti dapat *title adjunct professor*, tidak boleh guna. Dia boleh guna dalam *bracket* sahaja sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi.

Insya-Allah, kita akan terus membendung. Kita akan terus memberi kefahaman. Kadang-kadang kita dengar pun hebat dah orang itu doktor, kita pun terus syok, tak *check* langsung. Kita *check* dahulu. Kita telah memaparkan di *website* senarai-senarai setiap universiti telah memaparkan nama-nama senarai mereka yang telah mendapat ijazah kedoktoran daripada universiti mereka. *Insya-Allah*, dengan cara ini, kita dapat membendung penggunaan-penggunaan yang tidak diperlukan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Yang Berhormat Menteri, ada satu perkara lagi. Pertamanya nak terima kasihlah, hebat Menteri KPT ini. Menteri mari, Timbalan Menteri mari. Gandingan hebat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri- ini rakyat suruh tanya ini. Kolej Komuniti Rantau Panjang itu bila nak buat? Dah pergi tengok dah, dah pergi ukur dah. Surat tawaran tidak ada lagi *until now*. Jadi rakyat Rantau Panjang tanya, bila hendak buat? Pilihan raya dah dekat dah. Hari itu sudah diuar-uarkan tiga kursus, kursus pun sudah dibuat. Hendak ambil 100, 100, 100, 300. *Until now*, tidak tahu *ending*-nya di mana.

Kedua, Yang Berhormat Menteri, pengambilan atau hendak lantik timbalan naib canselor universiti ini kena tengok juga. Jangan pakai lantik. Kena lantik orang yang pro kerajaan. Jangan lantik orang yang menentang kerajaan. Terima kasih.

■1540

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih di atas dua cadangan yang bernas oleh Abe Lah ini, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah tentang pelantikan. Memang kita senarai kadangkala senarai itu kita menggunakan melalui- sebenarnya sekarang pemilihan Naib Canselor dan juga Timbalan Canselor Universiti ini melalui suatu proses yang begitu ketat yang melihat potensi, kemampuan dan *competency* pensyarah-pensyarah tersebut dan diberi markah oleh orang luar bukan hanya orang dalam, itu pertamanya.

Selepas ia dapat lepas daripada saringan tersebut, ia datang kepada satu *Select Committee* yang akan menemu duga mereka. Pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah tadi akan kita pandang dengan serius supaya tidak ada kesilapan. Kadang-kadang baik di hadapan Tuan Yang di-Pertua tetapi belakang dia tidak berapa jadi, ada juga begitu. Kadang-kadang kita ada silap, kita kena terima hakikat tersebut. Akan tetapi kita akan pastikan yang masa-masa akan datang agar mereka tidak jadi musang bulu ayamlah.

Untuk kolej komuniti...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Yang Berhormat Menteri, kalau kita sudah selepas lantik itu silap kita tidak boleh tukarkan dia, tukarlah. Takkan hendak tunggu habis *term*. Rosak kerajaan ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, kita lihat status pelantikan mereka, Yang Berhormat. Kita tidak boleh buat semberono, universiti itu banyak dia punya cara-cara. Akan tetapi *insya-Allah* pandangan Yang Berhormat itu kita ambil dengan pandangan yang penuh positif. Terima kasih, Yang Berhormat. Akan tetapi yang besarnya saya tahu Yang Berhormat hendak tanya fasal kolej komuniti kawasan Yang Berhormat itu. *Insya-Allah* saya akan balik, saya akan bincang dengan mereka agar kita dapat cepatkan lagi pelaksanaannya lebih cepat daripada tarikh yang mereka telah beri kepada saya, *insya-Allah*.

Terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan *insya-Allah* saya syukur kerana dengan kerjasama semua pihak keadaan di IPT kita terus meningkat ataupun saya katakan tadi terus *soaring upwards*. *Insya-Allah* itu akan memastikan sebagaimana janji saya kepada rakyat Malaysia sebagai seorang Menteri saya akan pastikannya sebagai agar rakyat Malaysia mendapat

sistem pendidikan tinggi yang terbaik di dalam negara mereka. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]* *Assalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi. Saya mendengar dengan penuh teliti dan gembira jawapan-jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kita. Saya hendak beritahu bahawa Yang Berhormat tahu saya lama berkhidmat dalam Kementerian Pendidikan dan Pelajaran. Sekarang Menteri Pendidikan itu sudah menjadi Perdana Menteri. Saya dengar menerusi ini juga hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya hendak katakan sebagai mantan pegawai kementerian ini saya rasa mahu terus terang cakap kemajuannya berterusan nampaknya. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]*

Satu-satu diterokai kemajuan, pendidikan ilmu macam-macam kita tengok. Mula bab yang ajar agama dan juga pelajaran di Terengganu itu. Saya nampak nyata, saya baca di artikel dan lihat sendiri Yang Berhormat Menteri kita ini banyak buat kemajuan dalam bidang pendidikan. Jadi tahniah kepada dia. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tahniah Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya minta jemput pula Kementerian Belia dan Sukan.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk M. Saravanan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh usul menjunjung kasih dan perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut. Pertama mengenai Transformasi Nasional 2050 (TN50). Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai empat orang Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan membangkitkan isu berkenaan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan kesinambungan daripada dasar jangka panjang terdahulu bagi membolehkan kerajaan menyediakan hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun akan datang. Dalam melakar sebuah negara bangsa yang unggul, berwibawa dan mempunyai minda *par excellence* serta melahirkan generasi khairah umrah, generasi terbaik.

Bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili mencadangkan supaya sesi-sesi penerangan yang patut diadakan terutama sekali di peringkat sekolah-sekolah dan di perkampungan-perkampungan supaya rakyat jelata mulai faham dan mengetahui akan gagasan TN50 ini. Untuk makluman, KBS telah merangka pelbagai pendekatan bagi memberi penerangan dan penjelasan yang tepat berhubung inisiatif TN50 daripada setiap lapisan masyarakat terutama agar golongan belia termasuk pelajar sekolah.

Pelaksanaan TN50 ini menasarkan penyertaan seramai 1.5 juta belia yang berumur di antara 15 tahun dan 40 tahun. Program yang dirancang turut melibatkan kerjasama erat pelbagai

agensi kerajaan. Sebagai contoh Kementerian Pendidikan Malaysia akan menganjurkan pertandingan penulisan esei, melukis dan mewarna yang bertemakan TN50 melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Ia secara tidak langsung memupuk kesedaran pelajar terhadap gagasan TN50 serta menyediakan medium untuk memberikan idea dan aspirasi masa hadapan.

Selain daripada itu pelbagai program di peringkat negeri dan daerah turut dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan serta lain-lain agensi kerajaan. Sehingga kini jumlah *engagement* dengan golongan belia telah mencecah seramai 550,318 orang dan daripada itu sebanyak 23 aspirasi telah diperoleh. TN50 juga merupakan sebahagian daripada komponen penting siri jelajah Ekspresi Negaraku ke seluruh negara yang diyakini akan dapat membantu dalam menyebarkan maklumat dan menggalakkan penglibatan lebih ramai lagi golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif TN50 juga sedang mengumpul aspirasi melalui pelbagai wacana seperti laman web, *Instagram*, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya bagi memastikan seramai mungkin belia dapat memberi aspirasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Profesor Dr. Sim Kui Hian berkaitan wakil daripada Sabah dan Sarawak menjadi duta TN50, KBS sememangnya sudah merancang untuk memilih beberapa Duta Belia dari Sabah dan Sarawak untuk diumumkan pada bulan Mei bersama dengan beberapa duta-duta yang lain. Pengumuman ini tidak akan dibuat serentak kerana kami belum menerima profil penuh beberapa duta lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Sabah dan Sarawak merupakan sasaran penting T 50 di mana Dialog Peringkat Negeri Sabah dan Sarawak telah dijalankan lebih awal berbanding dengan negeri-negeri lain. Selain itu juga pihak KBS akan melaksanakan satu lagi pusingan dialog di Sabah dan Sarawak khusus untuk masyarakat peribumi pada bulan Mei.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu mekanisme yang digunakan bagi memastikan segala idea, aspirasi rancangan dan rakyat terutama golongan muda dapat dikumpulkan dan dinilai serta apakah *framework* dan *physiological foundation* bagi TN50 oleh Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib. Untuk makluman pendekatan TN50 yang sedang dilaksanakan adalah secara *bottom up approach* yang mengumpul input, pandangan serta maklum balas khususnya golongan belia dalam membentuk Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang berjaya memenuhi aspirasi penduduknya khususnya golongan belia.

Dalam melaksanakan *engagement* dengan golongan belia, pelbagai inisiatif dan program di bawah jenama TN50 telah dirangka, diatur dan telah mula dilaksanakan di seluruh negara oleh KBS yang bertujuan untuk mendekati dan mendampingi generasi muda Malaysia dari segenap lapisan dan latar belakang seluruh pelosok tanah air agar kerajaan dapat mendengar dan memperoleh aspirasi idea dan pandangan mereka.

■1550

Framework dan *psychological foundation* bagi TN50 akan hanya dapat disediakan apabila kesemua aspirasi terkumpul dianalisis dan di sintesis oleh kumpulan pakar TN50. Seterusnya, penyediaan laporan akhir. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim berkaitan isu sejauh manakah

masyarakat desa dan luar bandar akan terus relevan dan inklusif dalam rangka TN50 ini? Oleh kerana hakikatnya jati diri rakyat negara ini adalah mesti berakar umbi daripada budaya kehidupan desa dan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program TN50 tidak hanya menumpukan belia di kawasan bandar, malah warga luar bandar diberikan perhatian.

Ini lebih dilihat melalui pemilihan lokasi Dialog Perdana TN50 yang diadakan di negeri-negeri turut melibatkan kawasan seperti daerah Dungun, Terengganu dan daerah Sri Manjung, Perak. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita harus mengambil maklum bahawa apabila kita mencapai matlamat TN50, dijangka hampir 70 peratus kawasan akan menjadi bandar. Berubah daripada luar bandar akan menjadi bandar, ini juga turut diambil kira. Seterusnya, salah satu faktor yang dititikberatkan sewaktu pelaksanaan program-program TN50 adalah demografi rakyat Malaysia. Pemilihan berdasarkan demografi rakyat seperti bangsa dan umur dibuat di peringkat awal sebelum jemputan untuk menyertai program dipanjangkan. Pihak KBS amat mengambil berat akan penyertaan oleh kumpulan-kumpulan minoriti seperti Orang Asli dan golongan-golongan kurang upaya. Melalui sesi dialog bersama wakil pertubuhan belia dan NGO yang telah diadakan pada 16 Februari 2017 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa Cheras, suara-suara golongan minoriti telah didengari dan ekspresi mereka turut direkodkan untuk kajian TN50. Selain daripada itu, kehidupan dan nilai murni telah dikenal pasti sebagai antara teras utama yang diberi penekanan dalam pelaksanaan TN50 bagi memastikan akar umbi berdaya kehidupan desa dan luar bandar terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin iaitu mengenai Kuala Lumpur 2017 ataupun Sukan SEA 2017. Beliau juga membangkitkan isu persiapan dan persediaan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah penganjuran temasya Sukan Kuala Lumpur 2017 daripada segi penyediaan *venue* pertandingan, *venue* latihan, persiapan atlet Malaysia keseluruhannya serta harapan dan sasaran Malaysia untuk memenangi pingat pada temasya sukan tersebut. Daripada segi penyediaan atlet, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun melaksanakan Program Kita Juara bermula pada bulan September 2015 iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program ini juga akan melalui tiga fasa latihan iaitu fasa pertama telah pun diselesaikan bermula daripada September 2015 sehingga September 2016.

Fasa kedua telah bermula pada Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan fasa ketiga baru sahaja bermula daripada April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program Kita Juara mempunyai seramai 850 atlet dan 139 jurulatih daripada 38 jenis sukan. Program Kita Juara ini dilaksanakan dengan memberikan *empowerment* kepada Persatuan Sukan Kebangsaan serta mewujudkan sebuah jawatankuasa kerja di antara MSN dan KBS bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program.

Untuk makluman, sebanyak 394 pendedahan pertandingan dan 153 pendedahan latihan telah disertai oleh atlet-atlet negara pada fasa pertama pelaksanaan Program Kita Juara ini. Manakala sebanyak 143 pendedahan pertandingan dirancang pada fasa kedua dan sebanyak 180 pendedahan pertandingan akan dilaksanakan pada fasa ketiga.

KBS telah meletakkan sasaran untuk menjadi juara keseluruhan Sukan SEA 2017 bagi mengulangi pencapaian menjadi juara keseluruhan temasya Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur

sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontingen negara perlu memenangi sekurang-kurangnya atau lebih 100 pingat emas daripada 405 pingat emas yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura. Selain daripada itu, Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Kuala Lumpur ataupun MASOC amat menitikberatkan persiapan *venue* dan fasiliti pertandingan untuk disiapkan dan diserahkan untuk tujuan pengujian sebelum temasya sukan bermula. Ini bertujuan untuk memastikan semua *venue* dan fasiliti ini kelak dapat disediakan secara yang terbaik bagi menepati piawaian antarabangsa.

Sebanyak 34 *venue* yang akan digunakan sebagai temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang terdiri daripada 11 *venue* sebagai sewaan dan 23 *venue* yang dinaiktarafkan. Sehingga sekarang, kemajuan bagi setiap proses naik taraf sudah mencapai lebih 80 peratus. Dimaklumkan juga bahawa terdapat *venue* yang dinaiktarafkan dan diperbaiki yang telah disiapkan awal antaranya Stadium Bola Keranjang Malaysia (MABA) dan Kompleks Sukan Air Presint 6, Putrajaya. Lain-lain *venue* pertandingan yang juga akan disiapkan lebih awal daripada perancangan asal adalah Akademi Badminton Negara Bukit Kiara serta *venue* Arena MaTiC, Kuala Lumpur, Cheras. MASOC juga sedang memastikan persiapan tiga kluster utama di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia, Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil ataupun *KL Sport City* dan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) berjalan lancar dan siap pada waktu yang telah ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai soal pembangunan kemahiran TVET.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sikit? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah kepada KBS agar kita dapat menjadi johan keseluruhan Sukan SEA yang akan ada pada bulan Ogos ini. Jadi, persiapan atlet-atlet saya tengok memang pada kita juara semualah pasal saya pun terlibat juga sama. Soalan saya yang pertama, tentang tempat ini, *venues*. Ada 34 tempat, adakah negeri-negeri lain yang terlibat? Itu soalan pertama atau di sekitar Lembah Klang ini.

Yang kedua, saya tengok Sukan SEA ini dah hampir dalam masa tiga bulan lebih lagilah. Saya tengok promosi ini kurang, saya tengok. Adakah agensi-agensi lain yang terlibat ataupun ada agen-agen yang terlibat yang dilantik oleh KBS untuk membuat promosi? Saya tengok *billboard* pun tak banyak, promosi jual-jual cenderamata. Oleh kerana kalau di Singapura, dua tahun lepas kalau kita pergi, cenderamata-cenderamata ini untuk orang ramai beli, orang yang datang, baik orang dalam negara ataupun luar membeli *souvenirs* Sukan SEA. Jadi, dapatlah sekiranya Yang Berhormat Menteri menjelaskan. Terima kasih.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai promosi Sukan SEA. Kementerian Belia dan Sukan mengadakan promosi ini secara teratur. Memandangkan kita ada empat bulan lagi dan peruntukan adalah amat kurang jika dibandingkan dengan rancangan awal. Kalau kita lihat rancangan awal, hampir RM800 juta dan akhirnya telah dikurangkan kepada RM500 juta. Maka, program-program adalah secara teratur dan apabila kita tinggal lagi satu ke dua bulan, kita akan

menambahkan. Bukan kita terus hebohkan promosi sekarang tetapi apabila kita sudah dekat dengan Sukan SEA , promosi akan kurang. Maka, dengan peruntukan yang sedia ada, kita rancang supaya progress itu teratur. Kalau kita lihat daripada pelancaran sehingga hampir setiap bulan, kita tingkatkan daripada segi promosi.

Yang kedua, pelbagai agensi kerajaan juga turut memainkan peranan, khususnya saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah membantu memainkan peranan penting untuk mempromosikan program-program kita ini. Saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat, dalam sebulan dua ini kita akan menambahkan daripada segi promosi dan juga memastikan Sukan SEA 2017 ini akan menjadi yang terbaik daripada segi keseluruhan. Yang ketiga mengenai *venues* di luar Lembah Klang iaitu pelayaran di Langkawi dan yang kedua, ekuestrian di Terengganu. Ini dua *venue* yang akan diadakan program di luar daripada Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu mengenai program-program *Train & Place*, dengan izin. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff di atas keprihatinan mengenai soal pembangunan kemahiran TVET di kalangan para belia.

Untuk makluman, melalui Program Transformasi IKBN 2014, KBS telah memperkenalkan Program *Bootcamp* yang dijalankan secara intensif selama 12 hingga 14 minggu, yang dilaksanakan bersama pihak industri dengan jaminan pekerjaan. Modul latihan dan persijilan adalah memenuhi kehendak industri.

Pada tahun 2015 hingga 2016, pihak KBS telah melaksanakan Program *Bootcamp* yang melibatkan bidang *Scaffolding*, *Valve*, *Service Assistant*, *Customer Service Officer*, '*Ram*' *Service Assistant* dan *Captain Bus* dengan seramai 222 orang peserta yang dilaksanakan melalui kerjasama bersama pihak industri seperti *Post Aviation*, Prasarana Malaysia Berhad, *Nilai Springs Golf & Country Club*, Suci Naluri, dan *Worldwide Off-shore*, dengan izin.

Bagi tahun 2017 pula, pihak KBS mensasarkan seramai 500 orang akan mengikuti Program *Bootcamp* yang melibatkan bidang *scaffolding*, *tekstil*, *customer service officer*, '*ram*' *service assistant*, *injection moulding*, *technician*, terapi kecantikan dan *captain bus*, dengan izin, dengan jaminan pekerjaan daripada pihak industri iaitu *Pos Aviation*, Prasarana Malaysia Berhad, '*Prima Tech & Go Tech*', '*Kayak Pools Safety*', '*Keen Industries*', *Pure Technics* dan *Muhibbah Engineering* selepas tamat latihan.

Peserta yang berjaya akan ditawarkan pekerjaan tetap dengan gaji permulaan di antara RM1,500 hingga RM2,500. Akhir sekali, KVIAS melalui Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia dan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak industri di dalam melaksanakan program seperti *Mode Camp* yang merupakan salah satu program yang berkonsepkan *Teen and Place*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu surau di institusi latihan kemahiran. Menjawab isu daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, supaya menjadikan surau sedia ada di institut latihan kemahiran sebagai solat Jumaat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS sedia maklum tentang kesukaran yang dihadapi oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Latihan Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dalam menyediakan pengangkutan kepada setiap ahli Jumaat bagi membolehkan pelajar-pelajar menunaikan solat Jumaat di luar kawasan IKBN ataupun IKTBN. Sama ada menggunakan kenderaan jabatan sedia ada mahupun menggunakan perkhidmatan bas sewa.

KBS menerusi IKTBN dan IKBN telah terbabit sememangnya sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi perkara ini menerusi perbincangan dengan Majlis atau jabatan agama Islam setempat. Untuk tujuan rekod dan maklumat 10 buah IKTBN dan IKBN yang menjalankan solat Jumaat di dalam institut adalah seperti berikut, IKTBN Sepang, Alor Gajah, Bukit Mertajam, Dusun Tua, Pagoh, Temerloh dan IKBN Miri, Kinarut, Jitra dan Kuala Perlis.

Pada masa yang sama, 10 buah IKTBN dan IKBN yang masih menghantar pelajarnya menunaikan solat Jumaat di luar kawasan adalah IKTBN Seburung, Bachok, Pertak, Wakaf Tapai Terengganu, Seri Iskandar Perak, Bandar Penawar Johor, Pekan Pahang, Naka Kedah, Kemasik Terengganu dan Kuala Langat Selangor. IKBN dan IKTBN ini telah menghantar permohonan ke pejabat agama daerah namun tidak dipertimbangkan kerana terdapat masjid berhampiran yang melaksanakan solat Jumaat. Itu sahaja isu-isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan ke atas cadangan dan pandangan dan pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai KBS. Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang membangkitkan isu-isu..

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, sebelum habis saya hendak tanya ini. Menuju TN50, tadi Yang Berhormat Menteri sebut pasal pembangunan belia-belia. Sebelum sampai ke TN50, tahun Transformasi Nasional 50, belia-belia ini perlu digerakkan, perlu dibangunkan biar ada kerja. Saya tengok, ini saya hendak menyampaikan hasrat belia-belia di kampung. Dia kata kelab sukan komuniti masih lagi wujud tetapi ia hidup segan, hidup tak mau. Ada bahasa Kelantan kata, hidup segan, mampus tak mau.

Jadi, adakah perancangan KBS untuk kemas kini balik perkasakan balik kelab sukan komuniti ini bagi membolehkan belia-belia di kampung itu berkumpul, dihimpunkan di bawah satu kelab. Kelab dia ramai, banyak. Setiap DUN ada kelab ini. Saya rasa ini perlu di samping Pemuda UMNO, belia-belia juga minta untuk dikumpulkan sebab kita tahu bahwasanya pilihan raya ini umur 21-40 tahun ini memang satu per empat, daripada pengundi adalah terdiri daripada umur belia, 21 tahun hingga ke 40 tahun. Jadi saya minta kalau bolehlah kementerian perkasakan balik, kemaskinikan balik biar kelab sukan komuniti ini dihidupkan semula bagi membolehkan belia-belia ini berkumpul dan bersama mengadakan aktiviti sukan di bawah kelab sukan komuniti di seluruh Malaysia. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas pandangan yang begitu prihatin daripada Ahli Yang Berhormat. Sememangnya Kementerian Belia dan Sukan begitu peka

dan sensitif terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat. Kalau kita lihat cabaran masa hadapan, jauh berbeza dengan apa yang kita hadapi buat masa ini. Kalau kita lihat 30 tahun akan datang, kalau setakat hari ini isu persaingan di antara kita. Contohnya di antara Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Akan tetapi kita lihat 30 tahun akan datang, persaingan kita kemungkinan besar dengan pendatang hari ini yang bakal akan menjadi warganegara. Kita lihat ramai sudah mula menjadi pakar-pakar perniagaan dan mendirikan rumah tangga di negara kita. Maka 30 tahun akan datang, persaingan kita lebih jauh daripada apa yang kita hadapi hari ini. Kita lihat kumpulan sasaran kita, *the ageing community*, dengan izin, yang begitu ramai dan kita lihat pembangunan dari segi teknologi, negara akan menjadi lebih robotik daripada ini.

Kalau mungkin hari ini kita lihat kumpulan tercicir masih ada peluang-peluang pekerjaan, mungkin 30 tahun akan datang kumpulan tercicir ini tidak akan ada peluang perniagaan ataupun pekerjaan kerana negara kemungkinan besar kita bergantung dengan teknologi pembangunan yang begitu canggih iaitu bergantung dengan robotik dan sebagainya. Maka Kementerian Belia dan Sukan mengambil pelbagai langkah positif pendekatan bukan sahaja bekerja dengan kelab sukan komuniti tetapi dengan semua lapisan masyarakat ataupun agensi-agensi sedia ada. Kita harus mengambil ini satu cabaran untuk bukan sahaja untuk KBS tetapi semua pemimpin yang ada hari ini. Kalau kita lihat peluang-peluang pekerjaan, mungkin 30 tahun akan datang peluang ini akan berbeza. Kalau sebelum 30 tahun..

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, saya kata bukan pekerjaan. Saya hendak kelab sukan komuniti ini diperkasakan balik. Maknanya dalam kata lain, dihidupkan semula, diberi peruntukan untuk membolehkan belia-belia ini berhimpun, berkumpul dan membuat aktiviti sukan, adakan aktiviti sukan. Itu sahaja maksud saya.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan akan melibatkan kelab-kelab sukan ini tetapi itu sahaja tidak mencukupi. Maksud saya, itu cara bukan hanya bekerja dengan kelab sukan komuniti sahaja tidak mencukupi untuk mencapai sasaran kita, matlamat kita sebab persaingan 20-50 adalah amat jauh berbeza daripada apa yang kita ada di sini. Maka bukan sahaja sukan komuniti tetapi semua agensi yang sedia ada termasuk NGO, agensi-agensi kerajaan, kalau boleh juga para pemimpin di peringkat pembangkang itu akan disertai untuk mencapai matlamat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan ke atas cadangan dan pandangan dan pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai KBS. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan dan saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa segala pandangan dan cadangan akan dikaji secara mendalam dan KBS akan mengambil langkah-langkah positif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tanya kalau Kementerian Belia dan Sukan ada tak cadangan untuk memberi peruntukan untuk menjalankan kegiatan belia.

Datuk M. Saravanan: Dia hendak peruntukan?

■1610

Kita akan melibatkan sukan-sukan komuniti untuk...

Tuan Yang di-Pertua: So, ada peruntukan?

Datuk M. Saravanan: Kita akan tengok dengan mengikut peruntukan sedia ada. Seberapa banyak yang kita boleh salurkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia akan tengok, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tengok pun biar jadi. Kaji, timbang, kaji, timbang, *last sekali tidak jadi. No ending.* Tidak tahu ke mana.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat Menteri akan timbang.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Timbang, timbang, jadi. Kita hendak pilihan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Timbang jadi tidak jadi, tidak tahu tetapi dia akan timbang *[Ketawa]*

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, peruntukan adalah terhad dan saya tidak berani memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi kita akan memberi peruntukan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

4.11 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2017 yang lalu. Sepanjang perbahasan, terdapat seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan sebanyak 11 perkara yang akan saya jelaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif mencadangkan supaya kerajaan memberikan peluang kepada syarikat-syarikat lain untuk menguruskan Kedai Rakyat 1Malaysia. KPDKKK menyambut baik cadangan tersebut dan mengalu-alukan sekiranya ada syarikat yang berminat untuk mengendalikan KR1M. Syarikat yang berkenaan boleh menghubungi KPDKKK bagi tujuan tersebut.

Kedua, perkembangan Koperasi Orang Asli. Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid telah membangkitkan isu mengenai pembangunan Koperasi Orang Asli. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 88 Koperasi Orang Asli telah didaftarkan dengan perolehan berjumlah RM8.25 juta. KPDKKK melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa berusaha untuk memperkasakan Koperasi Orang Asli melalui kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di mana sebuah jawatankuasa penyelarasan SKM dan JAKOA telah ditubuhkan bagi menyelaras perancangan dan tindakan dalam usaha mempergiatkan pembangunan sosioekonomi anggota-anggota Koperasi Orang Asli. Koperasi Orang Asli sentiasa diberi ruang dan peluang untuk mengusahakan kawasan ladang-ladang. Sehingga kini, terdapat

tiga Koperasi Orang Asli yang telah diberi peluang untuk mengusahakan sendiri kawasan ladang kelapa sawit di negeri Perak.

Koperasi Orang Asli juga diberi kemudahan bantuan kewangan seperti bantuan pembangunan dan pembiayaan tabung modal pusingan serta turut diberi peluang untuk menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Dari tahun 2011 sehingga 2016, sebanyak RM580,000 jumlah bantuan pembangunan telah diluluskan kepada 19 Koperasi Orang Asli manakala sebanyak RM666,000 pembiayaan TMP-JPK telah diluluskan kepada sebuah koperasi iaitu Koperasi Daya Asli Johor Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun ingin mengetahui jumlah skim yang telah didaftarkan di bawah Skim Kepentingan serta keberkesanan peruntukan-peruntukan Akta Skim Kepentingan 2016 dalam membasmi skim ponzi atau skim cepat kaya. Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2017, sebanyak 204 skim kepentingan telah didaftarkan. Perlu dijelaskan bahawa skop kawal seliaan Akta Skim Kepentingan 2016 terhadap skim-skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai hanya tertakluk kepada skim-skim yang tergolong sebagai skim kepentingan sahaja manakala skim-skim pelaburan yang tidak tergolong sebagai skim kepentingan pula adalah di luar bidang kuasa SSM.

Sebelum adanya Akta Skim Kepentingan 2016, SSM mengawal selia skim kepentingan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965. Sejak tahun 2007 hingga 31 Mac 2017, sebanyak 55 kes berkaitan skim kepentingan tidak berdaftar telah diambil tindakan penguatkuasaan oleh SSM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan oleh mahkamah. Dua kes masih dalam proses pendakwaan, satu kes di mana suspek gagal dikesan dan selebihnya telah diambil tindakan kompaun.

Kawalan terhadap skim jualan kredit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin mencadangkan supaya KPDKKK mengadakan kawalan terhadap skim jualan ansuran mudah yang banyak terdapat di pasaran termasuk bagi pembelian alatan kelengkapan rumah serta *gadget* elektronik bagi melindungi pengguna daripada beban hutang yang tinggi. KPDKKK sememangnya sedar mengenai isu-isu yang timbul daripada penjualan barang secara kredit atau ansuran mudah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan kementerian telah meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang secara khususnya memperuntukkan mengenai pembelian barang melalui transaksi jualan kredit. KPDKKK melalui Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017 telah mengambil kira perkara-perkara pokok dalam jualan kredit iaitu penetapan kadar faedah maksimum, hak dan obligasi peniaga dan pengguna, dokumen perjanjian yang standard dan penambahbaikan kuasa siasatan.

Sukacita dimaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017 yang dibuat khusus bagi menangani isu jualan kredit ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 5 April 2017 baru-baru ini dan akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini dalam sesi mesyuarat kali ini.

Mekanisme harga terangkum. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim mencadangkan supaya paparan harga barang dan perkhidmatan dibuat secara terangkum supaya tidak mengelirukan pengguna. Untuk makluman, KPDKKK telah mengkaji

cadangan mengenai pelaksanaan dasar harga terangkum. Dasar ini supaya harga akhir mengandungi semua komponen harga yang mesti dibayar oleh pengguna untuk memperoleh sesuatu barang atau perkhidmatan. Kertas cadangan pelaksanaan DHT ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 11 November 2016.

Susulan daripada itu, semakan ke atas peruntukan akta-akta dan peraturan melibatkan pengiklanan, paparan harga serta percukaian juga telah dibuat dan didapati pindaan wajar dilakukan terhadap Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723] serta Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]. Pindaan ini bertujuan memasukkan peruntukan berhubung keperluan untuk memaparkan atau mengiklankan harga yang termasuk dengan cukai kerajaan dan caj-caj lain yang dikenakan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan yang telah ditetapkan bagi membolehkan pelaksanaan Dasar Harga Terangkum. KPDKKK sedang menyediakan kertas Jemaah Menteri berhubung cadangan pindaan terhadap akta-akta tersebut untuk dipertimbangkan. Penandaan harga pada produk.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Boleh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah ini dia baik. Orang baik. Bilakah Dasar Harga Terangkum ini akan dilaksanakan? Saya kalau boleh perkara ini dilaksanakan segera sebelum pilihan raya sebab sekarang ini panas di kampung-kampung itu terutama pekedai yang menentang kerajaan ini dia sengaja. Ini harga asal, ini harga GST. Jadi GST itu hidup sepanjang masa. Jadi kalau boleh disegerakan. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Saya hendak maklumkan di sini, untuk kita mengubah akta, dia ada dua akta yang terpaksa kita pinda. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan juga Akta Perihal Dagangan 2011.

■1620

Maka bermakna, sebelum kita dapat membawa pindaan ini di Dewan Rakyat dan juga di Dewan yang mulia ini, kita harus menyediakan satu kertas untuk Jemaah Menteri seperti yang saya telah jelaskan tadi. Sememangnya kita hendak mempercepatkan untuk kita bawa dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, tetapi masalahnya untuk kita pinda akta ini, kita terpaksa melihat beberapa akta lain. Maka sebab itu, dua perkara yang ingin kita buat secara secepatnya adalah mengenai dengan dua sektor iaitu restoran dan juga perhotelan. Lain-lain itu masih lagi kita dalam perbincangan, maka sebab itu untuk mempercepatkan kita hanya boleh mengambil kira tentang dua sektor ini dahulu dan kita bawa masuk dan akhirnya yang lain kita tambah dari semasa ke semasa. *Insya-Allah* kita akan buat sebelum pilihan raya, kalau Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah boleh maklumkan kepada saya bila pilihan raya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penandaan harga pada produk. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook telah mencadangkan supaya pasar raya meletakkan tanda harga pada produk yang dijual dan bukan hanya di rak bagi mengelakkan pengguna tertipu. Untuk makluman, peraturan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 telah menetapkan

tanda harga boleh ditandakan pada barang atau bekas atau melalui senarai mengikut mana-mana yang bersesuaian bagi memudahkan pengguna mengetahui akan harga barang berkenaan.

Manakala di pasar raya-pasar raya, penggunaan alat imbasan harga melalui bar kod telah diberi pengecualian penandaan harga individu barang melalui kerjasama Malaysia Retailers Association atau MRA. Dalam hal ini, pihak pasar raya perlu mematuhi klausu kod etika atau kod amalan penggunaan alat imbasan harga melalui bar kod semasa melakukan transaksi. Sekiranya pengguna mendapati berlaku perbezaan harga, pengguna boleh membuat aduan di kaunter khidmat pelanggan pasar raya berkenaan atau membuat aduan kepada KPDNKK dan pengguna berhak mendapat harga yang terendah daripada dua harga yang dipamerkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penandaan produk halal atau tidak halal. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mencadangkan supaya dibuat penandaan halal atau tidak halal bagi produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Permohonan pensijilan halal yang dikawal selia oleh Jabatan Kemajuan Islam atau JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri atau MAIN adalah secara sukarela. Syarikat atau produk yang menerima pensijilan halal akan mendapat kelebihan dalam pasaran kerana produk yang dikeluarkan diyakini kebersihannya oleh pengguna khususnya umat Islam.

Dalam hal ini, KPDNKK berperanan sebagai agensi penguatkuasaan ke atas isu-isu yang melibatkan halal berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan juga Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Jadi tidak timbul isu sama ada kita mesti mewajibkan ataupun tidak kerana yang pentingnya kita memberikan kebebasan untuk mana-mana syarikat dengan secara sukarela untuk mendapatkan sijil halal kepada produk-produk mereka untuk sekurang-kurangnya dapat memastikan kepada umat Islam dalam negara kita.

Bagi barang-barang dari jenis bukan makanan pula, telah ada perundungan di bawah kawal seliaan KPDNKK yang mengawal selia penjualan barang yang diperbuat daripada babi atau anjing. Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, maka adalah menjadi dasar bagi kerajaan untuk memenuhi keperluan semua masyarakat di Malaysia termasuk juga dalam dasar-dasar berkaitan dengan perniagaan. Berpegang kepada dasar yang dinyatakan, KPDNKK telah mewujudkan Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang Diperbuat Daripada Mana-mana Bahagian Babi atau Anjing) 2013 yang menetapkan bahawa apa-apa barang yang diperbuat daripada mana-mana bahagian babi atau anjing hendaklah pertama, membuat penandaan ungkapan yang jelas.

Ungkapannya, “diperbuat daripada babi” atau “diperbuat daripada anjing” dan dipamerkan secara berasingan daripada barang-barang lain. Buat masa ini, kementerian tidak bercadang untuk mengetatkan lagi syarat penjualan barang berkenaan kerana syarat-syarat sedia ada yang terkandung di dalam perintah tersebut sudah memadai untuk membantu pengguna mengenal pasti dan membuat pilihan serta mengelakkan kekeliruan dan salah faham yang boleh menggugat keharmonian di kalangan pengguna di Malaysia dan juga peniaga yang berbilang kaum dan agama.

Isu seterusnya...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya hendak mencelah. Boleh hendak mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Boleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan dan huraian yang jelas dan panjang lebar. Cuma hendak tahu sikit sahaja Yang Berhormat Menteri, kalau produk-produk yang datang daripada luar negara yang terlibat dengan babi dan anjing, mungkin mereka akan menandakan itu dengan bahasa Inggeris. Saya sebut mungkin sahaja, mungkin juga dengan Bahasa Malaysia. Kalau bahasa Malaysia mungkin orang tidak ada masalah sebab pengguna-pengguna yang di kampung-kampung yang ramai mungkin tidak tahu bahasa Inggeris, dia tidak menjadi masalah. Bagi pengguna-pengguna yang tidak tahu berbahasa Inggeris, mungkin mereka menghadapi sedikit masalah sebab bahasa. Oleh kerana itu saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kedudukan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Benar, kepada barang-barang yang diimport kita juga telah pun meletakkan syarat supaya segala apa yang saya sebutkan tadi juga diterima pakai oleh mereka yang membawa masuk produk-produk tersebut. Jadi, segalagalanya menggunakan ayat yang sama yang telah pun saya jelaskan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang isu bekalan minyak masak semasa musim perayaan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun bertanyakan mengenai persediaan KPDKKK bagi memastikan bekalan minyak masak sama ada mencukupi menjelang bulan Ramadhan dan sambutan Aidilfitri tidak lama lagi. Secara keseluruhannya, bekalan minyak masak bersubsidi dalam pek 1kg *polybag* tidak mengalami kekurangan bekalan. Ini kerana kerajaan telah merasionalisasikan jumlah keperluan penggunaan minyak masak bersubsidi ini bagi setiap penduduk di negara pada kadar penggunaan 1.5kg sebulan dengan bilangan penduduk ketika ini yang berjumlah sekitar 30 juta orang.

Buat masa ini, pengeluaran minyak masak yang diluluskan ialah berjumlah 60,000 metrik tan sebulan melebihi daripada kadar keperluan iaitu 45,000 metrik tan. Kita telah pun rasionalisasikan daripada jumlah yang besar, 85,000 dan turun kepada 60,000. Sebagai persediaan menghadapi bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, KPDKKK telah bersedia dan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menangani jangkaan peningkatan permintaan terhadap minyak masak. *Insha-Allah* tidak timbul isu tidak cukup bekalan pada bulan Ramadan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif telah membangkitkan mengenai mekanisme penentuan harga petrol dan diesel secara mingguan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menggunakan formula *automatic pricing mechanism* atau APM yang penetapan harga runcit petrol dan diesel secara mingguan yang bermula pada 30 Mac 2017 sebagaimana dilaksanakan bagi menetapkan harga runcit petrol dan diesel secara bulanan.

■1630

Formula APM ini di kira menggunakan purata kos produk bagi tempoh tujuh hari serta kos operasi yang merangkumi margin syarikat minyak dan margin pengusaha stesen minyak. Berkenaan persaingan harga petrol dan diesel yang boleh ditawarkan oleh pengusaha stesen minyak, kerajaan telah menetapkan bahawa mana-mana syarikat minyak ataupun pengusaha stesen minyak yang ingin melakukan promosi dengan memberikan diskaun berbanding dengan harga yang telah ditetapkan, boleh berbuat demikian dengan mendapatkan kelulusan daripada KPDKKK. KPDKKK telah menetapkan syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh syarikat minyak dan pengusaha petrol bagi memastikan bekalan mencukupi dan tidak menimbulkan kesulitan sepanjang tempoh promosi di jalankan demi kepentingan pengguna.

Berhubungan kenyataan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif bahawa pihak syarikat minyak akan menahan bekalan minyak pengusaha stesen dalam keadaan harga minyak dijangka akan meningkat. KPDKKK telah menerima jaminan daripada pihak syarikat minyak bahawa penghantaran bekalan minyak kepada stesen minyak adalah mengikut jadual keperluan bekalan stesen-stesen sedia ada. Ini adalah untuk memastikan setiap stesen minyak sentiasa mempunyai bekalan minyak yang mencukupi. Menyentuh isu keuntungan stesen minyak, kerajaan telah menetapkan kadar margin bagi pengusaha stesen minyak pada 12.19 sen untuk petrol dan 7 sen untuk diesel. Kadar yang ditetapkan ini telah mengambil kira kos utiliti, kad kredit, gaji pekerja, yuran lesen dan juga keuntungan pengusaha. Kadar ini membolehkan pengusaha stesen minyak menerima pulangan yang berpatutan.

Isu perlakuan kartel dalam menentukan harga Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah dan Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng telah membangkitkan mengenai isu kartel yang memanipulasikan harga barang dan perkhidmatan dalam pasaran. Untuk makluman Yang Berhormat sebarang perlakuan kartel seperti berpakat untuk menetapkan harga, berkongsi pasaran, membataskan pengeluaran atau melakukan penipuan bida merupakan satu pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010. KPDKKK melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) boleh mengenakan penalti kewangan maksimum sebanyak sepuluh peratus daripada nilai perolehan seluruh dunia terhadap perusahaan-perusahaan yang terlibat jika mereka didapati melanggar Akta Persaingan 2010.

Selain denda, perusahaan yang disiasat juga boleh di ambil tindakan sama ada dikehendaki membuat aku janji atau diberi surat amaran. Sehingga kini, sebanyak dua persatuan peniaga yang melibatkan 39 buah syarikat telah didenda keseluruhannya berjumlah RM499,980 kerana terlibat dalam aktiviti kartel. KPDKKK akan terus menjalankan tindakan penguatkuasaan serta program advokasi untuk mendidik semua pihak termasuk agensi kerajaan yang lain serta orang awam dalam usaha membanteras kegiatan kartel.

Isu yang terakhir adalah kos sara hidup. Tuan Yang di-Pertua. Isu ini adalah mengenai kos sara hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Yang Berhormat Senator Dato'

Haji Mohd Salim bin Sharif, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman.

KPDNKK selaku urus setia jawatankuasa khas menangani kos sara hidup rakyat sememangnya peka terhadap isu melibatkan kos sara hidup rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh 14 orang menteri pelbagai kementerian, Ketua Setiausaha Negara, Gabenor Bank Negara, Peguam Negara dan Wakil Majlis Profesor Negara. Fungsi utama jawatankuasa ini ialah untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barang secara bersepadu termasuk kenaikan harga yang tiada kaitan dengan langkah konsolidasi fiskal tetapi berpunca daripada isu struktur pasaran termasuk isu bekalan serta sistem pemasaran setiap anggota...

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Sebelum Yang Berhormat Menteri menggulung. Yang Berhormat Menteri saya ingin- pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan buat pertama kali dalam sejarah mulai 1 Januari kita telah membenarkan pelajar di IPTA dan IPTS mendaftar syarikat mereka ataupun mendaftar perniagaan mereka dengan percuma. Akan tetapi, mereka tidak begitu faham tentang peraturan dan undang-undang dan saya mencadangkan supaya pihak KPDNKK mengadakan kursus ataupun memberikan penerangan mengenai pematuhan pendaftaran syarikat. Hal ini kerana mereka daftar dengan percuma keterujaan mereka untuk mendaftar itu telah membuatkan mereka tidak tahu atau pun tidak begitu menyelidik tentang hal-hal berkaitan pematuhan syarikat. Ini memberikan masalah kepada mereka kemudian kerana apabila tidak patuh kepada peraturan dan undang-undang mereka akan dikenakan tindakan. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat saya bersetuju dan memang itulah yang kita lakukan. Kita berikan beberapa kursus-kursus dan juga advokasi kepada semua pelajar tersebut. Kita hendak berikan mereka kemudahan terutamanya kepada pelajar-pelajar yang akan keluar daripada universiti. Itu yang kita berikan keutamaan supaya mereka keluar dan mereka boleh sudah pun mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mereka boleh melakukan perniagaan seterusnya selepas itu.

Jawatankuasa ini jawatankuasa kos sara hidup juga berperanan untuk memastikan rakyat di negara ini pertama, mampu untuk berbelanja. Kedua, mampu untuk membeli rumah dan ketiga mempunyai akses kepada bekalan barang keperluan dan keempat memastikan bekalan keperluan harian mencukupi. Dalam keadaan tertentu seperti semasa musim perayaan, KPDNKK bertanggungjawab dalam memastikan bekalan barang keperluan perayaan adalah mencukupi dan pada harga yang mampu dibeli oleh rakyat. Namun pada hari-hari yang lain penggerusi jawatankuasa ini mahukan semua Menteri yang bertanggungjawab terhadap keperluan rakyat memastikan bahawa bekalan makanan, pengangkutan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Sebagai contoh, bagi sektor pengangkutan kerajaan telah menyalurkan subsidi diesel melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi kepada 11 kategori pengangkutan awam sebagai langkah kerajaan untuk mengurangkan kos operasi syarikat pengangkutan awam agar kos pengangkutan

awam tidak membebankan pengguna. Kerajaan juga sedang membangunkan prasarana Mass Rapid Transit (MRT) bagi memberi kemudahan pengangkutan yang menjimatkan kepada rakyat. Tidak ketinggalan juga dengan pembangunan infrastruktur seperti Lebuhraya Pan Borneo yang sedang dalam pembinaan bagi meningkatkan jaringan perhubungan antara Sabah dan Sarawak termasuk Brunei. Bertujuan untuk memberi kemudahan mobiliti kepada rakyat negeri-negeri berkenaan serta membawa keluar produk-produk untuk dipasarkan.

Ini akan menjana pendapatan penduduk serta mewujudkan pembangunan kawasan setempat. Bagi membantu rakyat di Sabah dan Sarawak, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan harga barang keperluan asas iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95, dan Diesel adalah seragam seperti di Semenanjung melalui Program Penyeragaman Harga dan Program 1Malaysia 1Harga.

Selain itu kerajaan juga melaksanakan pelbagai program khusus seperti pertama, Rancangan Makanan Tambahan bertujuan menyediakan makanan yang berkhasiat kepada murid sekolah rendah golongan miskin. Kedua, bantuan perumahan seperti Program Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk rakyat berpendapatan isi rumah rendah dan sederhana. Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia serta Program Bantuan Rumah (PBR) untuk golongan miskin tegar serta banyak lagi. Program-program bantuan perniagaan melalui pelbagai agensi seperti Majlis Amanah Rakyat, TEKUN Nasional, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Perbadanan Nasional dan sebagainya.

■1640

Beberapa strategi baru juga telah dicadangkan semasa mesyuarat jawatankuasa peringkat kementerian pada 9 Mac 2017 dan akan diperhalusi pelaksanaannya sebelum di bawa ke mesyuarat jawatankuasa khas menangani kos sara hidup yang dipengerusikan oleh Yang Amat berhormat Timbalan Perdana Menteri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin telah bertanyakan mengenai buku Panduan Harga Pengguna (*Shoppers' Guide*) yang dikeluarkan oleh kementerian pada tahun 2015 sama ada buku itu tersebut masih relevan dan tindakan boleh diambil terhadap mana-mana peniaga yang menjual barang pada harga yang lebih tinggi daripada yang dipaparkan di dalam buku tersebut.

Untuk makluman, buku Panduan Harga Pengguna (*Shoppers' Guide*) yang dicetak dan dikeluarkan oleh kementerian pada tahun 2015 adalah sebagai panduan umum untuk membantu pengguna dalam membuat perbandingan harga. Buku Panduan Harga Pengguna yang diterbitkan pada tahun 2015 tersebut tidak di kemas kini dan oleh yang demikian tidak lagi relevan untuk rujukan semasa. Ia semata-mata digunakan waktu tempoh selama setahun apabila GST dimulakan. Pada ketika ini, kementerian telah pun menggunakan pakai mekanisme baru pencatutan yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 dengan penguat kuasa sepenuhnya bermula pada 1 Jun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu

memperkuuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah di amanahkan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang d-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kementerian Pendidikan, silakan.

4.42 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam hormat, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada seramai 22 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja dan menyentuh 34 isu yang boleh dibahagikan kepada enam kluster iaitu:

- (i) hal ehwal murid;
- (ii) kurikulum kokurikulum dan pentafsiran;
- (iii) keguruan;
- (iv) Pendidikan Islam;
- (v) akses pendidikan dan pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia; dan
- (vi) perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan sahaja.

Tuan Yang d-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih. Isu tentang hal ehwal murid Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin.

Tuan Yang d-Pertua: Tiada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tiada. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh?

Tuan Yang d-Pertua: Tiada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tiada. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili?

Tuan Yang d-Pertua: Dia ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia memang serius melaksana Pendidikan Pencegahan Dadah dalam kalangan murid di semua sekolah secara implisit dan eksplisit di dalam serta di luar kelas. Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan persefahaman dengan semua agensi kerajaan, PIBG, agensi bukan kerajaan, Agensi Antidadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkusa Tempatan, Jabatan Agama Islam dan PEMADAM agar dapat bersama-sama membantu meningkatkan aktiviti di persekitaran kediaman dan taman perumahan murid-murid sekolah.

Tumpuan aktiviti adalah di kawasan berisiko yang telah di kenal pasti oleh Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia menjangkakan memalui peningkatan aktiviti dan pengawasan di persekitaran tempat tinggal khususnya selepas waktu persekolahan akan dapat menurunkan kadar penglibatan murid dalam gejala dadah. Isu ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

Yang Berhormat, kementerian juga melaksanakan beberapa langkah intervensi awal kepada murid-murid yang berisiko tinggi terlibat dadah. Mereka akan mengikuti program pembangunan sahsiah yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor sekolah. Murid-murid juga dilatih memanfaatkan masa dan menggunakan kemahiran diri yang positif untuk menghindari gejala dadah melalui aktiviti-aktiviti pertubuhan beruniform, kelab dan juga persatuan. Bagi memastikan program pendidikan pencegahan dadah sedia ada di sekolah-sekolah lebih berkesan, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk menggunakan kepakaran AADK, PDRM dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam program-program yang dilaksanakan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal?

Tuan Yang d-Pertua: Ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Juga menyentuh tentang aspek gejala dadah. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberikan perhatian terhadap kesihatan dan keselamatan murid. Bagi memastikan murid sekolah mendapat makanan dan minuman yang berkhasiat Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat siaran larangan penjualan makanan dan minuman yang tidak digalakkan penjualannya di kantin sekolah pada 15 Mac 2017. Penjualan-penjualan gula-gula dan coklat adalah dilarang dan tidak dibenarkan untuk dijual di kantin sekolah.

Perkhidmatan pengusaha boleh di tamatkan sekiranya didapati melanggar peraturan dan kontrak perjanjian kantin sekolah termasuk menjual apa juga bentuk jenis dadah. Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim?

Tuan Yang d-Pertua: Tiada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza? Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah?

Tuan Yang d-Pertua: Ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Cadangan Yang Berhormat kepada KPM dalam membekal makanan berzat kepada anak-anak yang mengikuti Pendidikan Awal. Yang Berhormat murid-murid Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia menerima peruntukan bantuan murid prasekolah dengan kadar RM2 sehari untuk setiap murid di Semenanjung manakala RM2.25 sen sehari untuk setiap murid di Sabah, Sarawak dan juga di Labuan. Bagi memastikan kesihatan murid di lindungi, *Body Mass Index (BMI)* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, murid diukur dua kali setahun. Murid-murid yang di dapati obes atau terencat pertubuhan akan dimaklumkan kepada ibu bapa dan dirujuk kepada klinik-klinik kesihatan untuk tindakan dan pemantauan selanjutnya.

Selain daripada itu, garis panduan kantin sihat telah diedarkan kesemua sekolah pada tahun 2012 dan semua sekolah perlu mengikut garis panduan tersebut bagi memastikan kesihatan murid dilindungi. Di antara perkara-perkara yang perlu di lakukan adalah memaparkan jumlah kalori mengikut umur yang diperlukan oleh murid mengikut umur dan waktu makan. Di samping itu, jumlah kalori makanan yang di jual di kantin sekolah juga perlu dipaparkan di kantin-kantin tersebut.

Yang Berhormat juga minta penjelasan KPM tentang komitmen menangani kes-kes remaja hamil luar nikah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan pada tahun 1964 di sekolah rendah khususnya memalui kurikulum pendidikan kesihatan dan amnya melalui mata pelajaran bahasa, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Pendekatan secara interaktif dan pelbagai strategik pengajaran bersifat kreatif serta inovatif yang bersesuaian dengan trend pembelajaran generasi muda kini sentiasa disemak dan ditambah baik dalam usaha mendidik murid lelaki dan perempuan supaya mempunyai kemahiran kecekapan psikososial (*life skills*), dengan izin, untuk berkata tidak kepada sex sebelum nikah. Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dalam hal menangani isu murid yang mengandung anak luar nikah adalah membantu murid berkenaan menguruskan diri dalam menghadapi situasi tersebut. Pihak sekolah akan membincangkan bersama keluarga dan rujukan kepada agensi-agensi lain yang berkaitan.

■1650

Seterusnya, kluster kurikulum, ko-kurikulum dan penaksiran. Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib?

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat minta penjelasan daripada kementerian apakah punca pencapaian menurun bilangan murid yang mendapat semua A+ dalam SPM.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Lembaga Peperiksaan telah membuat analisis dan mendapati bilangan calon SPM 2016 yang mendapat gred tertinggi A+ dalam semua mata pelajaran memang sedikit berkurangan. Namun, gred purata nasional menunjukkan peningkatan sebanyak 0.05 peratus iaitu 5.10 peratus pada tahun 2016 berbanding 5.15 peratus pada tahun 2015. Ini bermakna prestasi keseluruhan murid telah meningkat. Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dalam SPM 2016 ini, Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga meminta Kementerian Pendidikan Malaysia langkah untuk memupuk perpaduan di kalangan murid-murid. Yang Berhormat, secara keseluruhan, enrolmen dalam sistem pendidikan menggambarkan demografi nasional. Terdapat pilihan sekolah yang mempunyai persekitaran etnik yang lebih *homogeny* kerana Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peluang kepada ibu bapa untuk memilih sekolah sama ada menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sekolah agama atau sekolah aliran perdana yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dengan memupuk semangat perpaduan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sekolah rendah dan menengah di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad? Sekolah seni di Kelantan. Pada masa ini, Sekolah Seni Malaysia sedia ada mampu menampung keperluan dan permohonan murid-murid di seluruh negara. Mengikut rekod yang sedia ada, permohonan murid-murid dari Kelantan ke Sekolah Seni Malaysia pada setiap tahun secara relatifnya agak rendah. Contoh, permohonan pada tahun 2017 ialah seramai 44 orang dan sembilan orang daripada jumlah itu telah di tawar ke Sekolah Seni Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Sejauh mana KPM...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Senator wanita semuanya kebanyakannya ada di sini, 99 peratus.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Rajin ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya seorang tidak ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Rajin. Tahniah, Yang Berhormat. Mungkin kawalan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat dari wanita itu, jawab sahajalah.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Mungkin kawalan Tuan Yang di-Pertua ini memang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Dia orang berdisiplin. Bukan yang lelaki tidak disiplin tetapi dia orang kerja luar. Silakan Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Saya akur arahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau Senator wanita, jawab sahaja, tidak perlu tanya.

Isunya mengenai perhatian kepada penghayatan warisan seni budaya. Penggubalan kurikulum Pendidikan Seni Visual turut menitikberatkan aspek penghayatan warisan seni budaya. Aspek ini memberi peluang kepada murid membuat kajian pemahaman terhadap hasil seni visual dalam budaya tempatan, kebangsaan dan negara ASEAN di peringkat sekolah menengah yang mempunyai kesamaan dan kelainan budaya kebangsaan. Ini perancangan kita.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan? Ini tentang isu penggunaan bahasa Inggeris di sekolah.

Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff? Betul kata Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad? Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty? Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif?.

Maka, Yang Berhormat, itu selesai kluster yang kedua, kurikulum dan ko-kurikulum penaksiran. Seterusnya, ke isu-isu keguruan. Saya mula dengan isu yang telah dibangkitkan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Ha, syabas Yang Berhormat.

Cadangan Yang Berhormat tentang memberi insentif kepada guru-guru yang telah melanjutkan pelajaran ke peringkat siswazah, *master* dan PhD. Yang Berhormat, Pegawai

Perkhidmatan Pendidikan gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 yang memiliki ijazah sarjana muda diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) boleh dipertimbangkan untuk pemangkuan dan kenaikan pangkat ke gred DG42 secara khas untuk penyandang KUP setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

Selain itu juga, PPP ataupun Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD semasa perkhidmatan, mereka diberi pengiktirafan dalam penilaian akademik dan pengalaman di mana *margin of preference*, dengan izin, yang lebih besar diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan lebih tinggi bagi pemegang ijazah sarjana dan bagi pemegang ijazah doktor falsafah dalam urusan kenaikan pangkat PPP tanpa mengambil kira tempoh penamatkan pengajian.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim juga mencadangkan tentang mengkaji semula NPQEL. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul juga membangkitkan isu yang sama.

Yang Berhormat, senioriti, kekananan masih diberikan keutamaan kepada pegawai-pegawai yang melepas NPQEL dan syarat-syarat lain yang ditetapkan. Pelantikan ke jawatan pengetua atau guru besar memerlukan PPP lulus kursus NPQEL sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Sebentar. Saya habiskan perenggan ini, saya akan bagi kepada Yang Berhormat Datuk. Saya habiskan perenggan ini. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 8 Oktober 2013. Perkara ini selaras dengan anjakan kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan setiap sekolah, tanpa mengira lokasi dan tahap prestasi, mempunyai seorang yang tahap prestasi seorang pengetua, guru besar yang berkualiti tinggi untuk memacu prestasi sekolah secara menyeluruh. Silakan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak cakap soal guru-guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke *master degree* dan *PhD degree*. Saya rasa perkara ini perlu kementerian perluaskan dengan tujuan untuk melahirkan murid atau pelajar yang lebih berkualiti. Sebab, sekarang ini ramai guru-guru yang hendak sambung *master*, *PhD*, dia kata kalau sambung pun, balik pun tidak ada apa. Jadi macam saya katakan, kalau dia sambung *master* pergi belajar itu cerdik, balik itu jadi, bodoh itu tidaklah tapi kurang cerdik sebab duduk di tempat yang sama.

Jadi saya hendak mintalah jangan tetapkan peratusanlah *10 percent, 5 percent* kah untuk galakkan guru-guru untuk sambung ke *master degree*. Buka seluas-luasnya supaya dalam menuju ke TN50 itu, jadi kita hendak guru yang berkualiti dan pelajar juga pelajar yang berkualiti. Buka seluas-luasnya. Bagi insentif dia orang. Kalau hendak naik pangkat, saya sudah cadang dan bagi tahu itu hari, kalau *time-based* dia lima tahun, yang *master* itu bagi tiga tahun naik pangkat. Kalau tidak ada duit hendak bagi, bagi naik pangkat. Kalau yang *PhD* itu kalau *time-based* dia lima tahun, bagi dua tahun naik pangkat. Itu cadangan sayalah.

Kemudian, yang kedua tadi- pasal apa tadi? Saya lupa dah ini. Tak apa, jawab yang itu dululah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Memang banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, saya ambil maklum. Kita di kementerian juga ambil maklum.

Tapi, Yang Berhormat, seperti mana saya maklum tadi, ramai guru-guru di luar sana dengan inisiatif sendiri memang sambung belajar. Mereka mendapat ijazah pertama, mereka bersemangat tinggi kerana mereka faham apabila mereka mendapat ijazah sarjana atau PhD ini, ia bukan sahaja akan membantu mereka dalam proses kenaikan jawatan tapi juga menjadi guru yang lebih holistik, lebih lengkap dari segala apa pendidikan.

Kita, seperti mana yang saya jawab sebentar tadi, kita bagi *margin of preference* kepada guru-guru ini. Apabila ada kelayakan dan apabila mereka memohon kepada jawatan-jawatan yang tertentu, kita akan bagi *first preference* kepada mereka berdasarkan kepada kelayakan tertinggi yang mereka ada. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia memang menggalakkan bukan sahaja guru-guru yang berkhidmat sekarang, malah guru-guru yang sekarang ada di IPGM, Yang Berhormat, kita mempunyai kelayakan minimum sekurang-kurangnya lima ‘A’.

■1700

Ada guru-guru yang ada 10A, 11A, 9A bersiap sedia untuk menjadi guru-guru anak-anak kita di sekolah. Ini perancangan kita. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kita memang menggalakkan guru-guru ini sentiasa untuk menambah baik mutu perkhidmatan mereka dengan sifat mereka sendiri hendak berdikari. Itu kita ucapkan tahniah kepada guru-guru yang melaksanakan kerja ini.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, lupa tadi. Soal NPQEL. Saya tengok sebab saya dengan masyarakat guru ini saya rapat terutama dalam bahagian saya itu, memang saya rapat. Ada lebih kurang 1,300 orang guru itu memang rapat dengan saya. Saya tengok guru-guru yang memohon PK Ko umur 45 sudah memohon kursus NPQEL dengan harapan balik itu jadi guru besar sedangkan di sekolah itu juga ada guru-guru yang umur 57, 58. Jadi kalau dia balik jadi guru besar- dia betul ada kelayakan NPQEL tetapi kalau hendak banding dengan guru yang ada di sekolah itu, lagi senioriti.

Jadi saya hendak mintalah, hendak minta kursus NPQEL ini pun kena timbal juga soal senioriti. Tengok soal senioriti sebab kalau guru besar ini, umur muda sangat, guru-guru di bawah dia itu, susah dia hendak kontrol, hendak ajar susah. Jadi minta soal senioriti juga diambil kira dalam kursus ini supaya apabila dia keluar esok jadi guru besar, dia menjadi guru besar yang tadbir urus sekolah dengan baik dan cemerlang. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Saya ambil maklum dan seperti mana saya maklumkan sebentar tadi, memang ada kriteria-kriterianya dan cadangan-cadangan guru-guru yang akan mengambil bahagian dalam NPQEL ini sebenarnya biasa dibangkitkan oleh pengurusan sekolah sedia ada dan juga PPD berdasarkan kepada keperluan dan juga kelayakan.

Kita faham. Kita akan memberi keutamaan kepada mereka yang lebih berpengalaman berdasarkan senioriti tetapi umur juga memainkan peranan yang penting. Kadang-kadang kalau umur sudah 57, 58 tahun hendak jadi guru besar, tinggal setahun lagi berkhidmat, payah juga untuk dia melaksanakan segala pembaharuan. Maka kita beri peluang-peluang kepada guru-guru yang muda tetapi juga mempunyai pengalaman kerana kita dapat mereka dapat mengurus tadbir dengan lebih berkesan dengan kerjasama yang diberi oleh guru-guru yang lebih berpengalaman. Akan tetapi kita memastikan kesemua ini dimasukkan dalam proses latihan mereka. Itu hasrat kita. Hasrat kita ialah mewujudkan pemimpin-pemimpin sekolah bukan sahaja layak dari segi akademik tetapi secara kepimpinan. NPEQL ini ialah *leadership, purely leadership*, dengan izin Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim, ada? Tentang kekurangan 1,000 guru bahasa Inggeris. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan urusan pengambilan guru baharu dalam kalangan graduan pendidikan keluaran universiti awam. Institusi Pendidikan Guru Malaysia berdasarkan perakuan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mendapat kerjasama daripada SPP supaya hanya calon-calon yang terbaik sahaja dilantik untuk mengisi jawatan PP di Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah calon dalam bahasa Inggeris. Dari Januari hingga 2 Mei 2017, seramai 1,178 guru baru Opsyen Bahasa Inggeris telah ditempatkan di sekolah rendah dan seramai 207 guru baru opsyen bahasa Inggeris ditempatkan di sekolah menengah. Penempatan guru baharu ini adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.

Sebentar tadi juga Yang Berhormat minta tentang isu KPM tetapkan peratusan guru untuk lanjutkan pelajaran tinggi. Cadangan kenaikan pangkat secara *time-based* telah lebih awal, akan diambil kira. Ia merupakan perkara dasar kenaikan pangkat yang perlu dihalusi. KPM juga menggalakkan guru-guru seperti mana yang saya kata tadi, memang menggalakkan guru-guru untuk sambung belajar dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Senator Tuan Isa?

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja hendak mencelih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mohon satu. Kalau saya pergi rasmi PIBG atau Hari Anugerah Cemerlang, kadang-kadang laporan yang saya dapat bahasa Inggeris menurun dalam UPSR. Apabila saya tanya, kita tidak ada guru Bahasa Inggeris sudah lama dah. Beberapa buah sekolah yang saya dapatkan kes macam ini. Jadi boleh nanti saya kemukakan sekolah-sekolah tersebut yang masih lagi tidak ada guru Bahasa Inggeris? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh Yang Berhormat. Sila kemukakan senarai sekolah itu. Kita akan cuba lihat bagaimana kita dapat menyegerakan *posting* kepada guru-guru tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid tentang isu guru baru untuk kaum Orang Asli, ya Yang Berhormat. Berdasarkan kepada kedudukan seperti pada 30 Mac 2017, terdapat seramai 225 guru kaum Orang Asli iaitu 156 di sekolah rendah dan 69 di sekolah menengah. Dari

Januari hingga 2 Mei 2017, bahagian pengurusan sekolah harian hanya menerima bekalan guru baru seramai dua orang kaum Orang Asli Semenanjung. Penempatan guru baru ini iaitu seramai dua orang ditempatkan pada 2 Mei 2017 akan ditempatkan dan penempatan ini adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen

Inisiatif transformasi pendidikan Orang Asli dan peribumi telah diangkat sebagai inisiatif utama Kementerian Pendidikan Malaysia dan dipantau secara mingguan oleh pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia. Antaranya aliran kerja utama inisiatif ini adalah kempen dan *outreach* peningkatan kesedaran kerjaya perguruan secara aktif dalam kalangan murid Orang Asli untuk menggalakkan Orang Asli memohon menjadi guru. Penambahbaikan sistem e-graduan bagi menempatkan guru baru Orang Asli ambilan khas institusi pendidikan guru mengikut kuam spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, ada tadi. Rungutan guru terhadap pengurusan sekolah tentang isu-isu yang berkait dengan kolej vokasional. Yang Berhormat, kolej vokasional dan sekolah menengah teknik memberi cuti gantian rehat kepada guru mengikut kepentingan. Manakala cuti ganti diberikan jika aktiviti atau program yang melibatkan perjalanan jauh dan aktiviti dilaksanakan pada hari persekolahan atau hari bekerja. Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia KPPM/5 22 Jun 1998, dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/2007, guru besar, pengetua dikehendaki mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu.

Tentang gred jawatan PPD yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator juga menyemak semula gred jawatan pegawai pendidikan daerah Gred 48. Yang Berhormat, gred jawatan PPD adalah berdasarkan peranan, beban tugas atau tanggungjawab gred perjawatan berkenaan. Ia akan dipertingkatkan sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok mencadangkan KPM menyediakan perkhidmatan guru bergerak kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang mendapat pendidikan awal khususnya di kawasan pedalaman Sarawak. Yang Berhormat, perkhidmatan guru bergerak bagi pra sekolah memerlukan kajian dan penetapan dasar yang melibatkan perubahan norma guru serta kelulusan daripada agensi pusat. Kita akan lakukan satu kajian terperinci keberkesanan program ini.

Yang Berhormat seterusnya dari aspek pendidikan Islam. Tiga orang Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Datuk Zali bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tentang mohon surau di sekolah berasrama penuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, urusan memberi kebenaran dan mewartakan surau di sekolah-sekolah terpilih seperti di sekolah berasrama penuh, Maktab Rendah Sains Mara, kolej vokasional, sekolah harian dan sekolah menengah kebangsaan agama untuk mendirikan solat Jumaat adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Pihak pentadbir sekolah yang bercadang untuk mendapatkan kebenaran untuk mendirikan solat Jumaat di surau masing-masing disarankan untuk membuat permohonan rasmi kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Yang Berhormat seterusnya saya ke kluster akses pendidikan yang dibangkitkan oleh dua Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada dan juga Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ada? Okey. Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty meminta KPM menyatakan status keberkesanan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia terkini. Yang Berhormat, inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah disusun dengan rapi dan dijajarkan dengan peruntukan sedia ada pada tahun lepas bagi memastikan keberhasilan dapat dicapai. Antara pencapaian yang *significant* termasuklah peningkatan peratus pra sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia melepas standard minimum pra sekolah kebangsaan daripada 89.8 peratus pada tahun 2015 kepada 99 peratus pada tahun 2016.

■1710

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melihat peratus sekolah dengan penglibatan ibu bapa melepas sasaran 65 peratus. Kehadiran dalam enam aktiviti utama mencapai lebih 92 peratus. Dari segi perbelanjaan berhemah, peratus sasaran penjimatan yang dijajarkan ke aktiviti yang mendukung keberhasilan murid meningkat daripada 27 peratus pada 2015 kepada 77 peratus pada tahun 2016. Kejayaan ini dan yang lainnya merupakan pencapaian yang amat bermakna dalam usaha kita memastikan transformasi pendidikan terus dilaksanakan dengan jayanya.

Yang Berhormat, kita juga telah menyediakan kad laporan tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia fasa pertama dan kad laporan tahunan ini boleh juga dimuat turunkan daripada laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia. Segala perancangan, segala hala tuju masa depan kita telus, kita hendak memaklumkan kepada orang ramai kerana Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini adalah merupakan hasil input yang kita terima daripada hampir 50,000 rakyat Malaysia, merupakan satu *bottom-up approach* yang telah diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam memaklumkan atau meminta KPM memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses pendidikan berkualiti untuk menyokong Transformasi Nasional 50 (TN50).

Yang Berhormat, dalam usaha kementerian mengantarabangsakan pendidikan sebagaimana yang dihasratkan dalam anjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kementerian telah menjalankan usaha secara menyeluruh melibatkan warga pendidikan bagi memastikan akses kepada pendidikan berkualiti diberikan kepada semua anak warganegara Malaysia. Kementerian telah menyediakan satu laluan pendidikan yang pelbagai fleksibel dan menjurus kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dan berkeupayaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta sejajar dengan hasrat Pelan Transformasi Nasional 2050.

Yang Berhormat, perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan, kluster terakhir saya pada hari ini ialah contoh yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim tentang pelantikan Timbalan Menteri Pendidikan Luar Bandar. Yang Berhormat, pelantikan Timbalan Menteri Pendidikan adalah hak dan bidang kuasa penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia menghargai keprihatinan dan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga sahabat saya Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri Pendidikan II sentiasa turun padang melawat sekolah luar bandar dan pedalaman dan kami peka dengan keperluan sekolah. Saya sendiri telah melalui sampan, *motorboat*, helikopter sampai ke sekolah-sekolah pedalaman untuk melihat. Kita akan buat yang terbaik semua di kementerian pendidikan, bukan sahaja Menteri dan Timbalan Menteri, KSU, KPPM, TKSU, TKKPM, semua pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia yang duduk di Putrajaya sentiasa turun ke padang untuk melihat bagaimana kita dapat menambah baik sistem pendidikan kebangsaan. Ini tanggungjawab kita yang diamanatkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Mohon penjelasan mengenai status terkini pengiktirafan diploma vokasional Malaysia.

Yang Berhormat, sukcita dimaklumkan bahawa status terkini pengiktirafan Program Pengajian Diploma Vokasional Malaysia oleh MQA dalam proses verifikasi dan penilaian oleh pihak MQA. Pihak MQA baru sahaja selesai membuat verifikasi akreditasi penuh pelaksanaan program diploma di 15 buah kolej vokasional rintis dan yang menawarkan 16 program bermula pada 23 September hingga 4 Disember 2016. Kementerian Pendidikan sedang menunggu keputusan akreditasi tersebut mengikut *timeline* yang telah ditetapkan oleh pihak MQA.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, tidak ada? Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian sewajarnya.

Sekali lagi, kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang terus diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia yang membantu menyediakan maklum balas secara spontan. Terima kasih juga kepada semua Senator atas kerjasama yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga untuk perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya benarkan untuk menjawab kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir ialah untuk menjimatkan masa pegawai-pegawai dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi ini bukan bermakna Yang Berhormat dari kementerian ini kena juga bagi secara bertulis.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Kita ambil nasihat Yang Berhormat, kita akan memastikan semua jawapan yang tidak dijawab di Dewan ini akan kita hantar secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak dijawab?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, akan dihantar secara bertulis kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Menteri.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Majlis Parlimen Ketiga Belas. Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini, saya akan menjawab persoalan tersebut secara umum dan bagi spesifik isu-isu yang akan dibangkitkan, saya cuba menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Penggulungan jawapan saya akan menyentuh empat bidang utama iaitu pertamanya- ekonomi digital negara; kedua- penyalahgunaan media sosial; ketiga- perkhidmatan telekomunikasi; dan yang keempat- industri filem negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff berkaitan ekonomi digital negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, ekonomi digital telah pun dikenal pasti sebagai salah satu enjin pertumbuhan yang dapat mengukuhkan momentum perkembangan ekonomi negara. Menurut Jabatan Statistik, pada tahun 2015 ekonomi digital telah menyumbang sebanyak 17.8 peratus kepada KDNK negara dan peratusan ini disasarkan akan meningkat kepada 18.2 peratus pada tahun 2020. Sejajar dengan usaha membangunkan ekonomi digital ini, pihak kementerian melalui *Malaysia Digital Economy Corporation*, dengan izin, MDEC telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Inisiatif ini merangkumi usaha untuk merakyatkan ekonomi digital kepada golongan berpendapatan rendah, penduduk luar bandar, golongan belia dan usahawan kecil yang termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40.

Di bawah agenda merakyatkan ekonomi digital ini, dua buah program yang telah dilaksanakan oleh pihak MDEC iaitu Program e-Rezeki dan e-Usahawan yang bertujuan untuk membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital. Bagi Program e-Usahawan, sejak

Januari sehingga Disember 2016 sejumlah 51,203 usahawan muda dan desa telah pun mengikuti kursus eUsahawan dan kira-kira 30 peratus daripada peserta telah mula melaporkan jualan tambahan keseluruhan sejumlah RM48 juta, di mana komponennya kaum lelaki 43 peratus dan wanita 57 peratus. Kita dapat lihat minat daripada kaum wanita.

Di bawah Program eRezeki, MDEC mempromosikan penggunaan teknologi digital dengan mengupayakan rakyat untuk meraih peluang-peluang ekonomi melalui platform *crowdsourcing* yang dibangunkan. Peluang ekonomi digital ini termasuklah melakukan pekerjaan, tugas atau projek kecil yang disalurkan daripada pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Melalui kaedah digital ini, golongan B40 dan M40 boleh mengakses pelbagai bentuk pekerjaan dan tugas yang ditawarkan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan juga kebolehan individu tersebut, terutamanya dalam tugas yang berkaitan dengan *digital micro task*, *digital work* dan *digitally enable* ataupun *crowd services*, dengan izin.

■1720

MDEC juga menawarkan latihan kepada golongan M40 menerusi latihan intensif program eRezeki *global high income*, dengan izin, khususnya bagi pelajar tahun akhir dan graduan menganggur seperti latihan dalam menyediakan cadangan projek penterjemahan serta latihan pengurusan dan etika kerja sebagai pekerja digital antarabangsa. Sejak Januari sehingga Disember 2016, sebanyak 50,618 individu telah pun dilatih melalui pusat ini dan wakil eRezeki di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 57 peratus telah menjana pendapatan dengan nilai terkumpul sebanyak RM17 juta.

Seterusnya izinkan saya memberi penjelasan berkaitan *roadmap* pembangunan usahawan di dalam pasaran *Digital Free Trade Zone* (DFTZ), yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. *Roadmap* DFTZ merangkumi zon fizikal dan platform digital yang merangkumi tiga perkara.

Pertamanya, hab eFulfillment yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan zon bebas seperti pengurusan inventori, gudang, pembungkusan dan penghantaran. Fasa pertama hab eFulfillment ini akan beroperasi pada penghujung 2017 di KLIA Aeropolis.

Kedua, platform digital yang menyediakan perkhidmatan bersepadan menghubungkan sistem perkhidmatan eDagang kepada Sistem Pengurusan Perdagangan Kerajaan bagi memudah cara perdagangan antarabangsa khususnya berkaitan pengurusan kastam dan kargo. Sistem ini dirancang untuk beroperasi menjelang penghujung tahun 2017.

Ketiganya, hab perkhidmatan satelit DFTZ yang juga dikenali sebagai Kuala Lumpur Internet City (KLIC) adalah merupakan zon fizikal yang akan menempatkan syarikat-syarikat ICT dan Internet yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada DFTZ seperti perkhidmatan korporat, IT, kewangan dan pengurusan perniagaan. KLIC akan dibangunkan di bandar Malaysia dan dijangka beroperasi *insya-Allah*, pada tahun 2019. Manakala bagi menggalakkan penyertaan PKS dan merebut peluang menerusi inisiatif DFTZ ini, MDEC sedang giat bekerjasama dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti MITI, SME Corp, MATRADE dan beberapa agensi yang dikenal pasti bagi membolehkan PKS-PKS yang sedia ada disalurkan terus ke program pembangunan PKS untuk mengeksport *SME on boarding*, dengan izin. Melalui program ini PKS-

PKS akan didedahkan kepada modul-modul berkaitan melalui seminar, *webina* dan *outreach* bagi membolehkan para PKS tempatan menembusi pasaran antarabangsa melalui eDagang yang menyasarkan sebanyak 200 PKS berjaya menembusi pasaran antarabangsa pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan mengenai penyalahgunaan media sosial. Isu pertama ialah mengenai cadangan pengharaman aplikasi *Bigo Live* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua aplikasi media sosial adalah bersifat neutral di mana ia akan memberi impak positif sekiranya digunakan untuk tujuan baik dan akan memberi kesan negatif sekiranya disalahgunakan. Sama juga halnya seperti aplikasi *Bigo Live*, ia cuma salah satu alternatif daripada pelbagai pilihan aplikasi berbentuk *live streaming* seperti *Facebook*, *Snapchat Live*, *Periscope*, *Instagram Live* dan *Meerkat*. Dengan pelbagai pilihan sedia ada, tindakan menyekat sesuatu aplikasi media sosial dilihat tidak akan mencegah perlakuan tidak baik di Internet.

Walau bagaimanapun, bagi semua bentuk aplikasi atas talian terdapat langkah kawalan yang merangkumi tiga dimensi iaitu pertamanya penyedia platform aplikasi dalam talian di mana terma dan syarat penggunaan telah ditetapkan sebagai satu bentuk kawalan dan penguatkuasaan oleh penyedia platform.

Kedua, kerajaan di mana melalui penguatkuasaan undang-undang dan program advokasi dan yang ketiganya, pengguna sendiri iaitu melalui kawalan kendiri. Di mana pengguna mempunyai tanggungjawab untuk memastikan aktiviti dan talian berkaitan tidak mendedahkan diri mereka kepada perlakuan jenayah atau menjadi mangsa jenayah siber. Jika terdapat penyalahgunaan aplikasi dalam talian, tindakan akan diambil mengikut peruntukan undang-undang. Antara contoh kes yang telah kita ambil iaitu contoh memuat naik kandungan lucu di mana tindakan telah pun diambil dalam kes *anime*...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, *interrupt* sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik soal media sosial ini. Saya tengok sekarang ini perbalahan, suasana tidak tenteram apabila adanya media sosial dari segi salah guna. Saya hendak cadangkan kepada kementerian supaya yang hendak daftar *Facebook* itu biar daftar nama betul-betul. Ini nama harimaulah, nama singalah, nama macam-macam. Kita tidak tahu nama siapa. *Duk* bertengkar-tengkar mari, jadi dia kata macam-macam, mencarutlah. Jadi saya rasa perkara ini untuk menghasilkan suasana yang tenteram dalam masyarakat Malaysia mana-mana pengguna yang hendak guna *Facebook* guna nama betul. Pakai nama IC jangan pakai nama samaran, nama singa, nama harimau, nama hantu rayalah macam-macam. Ini mewujudkan suasana yang tidak tenteram dalam masyarakat. Saya mintalah perkara ini- kalau hendak guna *Facebook*, guna nama betul. Jangan guna nama samaran supaya kita dapat melahirkan masyarakat yang tenteram, aman dan tidak bergaduh sesama sendiri. Terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sikit fasal *Bigo* ini? Ini kerana saya yang bangkitkan hari itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan dan saya faham tentang keadaan media sosial itu. Akan tetapi apa yang saya bangkitkan ialah *apps Bigo* ini, ianya ada poin ada *diamond* yang boleh dikumpulkan oleh ahli-ahlinya dan akhirnya boleh dapat duit dengan tanpa bekerja. Ia memberi satu gambaran bahawa di tempat kerja pun mereka boleh *live* dengan kawan-kawan mereka.

Oleh sebab itu saya tengok dalam *Bigo Live* ini keadaannya sudah melampaui daripada dalam *Facebook* ataupun yang lain-lain. Saya persoalkan sekarang, kenapa *Bigo Live* ini tidak boleh dibuat sebagai satu perkara yang tidak perlu digunakan kerana ia memberikan markah ataupun poin-poin seperti satu *diamond* persamaan dengan satu *bean*. Jadi kena dapat kutip *bean* ini dan boleh dapatkan duit balik.

Jadi akhirnya orang tidak bekerja, dia ada ranking-nya. Jumlah terbanyak siapa, siapa, siapa. Akhirnya menjurus kepada keadaan yang tidak baik. Ada satu kes disebabkan itu mereka hampir dirogol oleh orang-orang dalam kumpulan ahli-ahlinya. Oleh sebab itu saya beritahu takkan lah *Bigo* ini kita tidak boleh fikir macam mana hendak sekatah, hendak apakah. Ini kerana ia sudah pergi ke arah satu bentuk pelacuran dalam *line*, itu yang saya persoalkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih kepada kedua-dua sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan juga Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff yang menanyakan soalan tadi.

Pertamanya untuk menjawab soalan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah. Sebenarnya pihak kementerian memang kita menyatakan- kita sering mengadakan beberapa siri kesedaran dan sebagainya untuk menasihati masyarakat di luar sana bahawa apabila pihak kerajaan menyediakan infrastruktur terutamanya dalam menyebar luaskan perkhidmatan jalur lebar, tujuan asal kita ialah supaya mereka menggunakan perkhidmatan yang disediakan dengan berhemah.

Akan tetapi pada masa yang sama masih terdapat segelintir orang yang cuba menggunakan dan menggunakan nama-nama samaran dan sebagainya. Akan tetapi memang kita telah mengambil beberapa tindakan terutamanya terhadap mereka yang telah menyalahgunakan ini. Terdapat beberapa kes penyalahgunaan seperti yang saya nyatakan. Misalannya di bawah penyalahgunaan Internet dan sosial media yang telah disiasat pada tahun 2016, terdapat lebih kurang 154 dan sehingga Januari tahun ini terdapat 13 yang telah dihadapkan kepada mahkamah tahun 2016 sebanyak lapan. Setakat Januari tahun ini sejumlah empat. Jadi inilah mesej-mesej yang cuba kita laksanakan.

Berbalik kepada persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Mustapa, sebenarnya kita mempunyai pelbagai pilihan. Tindakan menyekat sesuatu aplikasi yang media sosial dilihat tidak akan mencegah perlakuan terutamanya yang tidak baik di Internet kerana internet ini merupakan hanya satu platform, di luar sana masih banyak aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Ini kerana apa juar kesalahan di dalam alam maya adalah merupakan satu kesalahan di alam nyata. Jadi pendekatan yang perlu kita terapkan kepada semua pengguna adalah penggunaan secara berhemah dan positif bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini.

Walaupun kita tahu, sebagai langkah pencegahan memang kita adakan misalannya diperuntukkan di bawah akta sendiri yang menyatakan bahawa di bawah seksyen 211, dan 233, jika disabitkan kesalahan, pihak yang terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali, dan pada masa yang sama, seperti yang saya nyatakan bahawa program advokasi iaitu sesi perkongsian amalan terbaik dan pengurusan risiko terhadap jenayah siber merupakan yang satu elemen yang sentiasa kita titik beratkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1730

Seterusnya saya ingin memberi penjelasan mengenai tindakan kerajaan bagi mengambil tindakan tegas ke atas provokasi jahat yang menggugat ketenteraman awam dan keharmonian negara di bawah isu Rang Undang-undang 355 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Tuan Yang di-Pertua, provokasi jahat yang menggugat ketenteraman awam dan keharmonian negara boleh wujud dalam pelbagai bentuk termasuklah kandungan palsu, kandungan yang mempunyai kecenderungan untuk menghasut, kandungan yang menghina agama dan juga institusi kerajaan. Kerjasama bersepadau agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang telah pun dilaksanakan dan terdapat beberapa kes yang telah pun dibuat pendakwaan di mahkamah seperti kes Sivarasa yang berkaitan dengan kandungan palsu, Ratu Naga ataupun Fahmi Reza menghina institusi kerajaan, LVV iaitu menghina dan menyentuh sensitiviti keagamaan.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga telah mewujudkan portal sebenarnya.my untuk menangani provokasi jahat yang mengandungi kandungan palsu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak pelancaran pada 14 Mac tahun ini terdapat sejumlah 2,465,033 lawatan untuk keseluruhan portal di mana jumlah purata lawatan harian adalah dianggarkan pada 100,000 lawatan sehari. Maknanya *visit*. Daripada jumlah tersebut, 40 penyaluran maklumat telah pun diterima daripada orang ramai. Suka saya nyatakan bahawa kita berharap orang ramai dapat memberikan kerjasama dengan menyemak dan menyalurkan maklumat ataupun berita yang tidak ataupun belum ditentukan kesahihannya kepada portal ini agar gejala penularan berita palsu dalam talian dapat dipantau dan ditangani dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas mengenai persoalan isu perkhidmatan telekomunikasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook. Berkaitan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi di kawasan DUN Batu Kawa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Suka saya maklumkan bahawa kawasan Batu Kawa adalah antara kawasan yang termasuk di bawah pelaksanaan projek perluasan jalur lebar negara. Maknanya ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010 lagi di mana sehingga kini dua ibu sawat talian tetapi di Batu Kawa telah pun di naik taraf bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar dan telah terdapat 19 menara komunikasi yang beroperasi di Batu Kawa dengan liputan 3G.

Walau bagaimanapun dengan mengambil kira keperluan pengguna di kawasan ini, pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan di mana sebahagian lagi kawasan di Batu Kawa

seperti di Rantau Panjang, di Kampung Segedup, Setapuk, Sin Hai Min, Taman Genesis, Pasar Batu Kawah Lama, Sungai Moyang dan RPR Batu Kawah akan di naik taraf dengan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun *UniFi* di bawah pelaksanaan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya pasal tadi Yang Berhormat Menteri sebut fasal naik taraf Rantau Panjang itu. Sejak lawatan Yang Berhormat Menteri dalam bulan, awal tahun ini, sampai sekarang saya tengok liputan itu masih tidak berubah. Mutu service internet ini boleh katakan banyak tempat masih *line 'E'*, *line 'E'* lagi ada. Jadi hendak tahu bila benda itu berkuat kuasa. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Sebenarnya yang saya dimaklumkan di Batu Kawa pun ada nama Rantau Panjang. Tapi yang kawasan Yang Berhormat Senator itu saya akan mintalah pegawai semak balik ya Yang Berhormat Senator. Jadi pasal saya ini menjurus kepada Batu Kawa di Sarawak.

Akan tetapi *insya-Allah* di kawasan Yang Berhormat Senator pun saya akan minta dia orang semak dan maklumkan saya dan saya akan maklumkan pada Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah. Adalah dijangkakan pelaksanaan peruntukan tambahan ini dapat disiapkan secara berperingkat sehingga suku kedua 2018.

Di masa yang sama, terdapat juga satu menara telekomunikasi yang terletak Sin Santu sedang di naik taraf dengan liputan 4G yang akan siap menjelang akhir tahun 2017. Pendekatan kerajaan dalam penyediaan liputan jalur lebar adalah secara menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar dan bukan hanya spesifik kepada kawasan-kawasan bandar sahaja kerana sebelum ini kita dengar mereka hanya menjurus kepada kawasan-kawasan bandar tapi pendekatan kita maknanya di kawasan luar bandar pun kalau boleh mendapat liputan jalur lebar. Namun begitu kelajuan yang disediakan bergantung kepada permintaan semasa pengguna. Pada kebiasaan pengguna di kawasan bandar yang mempunyai permintaan kelajuan yang tinggi yang boleh mencecah melebihi *500 megabit per second* dan penggunaan infrastruktur gentian optik yang menyeluruh adalah perlu dalam penyediaan perkhidmatan sebegini.

Di Batu Kawah terdapat lebih daripada 1,200 sambungan ke premis yang tersedia bagi perkhidmatan *UniFi* tetapi hanya 162 langganan direkodkan iaitu 13 peratus langganan sahaja. Kita dapat lihat bahawa walaupun kita sudah buat kompas lebih kurang 1,200 tapi langganan masih kurang, hanya 162 langganan. Ini isu keupayaan ataupun *affordability*. Bagaimanapun ini boleh dibandingkan dengan langganan sebanyak 65 peratus bagi perkhidmatan *Streamyx*. Kebanyakan langganan *UniFi* di Batu Kawah adalah pakej *30 megabit per second*, dengan izin, manakala terdapat hanya tiga langganan bagi pakej *100 megabit per second*, dengan izin. Pihak TM iaitu pihak industri akan membuat pertimbangan sewajarnya bagi meningkatkan kelajuan sekiranya terdapat permintaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkhidmatan terkini liputan internet berkelajuan tinggi di Kelantan, seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Negeri Kelantan terdapat 22 ibu sawat talian tetap yang sedang dinaik taraf bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang akan siap secara berperingkat sehingga tahun 2019

yang akan meliputi kawasan bandar dan sebahagian kawasan pinggir bandar dan juga di luar bandar.

Bagi liputan jalur lebar mudah alih pula, terdapat 36 menara komunikasi baru yang sedang dibina terutamanya di kawasan luar bandar bagi penyediaan liputan jalur mudah alih dan ini adalah tambahan kepada 101 menara yang telah siap dibina dan akan diaktifkan sebelum ini di bawah projek perluasan liputan selular negara dan kita harap dengan tambahan 36 lagi ini di kawasan yang telah dikenal pasti, liputan akan bertambah baik.

Di masa yang sama, terdapat juga 71 menara sedia ada di negeri Kelantan yang sedang di naik taraf dengan liputan 4G yang akan mampu memberi kelajuan dan kualiti yang lebih baik kepada pengguna. Adalah disasarkan ke semua inisiatif ini akan dapat disiapkan secara berperingkat sehingga suku kedua tahun 2018. Dengan terlaksananya projek-projek dan inisiatif ini, perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan mudah alih dapat diperluaskan dan kualiti yang lebih baik dapat disediakan kepada pengguna terutamanya di Sarawak dan juga Kelantan serta di seluruh negara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu liputan *UniFi* di kawasan Semenyih yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, pendekatan kerajaan dalam penyediaan liputan jalur lebar adalah secara menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar dan bukannya spesifik kepada kawasan-kawasan bandar sahaja di mana usaha perluasan liputan jalur lebar masih lagi berterusan di masa ini. Pihak kerajaan sedang membina 342 menara komunikasi di seluruh negara bagi penyediaan liputan jalur lebar mudah alih yang lebih meluas dan disasarkan siap beroperasi pada suku kedua tahun 2018. Manakala tambahan 300 menara lagi sedang dirancang pembinaannya yang dan dijangka bermula pada awal 2018.

Di samping itu terdapat juga 1,970 lokasi menara sedia ada di seluruh negara yang sedang di naik taraf dengan liputan jalur lebar mudah alih yang disasarkan siap beroperasi menjelang akhir 2017. Bagi isu Yang Berhormat Senator bangkitkan, pihak Telekom Malaysia akan mengambil tindakan bagi memastikan perkara tersebut baik mutu perkhidmatannya dan pihak TM akan menghubungi Yang Berhormat Senator sendiri untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut mengenai perkara ini terutamanya di kawasan Semenyih.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya memberi penjelasan mengenai dasar tayangan filem termasuk siaran di televisyen seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Bagi urusan penapisan filem, perkara ini sebenarnya di bawah Lembaga Penapisan Filem ataupun LPF di bawah Kementerian Dalam Negeri.

■1740

Bagi tayangan filem-filem import di TV2 di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia ataupun RTM, pihak kementerian melalui RTM telah melaksanakan penilaian berdasarkan garis panduan siaran RTM dan Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah KDN serta garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Bagi siaran di televisyen dan juga di radio swasta pula, kod kandungan yang merangkumi garis panduan RTM digunakan sebagai garis panduan dan prosedur untuk piawaian dan amalan baik di dalam penyebaran kandungan kepada masyarakat dan penyedia perkhidmatan.

Di sini juga pihak MCMC telah menyediakan lima saluran aduan sekiranya terdapat aduan berkaitan dengan pelanggaran Akta Komunikasi dan Multimedia iaitu melalui saluran-saluran berikut; pertamanya *walk-in*, maknanya kita boleh terus kepada MCMC. Kedua, telefon di talian 1-800-188-030 ataupun kita boleh e-mel *aduan.skmm@mcmc.gov.my* ataupun melayari laman web <http://aduan.skmm.gov.my> dan melalui *Whatsapp* di talian 016-2206262.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pihak kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jailani bin Johari, Menteri Komunikasi dan Multimedia. Nampaknya Yang Berhormat Dato' Jailani bin Johari telah menjawab panjang lebar dan tepatnya dan semua perkara yang dibangkitkan dijawab dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat Dato.

Saya pergi pula kepada nombor 23, Kementerian Pengangkutan.

5.42ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan selamat petang.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyampaikan jawapan khususnya daripada sebelas orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2017 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu dan pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pertamanya saya ingin menyentuh berkenaan isu maritim iaitu Dasar Kabotaj yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman yang telah membangkitkan mengenai Dasar Kabotaj yang menyebabkan harga barang di Sabah dan Sarawak meningkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dasar Kabotaj bukan merupakan faktor dalam peningkatan harga barang di Sabah dan Sarawak. Harga barang di Sabah dan Sarawak yang lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung adalah disebabkan oleh beberapa faktor di mana ketidakseimbangan perdagangan yang ketara berlaku di antara *volume import* dan eksport.

Bagi setiap dua kontena berisi yang diangkut dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak, hanya sebuah sahaja kontena berisi yang diangkut semula ke Semenanjung Malaysia, manakala sebuah lagi adalah kosong. Ini akan menyebabkan syarikat perkapalan terpaksa mengambil kira kos pengendalian kontena kosong yang terpaksa dibawa semula ke Semenanjung. Faktor seterusnya adalah kerana penentuan harga sesuatu barang adalah tertakluk kepada keseluruhan kos rantaian bekalan termasuk kos pengeluaran, kos pengangkutan kapal, kos

pelabuhan, kos logistik daratan dan kos perkhidmatan agen penghantar sedangkan kos melibatkan pengangkutan laut hanya menyumbangkan kepada enam hingga lapan peratus daripada kos keseluruhan sesuatu produk.

Kecekapan pelabuhan juga memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan harga *freight* yang sebenarnya boleh mengurangkan harga barang. Berdasarkan daripada kajian National Port Strategy oleh Unit Perancang Ekonomi dan World Bank pada tahun 2016, kajian tersebut telah merumuskan bahawa Dasar Kaboutaj bukan merupakan faktor utama peningkatan kos pengangkutan di Sabah dan Sarawak. Ia adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut; pertama, kos *hinterland connectivity* yang tinggi disebabkan keluasan muka bumi Sabah dan Sarawak. Kedua, kekurangan aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak telah menyebabkan sektor pelabuhan di Sabah dan Sarawak tidak mempunyai kargo tempatan ataupun, dengan izin, *indigenous cargo* untuk dieksport yang mana ini menyebabkan kekurangan singgahan oleh syarikat perkapalan antarabangsa dan domestik, seterusnya mewujudkan ketidakseimbangan dalam perdagangan.

Dengan ini, dapat dilihat bahawa Dasar Kaboutaj bukan merupakan faktor utama kenaikan harga barang di Sabah dan Sarawak. Dalam pada itu, kementerian telah mengangkat beberapa cadangan kepada kerajaan termasuk *further liberalization* kepada Dasar Kaboutaj untuk pertimbangan. Kementerian juga komited untuk terus memantau situasi dan impak inisiatif yang diperkenalkan dengan menambah baik inisiatif-inisiatif tersebut daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman dalam perbahasan turut mencadangkan supaya pihak kementerian membina pondok-pondok untuk tempat bayaran saman di pos Imigresen, contohnya di Sungai Tujuh, Miri dan di pos Imigresen Sindumin, Sabah agar semua pesalah trafik dari negara Brunei dapat membuat bayaran saman terhadap kesalahan trafik yang telah dilakukan di Sabah dan juga Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pembayaran saman boleh dibuat melalui portal JPJ, laman web MyEG dan juga *kiosk* JPJ. Dalam hubungan ini, pihak kementerian bercadang untuk menambah bilangan *kiosk* JPJ di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya di kawasan sempadan bagi memudahkan urusan pembayaran saman.

Dalam perancangan jangka panjang, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan bercadang melaksanakan sistem pendaftaran kenderaan asing ataupun VEP secara berfasa bermula dengan fasa pertama di sempadan Malaysia-Singapura yang dijangka akan mula dalam tempoh terdekat. Seterusnya fasa kedua di sempadan Malaysia-Thailand dan fasa ketiga di sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei. Melalui sistem ini, setiap kenderaan asing akan didaftarkan di dalam sistem yang dibangunkan dan apabila setiap kenderaan asing tersebut melalui sempadan negara, setiap kenderaan yang tidak membayar saman akan dapat dikesan melalui sistem. Kenderaan yang telah disenaraihitamkan dikehendaki untuk membayar saman terlebih dahulu sebelum dapat meninggalkan negara. Pembayaran saman akan dilakukan di tempat pembayaran yang disediakan di pintu sempadan tersebut. Pihak kementerian mengambil maklum akan cadangan Ahli Yang Berhormat tentang pembayaran saman di pintu sempadan khususnya di pos Imigresen dan perkara ini sudah pun berada dalam rancangan kementerian.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail, dalam perbahasan mencadangkan supaya sekatan jalan raya dibuat tanpa menyempitkan jalan daripada tiga lorong kepada satu lorong.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berhubung dengan tatacara sekatan jalan raya oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang mempunyai *standard operating procedure* (SOP) dengan mengambil kira faktor-faktor keselamatan, kesesuaian tempat dan kelengkapan peralatan sebelum sesuatu sekatan jalan raya dijalankan. Pihak JPJ mengambil kira waktu beban puncak seperti waktu datang dan pulang kerja sebelum pelaksanaan sekatan jalan raya dijalankan.

■1750

Begitu juga dengan faktor keselamatan seperti kesesuaian lokasi yang ditetapkan untuk mengadakan sekatan jalan raya seperti di selekoh atau lokasi terlindung daripada pandangan pemandu dan pengguna jalan raya yang lain. Isu kesesakan jalan apabila sekatan jalan raya dibuat diambil kira memastikan petugas yang menahan dan memeriksa kenderaan supaya barisan kenderaan tidak terlalu panjang. Bagi kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan akan diarah ke bahu jalan untuk pemeriksaan lanjut supaya isu kesesakan jalan raya semasa sesuatu sekatan jalan raya dibuat dapat diatasi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian sedang meneliti SOP sedia ada bagi menambah baik tatacara sekatan jalan raya supaya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun telah membangkitkan mengenai perkara berhubung tentang penguatkuasaan peraturan dan standard atau piawaian pemandu di jalan raya terutamanya yang melibatkan kenderaan berat iaitu; satu, isu muatan pasir atau batuan di dalam treler panjang dan pemandu lori pasir, lori simen, lori batu yang membawa laju dan tidak menutup baik bahan yang dibawa yang menyebabkan berlakunya kemalangan kepada pengguna lain di jalan raya atau lebuh raya. Pematuhan had operasi di dalam pusat bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya ataupun bandar dan sekolah yang saya lihat tidak dipatuhi oleh pemandu kenderaan berat. Pemandu kenderaan berat membawa kontena yang memandu laju.

Seterusnya, muatan melebihi had *Liquefied Petroleum Gas (LPG) bottle of lorry*. Treler panjang meletakkan LPG *bottle* ini di dalam kerangka JIG yang akan menyebabkan kemalangan dan pergerakan jatuh LPG *bottle* ke atas jalan raya. Pertama kali menjawab isu tersebut, isu muatan pasir atau batuan di dalam treler panjang. JPJ telah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang jalan raya mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya. Penguatkuasaan secara berterusan terutamanya mengambil tindakan kenderaan berat seperti lori pasir, lori simen, lori batu dan treler panjang terutamanya kesalahan melebihi muatan, muatan bahaya dan lain-lain kesalahan berkaitan serta pemandu. Penguatkuasaan juga dijalankan secara bersepdu bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, SPAD dan PBT.

Berikut adalah statistik kes berkaitan lebih muatan dan muatan bahaya yang telah diambil tindakan oleh JPJ sepanjang 2014 hingga 31 Mac 2017.

Untuk makluman, kesalahan muatan bahaya pada tahun 2014 telah diambil tindakkan sebanyak 27,063 kenderaan. Pada tahun 2015 sebanyak 64,868 kenderaan. Tahun 2016 sebanyak 39,412 kenderaan dan pada tahun ini daripada Januari hingga Mac, tiga bulan ini, 6,789 dan keseluruhan 131,343 kenderaan yang telah diambil tindakkan.

Seterusnya, untuk lebih muatan pada tahun 2014 sebanyak 104,475 telah di ambil tindakan. Pada tahun 2015 sebanyak 62,918 dan tahun 2016 sebanyak 94,290 kenderaan lori dan untuk bulan Januari hingga Mac 2017 sebanyak 21,618 kenderaan. Ini semua kesalahan lebih muatan. Jadi ini menunjukkan bagaimana JPJ telah berjaya mengambil tindakan kenderaan-kenderaan yang telah melakukan kesalahan.

Cadangan untuk menguatkuaskan undang-undang agar lebih berkesan terhadap pengguna jalan raya khususnya pemandu kenderaan berat, ialah pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AWAS)* dengan mengenakan mata di merit kepada pemandu lori yang membawa lebih muatan bahaya dan kesalahan had laju. Tindakkan penggantungan lesen meramandu serta pembatalan lesen vokasional kepada pemandu kenderaan berat yang melakukan kesalahan. Tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan supaya matlamat tersebut dicapai.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, pengenaan mata di merit bagi pemandu perdagangan adalah lebih tinggi berbanding pemandu kenderaan persendirian. Pelaksanaan teknologi baru dalam sistem *Automated Awareness System (AWAS)* membolehkan JPJ mengenal pasti perbezaan di antara kenderaan perdagangan dan kenderaan persendirian termasuk motosikal.

Kedua, berhubung dengan sekatan had masa operasi di kawasan Putrajaya setakat ini tidak dikenakan sekatan terhadap lori-lori dan kenderaan berat. Bagi pusat Bandaraya Kuala Lumpur pula Malaysia- Ahad sekatan adalah seperti berikut:

- (i) daripada 6 pagi hingga 9 pagi;
- (ii) 1 petang hingga 2 petang; dan
- (iii) 4:30 petang hingga 7 petang.

Seterusnya lokasi had sekatan operasi adalah seperti berikut:

- (i) Jalan Sungai Besi;
- (ii) Jalan Istana;
- (iii) Jalan Mahameru;
- (iv) persimpangan Jalan Duta dan Jalan Kuching;
- (v) susur Jalan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jalan Hang Tuah;
- (vi) Jalan Sultan Ismail dan Jalan P.Ramlee;
- (vii) Jalan Imbi dan Jalan Sultan Ismail;
- (viii) Jalan Raja Chulan dan Jalan P. Ramlee;
- (ix) Bulatan Dato' Onn;
- (x) Jalan Dang Wangi-Jalan Raja Abdullah;
- (xi) Jalan Tun Perak dan Jalan Tun HS Lee;
- (xii) Jalan Raja Abdullah;
- (xiii) Jalan Parliment-Jalan Mahameru; dan
- (xvi) Jalan Tun Perak dan Jalan Hang Lekir.

Ketiga, isu pemandu kenderaan berat membawa kontena yang memandu laju. Penguatkuasaan secara berterusan dijalankan terhadap kenderaan perdagangan seperti lori kontena dan sebagainya termasuklah bagi kesalahan yang memandu melebihi had laju yang dibenarkan. JPJ mengambil langkah menggunakan AWAS ataupun *Automated Awareness Safety System* untuk mengambil tindakan terhadap pemandu yang melebihi had laju. Hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan mengikut sistem tersebut, berikut adalah statistik kesalahan yang dikesan bagi kenderaan kontena yang melakukan kesalahan memandu melebihi had laju daripada tahun 2015 dan hingga tahun 2016 adalah seperti berikut. Tahun 2015 sebanyak 115 yang telah diambil tindakan dan tahun 2016 sebanyak 64. Jumlah keseluruhan sebanyak 179.

Keempat, berkaitan kenderaan perdagangan atau lori yang diberi kebenaran untuk membawa *LPG bottle* mesti mematuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan yang melibatkan reka bentuk had berat dengan muatan serta ketinggian badan kenderaan tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dalam perbahasan telah menyentuh mengenai perkara berikut iaitu membangkitkan mengenai kenderaan berat membawa muatan melebihi had yang dibenarkan beroperasi pada awal pagi yang membahayakan pergerakan pelajar sekolah. Kedua, mohon penjelasan adakah sesuai lori-lori pasir yang wagon isiannya melebihi 40 kaki panjang digunakan untuk mengangkut pasir di rangkaian jalan raya di Malaysia yang mana risiko kegagalan mekanikal lori menyebabkan kemalangan maut.

■1800

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kuasa menyekat penggunaan kenderaan-kenderaan di jalan-jalan tertentu adalah di bawah seksyen 70(1) dan seksyen 70(2), Akta Pengangkutan Jalan 1987, di mana Kementerian Kerja Raya sebagai yang dipertanggungjawabkan bagi kerja raya berhubungan dengan satu jalan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi suatu jalan yang selain daripada jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa tersebut boleh mewartakan larangan bagi sebarang operasi kenderaan berat di suatu jalan.

Pada masa ini setiap kawasan sekolah dikawal melalui penetapan had laju bagi semua jenis kenderaan sebagai langkah untuk mengawal pergerakan dan operasi kenderaan-kenderaan bagi mengurangkan risiko dan jumlah kemalangan di kawasan sekolah. Agensi penguatkuasaan seperti PDRM, JPJ, Warden Trafik melalui seksyen 79(2) Akta Pengangkutan Jalan telah diberikan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi perintah had laju ini.

Seterusnya, berhubung kesesuaian lori pasir yang wagon isiannya melebihi 40 kaki panjang digunakan bagi mengangkut pasir. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kenderaan barang 40 kaki adalah selamat dan sesuai digunakan di atas jalan raya selagi mana had berat muatan yang dibawa dan ketetapan di dalam pelan teknikal kenderaan yang diluluskan JPJ, sentiasa dipatuhi oleh pemilik kenderaan tersebut. Kelulusan JPJ melibatkan reka bentuk *bucket* kenderaan tersebut adalah tertakluk kepada jenis muatan yang dibawa.

Namun, setengah pemilik kenderaan tidak mematuhi kelulusan yang diberikan. Sebagai contoh, kenderaan diluluskan bagi membawa muatan jenis terurai yang berketumpatan rendah seperti serbuk kayu. Namun pemilik kenderaan melanggar syarat ini dengan membawa barang yang berketumpatan tinggi seperti pasir. Perkara ini akan memberi kesan buruk kepada kenderaan

dan seterusnya ianya akan menjelaskan sistem kestabilan dan struktur kenderaan termasuk sistem brek, stereng, *suspension* yang akan boleh menyebabkan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu lapangan terbang...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita rasa bagi pihak kerajaan dari segi polisi untuk mengurangkan *accident*, kemalangan yang dilakukan oleh kenderaan-kenderaan berat sama ada lori ataupun bas memang bagus. Kerajaan saya rasa terlebih dahulu telah cuba memperbaiki polisi dari semasa ke semasa.

Akan tetapi dari segi *implementation*, ini masalah yang rata-rata rakyat di bawah sana mempersoalkan sebab hingga ke hari ini walaupun dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita mengadakan pelbagai cara, strategi dan kawalan oleh pihak-pihak yang berkenaan, tetapi kita masih melihat satu perkara yang cukup lumrah di atas jalan raya, tidak kira bas, tidak kira lori laju macam pelesit. Ia mengambil *lane* yang ketiga, ia memotong macam kereta *racing*, bahkan orang macam kita naik takut. Saya selalu bagi *warning* orang rumah saya kalau bawa kereta dekat dengan bas ke lori, jangan cuba nak-jauhkan diri kerana mereka tidak akan kisah seolah-olah tidak ada kuasa yang boleh menahan.

Itu sebab yang berlaku pada hari ini, iaitu soalan saya walaupun kita menghormati pihak kerajaan mencuba dengan pelbagai cara dan strategi, soalan saya apakah tidak mungkin- soalan yang biasa saya dengar di bawah, apakah tidak mungkin *implementation* ini tidak menjadi efektif disebabkan ada unsur-unsur penyalahgunaan kuasa ataupun secara *direct*, konsep rasuah yang diberitahu dikutip secara *monthly*. Kalau bas ataupun lori itu bergerak katakan dari Melaka ke KL, jadi yang menjaga kawasan itu memang ada kutipan secara *monthly*. Ini tuduhan di bawah. Begitu juga lori pasir ke lori yang mengangkat melebihi walaupun berkeliaran daripada mana ke KL, orang biasa nampak benda itu memang melebihi.

Akan tetapi lepas, tidak ada masalah. Jadi di bawah itu mempersoalkan dari segi, apakah ada unsur-unsur penyelewengan yang dilakukan oleh pihak penguat kuasa hinggakan kita tidak boleh buat apa. Ini soalan saya, terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tambah sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan SPAD ini waktu ditubuhkan dahulu adalah untuk melihat soal-soal lesen dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini SPAD pun ada dia punya *team* atas jalan raya dengan kereta-kereta petrol dia yang saya rasa dia juga tidak cukup kakitangan.

Berkaitan dengan apa Yang Berhormat sebut tadi, ada lori-lori yang bawa muatan lebih batulah umpamanya, banyak kereta yang terpelanting batu daripada lori yang bawa lebih muatan. Batu-batu ini bila kena, banyak sangat kereta yang cermin kereta pecah. Akan tetapi bila saya tanya kepada JPJ, kenapa tidak ambil tindakan? JPJ kata bukan kuasa dia sekarang, SPAD. Ini kita tidak faham sudah. SPAD ada, JPJ ada, penguatkuasaan ada tapi kuasa sudah berpindah.

SPAD ini pada asalnya penubuhannya bukan untuk buat kerja-kerja ini. Kerja ini mesti dilakukan oleh JPJ, tapi sekarang ini sudah jadi lain. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat

Menteri, apa dia yang sebenarnya dan tujuan asal penubuhan SPAD. Adakah untuk nak buat kerja-kerja petrol ini seperti apa yang JPJ buat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad yang telah membangkitkan isu lori. Pertama seperti isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai penyalahgunaan kuasa dan juga kutip wang bulanan. Oleh sebab itu kerajaan telah membuat satu pendekatan untuk mengatasi perkara ini dengan menggunakan sistem penguatkuasaan automatik iaitu menggunakan sistem kamera. Melalui sistem kamera ini, penguatkuasaan tidak ada pilih kasih. Ia semua pakai automatik dan penguatkuasaan akan dilaksanakan 24 jam dan tujuh hari seminggu, dia tidak ada cuti.

Setakat ini kita hanya ada 14 kamera dan kita kalau diizinkan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat di setiap kawasan, kita kerajaan bersedia menambah kamera ini untuk memastikan penguatkuasaan dapat meliputi di segenap lapisan negara ini bagi memastikan tidak ada yang terkecuali atau terlepas daripada tindakan penguatkuasaan ini. Akan tetapi itulah, apabila kita tambah kamera, ada pula yang menuduh ini kerajaan nak cari duit, dia tuduh kerajaan pula nak ambil kesempatan nak cari duit.

Jadi saya mengharapkan agar setiap pemimpin dapat menginsafi akan hasrat kerajaan mengguna pakai sistem Awas ini adalah untuk menjaga keselamatan rakyat khususnya pengguna jalan raya. Kita mahukan jalan raya selamat digunakan untuk semua dan selamat untuk termasuklah anak-anak sekolah kita.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan oleh Dato' Sri Khairudin, antara SPAD dan JPJ. JPJ lebih menumpukan penguatkuasaan kenderaan itu, sistem kenderaan sedangkan SPAD lebih kepada lesen yang dikeluarkan, lesen perdagangan dan SPAD juga akan menguatkuasakan undang-undang yang termaktub dalam lesen perdagangan tersebut. Jadi yang ini mungkin nanti saya akan jelaskan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin di pejabat sayalah.

■1810

Seterusnya mengenai isu lapangan terbang. Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim telah membangkitkan mengenai tanah jerlus di penghujung landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh sepanjang 2.1 kilometer sedia ada. Keluasan jerlus tersebut adalah seluas 30 meter persegi yang menghalang pendaratan kapal terbang besar seperti Boeing 737 dan Airbus A320.

Sewaktu projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh pada tahun 2011 hingga 2012, terdapat kejadian tanah jerlus akibat dari kerja-kerja pembinaan dan pergerakan bawah tanah pada ketika itu. Namun, perkara ini telah ditangani dengan pengambusan semula lubang jerlus yang berukuran lebih kurang lapan hingga 10 meter. Bagi menjamin keselamatan operasi penerbangan, had pengoperasian mengikut jenis dan berat pesawat telah dilaksanakan sehingga kajian terperinci dijalankan.

Sehingga kini, kerja-kerja baik pulih mendapan telah dilakukan dan kajian bagi menentukan ketahanan tanah dan permukaan landasan telah dijalankan oleh pihak konsultan. Pihak konsultan turut mengesahkan bahawa landasan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah adalah selamat

digunakan oleh pesawat seperti Boeing 737 dan Airbus A320 pada landasan berukuran dua kilometer.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga memohon penjelasan...

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Mohon mencelah sikit, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dan juga Kerajaan Negeri Perak mengucapkan banyak terima kasih kepada tindakan yang telah dilaksanakan untuk naik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh tersebut.

Cuma dalam kaedah pada hari ini, selepas dinaiktarafkan dan dibaikpulih akibat jerlus itu, terdapat syarikat-syarikat pengangkutan kapal terbang ini enggan untuk memberikan perkhidmatan mereka di lapangan terbang yang saya sebutkan tadi. Saya mohon mendapat jasa baik daripada kementerian dan juga kerajaan untuk dapat bertindak supaya sama ada boleh mereka menggunakan lapangan terbang tersebut seterusnya ataupun dipindahkan ke tempat lain. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai keengganan pesawat-pesawat menggunakan Lapangan Terbang Ipoh ini, mungkin dia mengambil keputusan komersial kerana Ipoh ini antara Kuala Lumpur, Subang dan Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi sekarang apabila dah ada sistem ETS kereta api, jadi banyak penumpang daripada Kuala Lumpur dia lebih mudah menggunakan kereta api elektrik.

Seperti saya katakan tadi, ini semua tergantung kepada keputusan syarikat-syarikat penerbangan sama ada mereka ada *load* atau tidak, sama ada mereka ada *passenger* kerana untuk mencapai sesuatu keuntungan, *load factor* sesebuah pesawat sekurang-kurangnya 65 peratus. Jadi kalau penumpang itu tidak sampai 65 peratus, dia akan mengalami kerugian. Jadi, lokasi Ipoh itu terletak antara Subang dengan Pulau Pinang, jadi mungkin terlalu dekat dengan dua lapangan terbang antarabangsa. Pada dasarnya, kerajaan tidak ada kuasa untuk meminta ataupun memaksa pesawat-pesawat untuk terbang ke Ipoh. Itu penjelasan yang dapat saya berikan, Yang Berhormat Datuk Hamzah.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Hamzah juga ada mohon penjelasan status lapangan terbang yang berada di Gerik, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Padang Terbang Gerik, Perak adalah merupakan padang terbang di bawah seliaan Kementerian Pertahanan Malaysia bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia. Padang terbang tersebut tidak pernah digunakan untuk kegunaan penerbangan komersial.

Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Perak telah mengemukakan cadangan awal supaya padang terbang tersebut dinaiktarafkan sebagai opsyen kemasukan pelancong ke Royal Belum, Perak. Unit Perancang Ekonomi telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri Perak menjalankan kajian kesesuaian terlebih dahulu sebelum rancangan ini dipertimbangkan dan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dalam perbahasan juga telah memohon supaya kerajaan mempercepatkan projek naik taraf Lapangan Terbang Sandakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek pembesaran Lapangan Terbang Sandakan, Sabah telah diluluskan oleh kerajaan untuk dilaksanakan pada tahun 2017.

Skop pembesaran yang terlibat adalah memanjangkan landasan sedia ada daripada 2,133 meter kepada 2,500 meter bagi menampung keperluan pesawat jenis 4C, Boeing 737 dan Airbus

320 tanpa had muatan untuk mendarat, dan juga *connecting taxiway* baru bagi melancarkan pergerakan keluar masuk pesawat dari *runway* ke *parking apron* dan dari *parking apron* ke *runway* dan juga pelebaran kawasan memakir pesawat.

Pemanjangan landasan memerlukan kawasan lapangan terbang sedia ada dibesarkan dan menyebabkan keperluan pengambilan balik tanah seluas 25 ekar. Proses pengambilan balik tanah tersebut dijangka selesai dalam tahun 2017 juga.

Seterusnya perkhidmatan *aerobridge* oleh *AirAsia* juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Mohon penjelasan mengapa *AirAsia* masih tidak menggunakan sepenuhnya perkhidmatan *aerobridge* di Lapangan Terbang Sandakan dan adakah *service charge* bagi perkhidmatan *aerobridge* telah dimasukkan di dalam pembelian tiket *AirAsia*. Yang Berhormat Senator seterusnya telah mencadangkan supaya Malaysia Airport and *AirAsia* menjalankan kaji selidik mengenai keperluan perkhidmatan *aerobridge*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, *service charge* bagi perkhidmatan *aerobridge* tidak dimasukkan di dalam pembelian tiket Air Asia di Lapangan Terbang Sandakan. *Aerobridge* disediakan untuk kegunaan semua syarikat penerbangan serta untuk keselesaan penumpang.

Namun begitu, penggunaannya adalah tertakluk kepada syarikat penerbangan dan mod operasi masing-masing. Sebagai syarikat penerbangan tambang rendah atau *low cost carrier*, operasi *AirAsia* tertakluk kepada model syarikat penerbangan tambang rendah. Namun, *AirAsia* sentiasa berwaspada dan prihatin terhadap penumpang dan akan menggunakan perkhidmatan *aerobridge* di lapangan terbang lain apabila terdapat penumpang OKU ataupun ketika cuaca buruk. Perkara ini dilakukan tanpa sebarang kos kepada penumpang.

Berhubung dengan cadangan kaji selidik mengenai keperluan perkhidmatan *aerobridge*, perkara ini turut dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengendalian dan Koordinasi Penumpang. Namun, ia tertakluk kepada mod operasi syarikat penerbangan masing-masing.

Untuk pengetahuan, syarikat penerbangan hanya dikenakan caj sebanyak RM85 bagi sekali penggunaan *aerobridge*. Sebagai contoh, jika terdapat 150 orang penumpang dalam pesawat tersebut, caj seorang penumpang hanyalah sebanyak 57 sen sahaja. Caj *aerobridge* yang dikenakan ini adalah termurah di dunia.

■1820

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai kemudahan *aerobridge* yang tidak disediakan di Lapangan Terbang Langkawi dan seterusnya mohon penjelasan bilakah Lapangan Terbang Langkawi akan dinaiktarafkan. Lapangan Terbang Langkawi tidak menyediakan kemudahan *aerobridge* kerana terminal tersebut adalah berkonsepkan *single storey operation*, dia satu tingkat sahaja. Untuk makluman, *aerobridge* ini kena dua tingkat baru dia boleh beroperasi. Terdapat cadangan untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Langkawi pada tahun ini namun ia masih di peringkat perancangan bagi memastikan perjalanan projek yang lancar. Cadangan tersebut adalah untuk membesarkan terminal daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada keupayaan terminal untuk menampung 3 juta penumpang setahun.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasin mencadangkan supaya lokasi surau di KLIA diubah di kawasan tengah dan tidak tersorok. Pihak MAHB mengambil maklum akan masalah ini dan akan membuka semula surau di tepi Pos Malaysia yang bertempat di bangunan terminal utama. Oleh yang demikian, akan terdapat dua surau utama di bangunan terminal utama untuk menampung kegunaan pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, memang terdapat beberapa surau berhampiran kawasan tengah di bangunan satelit. Pihak MAHB mempunyai perancangan untuk menambah sebuah kemudahan surau lagi di bangunan satelit dan dijadualkan boleh digunakan pada hujung bulan Jun 2017.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How telah membangkitkan beberapa perkara mengenai operasi syarikat penerbangan seperti berikut;

- (i) membangkitkan mengenai masalah *flight delay* di kalangan syarikat penerbangan yang kerap berlaku,
- (ii) membangkitkan mengenai situasi *overbooking* ataupun penempahan berlebihan oleh syarikat penerbangan terutamanya Malaysian Airlines khususnya pada musim perayaan yang menyebabkan penumpang tidak boleh mendaftar masuk,
- (iii) mencadangkan sistem penarafan dilaksanakan kepada syarikat penerbangan sebagai penanda aras kualiti perkhidmatan syarikat penerbangan.

Pertama, berhubung masalah *flight delay*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kelewatan penerbangan seperti berikut;

- (i) masalah teknikal seperti kerosakan pesawat ataupun gangguan kepada sistem peralatan penerbangan di lapangan terbang;
- (ii) perkhidmatan *ground handling* seperti katering dan pengisian bahan api pesawat;
- (iii) keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat dan pergerakan angin yang kuat yang boleh mempengaruhi keselamatan operasi penerbangan;
- (iv) pemunggahan keluar bagasi bagi penumpang yang telah mendaftar masuk ataupun *check in* tetapi tidak menaiki pesawat iaitu *no show check in passenger*;
- (v) peningkatan mendadak trafik penerbangan; dan
- (vi) faktor-faktor lain seperti penutupan landasan ataupun *taxis way*.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan memantau secara berterusan prestasi ketepatan masa ataupun *on time performance* bagi syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan *benchmark* 85 peratus yang telah ditetapkan oleh *Association of Asia Pacific Airlines* dapat dicapai. Beberapa langkah penambahaikan telah dilaksanakan setakat ini seperti;

- (i) mengadakan mesyuarat dengan kesemua syarikat penerbangan Malaysia (DCA) dan juga MAHB bagi memantau dan mengenal pasti punca-punca kelewatan penerbangan;
- (ii) pelaksanaan Projek *Air Traffic Management Operation Plan* ataupun ATMOP yang dijangka siap pada suku pertama tahun 2017 akan meningkatkan keupayaan operasi kawalan trafik udara di Semenanjung Malaysia;
- (iii) MAHB juga mengadakan mesyuarat bersama DCA dan syarikat-syarikat penerbangan negara secara berkala, dua minggu sekali bagi membincangkan punca-punca kelewatan penerbangan yang berpunca daripada operasi di lapangan terbang dan kaedah mengatasinya; dan
- (iv) DCA bersama semua syarikat penerbangan berjadual negara juga sedang dalam proses untuk mengkaji cadangan untuk mewujudkan sistem prosedur kerja dan *Key Performance Indicator* (KPI) berhubung proses pemunggahan keluar bagasi bagi *no show check in passenger* bagi meningkatkan *on time performance* dan selain daripada itu, penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun MAVCOM pada 1 Mac 2016 dan Pewartaan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 pada 18 Julai 2016 akan mengawal selia dan memantau prestasi operasi syarikat-syarikat penerbangan negara dengan lebih rapi.

Seterusnya mengenai situasi *overbooking* ataupun penempahan berlebihan. Semua syarikat penerbangan dan penumpang adalah tertakluk kepada Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016.

Oleh yang demikian, sebarang isu yang timbul kesan daripada situasi *overbooking* atau tempahan berlebihan oleh syarikat penerbangan, penumpang adalah layak mendapat pampasan seperti dinyatakan dalam Kod Perlindungan Pengguna tersebut. Seterusnya ketiga, berhubung cadangan sistem penarafan syarikat penerbangan, buat masa ini, MAVCOM sentiasa memantau kualiti perkhidmatan syarikat penerbangan negara. Semua syarikat penerbangan Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan terhadap lesen atau permit mereka dan kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat tersebut boleh mendatangkan implikasi terhadap lesen atau permit mereka yang mana implikasi tersebut termasuklah pembatalan atau penarikan balik lesen atau permit milik mereka.

Datuk Yoo Wei How: Tuan Yang di-Pertua, minta celah sikit. Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Menteri. Yang bertentangan dengan penundaan masa ataupun *flight delay*, dengan izin, kita tahu bahawa kementerian mempunyai banyak prosedur, banyak mesyuarat dengan MAHB, banyak persediaan untuk mengatasi masalah ini tetapi saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang berada di sini semua memang mempunyai pengalaman yang tidak berapa bagus tentang penundaan masa *flight* ini dan dulu kita pergi ke lapangan terbang untuk menaiki *flight* ataupun kapal terbang, tepat masa merupakan satu *norm*. *It's a very normal situation that the flight is on time* tetapi sekarang apabila kita sampai ke kapal terbang dan mendapati bahawa penerbangan

yang kita buat *booking*, dengan izin, tepat masa maka kita akan berasa begitu suka hati. *Oh, today the flight is on time*, dengan izin.

Saya rasalah betapa banyak mesyuarat ataupun betapa banyak prosedur yang telah ditubuhkan tetapi saya rasa syarikat-syarikat penerbangan perlulah mempunyai *intention*, dengan izin, untuk bekerja bersama-sama dengan kementerian. Kalau mereka terlalu mementingkan keuntungan ataupun kapal terbang yang mereka sedia ada, kekerapan untuk kapal terbang itu adalah terlalu kerap terbang pada satu hari, maka mereka akan menghadapi banyak masalah seperti yang Yang Berhormat Menteri tadi cakap masalah teknikal lah, cuacalah, *ground handling problem*. *It's a lot of things will be happen* dan masalah kedua yang saya timbulkan bertentangan dengan *overbooking* syarikat penerbangan MAS ini, saya memang tahu bahawa setiap pelanggan memang mempunyai kelayakan untuk menuntut pampasan daripada syarikat penerbangan kalau menghadapi situasi *overbooking* itu tetapi kalau kita fikir, pada masa hari raya ataupun pada masa perayaan, apabila kita semua dengan suka hatinya membawa satu *family* untuk balik dari Singapura, untuk balik dari negara luar untuk balik ke kampung untuk bersama-sama keluarga kita yang berada di kampung.

■1830

Akan tetapi kita menghadapi situasi *overbooking* ini dan tidak dapat baliklah ke kampung pada masa itu dan pada masa itu kita tidak akan memikir tentang pampasan berapa yang boleh saya dapat. Kita hanya fikir sahaja saya benci ini Kerajaan Barisan Nasional sebab *management* syarikat penerbangan yang tidak berpatutan itu. Terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikitlah fasal *flight delay* ini. Saya yang *flight delay* satu hal lah, yang satu perkara lagi yang terjadi apabila peralihan pintu itu dari satu pintu tiba-tiba alih ke pintu yang lain dan ia balik kepada pintu yang lain. Ia terjadi sewaktu saya hendak pergi ke Labuan dahulu. Maknanya, di dalam ramai-ramai yang tunggu dekat pintu yang beralih ke pintu yang lain, selepas itu dia balik kepada pintu yang lain, punya ramai orang merungut dan menyumpah-nyumpah kepada kita punya Kementerian Pengangkutan disebabkan perkara yang kecil berlaku. Saya tidak tahu macam mana ia boleh berlaku, adakah disengajakan ataupun kesilapan daripada siapa, saya tidak tahu. Cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat beritahu dekat saya kenapa ini boleh terjadi peralihan pintu yang tiba-tiba dan ia balik kepada pintu yang satu lagi. Terima kasih.

Datuk Yoo Wei How: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tambah sedikit tadi kita tahu bahawa kementerian mungkin tidak mempunyai kuasa untuk menghalang syarikat penerbangan daripada membuat *overbooking* ataupun kelebihan penempahan tiket. Ini sebab mungkin merupakan satu keputusan komersial. Akan tetapi saya haraplah kalau kementerian dapat memantau situasi ini, terutamanya pada musim perayaan seperti Hari Raya Cina, Hari Raya Puasa ataupun Deepavali, di mana anak-anak kita semua hendak balik kampung daripada lain tempat. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka dapat balik ke kampung dengan hati yang lega, dengan hati yang suka. Terima kasih.

Datuk Ng Chiang Chin: Tuan Yang di-Pertua, minta celah sedikit. Berkenaan dengan *punctuality of the flight*. Saya berasa ini adalah satu penyakit besar. Boleh dikatakan tiap-tiap hari

ada *delay*, sama *Malindo* kah, *Firefly* kah, MAS, hari-hari ada *delay*. Saya baru balik kelmarin daripada Bali, 5 jam dia *delay*, tidak ada fasal-fasal. Nombor dua, sedikit kepada *AirAsia*, *aerobridge actually is a very friendly bridge*, dengan izin. Kita semata-mata boleh kata *everything must be commercialized*. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sekiranya penumpangnya ada 150 passengers, kira-kira satu passenger baru berapa sen sahaja, 50 sen sahaja tadi. Tidak bolehkah kerajaan berunding dengan *AirAsia*, *make it a norm*, yang ada itu pakai *aerobridge*, *it is a social obligation to the elderly*. *I think it is very important*, tidak semata-mata hendak untung berapa sen, berapa sen. Sepatutnya bayar RM1 satu penumpang saya ingat kita sudah boleh bayar untuk keselesaan penumpang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How mengenai *flight delay*. Seperti dalam apa yang saya sebutkan, mereka kebanyakan memang tidak ingin untuk mengubah jadual tetapi suasana seperti kalau sebagai contoh, pesawat itu mengalami masalah teknikal, memang DCA tidak akan benarkan ia terbang kerana hendak jaga keselamatan penumpang. Begitu juga cuaca, kita baru-baru ini pesawat MAS pun apabila ia turun dalam cuaca yang tidak mengizinkan, tergelincir. Jadi, keselamatan penumpang lebih diutamakan. Kita tidak mahu hendak cepat tetapi tidak selamat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Jadi, sistem penerbangan ini memang sangat-sangat sensitif. Ianya mesti mengikut SOP yang ketat oleh sebab itu...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh *interrupt* sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya, soal *flight delay* ini memang saya setujulah macam seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu itu, cuacalah, teknikal. Akan tetapi ada kala, banyaknya oleh kerana penumpang tidak ramai, dia tidak terbang, dia batalkan *flight*, dia *cancel flight*. Contohnya, saya baru-baru ini daripada Kota Bharu, daripada pukul 8 ingatkan *cancel* satu jam sahaja *flight delay*, pukul 1 baru ada *flight*. Kita terpaksa batal tiket itu, beli tiket lain. Jadi Kementerian Pengangkutan, MOT kena *check* benda-benda macam ini sebab dia orang ini dia *look for the profit*. Dia tidak lihat kepada soal *obligation service* kepada orang ramai, dia melihat kepada keuntungan. Jadi, MOT kena *check* ini, kita kalau lewat satu jam tidak apa. Ini dari pukul 8 ke pukul 1. Kita mari hendak mesyuarat, jadi saya rasa tidak- minta MOT *check* benda ini. Terima kasih.

Datuk Yoo Wei How: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit. Saya boleh buat satu contoh yang tepat sekali, di mana terdapat satu *flight* dari Subang ke Alor Setar, yang *Malindo* punya *flight* pada tiap-tiap hari petang pukul 4.45. Saya sepuluh kali naik *flight* ini, sembilan kali *delay* dan penundaan *flight* ini selalu tidak melebihi dua jam. Dia selalu *delay*, dia selalu penundaan masanya tidak lebih 1 jam 45 minit. Mungkin mereka tahu bahawa kalau penerbangan domestik, kalau penundaan masa lebih daripada dua jam, maka mereka terpaksa membayar pampasan kepada pelanggan. So, saya rasa syarikat penerbangan pun pandai juga. Dia selalu buat penundaan masa sebanyak 1 jam 45 minit ataupun 1 jam 50 minit.

Saya setujulah dengan Yang Berhormat Senator dan selalu nampak di dalam TV bahawa satu destinasi mungkin mempunyai 10 *flight* kah atau 20 *flight* satu hari tetapi kebanyakan daripada mereka mengalami pembatalan penerbangan.

Saya rasa- kita memang menghargai bahawa Kementerian Pengangkutan mementingkan keselamatan pelanggan-pelanggan yang mengambil penerbangan. Akan tetapi selain daripada itu, saya perasan bahawa mungkin syarikat penerbangan tidak mempunyai kapal terbang yang mencukupi, mungkin mereka tidak mempunyai kapal terbang yang *spare*, dengan izin. Maka, apabila mereka menghadapi satu masalah di sesuatu lapangan terbang mungkin hujankah, cuacakah, mungkin masalah teknikal, maka satu hari daripada *schedule* mereka telah *delay* dan ini telah menyebabkan banyak masalah telah timbul kepada pelanggan-pelanggan. Sekian sahaja. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih, Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang dia cakap itu mungkin, so terpulang.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertama tadi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim tadi saya ambil perhatian, mengenai dia tidak cukup *load*, dia *delay* pada *flight* satu lagi. Perkara ini memang saya telah bincang dengan pihak syarikat penerbangan dan dalam sistem syarikat penerbangan, ia dibolehkan buat begitu tetapi ianya tidak *friendly* kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, saya akan memanggil syarikat-syarikat penerbangan supaya sekiranya ia kena buat anggaran penumpang sebelum ia membuat *route* itulah. Ia tidak boleh suka-suka ambil *route* tetapi ia tidak buat jangkaan penumpang itu dan ini akan menyusahkan penumpang.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How menyebut bahawa syarikat penerbangan tidak cukup kapal terbang, yang ini biasanya MAVCOM akan pastikan setiap *route* yang diluluskan itu, pihak MAVCOM akan pastikan ia sudah dapat senarai bilangan kapal terbang yang ia ada. MAVCOM tidak akan luluskan satu-satu *route* tanpa memastikan syarikat penerbangan itu mempunyai keupayaan.

■1840

Lebih-lebih lagi dengan adanya MAFCOM, ia memang cukup menjaga industri penerbangan ini supaya industri penerbangan Malaysia ini benar-benar *sustainable* dan mesra dengan pengguna.

Seterusnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff mengenai tukar *gate*. Ini berlaku sekiranya apabila pesawat yang sepatutnya membawa penumpang-penumpang itu tidak dapat diselenggarakan dengan baik dan syarikat penerbangan terpaksa cari pesawat lain. Kebetulan pesawat yang boleh digunakan di *gate* yang lain. Jadi itu berlaku kerana apabila pesawat yang sepatutnya membawa penumpang ke satu destinasi itu tidak dapat kelulusan untuk terbang kerana masalah-masalah teknikal.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin tentang *aerobridge*. *Aerobridge* ini memang seperti saya katakan Air Asia ini konsep tambang murah. Jadi itulah kaedahnya. Malah

dahulu mula-mula pun di KLIA 2 Air Asia enggan menggunakan aerobridge. Akan tetapi pihak kerajaan telah *pursuit* untuk dia gunakan.

Jadi perkara yang seterusnya ialah yang saya ingat yang terakhir mengenai Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim telah membangkitkan mengenai isu temu duga pramugari yang dijalankan oleh pihak *Malindo* yang meminta calon menanggalkan pakaian. Menjawab isu ini, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan bersama pihak syarikat-syarikat penerbangan iaitu *Malindo*, *Malaysia Airlines* dan *AirAsia* juga Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Penerbangan Awam pada 7 April 2017 yang dipengerusikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

Hasil mesyuarat tersebut, pihak Jabatan Penerbangan Awam telah diminta untuk membangunkan satu *Standard Operating Procedure* atau garis panduan tatacara temu duga kru penerbangan yang perlu dipatuhi oleh kesemua syarikat-syarikat penerbangan negara.

Susulan daripada itu, pihak Jabatan Penerbangan Awam telah mengadakan satu sesi *engagement* dengan pihak MABA, *AirAsia*, *Firefly*, *MASwings* dan *Malindo Air* pada 12 April 2017. Setakat ini draf SOP tersebut telah disediakan dan sedang diteliti. Beberapa cadangan penambahbaikan telah dicadangkan oleh penasihat undang-undang Jabatan Penerbangan Awam dan sedang menunggu maklum balas dari pihak operator sebelum dibentangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. SOP ini dijangka dikeluarkan sebelum penghujung bulan Mei 2017 dan perlu diguna pakai oleh semua syarikat-syarikat penerbangan negara kelak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Saya dan seluruh warga ...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Minta mencelah.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, bagi I dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu. Banyak lagi kah soalan tambahan? Pasal sudah ambil satu jam, tidak cukup kah?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya hendak tanya satu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, beri soalan mereka itu bagi secara bertulis. Bangkitkan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi lepas saya bertanyakan kepada Kementerian Pengangkutan supaya dibina satu terminal bas Pantai Timur di Gombak. Okey, terima kasih kepada kerajaan kerana sudah setuju. Akan tetapi apabila hendak buat itu tidak tahu. Tadi saya ada menerima panggilan daripada rakyat mengatakan kalau bolehlah kerajaan buat terminal sementara untuk penumpang bas daripada Kelantan, Terengganu dan Pahang di Gombak.

Oleh sebab sekarang ini kalau di Bandar Tasek Selatan itu memang jauh. Kalau hendak mari Gombak balik kalau naik taxi mahal tambangnya daripada Kelantan ke Kuala Lumpur. Jadi kalau boleh mereka minta buat terminal sementara dahulu untuk Kelantan, Terengganu dan Pahang sebelum pilihan raya ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, lagi satu.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Dalam perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit soal ETS. Saya tidak tahu, mungkin tidak ambil catatan berhubung ETS. Saya akan buat secara bertulis jugalah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Cuma saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua kalau boleh pencatat itu catatlah habis-habisan. Ini kerana banyak sangat *point* yang tidak dicatat. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, yang ETS itu Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri akan jawab bagi pihak SPAD. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited beriltizam untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mode dan cekap, bersepadu, selamat, mapan dan mesra pengguna di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

6.48 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali yang telah pun membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sepanjang perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas ini. Saya cuma akan menjawab pada sesiapa Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, menjawab bagi soalan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, ada? Penubuhan kompleks kebudayaan di negeri Sarawak yang telah mengusulkan, Yang Berhormat telah mengusulkan kepada pihak kementerian untuk menubuhkan kompleks kebudayaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di Sarawak dan juga Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Cawangan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui JKKN memang bercadang untuk membina kompleks JKKN di Sarawak bagi menyediakan ruang

yang kondusif untuk menyemarakkan lagi seni dan budaya di dalam negeri Sarawak. Kompleks JKKN ini akan dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan seperti ruang pentadbiran, bilik seminar, bilik latihan, auditorium dan juga pentas terbuka.

Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pelaksanaan cadangan pembinaan kompleks JKKN di Sarawak, kementerian mengharapkan supaya Kerajaan Negeri Sarawak dapat menyediakan tapak tanah yang sesuai tanpa mengenakan sebarang bayaran premium. Kalau Yang Berhormat boleh bantu lagi baiklah.

Kementerian juga amat menghargai cadangan Yang Berhormat tentang penubuhan ASWARA Cawangan Sarawak dan akan membuat kajian keberkesanan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun mencadangkan kementerian supaya dasar eko pelancongan dilaksanakan. Yang Berhormat ini ada tak? Kalau tidak ada saya pergi kepada ini dan saya akan hantar secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin: Okey. Saya pergi kepada seterusnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar. Okey Yang Berhormat mencadangkan kementerian supaya meneruskan penganjuran *Malaysia Inbound Tourism Association (MITA) Travel Fair* bagi tahun-tahun yang akan datang serta mencadangkan juga penukaran nama *MITA* bagi mengelakkan kekeliruan antara *MITA* dan juga *MATTA*, ada dua.

Sementara Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul juga mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan supaya meneruskan penganjuran pesta pelancongan domestik ataupun *MITA Fair* pada tahun-tahun yang akan datang dengan lokasi yang lebih strategik serta melibatkan pengusaha hotel, *homestay* dan lain-lain perusahaan pelancongan daripada negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelancongan domestik terus mencatatkan pertumbuhan yang begitu memberangsangkan daripada tahun ke tahun. Pada tahun 2015 sahaja, jumlah pelancong domestik adalah sebanyak 62.7 juta. Peningkatan sebanyak 3.3 peratus berbanding 60.7 juta pelancong pada tahun 2014. Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik juga telah meningkat daripada RM41.4 bilion pada tahun 2014 meningkat kepada RM44.2 bilion pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 6.9 peratus.

Untuk makluman, pameran *MITA Travel Fair* yang dianjurkan oleh pihak *Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)* pada 24 Februari hingga 26 Februari yang lalu telah pun mencatat jumlah jualan sebanyak RM11 juta pada tahun 2016 yang mana pada tahun 2016 sebanyak RM1.6 juta sahaja. Ini menunjukkan peningkatan daripada tahun 2016 sampai tahun 2017 itu peningkatannya adalah sebanyak 85 peratus. Acara di *MITA Fair* pada 29 Januari hingga 31 Januari 2016 telah pun diadakan di *Kuala Lumpur Convention Centre* yang sememangnya dikenali sebagai lokasi yang strategik dengan jumlah pengunjung yang tinggi yang seterusnya telah mencatatkan hasil jualan yang menggalakkan.

■1850

Bagi tahun 2017, mereka telah menganjurkannya di *Mines International Convention Centre* pada 24 hingga 26 Februari dan penganjur *MITA Fair* ini sememangnya menganjurkan program ini

di lokasi yang boleh melariskan jualan-jualan pakej-pakej percutian dengan mengambil kira faktor-faktor lain seperti kos sewaan yang kompetitif yang perlu ditanggung oleh pihak MITA bagi memastikan kos penyertaan tidak membebankan sektor industri pelancongan domestik seperti hotel, pengusaha pelancong, pengusaha *homestay*, pemilik produk pelancong dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.

Penyertaan di *MITA Travel Fair* ini sememangnya terbuka kepada semua penggiat industri pelancongan termasuklah daripada Sabah, Sarawak dan bagi memastikan berbagai-bagai lagi jenis program dan juga produk pelancongan ditawarkan dapat memenuhi cita rasa pengguna. Berhubung cadangan supaya pameran MITA ini ditukarkan ke nama lain dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan supaya tidak keliru dengan pameran *MATTA Fair* ia adalah tertakluk kepada pertimbangan oleh pihak penganjur sendiri yang mana memandangkan MITA juga adalah merupakan sebuah pertubuhan yang berurusan dengan pihak luar negara, maka penggunaan nama pameran MITA di dalam bahasa Inggeris adalah difikirkan wajar.

Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum tentang cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang berhormat Senator dan akan memanjangkan kepada pihak MITA untuk tindakan mereka selanjutnya.

Untuk makluman Yang berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul juga, *MITA Fair* ini akan terus dianjurkan dengan sokongan daripada pihak kementerian dan usaha-usaha bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dari penggiat pelancongan akan diadakan khususnya daripada negeri Sabah.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar juga memohon pihak kementerian untuk menyatakan program-program yang diadakan untuk menarik pelancong sempena Tahun Melawat ASEAN 2017 serta kos yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kempen Tahun Melawat ASEAN 2017 dianjurkan sebagai tanda memperingati ulang tahun ASEAN yang ke-50. Sejak penubuhannya pada tahun 1967 dengan *tag line*, 'Visit ASEAN@50, Golden Celebrations'.

Di antara objektif penganjuran kempen ini termasuklah meningkatkan kesedaran umum berkaitan dengan negara Asia Tenggara ataupun ASEAN sebagai *single tourism destination* mencapai bilangan pelancongan antarabangsa ke negara-negara ASEAN seramai 120 juta orang bagi tahun 2017 serta meningkatkan pendapatan pelancongan kepada USD82.8 bilion dan meningkatkan bilangan purata bermalam kepada enam hingga tujuh hari melalui percutian kedua atau lebih destinasi di negara ASEAN.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya *Tourism Malaysia* telah pun merancang dan melaksanakan beberapa usaha promosi sebagai tanda sokongan kepada kempen Tahun Melawat ASEAN 2017 di samping bagi menggalakkan kemasukan pelancong asing ke Malaysia. Program promosi yang dilaksanakan adalah melalui kerjasama Pintar atau pun *smart partnership* dengan pelbagai pihak termasuklah sekretariat ASEAN dan para penggiat industri pelancongan. Antara usaha-usaha promosi yang telah giat dilaksanakan:

- (i) kerjasama dengan Syarikat Penerbangan *Malaysia Airlines* untuk tayangan video promosi kempen Tahun Melawat ASEAN 2017 di bawah *impact*

- entertainment* untuk semua penerbangan. Siapa yang tadi sudah biasa naik *flight* itu mesti sudah pernah tengok;
- (ii) penggunaan logo kempen Tahun Melawat ASEAN Tahun 2017 di beberapa pameran pelancongan domestik dan juga antarabangsa seperti *ASEAN Tourism Forum 2017*, *Fitur 2017* ada di Sepanyol, *MITA Travel Fair 2017 and MATTA Fair*, bagi memberikan kesedaran berkaitan kempen dan juga destinasi pelancongan ASEAN termasuklah Malaysia;
 - (iii) selain daripada itu Yang Berhormat, logo Kempen Tahun Melawat ASEAN 2017 juga turut digunakan secara meluas di dalam semua bentuk promosi domestik dan juga antarabangsa yang digunakan oleh pihak *Tourism Malaysia*, penggiat industri MITA, MATTA dan juga persatuan hotel Malaysia; dan
 - (iv) di samping itu, *Tourism Malaysia* juga bekerjasama dengan *GOASEAN travel channel*, *ASEAN Tourism Marketing Coordinator* dan juga Sekretariat ASEAN dalam mempromosikan pakej pelancongan ke Malaysia dan juga negara ASEAN serantau melalui *ASEAN tourism packages*.

Oleh kerana usaha promosi yang dijalankan oleh *Tourism Malaysia* dengan para penggiat industri pelancongan adalah berbentuk kerjasama ataupun *smart partnership*, maka tiada kos yang terlibat di dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti bersempena Tahun Melawat ASEAN 2017.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, ada? Okey, yang memohon penjelasan kementerian di dalam membantu kerajaan negeri mempromosikan produk pelancongan yang ada di negeri khususnya di negeri Terengganu seperti pulau, pantai, barang kraf dan makanan seperti nasi dagang dan juga keropok lekor.

Pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa mengetengahkan aspek makanan, kebudayaan dan juga sumber-sumber alam semula jadi negara yang juga merupakan aset pelancongan di inisiatif-inisiatif promosi di peringkat antarabangsa dan juga domestik bagi menggalakkan pelancong ke negeri-negeri termasuk Terengganu.

Dalam hal ini pihak *Tourism Malaysia* dengan sokongan pihak kerajaan negeri telah pun melaksanakan inisiatif seperti berikut iaitu sepanjang tahun 2016-2017 telah pun mempromosikan mengikut tema promosi iaitu:

- (i) '*Dekat Je*' dan *eco and nature* dan antara aktiviti yang melibatkan rakan media seperti RTM bagi *Program 3 Ke 5 Jerr* sekarang dalam siaran di TV1, RTM 3J, Jom Jalan-jalan, slot Berita Perdana jam 8 malam setiap Jumaat yang memperkenalkan *Sanctuary Kelah*, Kenyir *Elephant Conservation Village*, aktiviti cendat sotong, aktiviti selam skuba di Pulau Tenggol, Taman Tamadun Islam, Pulau Warisan *River Cruise*, Kompleks Noor Alfa Batik, Kompleks Tuanku Nur Zahirah, Pasar Payang dan juga sebagainya untuk liputan barang kraf tempatan Terengganu;

- (ii) melalui artis selebriti Astro bersama Zizan Razak, yang juga merupakan anak kelahiran negeri Terengganu ke gerai-gerai makanan yang menjadi pilihan selebriti Zizan Razak termasuklah makanan tempatan seperti nasi dagang, ketupat sotong, bengkang lemak manis, rojak katih, ikan celup tepung, lempeng *nyior* serta keropok lekor Losong- Allah cukup menggiurkan;
- (v) program NBOS bersama kementerian bagi eksplorasi budaya dan alam semula jadi di *Homestay Teluk Ketapang*, *Homestay Pasir Raja* dan *Cemerung Outdoor Adventure* di Dungun. Program ini juga melibatkan budaya tempatan seperti tarian sabak, makanan tempatan seperti ikan singgang, ketupat palas dan lauk ikan sungai. Aktiviti lasak seperti ATV dan *dart*, *Go Kart* di Ulu Chemerong Dungun juga telah diperkenalkan untuk bersama melibatkan masyarakat tempatan; dan
- (vi) bersama dengan DJ *Hot FM* ke Pulau Gemia untuk misi konservasi anak-anak penyu serta sesi bersama peminat *Hot FM* di Mesra Mall Kijal.

Tourism Malaysia juga telah pun memperkenalkan pakej melalui lawatan suai kenal jejak warisan pelancongan Islam dan bekerjasama dengan pihak pengusaha produk pelancongan seperti Institut Al-Quran, Yayasan Islam Terengganu, Desa Al-Taqwa, Muzium Negeri Terengganu dan juga pengusaha-pengusaha *homestay*. Kerjasama ini juga turut melibatkan agensi-agensi pelancongan tempatan dan juga daripada Singapura termasuk pemandu pelancong.

Tourism Malaysia juga turut menerbitkan risalah versi digital berkenaan dengan negeri Terengganu seperti *The East Coast Malaysia Beautiful Terengganu*, *Dekat Je Holiday Packages 2017* dan *Terengganu Map and Guide* yang telah dimuat naik ke dalam laman web *Tourism Malaysia* dan juga maklumat-maklumat pelancongan Terengganu seperti makanan tradisi, barang kraf, pulau-pulau menarik dan juga pakej yang boleh dicapai secara digital di serata dunia.

Bagi Tahun Melawat Terengganu 2017, *Tourism Malaysia* telah pun mempromosikannya di *World Tourism*, *World Travel Market London* pada November 2015. Awal lagi sudah *promote* dah Yang Berhormat. *Tourism Malaysia* juga terus bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi mengenal pasti acara-acara yang berpotensi untuk kita promosikan di dalam ataupun di luar negara. Negeri Terengganu juga telah dipromosikan melalui pembangunan pakej yang diterbitkan di dalam risalah 1001 Pakej Cuti-cuti 1Malaysia. *Tourism Malaysia* juga akan meneruskan promosi Terengganu melalui pameran *trade* antarabangsa, program suai kenal produk iaitu *Mega Fame* dan program kerjasama taktikal di mana kerjasama dijalinkan dengan pihak industri antarabangsa dalam merangka dan juga menjual pakej-pakej yang menarik ke Terengganu.

Sehubungan dengan itu bagi memastikan pembangunan kawasan ekopelancongan yang lebih lestari dan juga sistematik, kementerian telah pun merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 yang turut mengenal pasti tujuh kluster kawasan-kawasan ekopelancongan yang berpotensi di negeri Terengganu. Antaranya adalah Kluster Setiu Penarik, Kluster Ajil Kuala Berang, Tasik Kenyir dan Kluster Kampung Raja Besut, Pulau Perhentian, Jertih. Pihak kementerian

juga akan meneruskan program kerjasama dengan pihak kerajaan negeri bagi memastikan pertumbuhan industri pelancongan yang sihat bagi Terengganu.

■ 1900

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid yang mencadangkan kementerian supaya mengetengahkan industri pelancongan masyarakat Orang Asli dalam perancangan industri pelancongan negara bagi meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli dan bekerjasama dengan pihak JAKOA dalam membangunkan bidang kraf dan seni persembahan masyarakat Orang Asli dengan mengadakan pusat latihan dan memperkayakan lagi tarian pelbagai kaum seperti Mah Meri, Semelai dan Ketam Bangkang. Yang Berhormat juga memohon penjelasan berkenaan lain-lain usaha kementerian dalam membangunkan seni budaya masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, masyarakat Orang Asli turut terlibat secara langsung dalam Program Pengalaman *Homestay Malaysia* di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dari segi pelaksanaan aktiviti-aktiviti terutamanya yang melibatkan lawatan ke perkampungan Orang Asli.

Melalui pakej-pakej ini, para pelancong berpeluang mengalami sendiri aktiviti-aktiviti tradisional yang dilaksanakan oleh masyarakat Orang Asli seperti Tarian Sewang dan juga aktiviti menyumpit. Antara *homestay* yang menawarkan aktiviti bersama masyarakat Orang Asli kepada para pelancong boleh saya katakan di sini ialah *Homestay Desa Kedah*, Ulu Legong, Baling, Kedah yang mana melibatkan sewang Orang Asli dan perkampungan Orang Asli yang terlibat ialah Kampung Orang Asli Ulu Legong. Kedua, *Homestay Sungai Pasu*, Raub, Pahang. Aktivitinya ialah sewang Orang Asli dan juga menyumpit yang mana perkampungan Orang Asli yang terlibat ialah Kampung Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha untuk membantu masyarakat Orang Asli terutama sekali dalam bidang kraf. Pada tahun 2016, seramai 13 orang usahawan kraf Orang Asli dibangunkan yang melibatkan 22 orang tenaga kerja dengan penjanaan pendapatan sebanyak RM626,165 dan Kraftangan Malaysia juga turut memberi pengiktirafan kepada seorang Adiguru Kraf Orang Asli iaitu Pion Anak Bumbong daripada Pulau Carey, Selangor yang telah pun banyak menghasilkan ukiran patung ataupun topeng Mah Meri.

Bagi memasarkan produk kraf Orang Asli di pasaran, Kraftangan Malaysia telah pun memberikan peluang kepada usahawan-usahawan Orang Asli untuk menyertai promosi di peringkat domestik seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Malaysia di Plaza Angsana, Johor dan juga promosi di peringkat antarabangsa seperti *Kuala Lumpur International Craft Festival*, pameran perdagangan luar negara dan juga pelbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat daripada Melaka, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Ada. Ada Yang Berhormat, saya ingatkan Yang Berhormat duduk sini. Saya tidak nampak. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah minta kementerian menyatakan kerjasama dengan penggiat seni budaya dan juga kerajaan negeri

bagi memastikan seni warisan budaya dan persembahan masyarakat Malaysia diperkuuhkan lagi dalam sektor pelancongan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara sentiasa berusaha menyokong program-program pelancongan melalui pelaksanaan program-program seni dan budaya sama ada di peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Melalui Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) bagi tahun 2016, sebanyak 214 program yang telah kita laksanakan oleh pihak JKKN di seluruh Malaysia dengan kerjasama daripada 147 badan bukan kerajaan seni budaya di negeri-negeri, seperti berikut:

- (i) program *Sau Culture Tourism* di peringkat antarabangsa;
- (ii) program *Sau Culture Tourism* di peringkat negeri; dan
- (iii) program persembahan khas.

Kraftangan Malaysia juga giat melaksanakan aktiviti promosi domestik di peringkat cawangan, negeri dan penglibatan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri dan juga Persatuan Kebudayaan Negeri serta penglibatan penggiat-penggiat seni yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan, pembatik, koperasi songket dan juga persatuan pengukir.

Kementerian juga melalui pihak *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosikan komponen kebudayaan negara dengan menggunakan perkhidmatan badan-badan kebudayaan negeri di program-program pelancongan antarabangsa seperti di *World Travel Market London 2016* dengan membawa kumpulan etnik Orang Sungai Sabah dan kumpulan muzikal Kombo dari Kerajaan Negeri Melaka. Melaka memang selalu pergi, serta *International Tourism Bourse (ITB)* Berlin 2017 yang membawa kumpulan Era Budaya Papar dari etnik Kadazan Papar, Sabah. Program-program sebegini sememangnya mendapat sambutan dan liputan yang luas daripada media antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbahasan yang menyentuh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Sesungguhnya kementerian amat menghargai segala pertanyaan, pandangan, teguran dan juga saranan daripada cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang, Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, silakan Yang Berhormat Menteri.

7.06 mlm

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyertai perbahasan ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara.

Sebagai Menteri yang pertama yang menggulung dari Jabatan Perdana Menteri, saya ingin memohon untuk menjawab hujah-hujah di bawah tanggungjawab saya yang menyentuh mahkamah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Peguam Negara, bahagian

Kabinet, Perlembagaan dan perhubungan antara kerajaan dan Parlimen. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh lagi rakan-rakan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri yang perlu menjawab bagi pihak JPM, maka untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini, saya akan menjawab secara lisan untuk beberapa isu dalam masa tiga puluh minit paling lama dan juga menjawab pada mereka yang bertanya yang ada di dalam Dewan dan seterusnya akan diberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya jawab dan masa tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Ada? Tidak ada. Saya jawab secara bertulis. Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan mengenai perbezaan gaji dan elaun di antara skim-skim perkhidmatan pengurusan dan profesional yang tidak selaras. Perbezaan begitu ketara dan tiada kesinambungan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian gaji dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada prinsip kadar upah untuk kerja, kelayakan masuk, latihan serta realitiviti dan pariti. Ini bermakna semakin tinggi kompleksiti sesuatu tugas, tanggungjawab dan akauntabiliti, maka lebih tinggi kadar gaji diberikan.

Sebelum saya jawab, saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya menjawab bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya bukan Menteri yang bertanggungjawab. Saya jawab bagi pihak. Menteri yang bertanggungjawab adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setiap elaun dalam perkhidmatan awam mempunyai matlamatnya yang khusus dan dibayar berdasarkan prinsip dan kriteria yang ditentukan. Salah satu prinsip ialah prinsip tidak sejagat yang membolehkan pemberian sesuatu elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan yang ditetapkan berdasarkan skop fungsi sesuatu perkhidmatan.

Penentuan pemberian elaun juga dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti tanggungjawab tambahan, risiko kerja, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kepentingan sesuatu perkhidmatan untuk menarik minat pegawai berkhidmat dalam perkhidmatan tertentu. Berdasarkan prinsip dan kriteria tersebut, maka elaun hanya diperuntukkan kepada pegawai atau kumpulan atau perkhidmatan yang layak sahaja bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan.

Yang Berhormat juga bertanya saya bersama dengan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul. Ada, tidak ada? Ada. Beliau turut mencadangkan supaya skim perkhidmatan pegawai sains ditambah baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengadakan kajian menyeluruh ke atas 252 skim perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1, Tahun 2016, berkuat kuasa 1 Julai 2016. Pelaksanaan ini turut melibatkan skim perkhidmatan pegawai sains yang merangkumi pindaan gaji minimum dan maksimum, pindaan gaji permulaan dan pemberian satu kenaikan gaji tahunan. Kerajaan mendapati bahawa skim perkhidmatan pegawai sains masih relevan dan kajian pindaan skim perkhidmatan ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail, ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Oh, tidak ada. Dia tanya tentang isu penjelasan gaji skim perkhidmatan pegawai sains, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul ada juga bertanya tentang memohon penjelasan mengenai beberapa ramai jumlah pegawai dari skim bukan gunasama yang telah naik pangkat setelah sistem fleksi berkuat kuasa. Kemudian Yang Berhormat Senator juga mencadangkan agar JPA membenarkan mereka ini bertukar skim dan bertukar kementerian di samping menyarankan agar pihak JPA membuat soal selidik mengenai isu pegawai skim bukan guna yang sama yang bertukar skim atau berpindah keluar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga tahun 2016 seramai 24,078 pegawai skim perkhidmatan bukan gunasama telah dinaikkan pangkat setelah sistem fleksi Gred 41/44 dilaksanakan. Bagi pegawai yang berhasrat untuk menukar skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan yang lain pegawai boleh memohon untuk dilantik ke skim perkhidmatan lain melalui Suruhanjaya Perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali memohon penjelasan mengenai apakah JPA meneliti semua prosedur dan pekeliling untuk menangani isu integriti di kalangan penjawat awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sangat komited dan akan sentiasa memastikan usaha penetapan integriti penjawat awam dilaksanakan dari semasa ke semasa. Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam mulai 1 Ogos 2013 berperanan untuk mengukuhkan integriti agensi melalui pengesahan dan pemantauan aktiviti di agensi, audit, pematuhan, prosedur perolehan kewangan, naziran, pemeriksaan mengejut, pemeriksaan misteri *shopping* dan lain-lain.

Selain itu kerajaan juga telah memperkenalkan *Integrity Pact* antara kerajaan dan pembekal serta ikrar bebas rasuah bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selain itu Yang Berhormat juga bertanya dan membangkitkan isu penyalahgunaan media sosial seperti *WhatsApp* oleh pihak atasan yang menghantar arahan kerja kepada pegawai-pegawai pada pukul dua pagi ya. Yang Berhormat menggesa agar Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara melihat perkara ini dengan serius.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengambil perhatian akan isu yang dikemukakan. Amalan menghantar pesanan melalui mana-mana aplikasi pada selepas waktu kerja atau lewat malam oleh Ketua Jabatan bukan merupakan amalan biasa. Akan tetapi dalam situasi tertentu khususnya dalam keadaan kecemasan dan bencana komunikasi tertentu perlu dibuat dengan seorang pegawai tanpa mengira waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat yang terlibat. Akan tetapi ini tidak terpakai pada orang politiklah Tuan Yang di-Pertua. Orang politik ini, Subuh, Maghrib, Isyak, Zuhur dan Asar cuti tidak cuti semua orang cari kita.

Akan tetapi memang bukan satu amalan biasa tetapi bila kita tengok bila tanggungjawab bekerja itu dia mengatakan secara umum mendapat arahan, pelbagai jenis arahan oleh Ketua-ketua Jabatan. Kadang-kadang ayat itu agak luas dan selalunya keadaan ini bukan dilihat sebagai salah satu daripada, dengan izin, *jobs description* tetapi dilihat sebagai dalam keadaan yang diperlukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B), ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tidak ada. Dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Puteri UMNO, tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Setiausaha Puteri UMNO tidak ada. Jadi saya rasa saya jawab secara bertulis sebab mereka membangkitkan isu penjelasan pencen di mana mereka memohon penjelasan berkenaan kenaikan dua peratus yang diberikan setiap tahun. Saya jawab secara bertulis. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin juga bertanya tentang pesara yang masih menerima jumlah pencen minimum, RM850 dan bagaimana kerajaan akan menangani masalah ini akan diberikan jawapan secara bertulis. Seterusnya soalan berkenaan dengan Kumpulan Wang Amanah menangani masalah perbezaan jumlah wang oleh Senator yang sama juga diberi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menjawab berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid, ada? Supaya gred-gred jawatan pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) diselaraskan dengan ditambah baik selari dengan beban tugas mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat penstrukturran semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah dilaksanakan pada tahun 2014 dengan mengambil kira laporan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) tahun 2013 serta beban dan kompleksiti tugas setiap jawatan.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2016, rasionalisasi skim perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saran Malaysia sedang dilaksanakan dan lapisan gred baru untuk kemajuan kerjaya pegawai termasuk jawatan pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sedang dikaji dan dikenal pasti.

Seterusnya, saya akan pergi kepada bab Suruhanjaya Pilihan Raya yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Senator menyatakan terdapat OKU-OKU, Orang Kurang Upaya yang sudah boleh mendaftar sebagai pendaftar pengundi namun kerana kekangan kemampuan tidak mengizinkan OKU-OKU tersebut pergi mendaftar. Yang Berhormat mencadangkan agar kerajaan menjalankan gerakan serampang dua mata untuk mencari OKU-OKU yang layak dan terus mendaftar mereka dalam senarai daftar pemilih.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara termasuk golongan Orang Kelainan Upaya yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di Pusat Jagaan OKU dan institusi kebajikan yang berkaitan. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan bagi menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran

sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan di tempat-tempat berkenaan.

Selain itu individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) Putrajaya, pejabat-pejabat pilihan raya negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkua Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) seluruh negara. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) turut mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang (*outreach*) ke Pusat-pusat Jagaan OKU. Tuan Yang di-Pertua ...

Puan Bathmavathi Krishnan: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Silakan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Boleh saya beri penerangan sedikit. Apa yang saya utarakan dalam bahas saya ialah ada ramai OKU yang masih belum mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan kad OKU. Jadi saya cadangkan supaya yang *approach* serampang dua mata itu pergi cari mereka, daftar mereka sebagai seorang OKU supaya statistik di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dapat dinaikkan dan kita akan tahu berapa ramai OKU ada di negara ini supaya perkhidmatan boleh diberikan kepada mereka. Pada masa yang sama juga yang layak menjadi pengundi daftar mereka juga dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), itu sahaja. Itu yang saya bawa dalam bahas saya itu.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat saya amat bersetujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan saya akan menyampaikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) tentang cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat. Saya dimaklumkan... *[Disampuk]* Boleh? Sudah habis, sebab ramai tidak ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua memandangkan masa tidak mengizinkan maka saya mengakhiri ucapan penggulungan saya setakat ini. Justeru itu, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Peguam Negara, Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP) ...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sebelum Yang Berhormat Menteri itu saya hendak tanya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk sekejap. Yang Berhormat Menteri masa memang ada, kalau ada jawapan dekat Yang Berhormat Menteri sila habiskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya. Jawapan saya yang mana masa ada itu, saya rasa saya akan jawab tertakluk pada mana Yang Berhormat yang adalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang ada, tolong.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sebab kalau tidak saya bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tadi Yang Berhormat hendak tanya soalan, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati.

Saya hendak bangkit ...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri yang baik hati.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ini rungutan daripada ketua-ketua jabatan di Kelantan.

Saya rasa saya sudah bangkit baru ini. Saya rasa pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri mengambil maklum sebab bila saya pergi mesyuarat dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan Gred 54, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) JUSA 'C'.

■1920

Jadi, sedangkan kalau dari kira *function* dari segi tugas, JKR lebih besar daripada JPS. Jadi saya minta pihak kementerian atau Menteri yang terbabit sila ambil maklum. Kalau boleh ambil tindakan supaya biar *balance* ataupun JKR lebih besar daripada gred di Jabatan Negeri Kelantan itu. Oleh sebab kalau JKR panggil untuk mesyuarat JPS tidak datang. Pengarah dia tidak datang sebab pengarah JUSA C.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Menteri faham. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya akan memberikan maklumat dan makluman kepada JPA tentang isu ini. Kalau adanya jawapan daripada pihak mereka, saya akan berikan jawapan secara bertulis ya.

Menteri di Jabatan...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Menteri kena *standby*. Saya ada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, tiada? Bertulis. Kemudian yang saya rasa Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila bacakan nama-nama Senator yang ada soalan dan selepas itu boleh bagi secara bertulis.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya bacakan ya. Saya ada bersama saya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, Yang Berhormat...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh mohon jawapan untuk saya?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ada, supaya seksyen 3 dan seksyen 5 Akta Undang-undang Sivil dimansuhkan dan diganti sesuai keadaan semasa.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, *common law* merujuk kepada undang-undang yang berasal daripada adat lama dan kelaziman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri saya sudah berikan keizinan untuk menjawab secara bertulis.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Secara bertulis? Jadi saya baca nama...

Tuan Yang di-Pertua: Nama juga saya ingin tahu. Kalau ada siapa-siapa yang bangkitkan dalam perbahasan, kalau nama tidak ada, boleh bangun dan tanya Menteri berkenaan dengan soalan itu. Yang Berhormat Senator, dia akan bagi secara bertulis.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, jawapan secara bertulis dan Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib jawapan secara bertulis, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail jawapan secara bertulis.

Semua nama itu telah saya bacakan dan akan saya berikan jawapan secara bertulis. Dengan itu saya ucapan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyampaikan sedikit penghargaan pada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Sesungguhnya pihak kami akan meneliti setiap cadangan dan kritikan yang dikemukakan. Sekian. Terima kasih. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri yang menjawab tadi Dato' Sri Azalina telah meminta izin dengan saya sebelum dia menjawab. So, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan bekerjasama, dia akan bagi secara bertulis. Bukan semua Menteri. Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom. Silakan Yang Berhormat Menteri.

7.23 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Saya telah pun meneliti isu-isu yang dibangkitkan dan sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu berkaitan pindaan Akta 355 dan Mahkamah Syariah yang disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan dan juga celahan. Antaranya, Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin.

Pada kesempatan ini saya menegaskan bahawa usaha ke arah memartabatkan undang-undang syariah sentiasa menjadi keutamaan pihak kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Dalam hal ini, kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang syariah dapat diperkasakan. Salah satu langkah pemerkasaan ialah melalui

cadangan memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kerajaan sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang sedia ada bagi memastikan cadangan pindaan itu adalah selaras dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama usaha-usaha memartabatkan Mahkamah Syariah adalah aspek lain seperti pembangunan mahkamah, pengurusan dan pentadbiran mahkamah serta menaik taraf sistem kehakiman syariah dan menyemak semula kedudukan hakim-hakim Mahkamah Syariah sentiasa ditambah baik dan berterusan daripada semasa ke semasa.

Seterusnya saya beri penjelasan ke atas persoalan yang dibangkitkan berkaitan isu pindaan Akta 355 ini. Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib dan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty meminta penjelasan apakah langkah kerajaan dan juga JAKIM hendaklah bertindak proaktif bagi memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat mengenai usul pindaan Akta 355. Sesungguhnya kerajaan menyedari tentang kepentingan program-program penerangan dan penjelasan bagi mengelak timbulnya salah faham dan kecelaruan maklumat berkaitan usul pindaan Akta 355.

Di peringkat sekarang, cadangan pindaan akta ini adalah melalui usul persendirian bagi mencadangkan rang undang-undang ahli persendirian yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49 dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Sehubungan itu, kerajaan dan juga semua pihak badan bukan kerajaan membuat program penerangan berhubung cadangan pindaan Akta 355 ini yang bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat mengenainya kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan juga aktiviti seperti penyelidikan, seminar, dialog, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga mencadangkan diadakan sidang meja bulat yang melibatkan tokoh-tokoh dan pelbagai pihak bagi membincangkan undang-undang syariah. Kerajaan menghargai cadangan Ahli Yang Berhormat pada masa ini. Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang syariah dapat diperkasakan seperti mengadakan majlis dialog, persidangan penyelarasan undang-undang syarak dan sivil dan merunding majlis agama Islam negeri-negeri kerana bidang kuasa berkaitan undang-undang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana ketetapan dalam butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah pada tahun 2014 yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kumpulan pakar. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa.

Ahli Yang Berhormat juga menyarankan kerajaan meneruskan usaha-usaha memperkasakan Mahkamah Syariah dan tidak hanya tertumpu meningkatkan hukuman. Sememangnya kerajaan secara berterusan melaksanakan usaha-usaha bagi memperkasakan Mahkamah Syariah meliputi pelbagai aspek. Antara usaha-usaha terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut.

Pertama, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memainkan peranannya dengan menerajui Jawatankuasa Penstruktur Organisasi Skim Perkhidmatan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia termasuklah yang berkaitan dengan emolumen dan kemajuan kerjaya kakitangan. Melalui usaha tersebut, pada 7 Januari 2015, mesyuarat jawatankuasa khas bagi mengkaji Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah meluluskan model perjawatan baru untuk semua Mahkamah Syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada perbincangan kerajaan negeri dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kedua, meningkatkan hierarki Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia kepada peringkat sewajarnya yang akan melibatkan penambahbaikan skim gaji kepada hakim Mahkamah Syariah setara dengan hakim mahkamah sivil.

■1930

Oleh sebab institusi kehakiman syariah adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan di Butiran I, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan masih dalam tindakan aktif mengadakan rundingan dengan Majlis Agama Islam Negeri agar cadangan untuk menaik taraf kedudukan Mahkamah Syariah setaraf dengan mahkamah sivil dapat dilaksanakan.

Ketiga, mewujudkan infrastruktur pembangunan Mahkamah Syariah dengan membina kompleks Mahkamah Syariah yang baru di negeri Kedah, Perlis, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang. Manakala kompleks Mahkamah Syariah baru yang masih dalam proses pembinaan ialah di negeri Pahang dan juga Sabah.

Sesungguhnya, saya tegaskan bahawa kerajaan daripada semasa ke semasa sedang dalam tindakan aktif untuk memperkasakan dan memartabatkan institusi kehakiman syariah di negara ini. Kerajaan juga sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif dalam melaksanakan undang-undang syariah serta mengamalkan prinsip-prinsip *maqasid syariah* dalam sistem perundangan negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad pula meminta JAKIM bersama Kementerian Dalam Negeri dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan tegas terhadap pihak NGO yang menggugat keharmonian umat Islam berkaitan pindaan Akta 355.

Sesungguhnya, kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang sedia ada telah diperuntukkan membendung dan menghalang mana-mana individu dan juga kumpulan dari menghina kesucian agama Islam seperti yang berikut:

- (i) seksyen 298A(1), Kanun Keseksaan;
- (ii) seksyen 4 ,Akta Hasutan 1948; dan
- (iii) seksyen 211, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Justeru, memandangkan undang-undang telah sedia ada dalam menangani isu-isu berkaitan penghinaan terhadap agama Islam, kerajaan akan memberikan penekanan kepada aspek

penguatkuasaan melalui agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti mana pihak polis (PDRM) atau SKMM untuk mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

Berhubung dengan statistik orang Islam mengunjungi pusat pelacuran dan kelab-kelab malam seperti yang diminta Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim- ada Yang Berhormat? Saya akan berikan jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff?

Tuan Yang d-Pertua: Ada, ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff menggesa jabatan-jabatan agama mengkaji semula kursus perkahwinan bagi mengurangkan kadar penceraian pasangan muda.

Pelaksanaan kursus pra perkahwinan Islam diberikan kepada bakal pengantin adalah sebagai pendedahan awal tentang konsep dan tujuan perkahwinan dengan menjadikan Islam sebagai panduan dalam kehidupan rumah tangga. Dalam usaha meningkatkan kualiti pelaksanaan kursus ini, modul bersepadu kursus pra perkahwinan Islam senantiasa ditambah baik daripada semasa ke semasa. Semakan kali kedua telah dibuat pada tahun 2011 dengan menambahbaikkan beberapa kandungan dalam modul serta kaedah penyampaian seperti *slide* taklimat yang lebih menarik dan video berkaitan bagi setiap topik. Seterusnya, modul ini disemak dan ditambah baik buat kali ketiga berdasarkan keperluan semasa melibatkan perubahan dan penambah baikkan topik serta kandungan modul.

Oleh itu, pada awal Januari 2017, JAKIM telah melantik panel penggubal yang terdiri daripada kalangan agensi kerajaan, ahli akademik dan juga wakil Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Semakan semula modul ini bagi memastikan segala kandungan yang disampaikan menepati kehendak peserta dan mencapai matlamat utama kursus ini. Ini berikutkan pelbagai faktor yang menyebabkan penceraian seperti tidak bersefahaman, kurang penghayatan agama, masalah ekonomi, masalah kesihatan dan sebagainya.

Hasil daripada dua siri Bengkal Semakan Modul pada bulan Mac 2017, modul ini ditambah baik dari aspek kandungan dan kaedah penyampaian modul berdasarkan pandangan, aduan dan maklum balas daripada peserta, penceramah dan pengajar kursus.

Mengenai cadangan untuk memanjangkan tempoh kursus, kerajaan berpandangan tempoh kursus sedia ada adalah memenuhi keperluan bagi memberikan pendedahan awal kepada peserta kursus tentang konsep dan tujuan perkahwinan dengan menjadikan Islam sebagai panduan dalam kehidupan rumah tangga.

Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah...

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ya.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cadangkan itu kerana sekarang ini bukan kes dera pada isteri tapi pada suami pun dah berlaku dah.

Jadi, 26 peratus daripada 5,100 kes pada tahun 2015 dah berlaku pada suami dalam bentuk deraan dalam emosi dan sebagainya kerana kebanyakan hari ini, isteri mereka gajinya lebih, pangkatnya tinggi, jadi rasa rendah diri pada suami itu begitu tinggi dan akhirnya menyebabkan si isteri tidak boleh mengawal keadaan dan dilihat oleh anak-anak tentang kena marah oleh isteri kepada suami. Jadi, saya tambahkan ini kerana saya tengok makin lama penyakit ini makin teruk terjadi. Jadi sebab itulah, kalau ada satu formula bagaimana yang lebih baik, yang boleh kita bawa. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, ini masalah peringkat perceraian rumah tangga ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal tadi, ini keganasan yang- biasanya kita dengar suami mengganasi isteri. Ini agak pelik sikit, maghrib-maghrib ini, Tuan Yang di-Pertua, suami diganasi juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ini dera secara emosi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Emosi satu. Fizikal pun termasuk. Akan tetapi kalau saya ingat macam Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, isteri tak berani. Bukan tak berani kerana apa, tapi sebab isteri akan sayang kepada dia sebab dia ini penyayang.

Yang Berhormat Senator, untuk makluman, tentang keganasan rumah tangga yang dikaitkan isteri terhadap suami ini, kita ada pindaan yang telah pun dibentangkan Kementerian Wanita... [Disampuk] Akan ada nanti satu pindaan kes deraan iaitu keganasan rumah tangga. Jadi ini akan cover-lah apa yang termasuk keganasan isteri terhadap suami dan suami terhadap isteri. Terima kasih atas apa yang ditimbulkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin bertanya apakah komitmen JAKIM bagi menangani kes-kes remaja hamil luar nikah. JAKIM dan agensi agama peringkat negeri memandang serius isu-isu wanita hamil luar nikah dan sentiasa berusaha menangani isu ini.

Dalam hal ini, tiga pendekatan yang dilaksanakan iaitu pertama, bagi wanita yang telah terlanjur dan hamil luar nikah, mereka diberikan rawatan dan pemulihan iaitu dinamakan dengan *ilasyh* di pusat dan rumah perlindungan wanita hamil di bawah Majlis Agama Islam Negeri dengan menekankan aspek kerohanian agar mereka tidak mengulangi perkara yang sama. Misalnya di Wilayah Persekutuan, ada di sana dinamakan dengan Dar Assadah di bawah seliaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Selain itu, JAKIM juga menempatkan pegawai kader di Taman Seri Puteri di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mengadakan program pengisian kerohanian kepada wanita hamil.

Selain daripada itu juga, tindakan yang kedua, pihak agensi agama juga menyediakan aspek bimbingan dan nasihat yang dinamakan dengan *at-tarbiyah wal nasihah* kepada ibu bapa agar mereka lebih bertanggungjawab dan tidak menyisihkan anak-anak mereka yang hamil dengan memberikan semangat dan kekuatan kepada mereka yang telah terlanjur.

Ketiga, JAKIM sentiasa bekerjasama dengan agensi agama peringkat negeri meneruskan usaha mengurang dan menangani kes ini dengan mengadakan program pencegahan dan

pengukuhan, *al-wiqayah*, program pencegahan melalui seminar wacana yang memberikan penerangan mengenai implikasi dan kedudukan anak tidak sah taraf serta memberi penjelasan mengenai pembangunan kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Engku Naimah...

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan.

■1940

Saya cuma hendak bertanya satu soalan tentang- antara soalan yang diberikan. Apakah usaha ataupun bantuan-bantuan yang diberikan oleh JAKIM kepada ibu-bu yang hendak menjaga dan juga membesarakan anak yang tidak sah taraf ini. Ini sebab kebanyakannya mereka adalah gadis-gadis yang mungkin tidak mempunyai pendapatan yang tetap tetapi hendak menyara anak mereka tanpa suami. Mungkin- bantuan jenis apakah yang boleh diberikan oleh JAKIM. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Sebagai mana yang saya telah sebutkan awal tadi bahawa hal yang berkaitan dengan hamil luar nikah ini dia adalah begitu bergantung rapat dengan Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Dalam erti kata mudahnya sebab kebanyakannya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator merujuk kepada JAKIM sebab JAKIM ini tidak ada *locus standi* dari sudut undang-undang. Dia tidak berpegang kepada undang-undang untuk mengambil tindakan dan sebagainya tetapi ia ada kepada Majlis-majlis Agama Islam dan ini peruntukan yang diberikan oleh peruntukan Perlembagaan Malaysia, Senarai II, Senarai Negeri ini ialah hal-hal yang berkaitan dengan agama.

Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai mana saya sebut awal kita ada Darul Saadah. Di mana Darul Saadah ini kita menempatkan anak-anak yang hamil tadi dan dia akan melahirkan anak di situ. Kita ada hubungan *direct* dengan pihak hospital, kita hantar ke hospital dan habis daripada dia melahirkan anak, kita akan tolol jagakan dia bersama dengan anak tersebut pada tempoh dua tahun pemeliharaan. Jadi maknanya kalau dia hendak menyusukan sendiri, kalau dia hendak pelihara jaga sendiri, hendak tidur dengan anak sendiri dan sebagainya memang dia ada tempat yang dikhususkan. Jarang kita uar-uarkan demi untuk hendak menjaga nama baik dan juga masa hadapan anak-anak ini.

Ini sebab kadang-kadang kalau kita terlalu mendedahkan mereka dengan lawatan orang ramai dan sebagainya dia akan melahirkan *inferiority complex* dan tekanan-tekanan yang lain. So, sebab itu Yang Berhormat Senator kita ada pusat ini di Jalan Ipoh dekat dengan *roundabout* hendak pergi Kepong dan juga hendak pergi ke Jalan Kuching. Dia ada di situ ditempatkan anak-anak ini termasuk seluruh kemudahan dan yang lagi baiknya Yang Berhormat Senator untuk saya maklumkan bahawa walaupun sebenarnya tanggungjawab ini tanggungjawab banyak pihak yang perlu di-blue ocean-kan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak perlu tampil tetapi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mengambil tanggungjawab.

Anak ini selain daripada dipelihara sehingga dua tahun selepas melahirkan anak bersama dengan anak mereka, kemudian memikirkan oleh kerana anak ini masa depannya mungkin dengan keluarga agak tercalar begitu besar. Jadi kita merasakan nanti kalau dia pulang mungkin keluarga memikirkan ia menjadi bebanan kepada pihak keluarga. Maka sebab itu kita telah memperkenalkan beberapa modul yang diberikan pengiktirafan—ini tambah sedikit Perlis ini Dato' Seri Shahidan beri kepada saya nama dia panggil rumah perlindungan. Ini saya cerita pasal wilayah, dia tambah pula dia masuk Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, anak ini kita beri kursus yang dia mempunyai sijil dan juga ada yang di peringkat diploma. Untuk makluman, anak-anak ini diberikan kursus termasuk kemahiran seperti mana dia menjahit, kursus memasak, buat kek dan sebagainya dan di akhir kursus dia itu dia akan mendapat sijil dan ada anak-anak yang sudah buka pun bila dia keluar dia buka kedai kek, dia buka kedai jahit dan sebagainya. Lagi seronok saya hendak laporkan bukan seronok kerana dia masuk tetapi kerana kita mampu berjaya, ada anak yang kita masuk pula dengan kolej kejururawatan di bawah MAIWP juga sendiri. So, dia belajar kolej kejururawatan dan bila dia dapat diploma kejururawatan, dia ditawarkan pekerjaan.

Oleh sebab sekarang Tuan Yang di-Pertua, 90 peratus lebih keluaran-keluaran anak PICOMS di bawah Kolej Kejururawatan dan Sains PICOMS dia Majlis Agama Wilayah Persekutuan, kita keluarkan mereka dan dia memiliki sijil dan bayangkan kalau mereka ini ada sijil dia balik dia bekerja sebagai jururawat dan kemudian dia dapat beli kenderaan yang sepadan dengan gaji dia. Dia balik bawa anak dia yang membesar dua tahun lebih ini jadi penerimaan terhadap keluarga agak lebih mudah kerana keluarga tidak melihat lagi ia sebagai bebanan dan memalukan sebab dia ada sudah pekerjaan sendiri.

Jadi ini di antara yang kita tekuni Tuan Yang di-Pertua di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Bahkan yang hendak meniaga tadi kita bantu pula memberikan dana awal perniagaan. Kalau dia hendak buka kedai jahit sebab saya yakin kalau dia jahit dengan baik di Kuala Lumpur ini Senator-senator terutamanya yang wanita tentu tiap-tiap hari salin baju, kadang-kadang sehari dua kali apatah lagi raya. Betulkan Yang Berhormat? Kita laki-laki Tuan Yang di-Pertua tidak apa tidak tukar kan. Jadi pasal hendak tengok nampak cantik. Tentunya pelanggannya kalau dia jahit dengan baik, ramai. Jadi sebab itu kita meyakini usaha yang bersungguh-sungguh kalau mereka dapat buat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib bertanya apakah fatwa dan hukum melawat Masjid Al-Aqsa dan Baitulmuqaddis kerana dalam kawalan Israel pada masa sekarang. Ada- dengar ini pasal pergi melawat. Kerapkah Yang Berhormat pergi melawat?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada pandangan yang mengharuskan berdasarkan alasan dan hujah masing-masing. Dalam hal ini saya ambil yang pendek, *short cut* sikit Mufti Wilayah Persekutuan telah memberikan pandangan bahawa harus untuk menziarahi Masjid Al-Aqsa. Ini berdasarkan nas hadis yang menunjukkan galakan untuk menziarahi Masjid Al-Aqsa dan beribadat kepadanya. Walau bagaimanapun, perlu ada beberapa syarat di antaranya ialah:

- (i) tidak mengiktiraf kedaulatan Baitulmuqaddis sebagai tanah wilayah Israel;
- (ii) menjauhkan segala bentuk yang memberikan manfaat dan *maslahah* yang banyak kepada pihak Zionis;
- (iii) berhubung dengan pihak dan warga Palestin ketika mengunjungi Baitulmuqaddis sebagai pemandu pelancong;
- (iv) ziarah tersebut untuk mendorong umat Islam di sana;
- (v) pergi ke sana semata-mata untuk solat di Masjid Al-Aqsa;
- (vi) bukan ziarah untuk melancong ke tempat-tempat lain; dan
- (vii) elak mendiami hotel milik Yahudi seupaya mungkin.

Ini jawapan daripada Mufti Wilayah Persekutuan dalam meletakkan keharusan untuk menziarahi Masjid Al-Aqsa di Palestin.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh berharap agar pihak penolong pegawai dan pembantu hal ehwal Islam yang dilantik sebagai imam di masjid kawasan Parlimen dan DUN Melaka dinaikkan tarafnya. Ada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh? Terima kasih.

Selaras dengan ketetapan Butiran I, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan maka perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal masjid, pelantikan imam serta pegawai masjid adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri. Kerajaan melalui JAKIM sentiasa menyokong sebarang usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak berkuasa agama negeri selaku agensi yang berbidang kuasa dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri-negeri bagi memperkasakan institusi masjid melalui penambahbaikan jawatan imam dan pegawai masjid.

Sehubungan itu dijelaskan bahawa pewujudan jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 dan Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah keputusan mesyuarat Majlis Agama Islam Melaka ataupun MAIM dan ditempatkan sebagai imam masjid Parlimen dan Masjid DUN oleh Kerajaan Negeri Melaka. Pelantikan ini dibuat secara kontrak melalui Mac 2017 dan segala bentuk emolumen ditanggung oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Pegawai yang dilantik juga bukan sekadar menjalankan tugas sebagai imam tetapi turut berperanan mengurus tadbir masjid bersama-sama dengan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid yang berkenaan. Bagi kenaikan gaji penyandang jawatan tersebut akan menerima kenaikan gaji tahunan sebagai penjawat awam yang lain dan layak menerima kemudahan sebagai penjawat awam berstatus kontrak dan tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri. Dalam bahasa yang lain ialah rujukan untuk pertimbangan kenaikan gaji dan juga pangkat wajar untuk dipanjangkan kembali kepada pihak mempunyai *locus standi*-nya, dengan izin, iaitulah pihak Kerajaan Negeri Melaka sendiri, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas membangkitkan mengapa Jabatan Agama Islam Persekutuan (JAWI) tidak berbincang dengan penduduk setempat dalam pembinaan Masjid Abu Hurairah sehingga menyebabkan kelewatan dan mencadangkan

program bersama penduduk dan NGO setempat diadakan. Tadi saya sudah jumpa dengan Yang Berhormat.

Untuk makluman juga sebagai tambahan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Masjid Abu Hurairah di atas Lot 398, Lot 71, Lot 16696 dan Lot 16707 Batu 5, Jalan Ipoh mungkin batu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepatutnya disiapkan lebih awal. Walau bagaimanapun, berlaku kelewatan disebabkan terdapat beberapa pindaan reka bentuk bagi memenuhi keperluan perintah pembangunan DO daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Antaranya bagi memenuhi syarat pemantauan paras air selama setahun bagi menentukan ketinggian tambakan tanah.

■1950

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu, kerajaan amat menghargai dan program yang bersesuaian akan diadakan bersama dengan penduduk setempat dan pihak-pihak yang berkepentingan. *Insya-Allah*, berdasarkan maklumat yang telah diberikan kepada saya, masjid ini akan diserahkan sebelum Ramadhan yang akan datang, dengan izin. Silakan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak beri– hendak ucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri disebabkan lantaran saya bersuara di dalam Dewan pada tempoh hari, maka Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menghubungi saya. *Alhamdulillah*, penduduk telah berjumpa dengan pengarah dan mereka telah berpuas hati dengan apa yang diterangkan oleh pengarah dan sebagainya. Saya rasa saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas *coordination*, hubungan yang baik antara satu sama lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Senator yang telah pun proaktif. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan Senator-senator yang seperti ini ramai. Sebenarnya, bukanlah yang lain tidak pun, sama juga tetapi mengambil keprihatinan sebab ini tidak jauh daripada rumah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Oleh sebab saya selalu *duk* panggil Senator ini Datuk Abbas, jadi sini dia terbabas sikit saya sebut Datuk Haji Yahaya. Sepatutnya Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani. Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Memohon supaya kerajaan mewartakan surau sebagai surau Jumaat sepenuhnya di sekolah-sekolah berasrama, institusi-institusi latihan dan sebagainya serta melantik imam, khatib bagi kalangan pegawai jabatan agama di surau tersebut. Oleh kerana surau dan juga masjid serta pelantikan imam dan khatib adalah di bawah ketetapan dalam Butiran 1, Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, maka ia terletak di bawah kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing.

Oleh itu cadangan untuk mewartakan surau sebagai surau Jumaat adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa agama negeri iaitu MAIN dan JAIN. Sehingga kini, untuk maklumat terdapat dalam *data bank* kita, 632 buah surau Jumaat di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka tambah sikit di sini. Apabila saya sebut kata hal agama ini di bawah Butiran 1, Senarai 2, iaitu Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, maksud saya ialah sebenarnya negeri adalah berkuasa penuh ke atas sesuatu pengiktirafan imamnya, suraunya dan termasuk mengangkat taraf surau Jumaat dan sebagainya. Oleh sebab itu apabila- walaupun Senator menimbulkan isu dan juga persoalan ini di Dewan Negara, kita hanya sekadar boleh memanjangkan. Maknanya, dalam bahasa yang mudah, yang paling berkesan untuk dibangkitkan isu ini adalah di peringkat Dewan Undangan Negeri melalui terus kepada pihak berkuasa tempatan. Cuma kita faham bahawa biasanya persidangan di peringkat negeri ini tempoh masa persidangan itu pendek dan tidak banyak isu-isu dan pertanyaan, persoalan yang dapat dibangkitkan kerana kesuntukan masa.

Akan tetapi walau bagaimanapun, kebiasaan Yang Berhormat Datin Rahimah, kalau sekiranya satu-satu masjid itu hendak didirikan sembahyang Jumaat, ia tidak akan dibenarkan oleh pihak kerajaan negeri melainkan ia mendapat persetujuan daripada mufti negeri masing-masing.

Jadi, cuma mungkin saya tidak pasti di mana letak duduk surau-surau yang tidak diberikan pengiktirafan di peringkat majlis agama Islam dan jabatan agama Islam. Secara umumnya, pihak MAIN dan JAIN turut mengambil kira ketetapan hukum syarak serta peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri masing-masing. Selain itu, terdapat syarat-syarat lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa agama negeri seperti keupayaan masjid kariah tersebut, jarak antara masjid dengan surau, ruang fizikal, kemudahan asas bagi keperluan jemaah dan lain-lain. Bagi Wilayah Persekutuan, ini Wilayah Persekutuan sendiri atas pengalaman kita, saya sebagai Penggerusi Majlis Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sentiasa menimbang permohonan daripada pihak-pihak di Wilayah Persekutuan untuk menaik taraf surau kepada surau Jumaat.

Pada masa ini, terdapat 17 buah surau sekolah menengah dan pusat latihan yang telah di naik taraf dan diberikan kebenaran solat Jumaat oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Kita hendak share sikit maklumat di Wilayah Persekutuan ini, memikirkan atas praktikalnya kita membenarkan surau-surau itu di naik taraf kepada surau Jumaat. Contoh, apabila di IJN, kalau mengambil kira persekitaran kariah tersebut mungkin tidak ada orang yang menetap pada persekitaran. Akan tetapi semua doktor yang bertugas di situ, pesakit-pesakit lebih-lebih lagi yang sakit jantung dan sebagainya di IJN, mereka melihat selain daripada perubatan menunggu pembedahan perubatan moden. Dalam masa yang sama juga, mereka mencari pendekatan spiritual iaitu pendekatan mendekatkan diri dengan surau dan masjid. Maka sebab itu, di IJN ada surau Jumaat, mendirikan solat Jumaat.

Macam itu juga di hotel. Kalau kita tengok De Palma, Ampang pun ada surau Jumaat didirikan solat Jumaat di situ. Dalam kem, termasuk di Pulapol, pusat latihan. Oleh sebab bayangkan anggota-anggota kita, anak-anak kita yang berkursus di Pulapol ada yang enam bulan, ada yang setahun sehingga setahun lebih. Kalau sekiranya kita hendak menunggu dia keluar pergi

sembahyang Jumaat, bayangkan beberapa buah kenderaan, terutamanya bas yang perlu digunakan, trak untuk mengangkut mereka.

Jadi, sebab itu ada kemudahan didirikan solat Jumaat dibenarkan, surau Jumaat diberikan. Di MINDEF ataupun Kementerian Pertahanan, beberapa buah masjid yang asalnya surau Jumaat tetapi diberikan kemudahan taraf dan termasuk di sekolah menengah, ada 17 buah sekolah menengah yang diberikan kebenaran. Oleh sebab kita bayangkan anak-anak kita yang sudah sampai umur baligh di sekolah menengah tetapi apabila sampai kepada Jumaat, mereka sedang berada dalam bas ataupun kenderaan pulang ke rumah masing-masing, jadi tidak sempat. Maka sebab itu, di sekolah ada sekolah yang dibenarkan untuk mendirikan solat Jumaat kepada pelajar-pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Rahim bin Mat Yasin bertanya adakah pihak JAKIM memberikan pengiktirafan ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian thuras di bawah Program *Ulya Ulul Albab*. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Program *Ash'hadatul Ulya Ulul Albab* telah dirintis di Imtiaz Besut dan di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kokurikulum program ini melibatkan tiga komponen iaitu tahfiz, *thuras* dan sains tulen. Pengiktirafan terhadap mana-mana bidang pengajian di bawah MQA iaitu di bawah *Malaysian Qualification Agency (MQA)*. Jadi maknanya, bukan di bawah pengurusan kelulusan JAKIM tetapi sebab ini merupakan soal yang berkaitan dengan akademik dan capaian di peringkat pendidikan, maka kelulusan di bawah bidang MQA diperlukan.

Yang Berhormat Datuk Haji Rahim bin Mat Yasin juga meminta JAKIM kaji untuk mengharamkan penjualan rokok kepada orang Islam bersama kementerian. Ini, rokok ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Tuan Yang di-Pertua, pembetulanlah sikit. Nama saya Abdul Rahman bukan Abdul Rahim.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat, saya minta maaflah dituliskan iaitu Rahim, Abdul Rahman. Nasib baik Yang Berhormat bagi betulkan. Kalau tidak saya 'duk' Abdul Rahim sampai ke sudah. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, berkenaan dengan rokok ini Yang Berhormat, mengharamkan penjualan kepada orang Islam. Saya harap tidak menyentuh segala perasaan dan hati mana-mana yang ada dalam Dewan ini yang menghisap rokok.

Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), sebagaimana Ahli Yang Berhormat nyatakan dalam perbahasan bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam kali yang ke-37 pada 23 Mac 1995 telah pun memberikan pandangan hukum. Ini di peringkat awal pandangan hukum ya Yang Berhormat bahawa, merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudarat. Semua negeri telah mengambil pendirian yang sama dari segi pengharaman merokok ini. Walau bagaimanapun, ini ada kekecualiannya sikit. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya dua buah negeri sahaja yang telah mewartakan fatwa merokok iaitu Selangor pada tahun 1955 dan Pulau Pinang pada tahun 2004. Justeru, menjadi tanggungjawab pihak-pihak yang berkaitan untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam isu pengharaman merokok ini agar pandangan, hukum dan fatwa yang diputuskan dapat dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tidak ada dalam ini ya? Nanti saya akan- ada, saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

■2000

Dato' Seri Dr. Shahidan minta suruh saya baca juga, dia berminat dengan Ahli Sunah Waljamaah. Sebenarnya saya sudah jawab termasuk Yang Berhormat kita pun Ahli Sunah Waljamaah juga.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed pula, ada Yang Berhormat? Ada ya? Meminta tindakan tegas terhadap Kassim Ahmad yang mengeluarkan kenyataan peruntukan Perkara 3, Islam Agama Persekutuan dikeluarkan daripada Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain kenyataan sebelum ini yang ekstrem dan radikal, kerajaan mengambil perhatian serius terhadap kenyataan yang boleh menyinggung perasaan dan menimbulkan rasa tidak puas hati umat Islam di negara ini. Susulan daripada laporan polis yang telah dibuat, isu ini turut dalam pemerhatian dan tindakan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan halal, Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff mencadangkan pihak tertentu atau JAKIM mewujudkan kios halal yang menyediakan produk halal sepenuhnya. Cadangan Ahli Yang Berhormat adalah amat baik. Ia juga bersesuaian dengan hasrat penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat umum. Beberapa usaha telah dijalankan, cuma secara mudah JAKIM tidak melibatkan sebab ianya merupakan badan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab mengeluarkan sijil.

Akan tetapi untuk membuka perniagaan dan sebagainya ini, beberapa usaha dijalankan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama pengusaha pasar raya, *hypermarket* bagi memenuhi hasrat menyediakan perkhidmatan bekalan produk yang dipersijilkan halal. Hasilnya kebanyakan *hypermarket* telah meletakkan polisi, hanya produk yang dipersijilkan halal sahaja yang akan ditempatkan pada rak umum, di rak umum pasar raya manakala produk yang tidak halal akan diasingkan daripada produk-produk halal.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan *wasatiyyah* yang telah dibangkitkan oleh Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, ini betulkan balik sudah. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Ahli Yang Berhormat bertanya apakah langkah untuk mengangkat *wasatiyyah* sebagai dasar negara dan memperkasakan Institut *Wasatiyyah* Negara. Kerajaan dengan penuh komited dan iltizam telah dan sedang merealisasikan pendekatan kesederhanaan *wasatiyyah* sebagai dasar negara bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara. Dalam tempoh pelaksanaan pendekatan *wasatiyyah* hampir selama empat tahun sejak 2013, pendekatan ini telah diterima oleh semua lapisan sama di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Pendekatan *wasatiyyah* juga menjadi akar tunjang dan tonggak kepada pemikiran generasi dalam anjakan Transformasi Nasional 2050.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 21 Oktober 2016 kerajaan telah meluluskan Dasar *Wasatiyyah* Negara di IWM. Dasar ini dilaksanakan melalui enam bidang strategik iaitu pendidikan belia, ekonomi dan pembangunan, pentadbiran dan perundangan, perpaduan dan sosial, politik dan kenegaraan dan keselamatan dan pertahanan. Bagi memperkasakan *wasatiyyah* sebagai dasar negara, kerajaan telah menyediakan pelan strategik lima tahun pendekatan *wasatiyyah* 2016-

2020. Bagi merealisasikan pelan strategik ini, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Perdana Menteri telah melantik sebagai agensi penyelaras bagi melaksanakan pendekatan *wasatiyyah* dan berperanan sebagai pusat sehenti *one stop centre*.

Manakala bagi memperkasakan Institut Wasatiyyah (IWM), antara langkah yang diambil ialah kelab *wasatiyyah* telah ditubuhkan di universiti-universiti terpilih sebagai ejen penggerak pendekatan *wasatiyyah* khususnya di kalangan warga kampus dan juga masyarakat amnya. Ini bertujuan mengukuhkan lagi pendekatan *wasatiyyah* di kalangan belia dan mahasiswa sebagai golongan sasar.

Kedua di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi, pendekatan *wasatiyyah* dicadangkan akan menjadi sebahagian daripada komponen dalam modul di IPTA dan di IPTS agar generasi muda dapat memahami dan menghayati seterusnya mengamalkan pendekatan *wasatiyyah* dalam kehidupan seharian.

Ketiga, selaras dengan era digital pada hari ini terutamanya dalam menangani isu *terrorism* dan yang mengancam umat Islam, IWM telah mengadakan kerjasama dengan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media di UiTM Shah Alam dengan menubuhkan Pusat Literasi Media. Pusat ini akan bergerak secara proaktif mendekati kalangan pengamal media, masyarakat awam malah generasi muda Malaysia seluruhnya bagi memberikan mereka kefahaman tentang kepentingan kita menyaring dan menuras informasi, sekali gus mengutamakan prinsip hak dan kebenaran dalam erti kata yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada isu berkaitan zakat dan wakaf, Yang Berhormat Engku Naimah binti Engku Taib mencadangkan supaya dana zakat dan wakaf digunakan untuk membangunkan pusat hemodialisis di seluruh negara.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa urusan zakat terletak di bawah-sekali lagi di bawah bidang kuasa negeri seperti ketetapan Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlombagaan Persekutuan. Justeru, cadangan penggunaan dana zakat dan wakaf bagi tujuan pembangunan hemodialisis di seluruh negara boleh dipanjangkan kepada pihak berkuasa agama negeri selaras dengan bidang kuasa yang ditetapkan. Pada masa ini, terdapat pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi mengurus zakat telah membangunkan pusat hemodialisis di negeri masing-masing menggunakan dana zakat dan wakaf dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff ada? Tidak nampak tadi.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Uish lawa, comel juga.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya tidak sebut Tuan Yang di-Pertua, ini rakan-rakan saya ini. Dia berminat dengan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim—menyalurkan peruntukan kepada rumah anak yatim. Dimaklumkan bahawa Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) tidak diberikan peruntukan yang khusus bagi tujuan menyelenggarakan serta membaik pulih dan makanan untuk asrama, rumah anak-anak yatim.

Di peringkat negeri, bantuan kepada NGO, institusi agama dan pendidikan yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama di negeri masing-masing. Ini adalah selaras dengan Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlombagaan Persekutuan dan juga ia terletak di bawah baitulmal, zakat dan

wakaf di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan agensi mengurus zakat di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu berkaitan dengan isu Lembaga Tabung Haji. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat pun tidak ada dalam Dewan maka saya— Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: ...Dan mana-mana perkara tidak sempat...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ada satu lagi persoalan saya rasanya belum dijawab. Ia berkait dengan penyelarasan dan penambahbaikan ke atas Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri, penambahbaikan dan penyelarasan Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri khususnya berkait *lacuna* ataupun kelompangan undang-undang, status pasangan bukan Islam yang memeluk agama Islam, status perkahwinan, nafkah anak dan yang berkait dengan perkahwinan tersebut. Ini juga sangat berkait rapat dengan Akta 164 yang hangat dibincangkan hari ini, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah sebutkan tadi tentang Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa enakmen ini memang amat difahami ada di sana kelompangan yang berkaitan dengan hal perkahwinan yang ada seorang *convert*, ataupun dengan izin masuk Islam dan yang seorang lagi kekal, sama ada suami ataupun isteri kekal kepada agama asal.

Kelompangan ini disedari amat bahawa peruntukan dalam Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah hanyalah menempatkan atau membicarakan ataupun hanya mengambil kira di kalangan orang yang sudah masuk Islam. Dalam erti kata mudah ialah yang bukan Islam, sama ada isteri ataupun suami yang kekal, yang tidak *convert* ataupun tidak masuk, memeluk Islam, dia tidak terikat dan juga tidak— kalau dia tidak hadir dalam Mahkamah Syariah tidak menjadi kesalahan kepadanya. Ini prinsip yang memang diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

Tetapi dalam masa yang sama juga dalam Mahkamah Sivil pun juga ada satu kelompangan iaitu di bawah perkahwinan, Undang-undang Kekeluargaan Sivil, Akta 164 di mana memperuntukkan di bawah Akta 164 ini satu klausa peruntukan di mana mereka yang telah memeluk agama Islam, dia tidak boleh untuk menyelesaikan perkahwinan yang terdahulu yang telah dibuat di dalam pejabat pendaftaran melalui Mahkamah Sivil, dia tidak boleh patah balik ataupun balik kepada Mahkamah Sivil untuk penyelesaian perkahwinan ataupun pembubaran perkahwinan. Implikasi daripada tidak dapat untuk membubarkan perkahwinan dia akan terikat juga dengan harta sepencarian.

■2010

Ertinya harta sepencarian itu tidak dapat dibahagikan. Implikasi yang sama juga berurutan kalau sekiranya dia ada anak, anak tadi tidak dapat ditentukan siapakah yang bakal menjaga anak tersebut walaupun secara prinsip umum kita melihat mahkamah mengambil kira ialah kebajikan anak tersebut. Dalam erti kata bahawa ibu dan ayah satu hal tetapi kebajikan anak. Biasanya anak di

bawah umur, kebijakan yang difikirkan oleh pihak mahkamah ialah kepada anak di mana biasanya jika sekiranya anak itu ibunya dalam keadaan tidak uzur, dia akan diserahkan kepada ibu. Maksud saya tidak gila, tidak dalam keadaan yang tidak mampu menyara, untuk memelihara.

Menyara ini sebab tanggungjawab kepada suami, kepada ayah. Sebab itu implikasinya begitu besar. Sebab itu Akta 164 perlu dilihat secara holistik dan juga dalam masa yang sama juga perlu dilihat kepada peruntukan yang ada dalam Mahkamah Syariah yang saya kata tadi Enakmen Keluarga Islam Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Hal ini telah pun dilihat secara tuntas oleh pihak kerajaan. Sekarang ini, Akta 164 telah pun dibawa ke dalam Dewan Rakyat yang terdahulu tetapi ada teknikal-teknikal yang lain juga nanti tetapi saya melihat usaha kerajaan begitu serius dan bersungguh dalam menyelesaikan masalah tentang perkahwinan dan juga urutan tentang pembubaran dalam seorang masuk Islam dan seorang tidak dan berurutan yang sama ialah berkaitan juga dengan pemeliharaan anak, hak *custody* atau pun *hadanah* dalam Islam dan juga hak untuk memberikan nafkah tanggungjawab.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi, hal ini dilihat secara serius oleh pihak kerajaan bagi menangani persoalan ini sebab ini menyentuh semua orang dan semua pihak. Kalau Yang Berhormat kata untuk Enakmen Keluarga Islam sahaja semata-mata, kita di sana ada keterikatan yang lain pula iaitu Mahkamah Syariah hanyalah melibatkan seorang Islam sahaja. Jadi ini perkara-perkara yang walaupun Mahkamah Syariah tidak melarang untuk yang bukan Islam hadir tetapi kita memikirkan satu pendekatan yang begitu tuntas bagi menyelesaikan hal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh sedikit sahaja lagi? Adakah sekarang telah ada satu jawatankuasa yang inklusif? Saya kira pindaan kepada Akta 164 tidak dapat menyelesaikan isu ini secara holistik dan menyeluruh melainkan ada satu jawatankuasa yang melibatkan semua pihak selesaikan melalui Akta 164 dan juga Enakmen Keluarga Islam itu sendiri barulah keseluruhannya selesai.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tanyakan tentang jawatankuasa itu, saya ingat beberapa jawatankuasa telah pun wujud. Kalau tidak, masakan dia boleh bawa sampai kepada Akta 164 tetapi ada teknikal-teknikal yang perlu diselesaikan lagi. Jadi ini hal yang berkaitan dengan jawatankuasa tersebutlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom. Saya dengar penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri maka terasa oleh saya, banyak lagi yang saya tidak tahu. Luasnya tentang agama ini, ya. Jadi terima kasih kerana telah terang dan nyata apabila ‘Pak Menteri’ kita beritahu kepada kita. Bak kata orang tua tadi, *‘jauhari juga yang tahu manikam’*. Jadi ilmu itu sangat baik. Jadi bagi pihak Ahli Dewan Negara ini, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom yang beritahu kita tentang lebih mendalam hal-hal agama ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya panggil pula kepada yang ketiga. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.

8.14 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja dan seterusnya menyentuh beberapa isu yang ada berhubung kait dengan perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin terlebih dahulu kalau sekiranya Yang Berhormat yang bertanya soalan ini tidak ada di Dewan yang mulia ini, maka saya minta izin supaya ia saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Kalau tidak ada, saya jawab secara bertulislah. Berikutnya ialah Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Tidak ada juga. Oh! Ini menjimatkan masa kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang mengungkit perkara ketiga hanya tiga isu sahaja ialah Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Oh! Ada. Terima kasih. Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan dengan kaedah-kaedah untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dahulu kepada Yang Berhormat Senator. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini, sesungguhnya tahap perpaduan negara adalah baik, stabil dan sentiasa terpelihara. Ini dapat dibuktikan melalui Laporan Indeks Keamanan Sedunia atau, dengan izin, *the Global Peace Index* pada tahun 2016 di mana Malaysia berada pada tahun kedudukan kedua sebagai sebuah negara paling aman di rantau ASEAN. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kita pada hari ini adalah amat peka dengan situasi semasa dan sentiasa mengenal pasti kaedah dan tindakan untuk memupuk perpaduan dan kesepaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum.

Antara kaedah atau strategi yang diambil oleh kerajaan dan bersama-sama dengan beberapa pihak tertentu, NGO, agensi-agensi kerajaan dan juga rakyat. Pertama, penggalakan aktiviti merupakan promosi perpaduan hubungan silaturahim bagi tujuan mengeratkan lagi keharmonian yang sedia ada, mengukuhkan perpaduan sejagat. Contohnya ialah Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya untuk pengukuhan perpaduan di kalangan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bumiputera dan penempatan pelajar bukan bumiputera, di syarikat-syarikat milik bumiputera dan, dengan izin, *government-linked companies* (GLCs).

Kedua, pencegahan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi tujuan menghalang berlakunya sesuatu konflik yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan perpaduan. Antara aktiviti ini adalah penerapan kemahiran mediasi kepada pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi untuk bertindak sebagai pendamai komuniti bagi menangani pertikaian dan konflik antara pihak-pihak yang bertelagah.

Ketiga, pencelahan. Antara program yang dijalankan di bawah program ini ialah program dan aktiviti mempromosikan persefahaman, keharmonian serta toleransi di kalangan pengantuk

pelbagai agama melalui suatu jawatankuasa, melalui satu platform Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama atau dengan ringkasnya JKMPA.

Keempat, pemulihan di mana aktiviti ini akan dilaksanakan adalah bertujuan untuk memulihkan hubungan dan kemesraan rakyat yang terjejas disebabkan konflik yang berlaku serta untuk mengembalikan suasana kemesraan yang sedia ada bagi mengekalkan perpaduan.

■2020

Antara program yang dilaksanakan adalah program Gagasan 1Malaysia dan Program Ekspresi Negaraku yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memupuk dan mempertingkatkan lagi semangat muhibah dan perpaduan rakyat Malaysia.

Berikutnya, ini adalah berdasarkan isu-isu semasa. Aktiviti ini dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan di peringkat komuniti dan keperluan semasa yang bersesuaian bagi tujuan menyemarakkan keharmonian dan mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat. Antaranya adalah Program Integrasi Komuniti yang diadakan bersempena dengan perayaan-perayaan seperti sambutan Pesta Kaamatan atau Tadau Kaamatan. *I* panggilkan “adau Kaamatan”, sambutan Hari Gawai, sambutan Hari Kebangsaan, sambutan Pembukaan Penggal Parlimen, sambutan Minggu Perpaduan dan sambutan Hari Malaysia. Program ini merupakan satu mekanisme yang boleh digunakan bagi mempercepatkan lagi proses integrasi di antara masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Di samping itu, saya berpendapat semua kita mengetahui bahawa pemberian promosi kadar tambang murah oleh syarikat-syarikat penerbangan dapat membantu mempercepatkan proses integrasi di kalangan penduduk antara wilayah termasuk kalangan penduduk yang berasal terutamanya dari kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Dengan adanya tambang murah ini, saya lihat orang-orang yang berasal daripada kampung pun saya lihat mereka berada di Klang Valley, di Johor dan juga di beberapa tempat. Sedemikian juga penduduk-penduduk dari sini melawat Sabah dan Sarawak.

Kerajaan juga sedar bahawa usaha-usaha mengekalkan perpaduan hendaklah terus dilaksanakan. So, we have a program the way forward. Now, Pelan Tindakan Perpaduan, Pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan yang inklusif melintasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan pelaksanaan program-program spesifik dan konkret secara terus. Keduanya, mengekalkan penyertaan belia pelbagai kaum dalam siri wacana perbincangan meja bulat, seminar dan forum bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman bina bangsa atau dengan izin, *nation building*. Ketiga, menyebarluaskan mesej perpaduan, membudayakan perpaduan meraihkan kepelbagaian dengan penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLC, NGO's sebagai rakan perpaduan atau *partners community* untuk terus mempromosikan mesej perpaduan melalui produk dan perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, marilah kita bersama-sama merenungi petikan yang diungkapkan oleh Perdana Menteri pertama kita iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di mana beliau berkata, *“Rakyat dengan hati yang tabah hendaklah menegakkan satu bangsa dan satu negara memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan dan mencapai kemakmuran, kesentosaan dan kebahagiaan”*.

Tuan Yang di-Pertua, petikan ini membuktikan bahawa perpaduan adalah satu wadah kekuatan bangsa ke arah masyarakat yang harmoni dan seterusnya menguatkan kestabilan negara. Rakyat Malaysia sendiri harus mementingkan keamanan dan semangat perpaduan harus lahir dari hati sanubari setiap individu dan bukannya perlu diajar. Justeru, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing untuk memupuk semangat dan memelihara perpaduan agar negara kita terus mengorak langkah ke arah kemajuan dan kemakmuran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup yang mengatakan tentang perpaduan iaitu hidup harmoni di mana yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Dipersilakan.

8.26 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Bagi pihak Jabatan perdana Menteri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih Titah Diraja Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas Dewan Negara yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggung jawab Maritim Malaysia, Rumah Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan the *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Sesungguhnya Jabatan perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Ada? Terima kasih, yang ingin tahu jumlah aset dan kekuatan APMM untuk mengawasi perairan negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Maritim Malaysia mempunyai jumlah kekuatan aset sejumlah tiga buah kapal dan 20 buah bot di wilayah Maritim Sarawak bagi meningkatkan rondaan dan kehadiran di perairan Sarawak. Wilayah Maritim Sarawak mengoperasikan enam vessels setiap hari. Maritim Malaysia juga bakal menerima satu lagi kapal daripada Kerajaan Jepun pada bulan Jun ini bagi meningkatkan operasi di perairan Sabah dan juga Sarawak.

Selain itu, Maritim Malaysia akan menempatkan empat buah kapal baru, class *New Generation Patrol Craft* di perairan Sabah dan Sarawak. Penerimaan kapal-kapal ini akan meningkatkan keupayaan dan kecekapan Maritim Malaysia dalam melaksanakan penguatkuasaan. Selain itu, dengan kehadiran kapal-kapal ini juga boleh membantu dan menambah kuat Maritim Malaysia menzahirkan kehadiran dan menguatkuasakan undang-undang terutamanya di perairan Sarawak.

PR1MA, Yang Berhormat Senator Chin Su Phin...

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak maklumat tambahanlah bila Dato' Seri menyebut tentang kekuatan kita di dalam maritim tadi. Antara yang disebut ialah *New Generation Patrol Craft* dan juga *Offshore Patrol Vessel*, apakah perbezaan di antara dua jenis peralatan kita ini? Semasa kapal-kapal ini menjalankan tugas, adakah mereka membawa senjata-

senjata? Kalau boleh diterangkan di dalam Dewan yang mulia ini, apakah jenis senjata-senjata yang dibawa dan juga berapa lamakah kapal-kapal ini boleh bertahan *patrol* di lautan kita? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dari segi sebab ini saya cukup bersedia. Ini bukan soalan bocor Tuan Yang di-Pertua, ini memang saya bersedia. *New Generation Patrol Craft* ini dia kecil sedikit daripada *Offshore Patrol Vessel*. NGPC dan juga OPV, terutamanya dari segi panjang NGPC ini dia lebih kurang 45 meter begitu dan dengan jarak yang tidak jauh.

■2030

Kemudian panjang untuk OPV ialah 85 meter dan keupayaannya ialah macam NGPC dia boleh berada di laut sampai 12 hari, dua minggu ya. Sementara untuk OPV ini dia boleh berada di laut di antara 21 hari hingga sebulan ataupun selebihnya. Memang kedua-dua kapal *vessel* ini membawa senjata iaitu meriam 30 milimeter dan kelajuannya agak berbeza sedikit. Kalau NGPC ini kelajuannya lebih kurang 24 knot, dia lebih laju sikit sebab dia kecil, sementara OPV yang besar ini, yang kita terima dua biji daripada Jepun, dia boleh belayar sehingga 20 knot. Kita tahu bahawa untuk NGPC, kita menyediakan satu- dia ada satu bot penyelamat dan OPV dia ada empat bot penyelamat. Jadi, OPV ini dia lebih panjang dan helikopter boleh mendarat di atasnya. Sementara NGPC ini dia panjang 45 meter dan mungkin sampai ke 50. Helikopter tidak boleh mendarat di atas NGPC.

So, inilah di antara *vessel* yang akan belayar di perairan Sarawak dan juga Sabah. Akan tetapi dalam soalan ini ialah berhubung dengan Sarawak dan kita bersiap siaga untuk menguatkuaskan undang-undang dalam perairan di Sarawak. Kita tahu bahawa jarak penguatkuasaan kita ialah daripada gigi pantai sehingga 200 batu nautika. Jadi, kita walaupun kita mendapat maklumat bahawa ada pencerobohan daripada nelayan asing dan sebagainya. Kita kalau sekiranya mereka berjumpa dengan kita, sudah pasti tindakan undang-undang akan diambil. Itu sebab kita membuat tangkapan, boleh katakan dari masa ke semasa dan ada pada masanya yang kita buat tiap-tiap hari, nelayan-nelayan asing yang berada di perairan Malaysia.

Jadi yang kedua ialah Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin yang berhasrat untuk membina lebih banyak kediaman PR1MA di Sandakan. Yang Berhormat Senator menyarankan agar projek tersebut dapat direalisasikan secepat mungkin. Yang Berhormat Senator? Ya, Yang Berhormat tidak hadir. Oleh sebab tidak hadir, tidak ada dalam Dewan, saya jawab secara bertulis ya.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Ini dia sering kali menimbulkan tajuk ini berhubung dengan ESSCOM dan ini jawapannya cukup menarik untuk dia dapat maklumat berhubung ESSCOM terutamanya berhubung dengan perintah berkurung yang sama ada harus kita teruskan ataupun tidak. Yang Berhormat ada? Tidak ada dalam Dewan. Jadi saya terpaksa jawab bertulis ya untuk membolehkan giliran Yang Berhormat Menteri diikuti.

Kemudian...

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Yang Berhormat Menteri, boleh saya bertanya?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Boleh, boleh, tidak ada masalah.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Soalan dengan perintah berkurung ini di ESSZONE, Sabah. Perkara ini telah pun berlarutan begitu lama sekali. Masa berkurung ialah dari pukul 6 petang hingga ke 6

pagi. Jadi, ini sudah tentu akan menjelaskan mata pencarian nelayan iaitu masyarakat tempatan di kawasan ESSZONE. Ada tujuh buah kawasan. Jadi, adakah pihak yang berkuasa ingin hendak memikirkan semula kaedah untuk melonggarkan perintah berkurung ini supaya memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk mencari mata pencarian mereka dengan lebih panjang lagi masa sama ada kawasan berkurung itu dikecilkan ataupun masa berkurung itu dikurangkan. Ini kerana bila apabila masyarakat tempatan berasa mereka tidak begitu puas hati, mata pencarian mereka terjejas. Ini kadang-kadang boleh memberi satu keputusan yang negatif kepada kerajaan dan juga kadang-kadang mereka mungkin memberi kurang kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan perkara ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali bila ESSCOM ditubuhkan, negara kita dilanggar oleh penyamun, lanun dan juga pelbagai pihak. Ini adalah sesuatu yang cukup memalukan dan rakyat kita yang meninggal dunia, yang mati dibunuhan dan sebagainya. Jadi kita menu buhkan ESSCOM dan kerajaan telah berjaya mematahkan apa bentuk serangan. Sudah ada beberapa kali perjumpaan dibuat untuk menyerang semula. Akan tetapi kita berjaya mematahkan serangan dan malah kita pertingkatkan, kita perkuatkan ESSCOM. Jadi kehadiran ESSCOM ini ialah untuk menjaga keselamatan rakyat dan juga kedaulatan negara sebab kita boleh bertolak ansur fasal keselamatan.

Kalau sekiranya keselamatan kita sudah terkawal dan sebagainya, sudah pasti perintah berkurung dan juga lain-lain lagi dapat ditarik balik ataupun dikurangkan. Pada masa sekarang Yang Berhormat kena ingat bahawa *kidnap for ransom* ini telah menjadi satu trend seolah-olah macam perniagaan, budaya hidup mereka. Mereka *kidnap*, lepas itu minta tebusan dengan harga yang tinggi dan sebagainya. Ia berleluasa. Malah di samping kes yang telah disebutkan, yang diumumkan oleh kerajaan, iaitu *kidnap for ransom* dan baru-baru ini kita telah menyelamatkan dua orang nelayan kita bersama-sama dengan Kerajaan Filipina. Akan tetapi, kita kena ingat ancaman ini berterusan. Malah perkara yang kita tidak umum itu, kita telah patahkan sebelum mereka melaksanakan *kidnap for ransom* tadi iaitu sehingga kini 22 kes cubaan penculikan itu telah kita patahkan. Itu sebab tidak ada kenyataan akhbar dan sebagainya kerana penculikan tidak berlaku.

Akan tetapi, ini telah dipatahkan. Kalau sekiranya kita tidak ada ESSCOM, sudah pasti mereka mampu untuk melakukan jenayah yang lebih besar lagi. Jadi oleh sebab ancaman keselamatan ini berterusan di kawasan perairan kita, maka kita terpaksa meneruskan perintah berkurung tetapi perkara ini telah pun dibincangkan dalam mesyuarat ESSCOM dan juga Majlis Keselamatan Negara berhubung dengan perkara-perkara rungutan daripada pihak rakyat. Akan tetapi, kerajaan meletakkan keselamatan sebagai keutamaan untuk menyelamatkan rakyat.

Kita tidak boleh mempamerkan sesuatu bentuk kelemahan yang mampu untuk mereka menerobosnya. Kita harus ingat bahawa pihak yang melakukan perkara ini juga melakukan perkara yang sama di negara mereka. Akan tetapi, sudah pasti mungkin kurang menarik ataupun mereka juga mendapat tantangan yang hebat daripada pihak pasukan keselamatan. Jadi, mereka cuba mengalihkan ke arah sini.

Jadi Yang Berhormat sebagai kesimpulannya, termasuk baru-baru ini kita mendapat, kita telah pun di pamer dalam akhbar berhubung percubaan mereka untuk menculik secara beramai-

ramai yang mana telah pun dipatahkan. Jadi Yang Berhormat bayangkan kalau sekiranya kita tidak buat perintah berkurung dan sebagainya dan mereka berjaya membuat penculikan beramai-ramai apabila satu malapetaka yang besar...

Datuk Jamilah Sulaiman: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pencelahan dibenarkan.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mencadangkan buat ketika ini janganlah kerajaan ataupun kementerian untuk memikirkan untuk sama ada menurunkan masa, mengurangkan masa ataupun cuba-cuba untuk memberhentikan gerakan ESSCOM ini kerana maklum sahaja kita sudah berhampiran dengan pilihan raya umum negeri ataupun pilihan raya umum negara kita. Jadi, Kerajaan Negeri Sabah ataupun rakyat negeri Sabah tidak mampu untuk berhadapan dengan apa jua ancaman ataupun penculikan sehingga kepada selepas pilihan raya umum akan datang.

Akan tetapi, sebenarnya Yang Berhormat Menteri saya amat rapat dengan kawasan-kawasan di sebelah Pantai Timur khususnya di Semporna. Ini kerana kita, parti kita ada mempunyai 60 bahagian di seluruh Sabah termasuklah tiga di Semporna.

■2040

Sebenarnya, masa-masa kini kalau kita ke Semporna, kita tidak memikirkan dua tiga kali tentang keselamatan kita. Tidak seperti sebelum ESSCOM diwujudkan. Kita masih boleh duduk kop-kopi kalau orang Sabah, di pelantar-pelantar yang berhadapan dengan laut di Semporna.

Pada satu ketika, satu malam, saya telah bersama-sama kita punya kepimpinan di sana, kopi-kopi sehingga larut malam di tepi pantai dan kita boleh nampak pergerakan pasukan keselamatan kita yang memberikan satu kebanggaan kepada kita dan kita rasa cukup selamat. Saya mohon mencadangkan supaya gerak ESSCOM itu diteruskan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang mengalami, menghayati sendiri tentang kedudukan keselamatan di kawasan yang berkenaan. Kita kena ingat bahawa ancaman bukan sahaja datang daripada luar, ancaman juga datang daripada dalam. Sebab apa tali barut dalam kadang-kadang memberi maklumat sehingga yang luar boleh masuk. Tetapi buat masa ini kita akan meneruskan apa yang telah kita laksanakan.

Akhir sekali Yang Berhormat, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Ariffin. Yang Berhormat Senator Ariffin tidak ada di sini tetapi saya hendak sebutkan sedikit berhubung dengan NADMA. Oleh kerana cuaca sekarang ini memerlukan semua pihak memberikan perhatian dan untuk membolehkan NADMA ini berkesan maka kita telah bukan telah unjur, ini telah ditetapkan supaya Angkatan Pertahanan Awam menjadi sekretariat kepada pengurusan bencana di peringkat negeri, daerah dan juga di peringkat komuniti.

Komuniti ini bukan sahaja kampung tetapi ia termasuk kawasan perumahan, rumah pangsa dan sebagainya. Itu sebab kita panggil CDERT ataupun *Civil Defense Emergency Response Team* atau CDERT, yang dipengerusikan oleh pelbagai pihak, kita lihat di antaranya ialah kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya ketua-ketua bahagian, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara. Esok, Ahli Dewan Negara 17 orang lagi kita akan bagi pemakaian pangkat.

Banyak orang bertanya saya, apa mereka hendak buat? Apa mereka hendak buat, mereka boleh hubungi pihak Angkatan Pertahanan Awam di peringkat negeri dan di peringkat daerah. Kita kena ingat sebagai sukarelawan, kita bukan ada satu kerja tetap, peraturan tetap, tetapi, kita boleh memberi sumbangan dalam apa bentuk sekalipun sebagai seorang sukarelawan. Paling penting ialah kita sebagai tunggak penggerak kepada gerakan sukarelawan itu sendiri. Kita kena ingat, Angkatan Pertahanan Awam (APM) sendiri dia tidak mempunyai anggota tetap. Anggota tetap dia di tiap-tiap daerah mungkin seorang ataupun dua orang. Ianya isunya dikendalikan oleh sukarelawan. Tetapi sekarang kita lihat kehadiran APM yang begini gah telah mendapat maklum balas yang cukup cantik. Mereka kata *ambulance* yang dikendalikan oleh APM, laju sampai dalam masa 12 minit.

Kita sedang bincang dengan Menteri EPU ini supaya ditambah *ambulance* dan kita hendak tingkatkan supaya respons kita dalam masa 10 minit. Ini sekarang ini ada sebuah negeri menyebutkan bahawa kami rasa cukup selamat sekarang ini sebab *ambulance* cepat dan kalau apa-apa perkara yang mereka perlukan bantuan, kita hadir.

Sekarang ini kita telah- NADMA dengan kerjasama APM menggerakkan kesukarelawanan di pelbagai peringkat. Kita memberi sokongan kepada segala bentuk penguatkuasaan. Sebagai contoh hari ini, Pasar Selayang kita hadirkan 500 orang dan kita akan tingkatkan peringkat 2,000 orang setiap hari sehingga mereka yang tidak sah ini yang berleluasa di Pasar Selayang sebagai contoh, dapat diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

Jadi kehadiran kita ialah untuk membantu pihak penguat kuasa supaya dapat melaksanakan kuasa mereka. Saya telah bincang dengan Menteri Wilayah dan Menteri Wilayah setuju supaya APM ini di mana-mana bersama dengan penguat kuasa bandar raya.

Demikian juga Jabatan Hutan PERHILITAN, rondaan sempadan, kita beri tawaran kepada tiap-tiap kementerian, 10,000 anggota sukarelawan untuk membantu penguatkuasaan. Jadi NADMA bersama dengan KPDKKK akan membuat gerakan yang baru iaitu semua anggota kerajaan di seluruh Malaysia ini sewajarnya, semestinya menyertai Angkatan Pertahanan Awam.

Kita ada 1.6 juta, tetapi tolak kepada pasukan keselamatan, mungkin satu juta anggota kerajaan menyertai Angkatan Pertahanan Awam, menyertai kesukarelawan negara. Negara ini akan jadi negara yang terbaik. Negara maju mestilah ada ramai sukarelawan. Jadi NADMA memberi bantuan kepada pengurusan bencana dan jentera yang menggerakkan NADMA ini ialah jabatan-jabatan lain, terutamanya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Jadi saya ucap terima kasih kepada semua pihak yang telah menimbulkan perkara-perkara mengenai APM, PR1MA, NADMA dan juga ESSCOM. Bagi mereka yang saya tidak dapat menjawab secara lisan, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Dah nampak oleh kita besarnya tanggungjawabnya itu daripada perumahan, ESSCOM, keselamatan negara, PR1MA, OPB, macam-macam kita nampak. Kita doalah kepada Tuhan berikan kekuatan untuk dia menanggung amanah ini dan yang penting sekali bak kata Dato' Seri Shahidan tadi, manakah lebih bahaya, ulat dalam buah ke ulat di luar buah? Jadi hendak jaga ulat dalam buah

itu. Ini kita doakan supaya Tuhan berikan kekuatan untuk Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan, kekuatan untuk menanggung amanah ini. Terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

8.47 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Junjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang turut menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali yang menyentuh tentang peluang pekerjaan bagi golongan graduan di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini kerajaan sememangnya memberikan penekanan dalam mempertingkatkan kebolehpasaran graduan termasuk lepasan kolej komuniti bagi menangani isu pengangguran.

Laporan kajian pengesahan graduan, tahun 2015 di universiti awam oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), daripada keseluruhan 6201 graduan kolej komuniti seramai 6038 ataupun 97.4 peratus graduan telah berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian. Graduan yang dikategorikan sebagai pekerja dalam konteks kajian ini merangkumi graduan yang sedang bekerja, melanjutkan pelajaran, meningkatkan kemahiran serta menunggu penempatan pekerjaan.

Kerajaan menerusi inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas telah mengunjurkan kewujudan peluang pekerjaan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baru menjelang tahun 2020 merangkumi peluang kerja yang diwujudkan menerusi projek-projek pembangunan kerajaan. Daripada jumlah itu, sebanyak 93 peratus iaitu 1.43 juta peluang pekerjaan dalam kategori pekerja mahir dan separuh mahir akan diwujudkan. Sehubungan itu graduan lepasan kolej komuniti juga merupakan antara sumber guna tenaga bagi menampung keperluan pekerjaan dalam kedua-dua kategori pekerjaan berkenaan.

Bagi merealisasi inisiatif tersebut, kerajaan pada ketika ini memberi tumpuan penuh kepada empat bidang fokus iaitu, pertamanya bidang fokus 'A', iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan ataupun *mismatch* dalam pasaran buruh di mana jawatankuasa jurang kemahiran kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang.

■2050

Kerajaan turut memberi tumpuan bagi mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), dan *1Malaysia Skills, Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER), dengan izin.

Keduanya, bidang fokus (b), iaitu mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri di mana dianggarkan sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk mempertingkatkan pengambilan TVET, menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkuuhkan penjenamaan dan profil TVET.

Ketiga, bidang fokus (c), iaitu memperkuuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat, bidang fokus (d), iaitu menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 iaitu pendidikan tinggi yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi meningkatkan kebolehanpasaran graduan. Antara program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), Program Pentaulahan Profesional, program *Finishing School* yang merangkumi latihan dari segi dandanan diri, kefasihan berbahasa Inggeris, penulisan resume dan kemahiran menghadiri temu duga. *Bridging Gap Programme* yang melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan dengan modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan.

Dan program latihan keusahawanan yang mendedahkan graduan mengenai dunia keusahawanan dan memupuk minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Para graduan yang mempunyai *attribute* yang sesuai akan ditawarkan mengikuti program ini dengan modul-modul khas mengikut sektor-sektor tertentu seperti pertanian, francais-francais dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian dalam perbahasannya juga mencadangkan supaya Petronas memberikan biasiswa kepada penduduk negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Penajaan Pendidikan Petronas (PESP) adalah merupakan salah satu usaha Petronas bagi membangunkan modal insan untuk menjamin kualiti tenaga kerja masa depan Petronas dan pembangunan industri minyak dan gas negara. Program ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar cemerlang yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di dalam dan di luar negara. Pemilihan pelajar untuk program ini adalah berdasarkan meritokrasi terbuka kepada semua pelajar cemerlang di seluruh negara yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sehingga tahun 2016, program ini telah memberi manfaat kepada lebih daripada 435 pelajar daripada negeri Sarawak dengan kos melebihi RM384 juta.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah Haji Mahamad dalam perbahasan juga membangkitkan mengenai peluang-peluang pekerjaan dan latihan kepada belia di negeri Kelantan melalui *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembangunan modal insan memang dilaksanakan oleh ECERDC termasuklah di negeri Kelantan. Program ini menyasarkan peningkatan jumlah usahawan dan peluang pekerjaan terutama golongan belia dalam pelbagai sektor melalui pelbagai inisiatif seperti berikut:

- (i) Program *Empower ECER* iaitu latihan kemahiran dan keusahawanan;
- (ii) program *Entrepreneur ECER* iaitu pembangunan usahawan mikro dan IKS;
- (iii) Projek Agropolitan Gua Musang; dan
- (iv) program *ECER Talent Enhancement Programme* yang menyediakan latihan industri untuk lepasan *technical, vocational and education training* (TVET) dan graduan-graduan muda melalui penempatan dalam syarikat-syarikat pelabur dalam ECER.

Sehingga kini, program-program yang dilaksanakan telah menyediakan sebanyak 8,167 peluang pekerjaan untuk rakyat Kelantan. Tambahan lagi, ECERDC telah berjaya membawa masuk pelaburan bernilai RM12.7 bilion ke negeri Kelantan yang akan mewujudkan 9,574 lagi peluang pekerjaan. Semua program pembangunan di koridor ECER telah dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan. Malah, segala perancangan dan laporan pelaksanaan semua projek dilaporkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Penyelaras Penyelaras Pelaksanaan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail mengenai penangguhan keputusan temu duga bagi pegawai perubatan dan dikatakan belum ada penyelesaiannya.

Suka saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya telah pun diselesaikan oleh SPA dan semua keputusan temu duga pegawai perubatan Gred UD41 telah dikeluarkan pada 20 April 2017. Calon-calon yang menghadiri temu duga bagi jawatan tersebut boleh membuat semakan di portal SPA www.spa.gov.my.

Keputusan temu duga sepatutnya dikeluarkan pada 1 April 2017. Walau bagaimanapun, SPA tidak dapat mengeluarkan keputusan temu duga pada tarikh tersebut disebabkan oleh masalah teknikal sistem pengambilan yang belum pernah dialami sebelumnya. Semua isu teknikal yang dihadapi oleh SPA telah berjaya diatasi pada 18 April 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah Haji Mahamad juga telah membangkitkan mengenai pelaksanaan mekanisme bagi rasionalisasi dan liberalisasi pasaran gas di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 telah diperkenalkan dan mula berkuatkuasa pada 16 Januari 2017 sebagai langkah bagi meliberalisasikan pasaran gas. Dengan berkuat kuasanya akta ini, sistem akses pihak ketiga ataupun *third party access*, dengan izin, telah membenarkan mana-mana pihak selain Petronas membeli dan menjual gas asli kepada pengguna dengan menggunakan pakai infrastruktur pembekalan gas asli sedia ada di

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Usaha ini akan meningkatkan persaingan dan kualiti perkhidmatan pembekalan gas asli sekali gus meningkatkan jaminan bekalan tenaga negara. Melalui akta ini, Suruhanjaya Tenaga berperanan mengawal selia aktiviti pembekalan gas asli oleh pemain-pemain industri.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah Haji Mahamad juga bertanyakan mengenai impak pindaan akta ini kepada pengeluaran gas di Thailand di bawah *Malaysia-Thailand Joint Authority* (MTJA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 tidak memberi kesan dari segi pengeluaran gas dari lapangan gas di MTJA. Pindaan akta ini telah membolehkan pihak ketiga mengimport gas dari mana-mana negara termasuk Thailand dengan menggunakan pakai kemudahan infrastruktur sedia ada seperti paip gas dan terminal regasifikasi gas di Malaysia.

Kerajaan juga mengambil maklum cadangan Ahli Yang Berhormat agar Kelantan menjadi hab industri pembekalan gas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum mempunyai perancangan untuk membangunkan hab industri pembekalan gas di Kelantan. Ini memandangkan perancangan dan penyediaan fasiliti pembekalan gas adalah berorientasikan permintaan khususnya dari sektor industri yang lebih tertumpu kepada kawasan di Pantai Barat Semenanjung terutamanya di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permintaan gas asli yang mencukupi, cadangan pembangunan hab ini boleh dipertimbangkan.

Selain itu, selaras dengan inisiatif rasionalisasi subsidi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, rasionalisasi pasaran gas telah dilaksanakan melalui pengurangan subsidi secara beransur-ansur sebanyak RM1.50 MMBTU setiap enam bulan sehingga mencapai harga pasaran. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi bagi mengurangkan herotan pasaran dan juga mengurangkan jumlah subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir, daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim Kader yang bertanya mengenai inisiatif-inisiatif agenda pemerkasaan Bumiputera seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM600 juta telah diumumkan kerajaan dalam pembentangan Bajet 2017 yang lalu kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera ataupun Teraju dan pecahan peruntukan yang disediakan bagi mengembang dan memperkasakan ekonomi Bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) Dana Mudah Cara sebanyak RM500 juta; dan
- (ii) Tabung Eksport Bumiputera sebanyak RM100 juta.

■2100

Untuk makluman, program Dana Mudah Cara telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2011 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Sehingga 31 Mac 2017, sejumlah RM1.57 bilion telah diluluskan kepada 408 buah syarikat bagi 469 buah projek yang menjana pelaburan swasta berjumlah RM13.18 bilion oleh syarikat-syarikat bumiputera dan mencipta peluang pekerjaan sebanyak 43,371 di seluruh negara. Program ini digerakkan melalui kolaborasi di antara TERAJU dan pihak-pihak berkuasa koridor.

Bagi Tabung Eksport Bumiputera pula, TERAJU sedang merangka sebuah program yang merangkumi pembangunan kapasiti serta pembiayaan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berpotensi untuk memasarkan produk-produk mereka di pasaran antarabangsa. Perincian program ini akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif TERAJU untuk kelulusan dan pelaksanaan di dalam waktu yang terdekat sebelum sebarang pengumuman dapat dilakukan.

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera ataupun TERAJU dan semua pihak yang terlibat dengan pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera ataupun *Bumiputera Economic Transformation Roadmap* atau BETR 2.0 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 April 2017 yang lalu. BETR 2.0 ini adalah merupakan penambahbaikan kepada BETR 1.0 yang telah dilaksanakan kerajaan sebelum ini. Ia adalah suatu *roadmap* yang menggariskan hala tuju ekonomi bumiputera dengan jelas namun pada masa yang sama *priority* dan pelaksanaan akan ditambah baik mengikut cabaran dan situasi semasa.

BETR 2.0 merupakan sebuah Program Strategik Transformasi Negara yang menggariskan dimensi dan pendekatan baru dalam usaha kerajaan memperkuuh penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara. Kita kaji, perbetulkan dan perhalusi hala tuju agenda ekonomi melalui lima bidang utama iaitu modal insan, pekerjaan dan pendapatan, pembangunan keusahawanan, pemilikan ekuiti korporat dan aset bukan kewangan. Justeru bagi membawa komuniti dan usahawan bumiputera yang lebih berfokus, berdaya maju, kreatif serta inovatif dan bersedia untuk bersaing di peringkat global, kerajaan telah menghasilkan satu lembaran berwajah baru kepada perjuangan memperkasakan agenda bumiputera yang dinamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Transformasi Kesejahteraan Bumiputera atau TKB.

Jika sebelum ini, agenda bumiputera lebih tertumpu pada sudut ekonomi sahaja tetapi TKB ini bersifat inklusif dan turut merangkumi segenap aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, duduk dalam persekitaran yang selesa serta dinamik seraya membela untung nasib serta mengangkat martabat bumiputera ke tahap yang lebih tinggi. Maksudnya di sini, dalam membela dan memperkasakan agenda bumiputera, ia tidak terhad kepada bidang-bidang tertentu seperti ekonomi semata-mata. Bila rancangannya lebih teratur, maka perjalanan untuk membentuk agenda bumiputera akan lebih mudah dan berkesan selepas ini. Inilah bukti kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan agenda pemeriksaan bumiputera akan kekal dipertahankan sampai bila-bila. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan. Itu saya dengar betul tadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri itu tentang graduan, modal insan dan khasnya tentang agenda bumiputera ini. Kita doakan supaya Yang Berhormat dapat menanggung amanah ini dengan jayanya, kita doakan. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, dipersilakan.

9.04 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah agensi-agensi Jabatan Perdana Menteri di bawah seliaan saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas dari 17 hingga 19 April 2017 yang lalu. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran serta akan menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How telah membangkitkan isu berhubung perkhidmatan rel bandar yang didakwa sering tergendala dan telah menjadi rutin serta telah memberi contoh dua insiden perkhidmatan LRT yang tergendala pada September tahun lalu. Beliau turut mencadangkan agar operator perkhidmatan dikenakan kompaun sekiranya perkhidmatan mereka tergendala. Sebelum memberi maklum balas lanjut berhubung perkara ini, suka saya untuk memaklumkan bahawa peratusan kebolehpercayaan perkhidmatan atau, dengan izin, *service reliability* LRT Rapid Rail semenjak beberapa tahun kebelakangan ini berada pada 99.7 peratus.

Kadar peratusan yang tinggi ini jelas menunjukkan bahawa dua insiden yang berlaku pada September 2016 tersebut merupakan isu terpencil atau sangat luar biasa dan bukannya rutin seperti yang didakwa. Jika dipuratakan peratusan *service reliability*, dengan izin, yang tinggi ini, gangguan di sistem LRT secara puratanya adalah selama tiga minit sehari. Ini adalah satu kadar yang sama atau seiring dengan kebanyakan pengendali rel bandar di dunia. Insiden pada September 2016 tersebut melibatkan dua insiden dan punca yang berlainan.

Perkhidmatan tergendala yang pertama pada 7 September 2016 berpunca dari satu kejadian lonjakan voltan ataupun, dengan izin, *voltage surge* yang telah merosakkan satu kabel suis pembumian ataupun *earthing switch cable*, dengan izin, di Stesen Ampang Park dan Stesen Kampung Baru di LRT laluan Kelana Jaya. Kejadian tersebut telah mengganggu operasi LRT laluan Kelana Jaya dari Stesen KLCC sehingga ke Stesen Setiawangsa. Berikutan kejadian tersebut, tren beroperasi di satu landasan berbanding dengan dua landasan semasa perkhidmatan biasa.

Manakala insiden kedua berlaku pada 9 September 2016 berpunca akibat gangguan bekalan kuasa di substesen jana kuasa di KLCC dan Setiawangsa yang telah mengganggu perkhidmatan tren dari Stesen KLCC ke Stesen Setiawangsa. Susulan daripada insiden tersebut, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ataupun SPAD telah membuat penilaian audit terhadap gangguan-gangguan elektrik tersebut dan mendapat ia adalah disebabkan oleh masalah teknikal. Oleh yang demikian, tiada hasrat untuk mengenakan kompaun terhadap pihak pengendali kereta api terlibat pada masa ini. Walau bagaimanapun, SPAD telah mengesyorkan kepada pihak pengendali supaya melaksanakan semua langkah-langkah penambahbaikan yang telah dikenal pasti untuk memastikan insiden yang sama tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua, Rapid Rail selaku pengendali perkhidmatan LRT telah pun mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam mengelak atau mengurangkan risiko untuk kejadian seperti ini daripada berlaku lagi. Langkah-langkah proaktif juga turut telah dilaksanakan oleh pihak KTMB agar perkara yang sama tidak berlaku ke atas perkhidmatan KTM Komuter. Berhubung dengan cadangan untuk mengenakan kompaun ke atas operator, kita percaya menghukum bukanlah satu-satunya cara untuk mengatasi masalah perkhidmatan yang tergendala. SPAD bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang lain akan sentiasa bekerjasama dengan operator-operator rel bandar untuk memantau, membuat audit, pemeriksaan dari masa ke semasa dan mencari langkah-langkah untuk terus meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan beberapa isu berhubung perkhidmatan ETS. Pertama, beliau telah berkongsi pengalaman beliau ketika menggunakan perkhidmatan ETS di mana ramai penumpang mengalami kesulitan kerana keliru apabila diarah untuk berkumpul dan bergerak di pelbagai tempat yang berlainan ketika hendak menaiki tren ETS.

■2110

Saya telah mendapatkan penjelasan dari pihak KTMB berhubung perkara ini dan telah dimaklumkan bahawa bermula 20 Februari 2017 ini, terdapat perubahan pintu pelepasan bagi menaiki tren ETS di stesen Kuala Lumpur Sentral iaitu daripada *Gate 'B'* ke *Gate 'C'* berikutnya untuk memberi laluan kepada kerja-kerja menaik taraf landasan di Platform 1 dan 2. *Gate 'B'* di bawah projek menaiktarafkan kemudahan infrastruktur dan sistem di landasan berkembar elektrik Lembah Klang. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, ruang menunggu bagi penumpang ETS masih kekal di *Gate 'B'* berikutnya tiada kemudahan kerusi disediakan di *Gate 'C'*. Ia juga dikekalkan bagi mengelakkan gangguan memandangkan kawasan tersebut telah menjadi pintu laluan utama untuk menaiki tren ETS dan komuter.

Bagi kemudahan golongan penumpang warga emas, mereka boleh menggunakan kemudahan lif atau eskalator yang disediakan untuk ruang menunggu di *Gate 'B'*. Dalam pada masa yang sama, bagi mengelakkan kekeliruan dan memastikan penumpang tidak tersasar ke laluan lain, KTMB telah mengambil inisiatif dengan menggunakan, dengan izin, *calling board* bagi mengiringi penumpang dari ruang menunggu di *Gate 'B'* ke pintu pelepasan di *Gate 'C'*. Selain itu, penumpang juga hanya dibenarkan untuk turun ke Platform 3, *Gate 'C'* 15 minit sebelum tren berlepas bagi memastikan keselesaan kepada penumpang untuk menaiki tren tersebut. Ruang menunggu dan pintu pelepasan tren ETS akan ditukarkan semula ke *gate 'B'* selepas kerja menaiktarafkan ini siap iaitu dijadualkan pada November 2017. Kita mohon maaflah kerana ini adalah satu perkara yang perlu kita lakukan untuk penambahbaikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah adalah berhubung paparan destinasi ataupun perhentian yang dipamerkan di panel maklumat dalam tren ETS yang tidak sama dengan stesen yang dilalui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengumuman dan peta dinamik automatik di dalam tren ETS pada masa ini sedang melalui kerja-kerja penambahbaikan dan pengemaskinian

bagi memastikan maklumat yang disampaikan kepada penumpang adalah tepat dan semasa atau pun, dengan izin, *real time*.

Sebagai langkah untuk memastikan tiada kekeliruan kepada penumpang, pemandu tren ETS akan membuat pengumuman dari semasa ke semasa untuk memaklumkan pemberhentian tren di stesen berikutnya yang tidak dinyatakan pada skrin peta dinamik automatik. Kita menjangkakan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini akan diatasi apabila kerja-kerja penambahbaikan dan pengemaskinian tersebut disiapkan. Ia dijadualkan untuk disiapkan pada penghujung bulan Mei tahun ini. Jadi tidak lama, bulan depan Yang Berhormat.

Perkara ketiga yang dibangkitkan beliau adalah berhubung dengan aduan kualiti makanan yang dijual dan dihidangkan dalam tren ETS. Untuk makluman, cadangan Ahli Yang Berhormat agar penyedia perkhidmatan yang mempunyai reputasi yang baik dan terkemuka beroperasi sebagai operator kafe di dalam tren ETS telah diambil maklum oleh pihak KTMB. Sukacita dimaklumkan mulai bulan Mei ini, KTMB akan menambahbaikkan pengoperasian kafe di dalam tren ETS melalui kerjasama dengan Brahim's Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat katerer yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang penyediaan makanan dan minuman di peringkat domestik dan antarabangsa. Kita harapkan kerjasama ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan ETS di masa akan datang dan seterusnya memberi kepuasan yang lebih tinggi kepada penumpang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan telah menggesa agar tindakan penyelesaian dapat diambil dengan segera bagi memastikan kejadian di mana seorang penumpang OKU telah terjatuh ke landasan monorel tidak akan berulang. Insiden yang dirujuk oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan ini adalah insiden yang berlaku pada 27 Mac 2017 ini yang lalu membabitkan mangsa seorang penumpang kurang upaya penglihatan telah terjatuh ke dalam kawasan, dengan izin, *envelope* di Platform 2, stesen monorel Kuala Lumpur Sentral pada 11.19 minit pagi.

Ia terjadi setelah mangsa memasuki kawasan berbayar menggunakan kad konsesi dan terdengar bunyi tren lalu ingin menaiki tren tersebut untuk pergi ke stesen monorel Chow Kit dengan anggapan bahawa tren telah berhenti di platform dan sedia untuk dinaiki. Beliau telah berjalan ke arah jurang tersebut dan menyangka beliau telah masuk ke dalam tren yang berada di platform. Malangnya tren yang beliau dengar itu baru sahaja memasuki ke stesen dan belum lagi berhenti di tempat perhentian yang ditetapkan. Oleh kerana itu, beliau terjatuh ke dalam kawasan *envelope* tersebut. Ingin dimaklumkan bahawa mangsa telah diselamatkan oleh pasukan penyelamat stesen pada jam 11.21 pagi dan telah berjaya dikeluarkan daripada kawasan *envelope* tersebut pada jam 11.26 pagi. Beliau seterusnya dibawa ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut. Hasil pemeriksaan doktor mendapati tulang selangka mangsa telah retak serta turut mengalami lebam dan bengkak di bahagian lain badannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memandang serius kejadian ini. Walaupun ini merupakan insiden pertama seumpamanya, namun ia tidak seharusnya berlaku dan adalah, dengan izin, *one time too many*. Hasil siasatan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam operasi dan kekurangan kelengkapan yang sewajarnya seperti:

- (i) kemudahan, dengan izin, *tactile* yang masih belum lengkap;

- (ii) platform *auto gate system* ataupun PAGS yang masih belum berfungsi; dan
- (iii) anggota keselamatan ataupun polis bantuan yang tidak mencukupi di platform.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, semasa insiden terbabit, pembantu khidmat pelanggan tidak menyedari kehadiran penumpang OKU tersebut. Ini kerana kebiasaannya penumpang kurang upaya akan membeli token konsesi di kaunter khidmat pelanggan. Apabila ini berlaku, pembantu khidmat pelanggan akan membantu penumpang tersebut mengikut prosedur operasi standard atau SOP sedia ada.

Walau bagaimanapun, dalam insiden ini penumpang OKU berkenaan tidak membeli token konsesi di kaunter kerana beliau menggunakan kad konsesi bayaran tanpa tunai. Bagi mengelakkan kejadian tersebut daripada berulang, pihak Rapid Rail telah dan akan mengambil langkah-langkah melalui pelan serta-merta iaitu bagi tempoh kini hingga enam bulan akan datang. Pelan jangka masa pendek iaitu dalam tempoh enam bulan hingga 12 bulan akan datang dan pelan jangka panjang iaitu bagi tempoh 12 bulan hingga 24 bulan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) menyediakan kakitangan yang mencukupi di semua kawasan platform;
- (ii) menyediakan pengumuman audio dan papan tanda yang mencukupi di kawasan platform dan juga di pintu pengadang automatik;
- (iii) penyelarasan semula, dengan izin, *tactile* supaya dapat membantu penumpang kurang upaya bergerak ke arah pintu tren; dan
- (iv) memasang *tactile* tambahan di kawasan yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab untuk kita memastikan perkara ini tidak berulang. Kita mendoakan agar mangsa yang kini sedang berehat di Taiping, Perak dapat pulih dengan cepat dan kembali kepada keadaan sedia ada. Saya juga difahamkan bahawa pihak Rapid Rail iaitu operator perkhidmatan monorel akan membantu mangsa dalam memfailkan tuntutan insurans dalam masa terdekat.

■2120

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu ini ialah berkaitan dengan pemberian diskaun tambang pengangkutan awam darat kepada pelajar. Apa yang disebutkan adalah mengenai kalau tidak silap MAS kah tetapi tidak apa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad telah memberi kenyataan bahawa kad pelajar ataupun, dengan izin, *student pass* tidak laku di Malaysia untuk menikmati diskaun kadar tambang pengangkutan awam.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin di atas keprihatinan beliau membangkitkan isu ini kerana mungkin juga masih ada masyarakat di luar sana dan juga Ahli-ahli Dewan ini yang tidak mempunyai maklumat lengkap berhubung pemberian diskaun kadar tambang pengangkutan awam darat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang kad pelajar atau *student pass* sememangnya pada masa ini boleh menikmati diskaun kadar tambang sebanyak 50 peratus untuk semua jenis perkhidmatan pengangkutan awam darat yang disediakan oleh MyRapid iaitu Rapid KL, LRT, monorel, MRT, BRT laluan Sunway dan Rapid Bas yang menawarkan perkhidmatan bas

berhenti-henti ataupun *stage bus*. Kategori pelajar ini adalah merangkumi pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, kolej dan juga universiti.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa diskaun tambang sebanyak 50 peratus bukan hanya terhad kepada pelajar, malah turut boleh dinikmati oleh penumpang warga emas dan penumpang golongan kurang upaya. Perkhidmatan rel bandar oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad ataupun KTMB iaitu KTM Komuter turut menawarkan diskaun kadar tambang yang sama.

Untuk makluman juga, perkhidmatan bas berhenti-henti, bas ekspres atau perkhidmatan KTM antara bandar ataupun *intercity* dan ETS juga ada menawarkan diskaun kadar tambang bagi pelajar.

Sebagai contoh, KTMB memberikan diskaun sebanyak 40 peratus daripada tambang perjalanan dewasa kepada pelajar yang menggunakan perkhidmatan antara bandar dan ETS. Inisiatif diskaun kadar tambang ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk memastikan pengangkutan awam menjadi mod pilihan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff semasa perbahasan telah memohon agar perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan Parlimen Seputeh, khususnya di Taman Desa disediakan terutamanya bas pengantara ataupun *feeder bus* untuk perkhidmatan MRT disediakan bagi membolehkan penduduk di kawasan yang padat tersebut boleh menggunakan pengangkutan awam.

Seperti Yang Berhormat sendiri sedia maklum, Taman Desa adalah kawasan yang berdekatan dengan Pusat Bandar Kuala Lumpur. Ia mudah diakses ke semua perkhidmatan awam darat di KL Sentral iaitu LRT laluan Kelana Jaya, monorel, KTM Komuter, KTM ETS dan antara bandar ERL dan bas berhenti-henti yang mana jaraknya hanya 8 kilometer. Perjalanan dari Taman Desa ke KL Sentral juga dihubungkan oleh laluan bas bernombor 650 Taman Desa ke HAB Pasar Seni dengan kekerapan setiap 10 minit.

Selain itu terdapat juga perkhidmatan bas berhenti-henti yang lain di kawasan Taman Desa ini. Saya juga yakin Yang Berhormat Senator juga mengetahui bahawa selain stesen KL Sentral, terdapat dua buah stesen rel bandar yang terdekat dari Taman Desa iaitu Stesen KTM Seputeh dengan jarak perjalanan lebih kurang 2 kilometer dan Stesen KTM Mid Valley dengan jarak perjalanan lebih kurang 4 kilometer. Terdapat juga 2 buah stesen KTM Komuter lain yang jaraknya antara 5.2 hingga 8.2 kilometer bergantung kepada laluan iaitu Stesen Angkasapuri dan Stesen Salak Selatan.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, Stesen Salak Selatan dan Angkasapuri yang mempunyai perkhidmatan *shuttle bus* yang berulang-alik dari Taman Desa. Perkhidmatan *shuttle bus* ini beroperasi dari jam 6 pagi hingga jam 11.30 malam. Bagi perkhidmatan MRT fasa 1 Stesen Pusat Bandar Damansara adalah paling hampir dengan Taman Desa. Penumpang boleh mendapatkan *shuttle bus* bernombor T819 dari KL Sentral dengan kekerapan setiap 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang perlu saya sentuh pada malam ini dan saya ucapkan...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan saya Yang Berhormat Menteri, saya juga

membangkitkan persoalan sama ada, bolehkah WiFi diadakan di dalam *coach-coach* tersebut iaitu ETS. Kedua, saya telah mencadangkan supaya apakah kerajaan dapat mengkaji supaya ETS ini juga diadakan *coach business class* yang mana kerusi-kerusinya mungkin *diupgrade* dan *servicenya* mungkin juga *diupgrade* juga dan harganya tinggi dan saya percaya dengan perjalanan semasa saya menceritakan pengalaman saya itu, saya rasa sekiranya *business coach* ini diadakan, maka ramai lagi yang akan mengambil ETS ini.

Saya mengambil contoh, perjalanan saya daripada Kuala Lumpur ke Alor Setar yang cukup selesa sekali dengan ETS ini dan saya yakin dan percaya bahawa rakyat Malaysia akan lebih *appreciate* kalau sekiranya dinaikkan taraf ke *business coach* ini. Saya juga telah pun membangkitkan persoalan bilik air yang kotor dan tidak terjaga di atas dan juga di stesen tempat *the last stop / stop* di Sungai Petani dan bilik airnya tidak menunjukkan bilik air yang standardnya sama dengan ETS. Jadi, saya yakin dan saya percaya kerajaan dapat mengatasi masalah bilik air di mana bilik air di Malaysia ini agak tidak memuaskan.

Semasa perjalanan tersebut Yang Berhormat Menteri, saya melihat *top speed* yang paling atas sekali ialah 141 kilometer *per hour* dan sekiranya *top speed* yang begini, saya rasa dan mungkin saya hendak mencadangkan supaya teknologi sekarang ini bukan lagi 141. Baru-baru ini saya tengok *YouTube*, *it goes as fast as plane* hendak *landing*, dengan izin. Betapa derasnya *train-train* yang ada di dunia sekarang, khususnya di Eropah dan juga di Jepun dan saya percaya *rail track* kita boleh sekiranya dia dah dapat pergi ke 141, tentu sekali dia akan dapat naik sehingga 160 ataupun 170 kilometer sejam.

Saya pun pandangan dan saya pohon maaf sekiranya soalan saya yang terakhir ini menyinggung perasaan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya, kenapa ETS dan *train-train* ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak di bawah MOT. Tidak di bawah *Ministry of Transportation*. Apa rasionalnya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab yang pertama dahulu mengenai WiFi itu. Pertama, kita akan *insya-Allah* cadangan ini kita akan bawa kepada KTMB.

Kedua, dari segi mengenai *business coach* tadi Yang Berhormat telah mencadangkan agar ETS menyediakan *business coach* ini dengan perkhidmatan yang lebih selesa dan berbandangan bahawa penumpang tidak akan mempunyai masalah untuk membayar kadar yang lebih tinggi untuk perkhidmatan tersebut jika ia benar-benar memberi keselesaan yang lebih.

Untuk makluman, cadangan bagi penyediaan *business coach* telah diambil kira oleh KTMB di dalam Perolehan 9 set *train ETS* baharu yang dijangka siap pada tahun 2018, *insya-Allah*.

Ketiga ialah mengenai bilik air, Yang Berhormat saya suka kalau Yang Berhormat ambil kira perkara sebegini. Saya harap seluruh warga Malaysia ini kalau ada perkara seperti ini kita kemukakan supaya kita gunakan ini supaya ia menjadi satu budaya yang kita ini memang pentingkan dan utamakan kebersihan.

Saya amat memuji sikap Yang Berhormat, *insya-Allah* perkara ini kita harap yang mendengar juga perlu mengambil kira dan kita akan bawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan. Mengenai *top speed* tadi Yang Berhormat, itu juga kita akan kajikan.

■2130

Kita akan kemukakan kepada pihak yang berkenaan juga kerana saya rasa ini perlu dikajikan. Saya faham apa Yang Berhormat nyatakan tadi yang seperti di Japan, di China semua itu memangnya lebih laju daripada apa yang ada di sini. Akan tetapi saya rasa kalau dibuat kajian dan kalau betul dari segi teknologinya, saya rasa *insya-Allah* itu mungkin pada masa depan tidak akan menjadi masalah.

Seterusnya Yang Berhormat tanya kenapa di bawah Jabatan Perdana Menteri. SPAD ditubuhkan untuk pengangkutan awam darat. Daripada segi lainnya, adanya perkara di bawah MOT, daripada segi pengangkutannya tetapi dari segi sebab MOT memegang *jurisdiction* dia dengan izin, adalah keseluruhan pengangkutan tetapi SPAD dikhurasukan untuk menjaga daripada segi pengangkutan awam darat sahaja. Jadi kalau daripada segi permitnya dan perkara-perkara lain, itu adalah di bawah SPAD.

Memang ada yang bertanya kenapa SPAD tidak di bawah MOT juga tetapi SPAD adalah sebuah suruhanjaya yang telah ditubuhkan untuk mengendalikan pengangkutan awam darat supaya tidak ada pertindihan daripada segi bidang kuasanya dan khususnya daripada segi lain-lainnya, kita bekerjasama dengan MOT daripada segi kenderaannya. Kita ada jawatankuasa di mana kita bersama malah ada juga daripada segi KPI kita adanya 30 peratus di bawah kita SPAD, di bawah Jabatan Perdana Menteri dan yang lainnya di bawah MOT tetapi namun begitu kita mengetahui bidang kuasa kerja kita yang tertera di bawah peraturan dan undang-undang.

Kita ada suruhanjaya SPAD punya *act* sendiri yang menjalankan tugasnya di bawah aktanya sendiri. Jadi itu adalah keputusan yang telah dibuat di Parlimen juga, diputuskan di bawah Akta Parlimen. Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada mereka yang telah mengambil *participate* dengan izin, dalam perbahasan kita. Kita harap kalau ada apa-apa, kita boleh berjumpa untuk berbincang selanjutnya kalau ada yang *detail*. Jadi terima kasih kepada semua. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikummussalam* Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri. Berat juga tanggungjawabnya tadi, nampak senang. LRT, *rapid train* tapi besar tanggungjawabnya. Jadi saya dah dengar tadi tujuh, enam orang daripada Menteri bercakap. Semuanya membuat kebijakan ikut amanah, membuat budi saya nampak. Kita jangan lupa bak kata pantun orang Melayu;

*Bukan budi sebarang budi,
Asam pedas ikan kelah,
Hidup kita biarlah berbudi,
Ibarat pokok galah berbuah... [Tepuk]*

Terima kasih banyak ya, itu semua amanah yang kita pikul itu, pahala semuanya. *Insya-Allah* dan saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim, dipersilakan.

9.33 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Auzubillahi minnasyaitan nirajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Malaysia Negaraku.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyambung sesi penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan agensi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Integriti Anggota Penguat kuasa (SIAP), Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), Institut Integriti Malaysia dan FELDA. Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator di atas segala keprihatinan serta cadangan dan pandangan yang dikemukakan. *Insya-Allah* ianya akan diambil perhatian yang serius bagi kita meningkatkan lagi kualiti serta prestasi kerja agensi-agensi yang berkaitan demi kebaikan bersama.

Sukacita saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat semua bahawa kesemua agensi berkenaan sentiasa komited dan bekerjasama dalam menyemai budaya integriti serta berusaha bersungguh-sungguh untuk mencegah rasuah dalam kalangan masyarakat dan akan dibuat secara berterusan. Antara inisiatif yang digerakkan secara bersama antara agensi termasuklah Pelan Integriti Organisasi, *Corruption Risk Management*, dengan izin, Program Pegawai Integriti Bertauliah dan Ikrar Integriti Korporat. Kesepakatan ini menzahirkan keseriusan serta iltizam kerajaan dalam menangani isu tadbir urus, integriti dan masalah rasuah dalam negara. Justeru, tumpuan kepada peningkatan kecekapan Institut Integriti Malaysia, SPM, SIAP dan BITU di bawah Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan.

Dalam menguatkusakan undang-undang pencegahan rasuah di negara ini, SPM sentiasa bertindak adil, tegas dan profesional tanpa membezakan kedudukan mana-mana pihak. SPM adalah entiti bebas yang tidak tertakluk di bawah kuasa eksekutif sekali gus tidak bertanggungjawab mengemukakan apa-apa laporan mengenai pelaksanaan tugas operasinya kepada Jabatan Perdana Menteri. Laporan kewangan yang dikemukakan oleh SPM adalah satu prosedur am yang perlu dipatuhi oleh mana-mana agensi awam. Ini bagi memastikan kecekapan, integriti, keutuhan dan akauntabiliti pengurusan wang awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memperkuuhkan pegangan nilai etika dan integriti pegawai-pegawai penguat kuasa, Institut Integriti Malaysia dengan kerjasama SIAP telah pun memperkenalkan Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan pada tahun 2016. Modul latihan ini telah diguna pakai oleh semua agensi penguat kuasa di negara ini termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada masa yang sama, sukacita dimaklumkan bahawa Institut Integriti Malaysia telah turut memperkenalkan Instrumen Ujian Psikometrik yang dikenali sebagai *Malaysian Integrity Profil* yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pegawai-pegawai yang cenderung untuk melakukan perkara-

perkara yang melanggar integriti. Instrumen ini juga boleh digunakan bagi saringan pemilihan dan juga untuk lantikan ke jawatan-jawatan berisiko tinggi.

Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff bertanyakan soal berapakah bilangan kes rasuah yang disiasat daripada tahun 2016 dan 2017 juga bertanyakan bahawa jumlah rampasan aset dan wang tunai pada tahun 2016 dan 2017 serta bagaimanakah aset-aset dan wang yang dibekukan tersebut diurus sebelum kes di bicara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2016 hingga Mac 2017 adalah sebanyak 3,279. Bagi tahun 2016 sehingga Mac 2017, nilai wang tunai yang disita adalah berjumlah RM295,466,478.11. Nilai aset yang disita pula adalah berjumlah RM54,618,574.59 manakala tatacara sita dan lucut hak harta adalah seperti berikut:

- (i) SPRM boleh melaksanakan penyitaan mengikut peruntukan seksyen 33, seksyen 37 dan seksyen 38 Akta SPRM sekiranya wang atau harta itu disyaki adalah hasil suapan;
- (ii) SPRM akan mengemukakan kertas siasatan yang lengkap kepada pendakwa raya untuk penelitian dan keputusan. Sekiranya keterangan yang diperoleh dapat membuktikan wang atau harta-harta yang disita adalah diperoleh melalui perlakuan rasuah, maka tindakan pelucutkan harta di bawah seksyen 40 dan seksyen 41 Akta SPRM bolehlah diambil terhadap harta-harta berkenaan;
- (iii) Pelucutkan sesuatu harta hendaklah dengan perintah mahkamah; dan
- (iv) kesemua harta yang disita hendaklah diletak di bawah jagaan SPRM sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 34 Akta SPRM.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali ingin tahu status terkini setiap unit integriti di setiap kementerian dan agensi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini sebanyak 887 unit integriti telah diwujudkan di bawah pelbagai agensi awam. Setiap unit integriti diketuai oleh pegawai integriti bertauliah atau, dengan izin, *Certified Integrity Officer (CeIO)* yang dilatih khusus oleh Akademi Latihan Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Sepanjang tahun 2014 hingga 2016, unit-unit integriti telah berjaya menguruskan sebanyak 38,777 maklumat berkaitan dengan isu integriti di agensi-agensi awam. Sebanyak 3,560 maklumat mengenai kesalahan rasuah telah dibuat pengesahan. Unit-unit integriti juga telah berjaya menyelesaikan sebanyak 5,056 kes tatatertib di bawah agensi-agensi terbabit.

■2140

Dalam masa yang sama, unit integriti juga menjadi *focal point* bagi pelbagai skala inisiatif dan aktiviti pengukuhan integriti tadbir urus serta pematuhan dalam agensi. Pelaksanaan fungsi unit integriti turut diperkuuh melalui kerangka Pelan Integriti Organisasi dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah di agensi masing-masing.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan telah membangkitkan isu penempatan penjawat awam yang terlalu lama di satu-satu jawatan sebagai faktor kecenderungan berlaku rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh

kerajaan di bawah sub Bidang Keberhasilan Utama Negara yakni sub NKRA adalah sistem pusingan kerja untuk mengukuhkan agensi kawal selia dan penguatkuasaan. Sistem pusingan kerja beroperasi dengan mengenal pasti pegawai-pegawai untuk dipindahkan mengikut jangka masa perkhidmatan di satu-satu tempat tidak melebihi lima tahun. Manakala bagi jawatan sensitif, sistem pusingan kerja akan dilaksanakan bagi tempoh perkhidmatan tidak melebihi tiga tahun. Inisiatif ini diperkuuhkan melalui fungsi unit integriti di setiap agensi penguatkuasaan yang saya nyatakan tadi yang mana salah satu daripada unit ini adalah untuk memastikan pusingan kerja bagi jawatan sensitif dilaksanakan di agensi masing-masing.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas atas keprihatinan Yang Berhormat yang menyentuh hal berkaitan usaha membanteras rasuah serta mengambil kira Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam negara kita dengan membuat perbandingan pendekatan menentang rasuah yang diambil oleh negara Hong Kong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CPI merupakan satu indeks yang dikeluarkan oleh *Transparency International* berdasarkan *survey* yang dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan antarabangsa terhadap sektor awam negara tersebut.

Skor dan kedudukan negara dalam CPI bukanlah indikator yang boleh dijadikan perbandingan dengan tahun sebelumnya. Hal ini kerana kajian *survey* yang digunakan dalam pengiraan CPI adalah berbeza mengikut negara. Antara perkara yang mempengaruhi skor dan kedudukan negara dalam CPI adalah soalan berbeza yang digunakan antara negara, responden dan kumpulan sasar dan jumlah penglibatan negara yang berbeza setiap tahun. CPI Malaysia bagi tahun 2016 dikira berdasarkan lapan soal selidik yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa ke atas 176 buah negara.

Daripada lapan soal selidik berkenaan, Malaysia mendapat skor yang cemerlang untuk *Global Insight's Country Risk Rating* dengan peningkatan skor sebanyak 17 mata iaitu dari 42 pada tahun 2015 kepada 59 pada tahun 2016 berikutan sistem penyampaian Malaysia yang cekap dan berdaya saing. Namun begitu, CPI adalah satu indikator yang boleh digunakan untuk membantu kerajaan menambah baik tadbir urus dengan mengambil kira penemuan daripada kajian-kajian tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun telah membangkitkan berkenaan isu bilangan pegawai penyiasat yang minimum sehingga mengakibatkan satu kes dilaporkan memakan masa hampir empat hingga enam bulan untuk diangkat ke mesyuarat jawatankuasa aduan dan mesyuarat suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) tadi telah meletakkan di dalam tatacara operasi standard (SOP), tempoh enam bulan telah ditetapkan bagi penyelesaian satu kes bergantung kepada latar belakang kes tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila satu-satu aduan diterima oleh SIAP, siasatan awal di bawah seksyen 25 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 akan dijalankan di mana pegawai aduan perlu mendapatkan maklumat awal daripada pihak atau agensi yang terlibat di dalam aduan tersebut dan maklum balas perlu diberikan kepada SIAP dalam tempoh 14 hari.

Selepas maklumat yang diterima lengkap, aduan tersebut akan dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa aduan untuk diputuskan berdasarkan peruntukan seksyen 26 dan setelah itu dia akan dibawa ke peringkat mesyuarat suruhanjaya dan keputusan muktamad sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 27 akta yang sama di peringkat ini. Sekiranya mesyuarat suruhanjaya tidak berpuas hati dengan laporan dan syor yang dibawa, satu penyiasatan lanjut akan diarahkan.

Untuk makluman juga, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan mempunyai seramai 10 orang pegawai aduan yang diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Operasi Aduan yang dipinjamkan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta 14 pegawai penyiasat yang diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Siasatan yang dipinjamkan daripada Jabatan Peguam Negara dan pegawai siasatan yang terdiri daripada dua orang pegawai pinjaman daripada SPRM, manakala 11 lagi pegawai penyiasat tersebut adalah lantikan SIAP yang mempunyai latar belakang perundangan serta mempunyai pengalaman sebagai peguam bela dan peguam cara.

Walaupun terdapat kekangan daripada segi perjawatan berikutnya pertambahan jumlah aduan daripada orang awam, SIAP sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan setiap aduan tersebut dapat diselesaikan, namun ia bergantung pada latar belakang kes yang disiasat. Dalam sesetengah kes atau aduan yang mudah, siasatan boleh diselesaikan kurang daripada empat bulan. Walau bagaimanapun, ada kes dan aduan yang agak rumit terutamanya yang memerlukan maklumat daripada pelbagai agensi, maka siasatan yang lama diperlukan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali juga ingin tahu status terkini kes-kes yang dikendalikan oleh SIAP bagi tahun 2015 hingga 2017 dan mohon memaklumkan mengenai status bagi kes-kes yang telah dan bakal diambil tindakan. Semenjak tahun 2015 hingga 31 Mac 2017, SIAP telah menerima sebanyak 928 aduan.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kesemua aduan telah diambil tindakan di mana 446 aduan tersebut telah ditolak kerana bersifat remeh seperti aduan tersebut tidak dibenarkan memasuki premis kerajaan kerana memakai seluar pendek, aduan berkaitan pelantikan pengadil Bina Badan Malaysia, aduan masalah rumah tangga atau aduan-aduan yang ditolak kerana agensi yang diadukan adalah bukan di bawah kuasa SIAP.

Terdapat 12 aduan telah diserahkan kepada SPRM, 22 aduan telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), manakala 11 aduan telah diserah kepada kedua-dua agensi iaitu SPRM dan PBT untuk tindakan selanjutnya. Manakala sebanyak 164 telah diputuskan untuk siasatan penuh di mana 51 peratus aduan tersebut telah selesai disiasat dan dibuat pengesyoran. Selain itu, 273 aduan masih lagi dalam siasatan awal suruhanjaya.

Berdasarkan pecahan aduan mengikut agensi seliaan SIAP, aduan paling banyak diterima adalah terhadap PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara. Kalau boleh saya bacakan.

Polis Diraja Malaysia untuk tiga tahun ya, tahun 2015 hingga Mac 2017- 617 kes; Jabatan Imigresen Malaysia- 50 kes; Jabatan Pengangkutan Jalan- 29 kes; Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan- 32 kes; Jabatan Kastam Diraja Malaysia- 16 kes; Jabatan Pendaftaran Negara- 10 kes; Kementerian Kesihatan Malaysia- 8 kes; Jabatan Alam sekitar- 8 kes; Agensi Anti Dadah Kebangsaan- 8 kes; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan- 4 kes; Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia- 6 kes; Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia- 7 kes; Jabatan Tenaga Kerja- 7 kes; Jabatan Perhubungan Perusahaan- 2 kes; Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja- 5 kes; Jabatan Perikanan- 2 kes; Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia- 1 kes; Jabatan Penerangan Awam- 1 kes; Jabatan Perlindungan Kehidupan Liar dan Taman Negara- 1 kes; dan agensi di luar bidang kuasa, ada 115 kes.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sambung dalam hal-hal berkaitan FELDA. Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas telah menyentuh hal-hal Perumahan Generasi Baharu, perumahan kakitangan, bayaran hasil peneroka, penyata hutang dan bayaran wang ses kepada peneroka.

Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek perumahan FELDA di bawah tanah rancangan termasuklah perumahan warga FELDA, perumahan Feldajaya, perumahan kakitangan, perumahan generasi baharu FELDA (PGPF) dan Sentuhan Kasih FELDA (SKF).

FELDA kini dalam proses meneliti pelbagai kaedah dan inisiatif untuk memastikan kelancaran pembinaan rumah untuk generasi baharu. Antaranya adalah dengan menjalin kerjasama bersama pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan khususnya dalam menyelaraskan prosedur permohonan dan kelulusan pembangunan rumah. Sebagai contoh di negeri Johor, satu Jawatankuasa Rumah Generasi Kedua FELDA telah diwujudkan untuk memastikan pelaksanaan program PGBF tercapai. Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Sembilan juga telah memberikan kelulusan secara pukal atau, dengan izin, *blanket approval* bagi kawasan pembangunan yang dicadangkan.

Pengenalan inisiatif pemilikan secara skim sewa beli atau, dengan izin, *rent-to-own* dilaksanakan bagi membolehkan bakal pemilik mendiami rumah sehingga mereka selesai urusan pembiayaan rumah dibuat.

■2150

Selain itu inisiatif ini juga dapat membantu mereka memiliki rumah mengikut tahap kemampuan kewangan semasa di mana mereka juga boleh menguruskan kewangan supaya dapat membayar sewa. FELDA juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak institusi kewangan tentang kaedah terbaik bagi permohonan pinjaman bagi generasi baru yang tiada slip gaji. Dalam satu perkembangan terbaru, FELDA juga telah menjalin kerjasama bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk melaksanakan pembinaan rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat di kawasan yang telah dikenal pasti di seluruh 317 kawasan rancangan di mana FELDA pula akan menyediakan infrastruktur dan lain-lain prasarana.

Perumahan untuk kakitangan FELDA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA di negeri Pahang adalah merangkumi tiga wilayah iaitu Wilayah Kuantan ada 42 rancangan, Jengka ada 37 rancangan dan Mempaga ada 36 rancangan yang membawa keseluruhan sebanyak 115 rancangan FELDA bagi negeri Pahang. Projek pembangunan atau projek pembinaan semula rumah kakitangan FELDA telah pun bermula sejak tahun 2011 bagi menggantikan rumah-rumah yang telah lama dan uzur. Sehingga kini, pembinaan telah dilaksanakan di 43 rancangan di negeri Pahang merangkumi sebanyak 494 unit rumah dan usaha menyediakan kemudahan rumah kakitangan ini adalah satu proses yang berterusan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif membangkitkan isu hasil bayaran penyata hutang dan wang ses.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa kaedah bayaran hasil peneroka yang diamalkan oleh FELDA sebelum ini adalah dengan memberi pendahuluan bayaran hasil yang dibuat oleh FELDA kepada peneroka walaupun hasil sebenar belum diterima daripada pihak pengilang. Peneroka akan menerima bayaran hasil sebanyak empat kali dalam masa sebulan. Namun begitu, mulai September 2016, bayaran sebanyak dua kali sebulan telah dilaksanakan kepada peneroka-peneroka tanaman sawit tetapi kekal empat kali sebulan bagi peneroka tanaman getah.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Kategori peneroka FELDA terbahagi kepada dua iaitu peneroka yang bersama FELDA dan peneroka yang tidak bersama FELDA. Kategori peneroka bersama FELDA bermaksud peneroka yang menghantar hasil melalui FELDA. Manakala peneroka yang tidak bersama FELDA pula bermaksud peneroka yang menguruskan ladang sendiri dan tidak menghantar hasil melalui FELDA. Peneroka tanaman sawit adalah seramai 100,629 orang yakni 89.3 peratus manakala peneroka tanaman getah pula seramai 12,006 orang iaitu seramai 10.7 peratus. Sejumlah 82,820 orang iaitu 82.3 peratus peneroka adalah ladang diurus oleh FELDA atau anak syarikatnya iaitu *FELDA Techno Plant* dan baki 9,740 orang peneroka iaitu 9.7 peratus yang mengurus ladang sendiri tetapi hasil di hantar melalui FELDA. Manakala 8,069 orang peneroka ataupun lapan peratus dikategorikan tidak bersama FELDA kerana mereka menguruskan ladang sendiri dan tidak menghantar hasil kepada FELDA.

Pengurusan ladang peneroka yang diurus oleh FELDA atau anak syarikat *FELDA Techno Plant* tidak begitu terjejas dengan perubahan polisi ini kerana semua urusan ladang mereka termasuk pembayaran operasi ladang akan diurus sepenuhnya oleh FELDA. Bagi sebahagian kecil peneroka yang mengambil alih kebun tetapi menghantar hasil kepada FELDA, mereka masih dikategorikan sebagai bersama FELDA. Mereka antara kumpulan yang akan terkesan kerana mereka terpaksa membayar kos-kos operasi ladang sendiri seperti baja, racun dan lain-lain kos. Namun, pengurusan FELDA sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan peneroka-peneroka ini kembali di bawah pengurusan FELDA untuk mengurangkan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah pembayaran dua kali ini dibuat adalah bertujuan untuk menjimatkan kos pengurusan, amalan pengurusan hutang yang efektif serta membantu meningkatkan kawalan keselamatan wang. Bayaran pertama dibuat antara 16 hari bulan hingga 18 hari bulan untuk baki akhir *pay sheet* peneroka manakala arahan bayaran kedua hendaklah dibuat di antara 23 hari bulan hingga 25 hari bulan untuk pinjaman sara hidup, pinjaman pendahuluan hasil dan pendahuluan tunai.

Mengenai soal penyata hutang peneroka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA sedang menyelesaikan proses mengemas kini penyata hutang peneroka sehingga April 2017. Pengurusan rancangan telah membuat cetakan serta edaran e-penjelasan kepada semua peneroka. Hutang peneroka kepada FELDA terbahagi kepada dua iaitu hutang operasi dan hutang sosial. Masing-masing melibatkan kos pembangunan tanam semula dan pinjaman sara hidup selain pinjaman pembesaran rumah serta pendidikan. Jumlah hutang dalam penyata berkenaan perlu dipersetujui bersama di antara pihak FELDA dan pihak peneroka. Sekiranya masih terdapat apa-apa bantahan, peneroka bolehlah mengemukakan kepada FELDA dengan sokongan bukti-bukti yang ada sebelum tamat tempoh yang ditetapkan dengan menemui pengurus rancangan sebelum akhir bulan ini.

Mengenai soal bayaran ses kepada peneroka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang ses dikutip pada kadar 13.77 sen sekilogram daripada getah yang dihasilkan. Sebanyak 9.92 sen sekilogram diperuntukkan untuk program tanam semula yang diurus tadbir oleh RISDA manakala 3.85 sen sekilogram untuk program penyelidikan yang diurus tadbir oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM). Pada masa kini, wang ses hanya dipulangkan kepada peneroka yang tanam semula getah ke getah dengan kadar RM9,230 sehektar. Maka, masalah timbul bagi masalah peneroka yang menanam getah dan beralih ke kelapa sawit. Namun begitu, pihak FELDA telah membuat rayuan kepada RISDA agar mempertimbangkan pemulangan wang ses kepada peneroka yang menukar tanaman getah ini kepada kelapa sawit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan-jawapan. Terima kasih banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang saya percaya inilah penggulungan terakhir bagi ucapan Titah Diraja Ke Bawah Duli Tuanku Agong, dan *insya-Allah* semua yang telah berbahas telah pun mendapat jawapan masing-masing. Semoga kita doakan kesejahteraan negara di masa akan datang dapat kita capai. Sekian. Terima kasih.

Tuan Aknan Ehtook: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya rasa isu saya yang dua yang saya sebut tempoh hari tidak di- antara tujuh orang Menteri yang menjawab, tiada siapa yang menyentuh iaitu tentang peruntukan untuk sekolah bahasa Thai dan juga pembinaan krematorium di Kedah, Perlis dan di Perak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila ambil perhatian dan kalau boleh bagilah jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad hendaklah disetujukan

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2016) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua

9.58 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Wassola tu wassala muala rasulillah.*

Salam sejahtera, salam Malaysia Negaraku. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2016 dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2016 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2016 yang dibentangkan adalah berjumlah RM4,527.9 juta iaitu:

- (i) sebanyak RM1,446.5 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan; dan
- (ii) sebanyak RM3,081.4 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal dua rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM3,081.4 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

■2200

Sebanyak RM2,248.4 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2016 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebagai sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016. Sebanyak RM833 juta adalah bagi merekup sejumlah wang yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2016 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/ 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pendidikan sebanyak RM298 juta;
- (ii) Kementerian Pengangkutan sebanyak RM215.7 juta;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjumlah sebanyak RM128 juta;
- (iv) Kementerian Kesihatan sebanyak RM104.4 juta;
- (v) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM62.8 juta; dan
- (vi) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM24.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/2017 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A /2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang Ahli.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat YBM. Engku Naimah binti Engku Taib. Silakan.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, saya belum bersedia lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Tiada perbahasan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak payah gulung...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Dato' Wira Othman bin Aziz: ...Maka saya serah balik kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan untuk tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu disetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang Ahli.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:
Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Rabu, 26 April 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.06 malam]